Selain berkepentingan mencipta stail artistik, perubahan dan perkembangan kepada bentuk (form) karya seni cetak adalah dipengaruhi oleh sesuatu makna (content) sebagaimana kenyataan oleh Noel C. (dirujuk dalam Mazlan, 2013) bahawa "Form changes because content changes, where new content requires unprecedented, yet suitable modes of presentation. Artistic style is always transforming because new contents impels the search for new forms of articulation" (p.40).

Kenyataan ini bersamaan dengan teori bentuk dan makna yang dikemukakan oleh McEvilley (1991), Fichner-Rathns (2008) dan Ocvirk, Stinson, Wigg, Bone, dan Cayton (2006) bahawa bentuk dan makna sesebuah karya seni rupa adalah saling berkaitan. Teori Kesatuan Organik (Organic Unity) yang dikemukakan oleh Ocvirk et al., (2006) menjelaskan bahawa setiap karya terbina daripada komponen subjek, bentuk dan makna yang sentiasa bersangkutan dan berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengolahan 'bentuk' yang melibatkan media dan teknik menjelaskan unsur dan prinsip seni dalam pengutaraan 'subjek' yang dipilih. Pengolahan ini memberi kesan kepada 'makna' dalam sesebuah karya termasuklah karya-karya seni rupa yang mengaplikasikan media dan teknik seni cetak yang bebas daripada disiplin konvensional seni cetak tradisi.

Oleh itu terbit persoalan, bagaimana 'kesatuan organik' dan mengapa artis-artis seni rupa Malaysia menggunakan media dan teknik seni cetak dalam pengolahan dan pendekatan yang baru? Persoalan asas ini memerlukan kajian terperinci agar dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi sumbangan pengetahuan baru dalam bidang seni cetak terkini tanahair dan perkembangan seni rupa Malaysia secara umumnya.

1.2 Permasalahan Kajian

Karya-karya seni cetak kontemporari di Malaysia didapati tidak mengikut prosedur tatacara dan proses penciptaan secara tradisi. Ia kerap dihasilkan dewasa ini yang dilihat lebih bersifat terbuka, pelbagai dan tidak terikat dengan segala kemungkinan dalam menjana kreativiti dan inovasi. Model Kesatuan Organik (Ocvirk, 2006) yang terdiri daripada subjek, bentuk dan makna berdasarkan teori bentuk dan makna pastinya sukar difahami tanpa dianalisa dengan mendalam dan menyeluruh.

Walaupun menurut McEvilley (1991), Ocvirk et al. (2006) dan Fichner-Rathns (2008) bahawa setiap karya seni rupa terdiri daripada kesatuan organik yang saling berkaitan, namun tidak mudah bagi audien untuk memahami karya-karya yang bukan bersifat konvensional. Tambahan pula kemunculan istilah-istilah seni cetak kontemporari seperti ‘Alternative Printmaking’, ‘Digital Print’, ‘Extended Printmaking’, ‘Hybrid Printmaking’, ‘Dimensional Print’, ‘Installation Printmaking’ adalah sesuatu yang masih asing dalam dunia seni tempatan untuk dikaitkan dengan seni cetak kontemporari di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isu disiplin seni cetak yang dianggap kurang penting berbanding dengan catan dan arca dalam perkembangan seni rupa kontemporari kerap diperbesarkan seperti kenyataan oleh Badrolhisham (2009) dan Rampley (2009). Ia kerap dilihat sebagai satu bidang kraf yang lebih mengutamakan kehalusan teknikal sahaja untuk menghasilkan edisi yang sama mutunya. Ianya semakin terpinggir kerana penghasilannya dianggap sukar yang melibatkan proses yang panjang, memerlukan ruang dan peralatan yang mahal serta pengetahuan teknikal yang tinggi.

Mentaliti ini menguatkan 'kepercayaan' masyarakat seni secara umum bahawa seni cetak hanya terikat sebagai karya seni tradisi yang tidak berupaya untuk berkembang dan tidak mempunyai tempat dalam dunia kontemporari seperti yang disuarakan oleh Juhari (2009) dan Ponirin (1995). Isu ini diburukkan lagi dengan tanggapan bahawa media dan teknik seni cetak dianggap hiasan atau *cliche* apabila ia digunakan bersama dalam karya-karya media campuran. Rampley (2009:21) menyatakan bahawa "seni cetak meskipun penting, tetap merupakan antara medium seni yang paling diabaikan, ia lazim dianggap sebagai aksesori remeh kepada naratif-naratif seni lain yang lebih hebat".

Manakala Badrolhisham, selaku kurator pameran "Go Block" tahun 2009 (temubual menerusi telefon pada 16 Januari, 2015) menegaskan bahawa aplikasi medium seni cetak seperti yang dilakukan oleh Zulkifli Yusoff dalam pameran "Go Block" (2009), adalah sebagai hiasan sahaja. Beliau juga tidak bersetuju bahawa karya-karya tiga dimensi Juhari Said adalah karya-karya seni cetak kontemporari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Karya-karya seperti dalam siri “Okir”, “Samudra”, “Imagine” dan “Solitude” dikategorikan sebagai karya arca sungguhpun Juhari Said mempunyai hujahnya yang jelas bahawa matrik cetakan boleh menjadi sebuah karya seni cetak kreatif.

Hal seperti ini adalah antara kekeliruan yang menyebabkan kepentingan seni cetak kurang ditonjolkan dalam penulisan tentang karya seni rupa Malaysia. Kupasan dalam bentuk analisa secara objektif bagi karya-karya seni rupa di Malaysia sangat kurang terutamanya dalam bidang seni cetak. Penulisan oleh Muliyadi Mahamood dalam buku beliau bertajuk “Modern Malaysian Art: From the Pioneering Era to the Pluralist Era1930s – 1990s” (2007:71-74) dan artikel bertajuk “Seni Cetak Kontemporari Malaysia” terbitan majalah Dewan Budaya bulan Julai, 2003, misalnya hanya menyentuh tentang sejarah dan perkembangan seni cetak tanahair sehingga 1990-an secara umum. Sangat kurang kajian yang menyentuh disiplin seni cetak secara khusus yang dapat mengkaitkan antara bentuk dan makna sesebuah karya dalam tahun-tahun 2000 hingga kini.

Penyelidikan ilmiah di peringkat PhD dalam bidang seni cetak khusus terhadap artis-artis seni cetak di Malaysia hanya pernah dijalankan oleh Mazlan Abd Karim dan Mohd Jamil Mat Isa. Tesis Mazlan yang bertajuk “Tinjauan Proses Tiga Dimensi dalam Karya Cetakan Kontemporari Malaysia” (Mazlan, 2013) fokus kepada karya cetakan tiga dimensi yang dihasilkan menerusi transisi dua dimensi berasaskan kepada konsep kefahaman seni cetak tradisi oleh tiga artis seni visual tanahair yang tidak terikat dengan ruang masa kajian. Manakala kajian Mohd Jamil yang bertajuk “The

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Development of Style in Malaysian Printmaking: 1930-2000" (Mohd Jamil, 2017) berkisar tentang perkembangan stail seni cetak Malayisa sehingga 1990-an sahaja.

Selain kajian dan penulisan yang tidak banyak, Long, (1992) dan A. Rahman (2010) menyatakan bahawa tidak ramai artis di Malaysia yang bergelar artis seni cetak. Kenyataan mereka bertentangan dengan hakikat bahawa ramai artis yang telah mendapat didikan formal dan khusus dalam disiplin ini sama ada dari universiti dalam atau luar negara. Ilmu seni cetak yang telah dipelajari tidak dapat dipastikan berkemungkinan dipraktiskan dalam pendekatan yang berbeza daripada yang konvensional berdasarkan kefahaman seni di era kontemporari yang bersifat inovasi dan multi-disiplin (Noyce, 2010; Tala, 2009; Grabowski & Fick, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Samada media seni cetak diaplikasikan sebagai gabungan dengan media lain yang dilabelkan sebagai media campuran atau dihasilkan sebagai pendekatan dan pengolahan baru adalah sesuatu yang perlu dikaji secara ilmiah agar tidak terkubur ditelan zaman. Sebagai contoh, karya Ponirin Amin bertajuk "Alibi Catur Di Pulau Bidong" tahun 1980, telah menjadi koleksi penting BSLN kerana memenangi hadiah utama pertandingan BMS tahun 1980. Karya tersebut hanya dikategorikan sebagai karya media campuran dan instalasi yang sehingga pada tahun 2005, Juhari Said telah mendedahkan bahawa karya tersebut adalah karya seni cetak melalui penulisan kuratornya dalam katalog pameran "Malaysia..in Print, Print in..British" (Juhari, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian lanjutan yang lebih mendalam bermula pada alaf baru tahun 2000 adalah diperlukan kerana kebanyakan karya oleh artis-artis seni cetak dalam tempoh masa ini telah melangkau disiplin seni cetak dengan lebih drastik dan bersifat multi-disiplin serta multi-media. Contoh yang amat jelas adalah menerusi sumber katalog dan pameran seni sekitar abad ke-21 ini. Antaranya seperti siri "Okir" tahun 2007 dan "Samudra" tahun 2009 oleh Juhari Said, "Beyond Print" tahun 2009 oleh Raduan Man dan "In The Place of Wonder" tahun 2014 oleh Kim Ng. Manakala terdapat pula karya-karya seni rupa oleh artis bukan seni cetak telah menggunakan media cetakan secara aktif sebagai media campuran dalam karya-karya terkini mereka seperti karya-karya oleh Zulkifli Yusoff, Stephan Menon dan Sharul Jamili Miskon.

Karya-karya yang menggunakan media campuran biasanya tidak mudah dikesan setiap medium dan teknik yang diaplikasikan kerana kebanyakan artis hanya mencatatkan perkataan 'media campuran' bagi menyatakan media yang digunakan. Hanya media yang benar-benar mendominasi sesebuah karya sahaja yang dapat dikenali oleh sesetengah audien yang biasanya seseorang yang berpendidikan dan mahir dengan media tersebut. Tambahan pula, menurut Berger (2008), perhubungan antara apa yang dilihat dengan apa yang diketahui tidak semestinya selari kerana cara melihat bergantung kepada pengetahuan dan kepercayaan seseorang yang akan membawa kepada pelbagai tanggapan yang tidak tepat.

Namun demikian karya-karya seni rupa merupakan sebahagian daripada objek budaya yang sepatutnya dapat diamati dan difahami oleh semua ahli masyarakat terhadap apa jua mesej yang hendak disampaikan (Muliyadi, 2007). Golongan celik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seni sepatutnya memainkan peranan yang besar dalam hal ini dengan cara memperbanyakan maklumat-maklumat yang dapat menjelaskan apa yang tersirat. Kesukaran untuk berkomunikasi menerusi media dan bahasa tampak yang digunakan turut menjejaskan pengetahuan dan penghayatan terhadap maksud karya tersebut.

1.3 Tujuan Dan Matlamat Kajian

Mengkaji Kesatuan Organik iaitu subjek, bentuk dan makna karya seni rupa berasaskan seni cetak oleh artis-artis seni rupa kontemporari Malaysia dalam menyumbang pengetahuan dan perkembangan baru terhadap seni cetak di Malaysia. Perkara ini bagi menjelaskan hubungan bentuk dan makna terhadap tindakan di luar batas disiplin konvensional seni cetak. Bagaimana media dan teknik seni cetak yang dianggap kurang penting berperanan dalam membentuk seni kontemporari abad ke-21 Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian dan tujuan kajian, beberapa objektif kajian dikemukakan seperti berikut;

1.4.1 Mengenalpasti elemen dan prinsip serta media dan teknik yang mempengaruhi bentuk dalam penghasilan karya seni cetak kontemporari oleh artis terpilih di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4.2 Menganalisa idea dan imej yang membentuk subjek dalam karya kontemporari berasaskan seni cetak di Malaysia.

1.4.3 Menyiasat makna yang disampaikan melalui pernyataan dan ekspresi oleh setiap artis berasaskan seni cetak kontemporari terpilih.

1.4.4 Menjelaskan bentuk serta tindakan baru berbentuk interdisiplin dan pelangkauan batas disiplin konvensional yang mempengaruhi penghasilan dan penyampaian karya kontemporari berasaskan seni cetak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang dikemukakan seperti di atas, beberapa soalan kajian dilontarkan sebagai panduan yang digunakan sepanjang pencarian dalam penyelidikan ini. Soalan utama yang mengandungi pecahan soalan kecil adalah untuk memperincikan fokus pencarian agar tidak mudah tersasar. Berikut adalah soalan kajian yang dikemukakan;

1.5.1 Bagaimanakah “Kesatuan Organik” iaitu subjek, bentuk dan makna karya-karya kontemporari berasaskan seni cetak berhubungan menerusi aplikasi media dan teknik seni cetak?

1.5.1.1 Apakah idea dan imej yang dipilih sebagai subjek yang diolah dalam karya-karya kontemporari berasaskan cetakan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5.1.2 Bagaimanakah pengolahan elemen dan prinsip serta media dan teknik mempengaruhi bentuk dalam penghasilan karya kontemporari berasaskan cetakan?

1.5.1.3 Mengapakah pernyataan dan ekspresi yang disampaikan melalui karya kontemporari berasaskan seni cetak memberi makna yang berbeza kepada setiap artis?

1.5.2 Mengapakah artis-artis seni rupa menggunakan media dan teknik seni cetak dalam pengolahan dan pendekatan yang baru berbeza dengan cetakan konvensional?

1.5.3 Bagaimanakah tindakan silang disiplin (inter-dicipline) dan pelangkauan batas disiplin konvensional seni cetak menyumbang kepada bentuk dan konsep baru karya seni cetak kontemporari oleh artis-artis seni rupa Malaysia?

1.6 Signifikan Kajian

Kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pengetahuan baru tentang perkembangan seni cetak kontemporari di Malaysia. Istilah-istilah seni cetak yang semakin popular di negara-negara barat seperti seni cetak digital, seni cetak hibrid, seni cetak intalasi, seni cetak tiga dimensi, seni cetak dimensional, seni cetak ‘extended’, seni cetak alternatif misalnya dapat dihubungkaitkan dengan karya-karya artis-artis seni rupa di Malaysia yang berkarya menggunakan medium seni cetak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini juga akan menyelesaikan masalah isu berkaitan kedudukan disiplin seni cetak yang dianggap tidak popular dan terpinggir pada masa kini di Malaysia. Selain itu, sebab-sebab mengapa bidang seni cetak kini kerap dijajah dan dicampur-adukkan dengan disiplin seni visual yang lain juga akan dapat dijelaskan. Kepastian ini bukan sahaja akan membantu pemantapan silibus pengajaran dan pembelajaran seni cetak khususnya di instituti pendidikan seni halus, malah turut dapat menentukan hala tuju disiplin seni halus itu sendiri samada mengekalkan pengkhususan atau lebih bersifat terbuka.

Kajian ini juga dapat membongkar kepintaran artis-artis berasaskan seni cetak yang menggunakan kreativiti mengolah karya-karya mereka yang terkenal. Ilmu pengetahuan mereka menyumbang kepada kemajuan seni visual dan kebanggaan terhadap tanahair. Medium dan teknik yang digunakan dapat memjelaskan kefahaman kita tentang makna karya yang telah membawa kepada kehebatan mereka sebagai artis terkenal Malaysia yang menyumbang kepada perkembangan seni visual kontemporari tanahair.

Kajian ini dapat mengukuhkan pengetahuan tentang kepentingan media yang memberi bentuk fizikal dalam menjana makna sesebuah karya seni. Persoalan tentang apakah media diberi keutamaan dalam pembicaraan tentang karya-karya kontemporari masa kini dan apakah kesedaran dan penghayatan terhadap keunikan media seni cetak dapat dijelaskan dalam penyelidikan ini. Selain daripada itu, hubungan elemen-elemen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti media, teknik, idea, imej dan mesej yang terkandung di dalam komponen utama teori Kesatuan Organik (Ocvirk et al., 2006) dapat dihuraikan dalam kontek karya-karya sezaman masa kini.

Kajian yang lebih mendalam dalam alaf baru bermula tahun 2000 adalah diperlukan kerana kebanyakan karya dalam dekad ini telah melangkau disiplin seni cetak serta mengabungkan media seni cetak dengan pelbagai disiplin seni visual yang lain. Penyelidikan ini bagi menjelaskan secara terperinci tentang perubahan bentuk dan perkaitannya dengan makna terhadap karya berasaskan seni cetak dan mengemukakan pengetahuan baru berkaitan perkembangan seni cetak tanahair melalui perubahan stail dan tema karya-karya kontemporari masa kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian penelitian terhadap perkembangan sejarah seni cetak di Malaysia oleh Rosiah, Mohd Zahuri dan Mohd Azhar (2014) telah dapat memadankan beberapa contoh karya seni cetak tanahair sejak tahun 1980-an hingga 2010 dengan istilah-istilah seni cetak kontemporari yang dipopularkan oleh sarjana barat. Ini menunjukkan bahawa karya-karya seni cetak negara tidak kurang hebat berbanding perubahan yang melanda seni cetak di barat. Namun, kajian penelitian tersebut hanya memadankan pengolahan medium dan gaya persembahan karya-karya yang dirujuk daripada pameran seni cetak berkumpulan sahaja. Melalui kajian ini, dapatan akan berupaya menampung jurang tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Skop Kajian

Kajian ini terbatas kepada kaedah kajian kes menerusi teknik pemerhatian dan temu bual serta menganalisa karya-karya seni cetak kontemporari oleh artis-artis seni rupa berasaskan seni cetak Malaysia yang terkenal sahaja. Artis-artis yang dipilih adalah mereka yang popular dan aktif berkarya dalam abad ke-21, terutamanya dalam tahun 2000 hingga 2016. Karya-karya mereka yang dipilih untuk kajian adalah dihasilkan dalam tahun-tahun yang sama dalam lingkungan abad ini dan tidak terikat dengan seni cetak konvensional atau artis bergelar seni cetak sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini tertakluk kepada beberapa limitasi yang mengengkang penyelidikan. Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kajian kes dengan pendekatan kualitatif, memerlukan penelitian yang khusus untuk mendapatkan data kajian. Karya-karya untuk dikaji berkemungkinan hanya dalam bentuk gambar atau tidak dapat didokumenkan atas sebab menjadi koleksi pihak tertentu. Artis yang memenuhi kriteria pemilihan sebagai partisipan berkemungkinan tidak berminat untuk bekerjasama. Selain daripada itu, kajian yang dihasilkan terikat dalam lingkungan masa yang dibenarkan oleh pihak universiti untuk keseluruhan proses mengkaji dan prosidur lain termasuklah kerja-kerja pelaporan, penyuntingan dan pembetulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1.9 Kerangka Konsep Kajian

Konsep kajian dibentuk berdasarkan kefahaman bahawa bentuk dan makna sesebuah karya seni visual adalah saling berkaitan berdasarkan teori bentuk dan makna yang diutarakan oleh McEvilley (1991), Fichner-Rathns (2008) dan Ocvirk et al. (2006). Sebarang tindakan dan pelangkauan disiplin konvensional dalam pengkaryaan akan mempengaruhi sesuatu bentuk dan makna karya tersebut. Bagi mengkaji mengapa dan bagaimana karya seni kontemporari dihasilkan, keranga konsep dibina untuk menjelaskan konsep kajian.

Kerangka Konsep seperti yang ditunjukkan pada rajah 1.1 adalah adaptasi daripada model ‘Kesatuan Organik’ oleh Ocvirk et al. (2006) yang berasaskan teori bentuk dan makna karya seni. Kesatuan Organik atau Organik Uniti terdiri daripada Bentuk, Subjek dan Makna yang merupakan komponen utama sesebuah karya seni rupa. Ocvirk et al. (2006) mengaitkan soalan ‘Apa’ bagi Subjek, ‘Bagaimana’ bagi Bentuk dan ‘Mengapa’ bagi Makna untuk menjelaskan pengkaryaan sesebuah hasil seni rupa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian. Diadaptasi daripada Ocvirk et al. (2006)

Soalan-soalan yang mewakili setiap komponen tersebut digunakan sebagai asas bagi mendapatkan data-data yang merujuk kepada karya-karya seni rupa berasaskan seni cetak kontemporari yang dikaji. Konsep kajian ini yang disepadukan dengan persoalan kajian, menjadi panduan awal dalam pengumpulan data dan sebagai pengerak utama kepada analisa yang lebih meluas dan mendalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Daftar Istilah Yang Digunakan

1.10.1 **Kesatuan Organik**: definisi ini merujuk kepada teori yang dikemukakan oleh Ocvirk, Stinson, Wigg, Bone & Cayton (2006) bahawa setiap karya seni rupa terdiri daripada tiga komponen utama iaitu komponen Bentuk, Subjek dan Makna. Apabila semua bahagian dalam komponen utama ini saling berkaitan dan bergantungan maka wujud apa yang dinamakan gabungan ’Kesatuan Organik’ (Organic Unity). Susunan Kesatuan Organik membentuk suatu keadaan kesatuan yang sentiasa hidup dan dinamik seperti sifat organik. Setiap komponen tidak terikat sebagai pemula atau pengakhir, begitu juga darjah kepentingan setiap satu komponen adalah bergantung kepada pilihan artis yang bebas dalam tindakan menghasilkan karya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Subjek: merujuk kepada sesuatu idea yang boleh berupa objek atau imej tertentu yang dipilih dan digunakan sebagai pendorong untuk berkarya.

Bentuk: merujuk kepada penampilan sesuatu karya yang merupakan penyusunan subjek melalui pengolahan elemen dan prinsip seni oleh media dan teknik yang dipilih dan digunakan.

Makna: merujuk kepada pernyataan mesej dan ekspresi yang ingin disampaikan oleh artis. Ia diolah daripada bentuk mengikut kepada disiplin-disiplin tertentu.

1.10.2 **Karya seni rupa Kontemporari:** Karya Seni rupa kontemporari adalah karya yang dihasilkan dalam era alaf baru pada abad ke-21 yang bermula pada tahun 2000, sebagaimana definisi kontemporari “Contemporary is current, belonging

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

to the same period of time, usually referring to our present time" (Artlex.com, n.d).

1.10.3 **Seni cetak kontemporari:** Karya-karya seni cetak yang tidak mengikut prosedur, disiplin dan proses penciptaan secara konvensional seperti seni cetak tradisi.

1.10.4 **Artis seni rupa kontemporari:** Artis yang masih aktif menghasilkan karya seni rupa kontemporari dalam abad ke-21.

1.10.5 **Seni rupa berasaskan cetakan** (Print based Visual Art): Seni rupa berasaskan cetakan merujuk kepada karya seni rupa yang mengaplikasikan medium seni cetak sebagai asas atau sebahagian daripada penghasilan sesuatu karya seni rupa. Maksud aplikasi medium seni cetak ini samada penggunaan secara proses konvensional atau/dan melibatkan aktiviti penggunaan elemen seni cetak seperti *matrix* dan proses cetakan adalah berkaitan. Definisi konsep ini merujuk kepada definisi khusus perkataan 'berasaskan' (Kamus Oxford, 2011) dan pendapat melalui temubual dengan dua orang ilmuan dan artis seni cetak berpengalaman iaitu Prof. Madya Ponirin Amin (Malaysia) dan Prof. Dr. Setiawan Sabana (Indonesia).

1.10.6 **Artis seni rupa berasaskan cetakan:** artis yang menghasilkan karya seni visual dengan menggunakan media dan teknik seni cetak sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Rumusan

Bab ini telah membincangkan dan menjelaskan perkara yang paling asas kepada keperluan penyelidikan ini dijalankan. Latarbelakang kajian membahaskan tentang asas seni cetak sebagai medium seni halus dan kedudukannya dalam senario seni rupa tempatan dan global. Medium seni cetak yang kerap hanya dilihat sebagai bentuk yang dipinggirkan, disangkal kepentingannya berhubung makna karya. Kemunculan ramai artis terkenal tanahair mengaplikasikan medium ini dalam karya kontemporari mereka menjadi persoalan utama; apa, bagaimana dan mengapa senario ini berlaku. Isu-isu yang berlingkar dengan seni cetak tanahair dibincangkan dalam permasalahan kajian yang menetapkan justifikasi kepada tujuan, matlamat, objektif dan soalan kajian yang menjurus kepada perhubungan asas seni rupa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Signifikan kajian menekankan tentang kepentingan kajian ini dilaksanakan. Selain penjelasan deskriptif, kajian empirikal secara saintifik dapat membuktikan dengan teliti dan mendalam apa, bagaimana dan mengapa artis-artis kontemporari terkenal tanahair mengaplikasikan media dan teknik seni cetak dengan serius. Penemuan ini dapat memberi sumbangan kepada banyak golongan tertutamanya sejarawan, pendidik, pelajar, pengumpul dan pengiat seni. Ruang lingkup dan batasan kajian ditetapkan dalam skop dan limitasi kajian. Kerangka Konsep pula menjelaskan secara visual asas pencarian yang memandu tindakan kajian selanjutnya. Sementara daftar istilah menetapkan definasi atau maksud istilah yang digunakan sepanjang penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.0 Pengenalan

Bab 2 ini mengandungi beberapa bahagian yang menjelaskan lebih terperinci dengan rujukan intelek aspek-aspek penyelidikan yang dinyatakan secara ringkas dalam Bab 1 seperti latarbelakang, permasalahan dan kepentingan kajian. Penyelidik memulakan perbincangan dengan memberikan penjelasan berkaitan konsep seni rupa bagi melihat asas kepada semua jenis seni rupa. Perbincangan diikuti dengan teori kritikan dan keperluan penghargaan terhadap karya seni rupa secara umum. Sorotan ringkas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkembangan seni rupa dalam konteks di Barat dan Malaysia serta khusus berkaitan tentang seni cetak dan lingkungannya. Akhir sekali penyelidik membincangkan beberapa kajian dalam ruang lingkup kritikan dan apresiasi karya seni cetak dalam dan luar negara diperingkat PhD.

2.1 Konsep Asas Seni Rupa

Seni rupa atau seni halus atau umumnya dalam kategori seni visual, adalah medium visual yang digunakan untuk menyatakan idea mengenai pengalaman manusia dan dunia di sekelilingnya seperti menurut Lazzari dan Schlesier (2008) “Art is primarily visual medium that is used to express ideas about our human experience and the world around us” (p.4).

Definisi mereka ini yang merujuk kepada awal abad ke-21, terutamanya terhadap budaya dan seni sezaman di Amerika Syarikat, mungkin tidak begitu tepat pada kelompok budaya lain dengan fahaman bahawa seni dilingkungi oleh sesuatu sistem yang sentiasa berkembang dan berubah mengikut masa dan fungsinya. Fahaman seni halus seperti istilah ‘seni untuk seni’ dan ‘seni untuk masyarakat’ adalah lahir daripada perkembangan seni yang berevolusi dan dinamik sepertimana manusia yang menghasilkannya (Lazzari dan Schlesier, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berbicara tentang seni tidak dapat mengelak daripada melibatkan aspek asas kewujudan seni itu sendiri. Secara umum, asas seni terdiri daripada komponen-komponen subjek, bentuk dan makna. Berbagai pendekatan dan istilah digunakan untuk menjelaskan asas komponen seni visual. Lauer and Pentak (2008) menjelaskan bahawa bentuk dan makna adalah aspek asas yang terlibat dalam apa juga bidang dan cabang seni visual seperti seni halus, seni reka dan seni kraf. Subjek bagi mereka, adalah terkandung di dalam komponan makna. Bentuk adalah bagaimana artis menyatakan atau mempersembahkan sesuatu idea manakala makna adalah apa yang artis ingin sampaikan.

Lazzari dan Schlesier (2008) juga menyatakan seni mengandungi bentuk visual dan makna sebagai asas penghasilan seni. Subjek pula merupakan imej yang jelas terkandung di dalam komponen makna sama ada berupa imej yang dikenali atau karya abstrak. Ragan (1995) pula berpendapat bahawa karya seni terdiri daripada subjek, komposisi dan makna.

2.1.1 Komponen Asas Karya Seni Rupa

Sungguhpun terdapat pelbagai pendekatan bagi menjelaskan asas komponen seni rupa, penyelidik bersetuju bahawa karya seni rupa terdiri daripada tiga komponen utama dengan istilah Subjek, Bentuk dan Makna sebagaimana pendekatan yang disarankan oleh Ocvirk, Stinson, Wigg, Bone & Cayton (2006) seperti berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1.1.1 Subjek

Tradisinya, Subjek adalah merujuk kepada figura, benda ataupun sesuatu idea. Ianya dianggap sebagai pendorong untuk berkarya.

2.1.1.2 Bentuk

Seni mempunyai bentuk visual yang mengandungi material yang menjadikannya, dan keseluruhan komposisi yang disusun atur oleh elemen formal dengan prinsip-prinsip seni. Bentuk visual diolah dan dimanipulasikan dalam karya untuk memenuhi fungsi dan penampilan visualnya. Ia adalah semata-mata visual aspek yang merupakan penyusunan subjek melalui pengolahan media dan teknik.


Ia membolehkan karya dilihat, disentuh dan mempunyai idea untuk dibicarakan. Perincian terhadap pengolahan bentuk membolehkan makna dijelaskan secara visual untuk mudah dihayati (Lazzari dan Schlesier, 2008; Lauer dan Pentak, 2008; Ocvirk, Stinson, Wigg, Bone & Cayton [Ocvirk et al.], 2006).

Manakala elemen atau unsur seni terdiri daripada garisan, rupa, jalinan, nilai, bentuk dan warna. Pengkarya samada menggunakan satu unsur atau kombinasi beberapa unsur diorganisasikan oleh prinsip-prinsip seni seperti harmoni,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepelbagaian keseimbangan, pergerakan, kadarbanding, penegasan dan ekonomi. Rajah 2.1 menjelaskan kandungan unsur dan prinsip seni.



Rajah 2.1. Unsur Seni Rupa dan Prinsip Seni Reka (Sumber: Ocvirk et al., 2006)

Ocvirk et al. (2006) menjelaskan bahawa elemen garisan merupakan bahagian yang bergerak menggunakan bahantara, peralatan atau media yang bergerak merentangi atau mengisi sesebuah ruang. Dan pada kebiasaannya satu garisan yang dapat dilihat secara kasar oleh kerana keadaan sekelilingnya atau disekitarnya. Garisan secara teori bermaksud pergerakan siri titik yang berterusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rupa pula terhasil daripada garisan yang bercantum. Ruang kosong dalam lingkungan garisan itu dipanggil Rupa. Rupa dapat menjelaskan lagi imej yang terkandung dalam komponen subjek yang dipilih atau dirujuk oleh artis berbanding garisan. Ianya terjadi apabila ada kehadiran sesuatu kawasan atau pun keadaan yang membentuk kepada kehadiran bentuk atau dengan kehadiran sempadan yang diwujudkan oleh pengkarya dengan berbagai-bagai cara sama ada melalui kehadiran warna, nilai dan juga corak.

Nilai pula boleh dibahagikan kepada tiga peringkat penilaian. Pertama, nilai dalam seni rupa adalah berdasarkan kepada penggunaan terang dan gelap pada sesuatu objek atau lain-lain unsur seni dengan merujuk kepada nilai Akromatik yang terdiri daripada putih, hitam dan kelabu. Peratus hubungan antara kehadiran cahaya dan bayang ataupun kegelapan di dalam sesebuah bentuk atau objek. Kedua, kadar terang dan gelap ton dirujuk kepada skala nilai ton di mana *'high-Key'* merujuk kepada skala semakin terang manakala *'low-key'* merujuk kepada skala ton semakin gelap.

Manakala jalinan boleh terbentuk dengan berbagai cara sama ada dengan secara semula jadi ataupun kemahiran seseorang pengkarya dalam mewujudkan kehadiran jalinan melalui kemahirannya dalam pengunaan asas seni. Jalinan boleh difahami sebagai kesan sesuatu permukaan seperti kasar, halus, lembut, keras dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Elemen warna menurut Ocvirk et al. (2006) adalah satu tindak balas visual yang membawa aliran gelombang cahaya dan memberi makna kepada kehadiran warna yang dikenali sebagai warna-warna asas seperti merah, hijau, biru dan sebagainya. Ini membawa kepada kehadiran secara fizikal bagi pembentukan 'Hue' secara amnya dikenali sebagai warna. 'Intensity' pula merupakan kekukuhan warna dan 'Value' ialah nilai ton warna yang terhasil.

Ocvirk et al. (2006) membahagikan prinsip seni reka kepada dua bahagian utama iaitu Harmoni (Harmony) dan juga Kepelbagaian (Variety) di mana bila ianya di pecahkan lagi dengan lebih teliti ianya akan membawa kepada beberapa corak pemahaman. Menurut mereka, prinsip-prinsip seni reka atau organisasi terdiri daripada lima prinsip iaitu Imbangan (Balance), Kadarbanding (Proportion), Penegasan (Dominance), Pergerakan (Movement) dan Ekonomi (Economy).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Harmoni dapat dianggap sebagai faktor penyatupaduan pelbagai bahagian dalam sesuatu karya. Ia mewujudkan keseragaman dalam mengorganisasikan unsur-unsur seni. Ia adalah antara prinsip seni yang penting untuk mendapatkan bentuk yang sepadu. Manakala kepelbagaian adalah prinsip seni yang berlawanan dengan fungsi prinsip harmoni. Ia adalah faktor penolakan bagi perhubungan unsur seni. Kepelbagaian dapat dicipta menerusi kontra dan perincian sesuatu bahagian yang seragam.

Prinsip Imbangan pula adalah faktor padanan yang mengimbangkan sesuatu unsur seni. Penggunannya dapat memberi kesan graviti yang stabil. Pengolahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

imbangan dapat dibuat menerusi imbangan simetri (symmetrical), imbangan berpusat (radial) dan imbangan tidak simetri (asymmetrical). Imbangan simetri berkeadaan sama antara sebelah menyebelah, manakala imbangan tidak simetri adalah sebaliknya. Imbangan berpusat pula menekankan keseimbangan daripada bahagian tengah yang memberi kesan putaran yang sama.

Berbeza dengan prinsip Kadarbanding melibatkan nisbah tertentu bagi satu-satu bahagian dengan bahagian yang lain dalam pengolah unsur-unsur seni. Perbandingan satu bahagian berkaitan dengan keseluruhan bahagian dalam sesuatu karya atau imej tertentu. Bahagian yang berkaitan ini dapat mencipta kesan keharmonian dan keseimbangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penegasan pula menekankan penumpuan pada satu-satu bahagian sahaja atau pengolahan unsur seni yang sangat berbeza untuk menarik perhatian khusus dalam sesebuah karya. Ianya dapat dilakukan dengan beberapa cara iaitu; mengasingkan atau membezakan satu bahagian dengan keseluruhan bahagiannya, meletakkan kontra di bahagian yang sangat ketara, mewujudkan pergerakan yang terarah; menetapkan skala yang tidak sepadan dan mencipta satu karektor yang berbeza terhadap penampilan yang sama dalam penghasilan sesebuah karya.

Prinsip Pergerakan menjadikan mata penonton dibawa bergerak secara selesa dari satu bahagian kepada bahagian yang lain. Pergerakan dapat diwujudkan dengan mana unsur seni tertentu yang diolah hampir sama, diulangkan secara terarah samada secara teratur atau susunan yang melompat-lompat tetapi saling berkaitan atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berhubungan. Prinsip Ekonomi pula diciptakan daripada olahan unsur seni untuk mendapatkan kesan ringkas dan minima pada sesebuah karya. Prinsip ekonomi tidak tertaluk kepada aturan tertentu di mana ianya lebih kepada tindakan perasaan dalaman sipengkarya (Ocvirk et al., 2006).

2.1.1.3 Makna

Makna menurut Lauer dan Pentak, (2008) mempunyai cerita atau informasi untuk berkomunikasi dengan penonton. Makna yang mengandungi idea yang berkaitan dengan karya dan berkomunikasi melalui imejan seni, di mana ia digunakan dan dipertontonkan. Makna dapat difahami melalui maksud simbolik, adat, kepercayaan, nilai budaya yang diaplikasikan serta melalui kenyataan bertulis berkenaan karya tersebut. Makna selain daripada merujuk kepada emosi dan mesej intelek atau ekspresi pengkarya, ia boleh juga dirujuk sebagai pengalaman personal seseorang pengkarya yang lebih mudah difahami jika mempunyai pengalaman yang sama dengannya (Ocvirk et al., 2006).

Makna boleh disampaikan dengan ketara melalui bentuk visual tetapi kebanyakan makna memerlukan kajian yang mendalam terhadap maksud sesuatu imej dan bagaimana ianya sesuai dan memenuhi kerangka sesuatu budaya yang boleh menjadi sesuatu yang komplek untuk diamati (Lazzari dan Schlesier, 2008). Ocvirk et al. (2006) pula menyatakan, makna merujuk kepada pernyataan mesej yang diolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh pengkarya. Ianya merupakan faktor penghubung dan komunikasi antara pengkarya dan penonton. Untuk tujuan komunikasi, seniman berkarya dengan memikirkan berbagai-bagai perkara dan isu untuk dibawa di dalam karya mereka. Secara tidak langsung, seniman menjalankan kajian berkaitan dengan subjek, bentuk dan makna untuk menghasilkan karya yang boleh berkomunikasi atau menyalurkan emosi kepada audien.


Menurut Ocvirk et al. (2006) lagi, karya yang terhasil bukan sahaja mengandungi bentuk-bentuk yang wujud dari gerak laku pengkarya malahan ianya juga merupakan sesuatu yang menjadi subjek kepada karya tersebut yang mempunyai makna. Makna boleh dikesan menerusi imej-imej daripada subjek. Namun ia lebih berkesan jika imej-imej ini disepadukan dengan jaya oleh olahan elemen dan prinsip seni.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan fahaman hubungan subjek, bentuk dan makna, rajah 2.2 dikemukakan bagi menjelaskan ringkasan secara visual hubungan kandungan asas karya seni rupa seperti berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.2. Kandungan asas karya Seni Halus. Adaptasi daripada Ocvirk et al., (2006); Lazzari dan Schlesier (2008)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain asas komponen seni utama iaitu subjek, bentuk dan makna, sesebuah karya seni rupa mempunyai aspek-aspek lain seperti estetika, ekspresi, artistik, kreativiti dan stail yang melengkapi kejadian seni rupa yang unik dan dinamik.

2.1.2 Estetika Karya Seni Rupa

Seni adalah pengalaman estetika yang menurut Lazzari dan Schlesier (2008) adalah satu bidang falsafah yang bersangkut dengan sistem pengkajian seni yang dipengaruhi oleh individu artis dan budaya persekitarannya. Mohd Johari (2007) menjelaskan lagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maksud estetik sebagai ”sebahagian dari satu ekspresi yang mencakupi semua makna, sama ada di peringkat pengalaman dalaman individu dan luaran persekitaran artis” (p.21). Istilah estetik juga merujuk kepada keprihatinan terhadap kualiti artistik sesuatu bentuk seni, “the term aesthetics refers to the concern with artistic qualities of form” (Ocvirk et al., 2006, p.4).

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa estetika adalah kualiti artistik sesuatu bentuk seni menerusi ekspresi makna karya kerana ‘ekspresi’ adalah manifestasi pemikiran, emosi dan kualiti maksud dalam bentuk artistik (Ocvirk et al., 2006). Ekspresi diri melibatkan stail individu artis dan konsep personal tentang pengalaman dan persekitaran yang bersatu dalam karya seni mereka yang unik, lahir daripada kreativiti artis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

”Creativity allows us to originate something or to cause some object to come into being” (Lazzari dan Schlesier, 2008, p.10). Selain daripada membolehkan kita untuk memulakan dan mewujudkan sesuatu, kretiviti melibatkan aspek inovasi yang menghasilkan sesuatu yang baru. Keupayaan artis mengabungkan sesuatu idea lama dengan yang baru juga adalah sifat kretiviti yang didokong oleh sifat inovasi yang kerap dipraktiskan oleh artis-artis kontemporari di abad ini untuk mencipta kelainan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1.3 Stail dalam Karya Seni Rupa

Stail menurut Lazzari dan Schlesier, (2008) ”is the manner of expression that is characteristic of art either made by an individual artist or form a historic period or an entire civilization” (p.16). Stail kebudayaan mengandungi ciri-ciri berulang dan tersendiri yang dapat dilihat pada karya-karya yang muncul dari tempat dan era tertentu. Ia terpancar dan mengekspresikan dari mana asalnya sesuatu budaya, termasuk bahasa, agama dan adat sosial yang membentuk identiti seni.

Budaya di sini dirujuk sebagai keseluruhan idea, adat, keupayaan, dan seni yang dipunyai oleh individu artis atau kumpulan artis yang sangat dipengaruhi oleh budaya dan persekitarannya. Budaya yang dimaksudkan di sini ialah, orang atau kumpulan tertentu dengan idea, cara dan seni mereka sendiri seperti stail yang dibawa oleh aliran-aliran mengikut zaman seni moden barat. Ocvirk et al. (2006) juga menyatakan bahawa stail adalah, “a specific artistic character or dominant trend of form noted during a period of history or during an art movement” (p.5).

Selain daripada karektor yang ketara bagi satu-satu aliran atau pergerakan kumpulan yang dibentuk oleh perkembangan zaman, mereka menegaskan bahawa stail juga dirujuk sebagai karektor individu yang terhasil pada karya seni rupa menerusi penggunaan media dan teknik yang ekspresif dan tersendiri. Keunikan karektor hasil olahan media dan teknik individu artis ini, boleh dikenali sehingga tanpa perlu melihat nama artis tersebut (Lazzari & Schlesier, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1.4 Kepentingan Media dan Teknik dalam Karya Seni Rupa

Media dalam seni halus telah digunakan sejak berabad lamanya. Pada masa dahulu seni halus diberi definisi berdasarkan media konvensional seperti catan, arca dan seni bina. Definisi seni halus berubah dan berkembang dengan media. Menurut Preble dan Preble (2004), pada pertengahan abad ke-20, teknologi modern menambah media baru seperti video dan komputer yang sehingga kini pelbagai media dikategorikan dalam bidang seni rupa seperti fotografi, filem, cetakan komersial, instalasi, seni persembahan, seni digital, gambar bergerak (motion picture) dan juga kraf (Lazzari & Schlesier, 2008).

Terdapat berbagai-bagai media dan teknik digunakan oleh pengkarya seni untuk menghasilkan karya-karya mereka dan dengan penghasilan karya seni ini dapat dikatakan bahawa ianya terbahagi kepada beberapa kategori dan bahagian. Cara ini akan menjelaskan dengan lebih lengkap mengenai keadaan fizikal sesebuah karya dari segi penyampaian idea dan bahan. Apabila teknik dan media ini difahami dengan teliti maka adalah mudah bagi audien untuk memahami dan mengenali sesebuah karya.

"A medium is a particular material along with its accompanying technique" (Preble & Preble, 2004, p.2). Media merangkumi bahan dan alat untuk menghasilkan karya menerusi teknik dan kaedah tertentu. Setiap media boleh diaplikasikan dengan tekniknya tersendiri atau dicipta untuk kepentingan ekspresi seniman. Media dan teknik digunakan bagi menzahirkan unsur dan prinsip seni (Lazzari & Schlesier, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Karya-karya yang dihasilkan secara konvensional atau tradisi mempunyai media dan tekniknya yang tersendiri yang mudah dikenali, bahkan ada yang dikuatkuasakan aturan pengaplikasiannya. Catan tradisi misalnya dihasilkan dengan media cat minyak, tempera atau akrilik di atas permukaan kanvas. Alat yang biasa dengan media ini menggunakan berus atau pisau catan. Teknik yang digunakan pula samada *impasto, glazing, scrumbling* dan *hard-edge* (Phillips & Robb, 2004).

Seni rupa adalah ekpresi formal yang mengandungi imej atau konsep yang dibayangkan dari segi 'medium' yang digunakan, "art is the formal expression of a conceived image or imagined conception in terms of a given medium" (Ocvirk et al., 2006, p.4). Tambahan pula sesetengah ekspresi perasaan dan idea tertentu hanya dapat disampaikan menerusi bentuk visual sebagaimana pendapat Preble dan Preble (2004) bahawa, "certain ideas and feelings can be communicated only through visual form" (p.3).

Perkataan 'medium' bermaksud bahan atau teknik yang diaplikasikan oleh seniman untuk menghasilkan karya seni (Artlex.com). Medium dan media adalah sinonim di mana perkataan 'media' bersifat jamak iaitu bahan-bahan. Media atau medium berperanan mewujudkan sesuatu karya seni secara fizikal mahupun secara konsepsual.

Lazzari & Schlesier (2008) menambah bahawa media adalah bahan-bahan sebenar yang digunakan bagi menghasilkan karya seni dalam pelbagai disiplin. Beliau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membahagikan kategori media mengikut disiplin lama dan baru. Media tradisional adalah disiplin-disiplin lama seperti lukisan, catan, seni cetak, arca dan kraf. Manakala media bukan tradisional lahir daripada perkembangan disiplin baru seperti media campuran, video, filem, imejan digital dan persembahan.

Bagi seni rupa yang dihasilkan dengan gabungan bahan-bahan yang berbeza dirujuk sebagai media campuran. Media campuran menjadi trend masa kini kerana media tunggal seperti seni rupa konvensional boleh menghadkan ekspresi artis seperti menurut Preble dan Preble, (2004) “any single medium of expression has its limitations”(p.3).

ii. merujuk kepada estetika seni Islam samada dari segi subjek mahupun stail.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. mengekalkan stail seni barat dan universal dalam karya.

Karya-karya diolah dengan menggabungkan stail seni moden dengan ikon, simbol, imej tempatan dan Islam serta budaya. Pada era ini juga, iaitu tahun-tahun 1990-an, yang menurut Muliyadi (2007) kebanyakan seniman lebih aktif melakukan ekplorasi terhadap media, teknik dan persembahan karya bagi tujuan kreativiti dan kelainan.

2.5 Seni Cetak Dan Lingkungannya

Seni cetak sebagaimana yang telah diperbincangkan sebelum ini adalah salah satu daripada bidang seni halus atau seni rupa. Seperti catan, lukisan dan arca, seni cetak telah berkembang pesat sejak lama dahulu terutamanya pada abad ke-15 di Eropah. Stobart (2001) dan Hughes & Vernon-Morris (2008) menjelaskan bahawa seni cetak berkembang pesat pada ketika itu kerana berlakunya invensi seni cetak yang bersifat berganda, ekonomi dan mudah alih yang disokong dengan ketersediaan kertas yang lebih mudah diperolehi dari kilang komersial.

Hubungan kertas dengan seni cetak telah dikesan lebih awal lagi, pada tahun 105 sebelum masihi di Cina yang menghasilkan cetakan teks keagamaan menggunakan kaedah cungkilan kayu. Ia berkembang ke Jepun yang kemudiannya menerusi laluan perdagangan telah sampai ke Eropah. Kaedah cetakan cungkilan kayu telah menjadi popular untuk menghasilkan teks dan ilustrasi seperti risalah, gambar-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gambar keagamaan, kad permainan dan cerita dongeng popular. Selain di atas kertas, cungkilan kayu turut digunakan untuk menghasilkan corak atas kain.

Walaupun pada awal sejarah seni cetak berkembang dengan tujuan komunikasi dan kegunaan komersial, penghasilan secara manual masih menuntut kemahiran artistik. Seniman seni cetak mendapati potensi ekonomi selain sebagai alat komunikasi sangat signifikan kepada diri mereka, masyarakat dan negara (Hughes & Vernon-Morris, 2008). Popularity media seni cetak telah berkembang selari dengan kematangan kemahiran teknikalnya yang digunakan secara meluas dalam berbagai aspek kehidupan yang bukan hanya untuk memenuhi ekspresi individu sahaja.

Melalui perkembangan sejarah, Simmons dan Clemson, (1988) menggariskan bahawa dari segi teknikal telah dimulai dengan kaedah cetakan timbul seperti cungkilan kayu. Diikuti dengan kaedah intaglio seperti gurisan asid, menggunakan plat besi. Kaedah litografi telah ditemui dalam tahun 1798 yang menggunakan batu kapur sebagai blok dan kaedah cetakan skrin yang berasaskan stensil seperti sutera saring. Cetakan skrin telah dikembangkan sekitar tahun 1930-an dengan penggunaan teknik fotografi. Empat asas kaedah cetakan ini digunakan oleh seniman yang dapat menghasilkan kesan yang berbeza yang mampu menyampaikan tujuan dan maksud tertentu.

Sungguhpun sejarah membuktikan perkembangan pesat seni cetak, ia telah dianggap sebagai objek seni sekunder jika dibandingkan dengan seni catan. Dalam bidang seni halus, seni cetak sering disalah anggap yang melemahkan kerjaya sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

artis seni cetak. Padavic (2010) daripada Vahalla Studio, Kansas City, USA menyatakan bahawa “during my time at University of Kansas (year 2001-2004), I heard more than once that print was a dying art. This statement was thrown around so loosely that it seemed ridiculous to pursue a career in printmaking” (p.6).

Mungkin kerana sejarahnya yang panjang yang melibatkan komunikasi, komersial, rekaan dan seni halus kerap bergerak dan bergabung seperti aplikasi kraf yang dikelirukan sebagai karya pinggiran. Berger dan Berger (2012) mendapati, kepelbagaian fungsi dan tujuan seni cetak yang kaya dengan mesej, niat, reka bentuk dan teknik ini adalah keunikan seni cetak itu sendiri yang membezakannya dengan seni halus yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Phillips dan Robb (2004) menegaskan bahawa keunikannya sukar direalisasikan dengan cara kaedah atau medium lain seperti lukisan dan catan. Secara tradisi, keunikannya muncul daripada interaksi dakwat cetakan yang dipindahkan ke atas kertas yang menghasilkan kesan estetik tersendiri. Ia seperti menghasilkan lukisan ke atas kepingan kayu, batu atau plat besi untuk menukarkan kepada bentuk yang boleh disalin dengan banyak. Kesan permukaan hasil seni cetak mempunyai karektornya yang tersendiri yang menyerlahkan ciri-ciri ekspresi artistik seniman (Phillips & Robb, 2004).

Keunikan hasil seni cetak ini dipersetujui oleh Berger dan Berger, (2012), yang berpandangan bahawa “the processes involve a lot of hard work but you get the feeling they wouldn’t have it any other way” (p.8). Mereka menyifatkan bahawa “the

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

art of printmaking is not for wimps - a weak and cowardly or unadventurous person" (p.8). Artis seni cetak adalah seniman hebat yang membawa bersama misi kreativiti dan ekspresi artistik yang tulus dan jujur bersama kepayahan proses penghasilannya.

Peredaran masa dengan kemudahan teknologi komputer dan pelbagai media baru yang menghairahkan masa kini, tidak menggugat seniman seni cetak tradisi terus berkarya dengan cara dan gaya mereka. Sesetengah artis seni cetak pula, cukup bijak dan serba boleh untuk menyesuaikan pendekataan berkarya dalam era baru. Media dan teknik seni cetak tradisi tetap hidup samada digabungkan dengan media baru atau dilanjutkan kepada pendekatan baru (Berger & Berger, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.1 Aspek Teknikal Seni Cetak

Secara teknikalnya seni cetak melibatkan proses pemindahan imej dari satu permukaan kepada permukaan yang lain, "Printmaking is a process in which the artist repeatedly transfers an original image from one prepared surface to another" (Ragan, 1995, p.11). Perkataan seni cetak itu sendiri berkaitan dengan sesuatu yang boleh disalin secara berulang dengan kualiti seninya yang sama (Stobart, 2001; Ragan, 1995).

Imej-imej karya dihasilkan dengan teknik-teknik tertentu di atas permukaan bahan yang dipanggil matrik yang secara tradisinya terdiri daripada permukaan blok

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kayu, plat besi dan batu kapur. Imej karya tersebut kemudiannya dipindahkan ke atas permukaan lain yang disebut sebagai *substrate*, yang biasaannya adalah kertas dengan aplikasi dakwat (Gascoigne, 2004; Simmons, 2002; Stobart, 2001).

Menurut Gascoigne (2004), cetakan seni halus pada asasnya mempunyai tiga jenis kaedah iaitu cetakan timbul (relief), cetakan benam (intaglio), dan cetakan litografi. Kaedah lain seperti cetakan skrin, monotaip, cetak pendua, dot matrik, ink jet dan cetakan laser misalnya adalah muncul melalui berkembang teknologi yang membezakan antara seni cetak konvensional dengan seni cetak kontemporari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.1.1 Seni Cetak Konvensional

Seni cetak konvensional atau cetakan tradisi terdiri daripada kaedah cetakan timbulan, benaman, litografi dan cetakan skrin. Ia mengekalkan teknik dan medianya yang khusus daripada satu kaedah ke atas bahan kertas dengan suatu ekspresi artistik dengan format persembahan yang rigit dari segi penyataan pruf, tajuk dan tandatangan seniman (Stobart, 2001; Ragan, 1995).

Perkataan *medium* sering digunakan bagi mendefinisi disiplin seni cetak konvensional. “Printmaking includes any medium that can be produce multiple copies of an image or a design through a specific process” Lazzari (2008, p.61). Stobart (2001) pula menambah bahawa artis seni cetak menghasilkan dan menentukan semua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

proses seni cetak dihasilkan dengan tangan dan di bawah pengaruh dan kehendak mereka, “All artist-printmakers create the matrix by hand and then take all of prints from it. They influenced and orchestrated the proceedings from the making the matrix through to the final print” (p.7).

Definisi ini bagi membezakan disiplin seni cetak yang dianggap karya cetakan asli (original print) berbanding dengan proses cetakan lain seperti pendua (copy), cetakan untuk tujuan reproduksi, komersial atau komunikasi semata-mata. Seni cetak asli juga dibezakan dengan pengeluaran cetakan fotografi dari segi proses berkarya dan mutu cetakan (Gascoigne, 2004).

Karya seni cetak boleh terdiri daripada cetakan tunggal seperti monotaip (monotype) dan secara cetakan mono (monoprint) atau secara berulang dengan kualiti yang sama disebut sebagai edisi (Phillips & Robb, 2004; Simmons, 2002; Ayres, 1991). Setiap ulangan cetakan adalah dianggap karya asli kerana karya cetakan melalui pemindahan yang dilakukan secara impresi terkawal hasil daripada proses penciptaan karya yang asli.

Oleh itu istilah cetakan asli adalah senonim dengan seni cetak konvensional yang dapat dirumuskan sebagai (1) Karya yang mengaplikasikan medium seni cetak. (2) Karya yang dapat menghasilkan edisi iaitu ulangan dengan kualiti yang sama. Edisi terhad yang telah ditetapkan perlu dinomborkan dan ditandatangan oleh artis untuk mengawal kesahihannya. (3) Karya seni cetak mestilah hasil rekaan artis tersebut. (4) Artis seni cetak mempunyai pengaruh dan menjadi penentu terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semua peringkat proses menghasilkan karya seni cetak tersebut (Phillips & Robb, 2004; Stobart, 2001).

Sebagaimana yang telah dibincangkan tadi, perkataan medium sering digunakan bagi mendefinisi disiplin seni cetak konvensional. Perkataan medium yang merujuk sebagai bahan tunggal yang digunakan, mempunyai perbezaan dengan istilah teknik yang merujuk kepada kaedah penghasilan karya. Perkara ini berdasarkan petikan yang diambil daripada Simmons (2002) bahawa "in printmaking it indicates the specific technique used: relief, intaglio, lithography, screen printing or digital printmaking" (p.76). Begitu juga definisi oleh Phillips dan Robb (2004) bahawa "printmaking medium, the individual technique which is used-intaglio, relief or planographic and specifically the etching medium, engraving medium etc."(p.60).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pernyataan di atas mendefinisikan terma 'Printmaking Medium' iaitu bahan tunggal seni cetak sebagai teknikal aspek yang khusus kepada satu-satu teknik dan proses dalam seni cetak konvensional seperti medium gurisan asid (etching) dan medium engraving. Jadual 2.1 menjelaskan lagi hubungan teknik dan medium seni cetak berdasarkan kefahaman tadi. Perbezaan utama antara teknik dan medium seni cetak ini berdasarkan kepada kaedah penyediaan matrik dan cara-cara ianya dicetak (Grabowski & Fick, 2009) yang juga membezakan hasil cetakan yang diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1

Hubungan Teknik dan Medium Seni Cetak Konvensional

TEKNIK (kaedah)	Relief (Timbul)	Intaglio (Benam)	Lithography (Litografi)	Screen printing (cetakan skrin)	Monotype (monotaip)
MEDIUM (media)	-Woodcut -Wood engraving -Linocut Collagraph	Etching (aquatint, photo etching) Engraving (Drypoint, mezzotint) Collagraph	-Stone lithography -Zink plate -Polyester plate lithography	-cut stencils -direct stencils -drawn & painted stencils -photographic stencils	-Painterly monotype -Mask & stencil monotype

Sumber rujukan daripada Lazzari & Schlesier (2008); Hughes &Vernon-Morris (2008); Phillips & Robb (2004); Simmons (2002)

Berdasarkan jadual di atas, kaedah yang dirujuk sebagai teknik seni cetak konvensional terdiri daripada seni cetak timbul, seni cetak benam, seni cetak litografi, seni cetak skrin dan seni cetak monotaip yang diperincikan seperti berikut;

Seni cetak timbul menghasilkan cetakan daripada kesan imej permukaan matrik yang timbul sahaja. Blok adalah matrik cetakan timbul yang lebih biasa dipanggil. Permukaan yang dicungkil atau diguris tidak akan terkena sapuan dakwat, bermakna tidak dicetak (Stobart, 2001). Cungkilan kayu (woodcut), lino (linocut), gurisan kayu (wood engraving) dan kolograf adalah antara jenis medium bagi teknik cetak timbul (Lazzari & Schlesier, 2008; Phillips & Robb, 2004; Simmons, 2002).

Medium cungkilan kayu dan lino adalah yang paling biasa digunakan oleh artis sejak dahulu iaitu, “the hand – carved matrix of woodcut or linoleum cut, are the most

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

familiar approaches used in fine art printmaking" (Grabowski & Fick, 2009, p.75). Antara sebab adalah ia paling mudah dihasilkan kerana tidak terikat dengan mesin penekan dan mudah digunakan sebagaimana Stobart (2001) menyatakan "Relief print is the oldest form of printmaking where it accessible for everyone without using a press" (p.19).

Peralatan untuk menghasilkan imej bagi cungkilan kayu dan lino hanya memerlukan pisau ukir untuk menghasilkan kesan garisan berbeza dengan gurisan kayu yang memerlukan pisau ukir yang lebih khusus. Cungkilan kayu menggunakan kayu yang dipotong secara menegak manakala gurisan kayu menggunakan kayu yang dipotong mendatar daripada batang kayu. Kelebihan gurisan kayu ialah ia mengikut bentuk kayu yang digunakan (Woods, 2008; Stobart, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lino diperbuat daripada sejenis getah dengan permukaan yang rata. Ia lebih mudah dicungkil berbanding kayu yang mempunyai ira atau urat kayu. Pelbagai bahan gantian boleh digunakan yang dapat menghasilkan kesan yang hampir sama seperti bahan plastik keras seperti *Vinyl*,, kertas tebal, papan lapis dan serbuk kayu yang dimampat seperti *MDF board* (Stobart, 2001).

Berbeza dengan cungkilan kayu dan lino, imej medium kolograf dihasilkan dengan menampal bahan-bahan sedia ada seperti kertas tisu, plastik, kain, daun kering pada permukaan keras. Kesan permukaan timbul bahan tampalan ini mempunyai jalinan yang menjadi imej cetakan (Hughes & Vernon-Morris, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses mencetak bagi teknik seni cetak timbul juga tidak memerlukan peralatan yang mahal. Dakwat cetakan berasaskan minyak mudah diperolehi dikedai menjual peralatan seni visual. Begitu juga dengan pengelek dakwat (brayer) yang diperlukan untuk meratakan dakwat di atas permukaan yang tidak serap dakwat seperti kaca. Dakwat yang telah diratakan, disapu pada permukaan blok dengan menggunakan pengelek tadi.

Kertas diletakkan di atas permukaan blok berdakwat dan diberi tekanan dengan menggunakan alat penekan (baren) yang boleh menggunakan senduk kayu untuk mendapatkan kesan yang sekata. Hasil cetakan adalah terbalik. Bagi cetakan yang memerlukan lebih daripada satu warna, kedudukan blok dan kertas perlu ditetapkan dalam kedudukan yang sama sepanjang proses mencetak (Gale and Fishpool, 2012; Woods, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berbeza dengan seni cetak timbul, **seni cetak Benam** atau *Intaglio Print* adalah teknik seni cetak yang dihasilkan melalui kesan tekanan terhadap imej yang berada lebih rendah atau di bawah permukaan matrik. Perkataan *Intaglio* berasal daripada Itali yang bermaksud menguris dan mengikis garisan dan titik. Proses menguris dan mengikis untuk menghasilkan imej boleh dilakukan dengan alat tajam atau dengan hakisan asid ke atas plat besi seperti zink dan tembaga untuk mendapatkan kedalaman garisan dan titik. Kaedah ini memerlukan peralatan dan bahan yang khusus serta pendedahan ilmu dan latihan berkaitan untuk menghasilkannya (Grabowski & Fick, 2009; Adam & Robertson, 2007; Philipps & Robbs, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknik seni cetak benam mempunyai medium seperti gurisan asid (etching), akuatin (aquatints), gurisan besi (metal engraving), gurisan kering (dry point), mezotin dan (mezzotints). Medium gurisan asid dan akuatin adalah antara yang popular digunakan oleh artis. Ianya memerlukan hakisan asid untuk menghasilkan imej. Kebiasaanya asid nitrik digunakan untuk plat jenis zink. Plat besi yang direndam di dalam takungan asid yang bercampur air dengan kadar satu asid nisbah 10 air misalnya, akan mengurangkan keaktifan asid yang memudahkan kawalan masa untuk menentukan kedalaman kesan garisan atau titik (Gale and Fishpool, 2012; Woods, 2008).

Berbeza dengan medium gurisan besi, gurisan kering dan mezotin misalnya tidak memerlukan proses hakisan asid. Gurisan secara terus ke atas plat besi menggunakan alat turis yang tajam seperti jarum bagi menghasilkan kedalaman garisan pelbagai. Kesan gurisan akan meninggalkan pecahan besi (burr) ditepian gurisan yang akan menghasilkan kesan garisan kasar yang boleh diperhalusi dengan alat ‘pemadam’ (burnisher) yang tumpul (Woods, 2008).

Proses mencetak bagi semua teknik benam adalah serupa. Dakwat berasaskan minyak disapu dan ditolak masuk ke dalam garisan imej. Permukaan plat dibersihkan dengan sapuan kertas nipis sehingga bersih tanpa mengeluarkan dakwat yang berada di dalam jalur garisan. Untuk memindahkan dakwat dalam jalur garisan, memerlukan kertas cetak dilembabkan agar mudah menyerap. Tekanan menggunakan mesin penggelek dapat memindahkan imej secara terbalik seperti cetakan timbul (Lazzari & Schlesier, 2008; Phillips & Robb, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kolograf boleh dihasilkan dengan teknik benam di mana hasilnya lebih unik. Proses menyediakan matrik adalah serupa dengan teknik timbul. Cara mencetak sahaja mengikut kaedah benam yang memasukkan dakwat ke dalam jalinan bahan-bahan yang dikolaj. Kolograf boleh dihasilkan dengan cara mencetak timbul dan benam yang dikenali sebagai kaedah "viscosity" di mana warna yang berbeza diaplikasi dan memerlukan mesin pengelek untuk memindahkan imej (Gale and Fishpool, 2012).

Seni cetak litografi pula dihasilkan melalui kesan tekanan terhadap imej yang berada dipermukaan matrik berdasarkan proses penolakan antara bahan air dan minyak. "The process relies on the principle that grease and water repel each other. It exploits the two basic properties of grease which are that, it repel water, and it attracts ink" (Hughes & Vernon-Morris, 2008, p.272).

Seperti seni cetak benaman, kaedah ini juga memerlukan peralatan khas yang mahal serta pengetahuan khusus untuk menghasilkannya. Selain batu kapur, plat zink dan polyester boleh digunakan untuk menatang imej yang dilukis terus di atas matrik tersebut. Kelebihan teknik ini dapat menghasilkan cetakan yang serupa seperti mana lukisan atau catan yang dihasilkan di atas matrik dengan ulangan yang sama (Gale and Fishpool, 2012; Hughes & Vernon-Morris, 2008).

Teknik cetak skrin lebih popular dengan nama 'sutera saring' dihasilkan dengan blok saring sebagai matrik. Kain skrin direnggang kuat pada blok kayu atau aluminium. Stensil adalah asas kepada imej pada skrin yang membenarkan dakwat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melepasi saring tersebut. Imej yang ringkas tidak memerlukan peralatan yang mahal seperti imej daripada potongan kertas (paper cut stencil) dan menghasilkan imej terus di atas skrin (direct, painterly stencil) menggunakan bahan kalis dakwat (Hughes & Vernon-Morris, 2008; Adam and Robertson, 2003).

Medium foto stensil memerlukan kelengkapan bilik gelap untuk menghasilkan imej di atas skrin. Bahan foto-emulsi yang sensitif dengan cahaya biasa, disapu pada permukaan skrin. Imej yang dikehendaki perlu legap (tidak ditembusi cahaya), dilekatkan pada permukaan skrin dengan salutan foto-emulsion yang telah kering. Skrin tersebut diletakkan dalam mesin pendedahan cahaya untuk mematikan salutan foto-emulsion pada skrin. Imej yang legap tidak dapat ditembusi cahaya akan luntur sebaik sahaja air dikenakan pada skrin tersebut. Stensil yang mengikut rupa imej kekal lama pada skrin yang membolehkan cetakan diulang dengan lebih banyak (Woods, 2008).

Melalui medium fotografi stensil, pelbagai imej boleh dihasilkan. Imej yang berasaskan dot-matrik dan teknik pemecahan warna ‘CYMK’ misalnya boleh dihasilkan dengan bantuan perisian komputer. Cetakan digital untuk menghasilkan imej positif memudahkan menyediaan imej legap sebelum melalui proses pendedahan cahaya. Imej-imej dengan bantuan perisian komputer seperti perisian ‘photoshop’ dapat menghasilkan imej yang lebih realistik (Grabowski & Fick, 2009; Hughes & Vernon-Morris, 2008). Teknologi komputer menjadikan proses seni cetak skrin lebih canggih dan maju (Williamson, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dakwat cetakan berasaskan minyak atau berasaskan air seperti pencelup fabrik sesuai digunakan di atas kertas atau kain. Alat sekuji (squeegee) berfungsi menyeret dakwat menembusi lubang-lubang halus kain skrin mengikut imej stensil, yang menghasilkan kesan yang nipis dan rata. Kertas atau kain yang diletakkan di bawah skrin, menerima imej yang sama seperti imej yang berada di atas skrin, ianya tidak terbalik, tidak seperti kaedah lain seni cetak (Grabowski & Fick, 2009).

Seni cetak monotaip (monotype) sering dikeliru dengan perkataan 'monoprint' iaitu cetakan mono. Secara teknikal, kedua-dua adalah cetakan tunggal yang tidak dapat menghasilkan edisi. Teknik seni cetak monotaip dihasilkan melalui matrik yang bersifat sementara atau imej yang tidak boleh diulang cetak bagi mendapatkan cetakan yang serupa. Sedangkan pendekatan 'monoprint' adalah pilihan artis untuk tidak menghasilkan ulangan yang serupa terhadap matrik yang dihasilkan (Ayres, 1991; Phillips & Robb, 2004; Grabowski & Fick, 2009).

Simmons (2002) memperincikan perbezaan antara teknik monotaip dengan pendekatan cetakan mono iaitu "Monotype is a single impression, not repeatable. A unique print where the image must be re-created each time, there is no re-usable printing matrix" (p.79). Manakala cetakan mono adalah "monoprint is an impression from a printing matrix which is uniquely different from other prints taken from the same matrix in terms of color, paper or finish" (p.79).

Oleh kerana teknik monotaip mempunyai matrik yang menghasilkan imej bersifat sementara, ia dapat dihasilkan secara spontan. Keadaan ini menurut Ayres,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(1991) memberi kebebasan kepada artis berekplorasi dengan pelbagai bahan dan pendekatan. Daripada kaedah cat air, cat minyak dan lukisan yang diolah di atas plat tidak serap bahan yang kemudiannya dipindahkan ke atas kertas atau sebarang "substrate" dengan tekanan tangan atau mesin penggelek untuk mendapatkan kesan yang berbeza daripada kaedah asal penghasilan imej tersebut.

Menurut Ayres, (1991) lagi, teknik monotaip boleh diperbagaikan bersama atau dengan penggunaan stensil, topeng (masks) dan kolaj. Satu hal yang mengikat teknik monotaip sebagai karya seni cetak adalah konsep *'transfer'* – imej yang dipindahkan. Begitu juga dengan pendekatan cetakan mono. Walaupun mempunyai matrik, imej yang dipindahkan tidak terikat dengan disiplin penghasilan edisi. Artis lebih bebas mengubah kedudukan imej atau warna secara cetakan tunggal atau cetakan berulang ke atas *substrate* yang mungkin berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah dan pendekatan ini menjadikan cetakan mono "one of a kind printed images" (Grabowski & Fick, 2009, p.187) dan ia dianggap karya unik dan diminati oleh kebanyakan artis seni cetak kerana ia mudah disesuaikan dan boleh menghasilkan imej secara spontan, "is a versatile and enduring favourite with almost every printmaker. It is a spontaneous and immediate way to make an image" (Gale and Fishpool, 2012, p.241).

Berdasarkan kebebasan yang 'dibenarkan' melalui cetakan mono, artis seni cetak sebenarnya telah diberi pilihan untuk kekal menghasilkan cetakan secara edisi atau bebas berkarya dengan pendekatan mono. Boleh dikatakan bahawa kaedah dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendekatan cetakan mono telah membuka laluan yang lebih luas kepada ekplorasi dan inovasi kreatif seni cetak sezaman.

2.5.1.2 Seni Cetak Kontemporari

Istilah cetakan asli yang sangat sinonim dengan menghasilan edisi, telah kukuh dan mantap diterima pakai dalam sekitar tahun 1950-an di barat dan di kebanyakkan negara. Ia mula dicabar oleh perkembangan teknologi baru terutamanya oleh media fotografi dan komputer. Sehingga tahun 1960-an di Amerika dan sekitar tahun 1990-an seluruh dunia menyaksikan invensi digital mempengaruhi tindakan terhadap aspek teknikal dan proses dalam seni cetak (Phillips & Robb, 2004). Malah turut menjejaskan perspektif konseptual seni cetak sedia ada (Grabowski & Fick, 2009).

Seni cetak kontemporari masa kini, telah membuka ruang yang lebih luas kepada artis-artis dalam membebaskan diri daripada terikat dengan kaedah cetakan tradisi yang telah dipraktiskan sejak sekian lama. Karya-karya yang dihasilkan cuba melangkaui batasan seni cetak tradisi dengan mengutamakan ekplorasi bahan, teknik dan bentuk yang tidak menghadkan kepada pendekatan dua dimensi sahaja. Seni cetak tiga dimensi boleh dibentuk dengan kaedah samada mencetak di atas objek tiga dimensi atau mencetak di atas dua dimensi yang kemudian dilipat, dijahit, digantung, disusun berulang atau mencetak terus menjadi objek tiga dimensi melalui cetakan acuan atau emboss (Woods, 2008; Dawson, 2004; Ross, 1990).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tala (2009) pula menyifatkan bahawa “the contemporary artist makes used of traditional printmaking techniques to make work which becomes 3-D objects or installations and even moving image pieces and animations” (p.8). Artis kontemporari mengaplikasikan teknik tradisi menjadi karya yang bukan sahaja berbentuk tiga dimensi malah boleh bergerak serta beranimasi.

Beliau menambah bahawa “artists have allowed themselves to leave the conventions of printmaking behind and have dared to do the unthinkable to prints or to print on unconventional surfaces, which has resulted in their work developing in different ways” (Tala, 2009, p.8). Artis telah berani menggunakan matrik yang bukan kebiasaannya untuk dicetak dan sanggup mencetak ke atas *substrate* atau permukaan yang juga bukan kebiasaan bagi cetakan tradisi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beberapa istilah lain yang turut popular, lahir dari perkembangan baru ini adalah seni cetak alternatif dan seni cetak lanjutan (extended printmaking). Menurut Kamus Oxford (2011), perkataan alternatif bermaksud, “what you can do or use instead of something else, different to what is usual or traditional” (p.23). Dalam disiplin seni cetak, alternatif adalah pilihan lain bagi bahan, alat, mahupun cara kebiasaan diberi gantian baru atau pendekatan lain. Kaedah alternatif menggalakkan eksperimen, mencari inovasi, mengembangkan kreativiti selain bertujuan respon kepada isu-isu semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga dengan istilah “Extended printmaking” yang merujuk kepada tindakan melangkaui kebiasaan tradisi seni cetak sebagaimana penjelasan oleh Bonnell (2008) bahawa,

> Extended printmaking is an approach to printmaking that expands a practice beyond the limits of the press size, the types of materials used to construct a print work and the final scale of that work. It may result in a one-off work or in multiple works, in printed canvases or print on found objects, clothes, textiles, even walls, or in other unconventional uses of printmaking (p.104).

Perkembangan dalam senicetak sangat berkaitan dengan perkembangan teknologi yang menurut Dawson (2004) dan Coldwell (2010) samada teknologi ringkas atau kompleks adalah seiring dengan perubahan zaman yang menyumbang kepada perkembangan seni cetak sezaman. Bagi kebanyakkan seniman, cara bagaimana teknologi baru dan lama bersaing dalam era kontemporari merupakan perubahan yang dinamik dalam memilih atau mengabungkan teknologi tersebut.

Maka lahir pelbagai istilah baru daripada praktis ini seperti cetakan digital, sebagaimana definisi oleh Simmons, (2002) bahawa “Digital print-a print which has been created all or in part using digital equipment” (p.38). Phillips & Robb (2004) pula memperincikan bahawa cetakan digital adalah “the latest technology for both creating and producing prints involves many digitally-driven processes. The matrix of a digital print can produce as many copies as required to the exact same standard” (p.38).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini membuktikan bahawa medium seni digital boleh diterima sebagai media dalam seni cetak kerana konsep ‘software’ sebagai matrik yang boleh dicetak oleh mesin pencetak berulang kali dengan kualiti yang sama. Malah dengan kemudahan internet yang menyumbang kepada pembangunan laman sesawang individu, terdapat artis seni cetak Australia yang telah menjadikan jumlah *‘view’* keboleh-capaian seluruh dunia terhadap cetakan elektronik yang dipaparkan, sebagai konsep pengulangan cetakan (Grishin, 1997).

Di sebalik kecanggihan cetakan digital, Williamson (2011) prihatin terhadap luputnya nilai sentuhan terhadap kertas cetakan tangan, pembauran bau dakwat dengan peluh kepayahan mencetak secara konvensional, yang merupakan sebahagian daripada ‘kenikmatan’ nilai artistik bagi kebanyakan artis. Namun begitu, Whale and Barfield (2003) berpendapat, teknologi yang sentiasa berkembang maju memberi peluang dan ruang yang luas untuk artis yang mengutamakan kreativiti yang lebih segar dan inovatif.

Williamson, (2011) sebenarnya bersetuju bahawa media digital tidak hanya dilihat merampas artistik konvensional. Aplikasi digital dapat memudahkan proses penyediaan imej. Lukisan digital memudahkan imej di ganda, menukar saiz, warna, kedudukan dalam mengolah komposisi untuk lebih menepati dengan makna karya. Begitu juga dengan proses pembahagian mengikut warna bagi cetakan skrin. Menukar kesan imej tertentu seperti teknik *posterize* dan *halftone* dapat dilakukan dengan cepat tanpa mengugat proses mencetak secara konvensional (Whale and Barfield, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Potensi media digital bukan sekadar menghasilkan karya akhir secara dua dimensi. Berger and Berger (2012) mendedahkan bahawa seni cetak digital berpotensi diolah menjadi karya cetakan tiga dimensi atau secara instalasi yang melibatkan sentuhan artistik daripada kreativiti artis. Begitu juga media digital berupaya berintegrasi dengan kaedah cetakan tradisional seperti cetak timbul, benam, litorafi dan skrin. Integrasi ini, Whale and Barfield, (2003) menyebutnya sebagai 'hybrid' atau teknik 'tradigital" (p.68).

Simmons, (2002, p.62), dan Phillips & Robb, (2004, p.47) juga turut memberi definisi yang sama. Hasil pembauran baru daripada penggunaan media digital yang digabung dengan media seni cetak konvensional telah melahirkan istilah 'Hibrid' sebagaimana definisi oleh mereka bahawa cetakan hibrid adalah kombinasi teknik seni cetak tradisi dengan imej melalui manipulasi teknologi komputer dan fotografi. Definisi ini bertepatan dengan istilah umum perkataan hibrid yang bermaksud pencampuran karaktor yang dihasilkan daripada elemen-elemen berbeza. Konsep hibriditi pula bermaksud kacukan, bauran, cantuman dua atau lebih entiti yang berlainan identiti sehingga membentuk entiti baru (Kamus Oxford, 2011).

Cetakan Hibrid semakin popular di masa kini (Phillips and Robb, 2004) yang menurut Adam and Robertson (2003) merupakan gabungan cetakan konvensional seperti cetakan skrin dengan teknik cetakan kontemporari seperti medium digital yang dapat memberi kesan berbeza dengan kaedah cetakan lapis demi lapis. Walker Art Centre (n.d.), pula mensarankan bahawa konsep hibriditi boleh diaplikasikan melalui dua aspek seni di abad ke-21 iaitu 'hibriditi media' dan 'pengkaburan sempadan'.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hibriditi media bagi artis masa kini, mempunyai pilihan yang pelbagai untuk menghasilkan karya. Mereka memilih media baru atau media bukan konvensional seperti bahan industri, bahan terbuang, dan teknologi terkini seperti fotografi, video atau media digital yang berupaya memberi cara baru untuk ekspresi diri. Kombinasi atau gabungan imej pegun, imej bergerak, bunyi, digital, bahan terbuang dapat menghasilkan seni hibrid melangkaui imaginasi artis konvensional. "Artists today are comfortable using whatever seems best to fully investigate and express their ideas or concepts and often move among different media and techniques to express new things in their work" (Walker Art Centre, n.d.).

Walker Art Centre (n.d) turut menyarankan bahawa untuk memahami seni masa kini adalah dengan mengenalpasti apakah media yang dipilih oleh artis kontemporari dan mempertimbangkan mengapa mereka memilih untuk mengaplikasikan media tersebut, "one approach to understanding art today involves identifying what media and materials the artists chose and considering why they chose to work with them".

Bagi Michael dan Khairul Aidil Azlin (2009), seni hibrid bukan hanya percampuran media, malah pengabungan teknik dan proses tidak kira sama ada baru atau lama bagi menghasilkan suatu karya kreatif. Ini kerana seni hibrid adalah lanjutan daripada kaedah seni campuran atau seni media campuran yang telah berkembang sejak awal abad ke-19. Sehingga kini, artis seni cetak juga bereksplorasi dengan pelbagai medium berbeza untuk menghasilkan satu karya cetakan sepertimana definisi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh Phillips and Robb (2004) bahawa “Mixed media Print is two or three different print techniques in the same print” (p.61).

Berdasarkan istilah-istilah yang dikemukakan oleh ramai penulis Barat tentang seni cetak kontemporari seperti perbincangan di atas, memperlihatkan artis-artis seni cetak hampir di seluruh dunia telah bersepakat menerima ledakan teknologi, bahan dan cara baru untuk berkomunikasi dan mengekspresi idea dalam karya seni cetak yang berbeza dengan kaedah konvensional. Noyce, (2010) mengakui bahawa “ One enduring certainty is that printmakers continue to embrace with enthusiasm, just as they always have done, new developments in technology, new materials, new processes and new means of communication” (p.7). Kemunculan istilah-istilah baru seni cetak ini mengambarkan suatu keadaan tindak balas artis-artis seni rupa terhadap kontek seni yang melibatkan persekitaran dan latar belakang sesebuah karya seni tersebut (Artlex.com).

2.5.2 Seni Cetak dalam Konteks di Malaysia

Seni cetak di Malaysia, jika diperhatikan daripada sudut perkembangan sejarah seni tempatan adalah kurang diberi perhatian oleh penulis seni tanahair dan kerap dipinggirkan dalam penulisan tentang seni visual berbanding dengan seni catan dan bidang seni yang lain (Juhari, 2009; Muliyadi, 2003). Walhal dapat dibuktikan bahawa seni cetak telah berkembang di zaman sebelum merdeka lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2.1 Seni Cetak Sebelum Merdeka

Sejarah awal seni cetak di Malaysia dapat dikesan sejak era penjajahan Barat. Pihak penjajah menghasilkan cetakan gurisan bagi merekod dan mendokomentasi lokasi, peristiwa, potret dalam bentuk ilustrasi seperti wajah pembesar dan peta Kota Melaka dalam tahun 1542 dan terbitan manuskrip "Malacca L'inde Meridionale" pada tahun 1882 (Ahmad Suhaimi, 2008). Penerbitan keluaran tempatan pula dapat dikesan menerusi majalah 'The Indo-Chinese Gleaner' sekitar tahun 1819, mengandungi ilustrasi hasil seni cetak kayu yang berasal daripada lukisan Munsyi Abdullah. Seterusnya Abdullah Ariff telah menghasilkan karya "Penang Glorious Holidays Abroad" tahun 1935, sebuah poster cetakan skrin sempena kempen melawat Pulau Pinang. Beliau juga telah menghasilkan pelbagai ilustrasi cetakan lino untuk majalah terbitan *Anglo-Chinese School* sekitar tahun 1936 (Long, 1993).

Masalah peperangan revolusi di Negara China telah membawa kaedah dan teknik medium cungkilan kayu gaya "Creative Print Movement" yang berunsur propaganda revolusi oleh beberapa artis cina yang berhijrah ke Singapura sekitar tahun 1930-an. Mereka telah menubuhkan "The Society of Chinese Artists" pada tahun 1936 dan Akademi Seni Halus Nanyang pada tahun 1938 (Sarah, 2012). Akademi ini adalah Institusi Seni rupa yang terawal ditubuhkan di Tanah Melayu yang membentuk pendidikan formal termasuk memperkenalkan teknik seni cetak di kalangan pelajar tempatan (Piyadasa, 2000; Long,1993).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah cungkilan kayu menggunakan teknik hitam-putih digunakan bagi mengambarkan suasana realiti kehidupan masyarakat tempatan yang dipengaruhi oleh seni cetak China, prinsip-prinsip pelukis Nanyang serta pendekatan seni cetak yang lebih bersifat komunikasi media. Antara contoh karya-karya seni cetak artis Nanyang sebelum merdeka ialah karya bertajuk "Lorong Belakang" tahun 1953 oleh Tan Tee Chie dan "Pertunjukan Boneka" tahun 1955 oleh Lim Mu Hue (BSVN, 2004). Gaya dan tema seni cetak ini sangat berbeza dengan kegiatan media catan pada masa itu yang lebih bertumpu kepada tema lanskap alam semulajadi yang romantik (Muliyadi, 2003).

2.5.2.2 Seni Cetak Kreatif Pasca Merdeka

Selepas kemerdekaan ramai artis berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang seni halus di luar negara. Antaranya adalah Long Thien Shih, Sulaiman Esa, Loo For Sang, Abdul Latiff Mohidin yang telah mendapat pendidikan khusus seni cetak di Atelier 17, Paris dan Lee Kian Seng di Jepun (Long, 1993; Muliyadi, 2003). Pendedahan di luar negara telah mendorong mereka menghasilkan karya seni cetak yang telah memberi sumbangan kepada perkembangan gaya dan tema seni rupa tanahair, walaupun disiplin ini bagi kebanyakkan artis bersifat sampingan berbanding catan (Muliyadi, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Chiew (1974), antara punca seni cetak kurang dipraktiskan pada ketika ini adalah kerana faktor ketiadaan kemudahan peralatan studio cetak terutamanya untuk penghasilan seni cetak benaman, litografi dan sutera saring. Seniman yang mendapat didikan seni cetak juga, menurut Chiew (1974) lagi, tidak cukup galakan dari segi peralatan studio, peluang berpameran, pertandingan, dan sokongan kewangan berbanding seniman cetak di negara Indonesia, Thailand dan Filipina.

Medium konvensional seperti gurisan asid, litografi dan sutera saring, kebanyakannya adalah karya-karya mereka hasilkan semasa berada di luar negara. Pengaruh gaya-gaya barat seperti abstrak, semi abstrak, surealis, kubis dan seni pop masih kelihatan jelas dengan tema sejagat sehingga era 1970-an. Antaranya adalah karya-karya oleh Long Thien Shih, Lee Joo For, Ismail Hashim, Abdul Latiff Mohidin, Ahmad Khalid Yusof, William K.K.Lau.

Sementara itu, pengaruh seni Nanyang masih terus diaplikasikan dengan kaedah cetak timbul dalam era pasca merdeka oleh sesetengah artis seperti karya Seah Kim Joo dan T. K. Karan yang banyak menggunakan kaedah cetakan monotaip gaya semi abstrak sekitar tahun 1960-an (Muliyadi, 2007; BSVN, 2004). Walaupun aktiviti berkarya dengan medium seni cetak tidak sepopular catan, terdapat juga pameran khusus seni cetak telah diadakan di Kuala Lumpur iaitu pameran potongan kayu Akademi Nanyang pada tahun 1966 dan pameran gurisan asid pelukis Atelier 17 Paris pada tahun 1968 (Muliyadi, 2007). Loo For Sang telah mengadakan pameran solonya di Kuantan, Kuala Lumpur dan Singapura pada tahun 1969 walaupun pada ketika itu masih berada di Paris (Clement, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bidang seni cetak dapat terus dihidupkan, apabila beberapa institusi pengajian tinggi tempatan menawarkan pendidikan formal dalam bidang ini. Di antaranya adalah Institut Teknologi MARA (ITM) pada 1967, Universiti Sains Malaysia (USM) pada 1974 dan Maktab Perguruan Ilmu Khas selain kolej swasta seperti 'Central College of Art' dan 'Malaysian Institute of Art' (A. Rahman, 2010).

Penubuhan kumpulan Anak Alam 1974, turut memberi sumbangan awal kepada perkembangan seni cetak tanahair. Abdul Latiff Mohidin banyak memberi pendedahan kepada ahli-ahli kumpulan yang kebanyakannya terdiri daripada *self-taught* artis. Beliau menyediakan mesin *etching* yang diubahsuai untuk digunakan. Hasilnya satu pameran seni cetak telah dapat diadakan dalam tahun 1977 dan 1980. Urutan dari itu sebuah bengkel seni cetak dapat ditubuhkan di premis Anak Alam pada tahun 1985 oleh Rahime Harun. Dengan adanya bengkel tersebut, banyak teknik seni cetak dapat dipraktikkan dan pelbagai bahan diuji untuk manfaat ahli-ahli mereka (Juhari, 2008).

Penglibatan Rahime Harun turut memberi sumbangan besar dalam perkembangan seni cetak negara. Selain menjadi artis seni rupa yang aktif dengan disiplin seni cetak, beliau adalah seorang promoter, pengurus dan kolektor seni rupa yang berpengaruh. Beliau membantu Anak Alam mengerakkan bengkel seni cetak dan galeri seni sekitar tahun 1980-an. Melalui AP Studio beliau berjasa membentuk artis-artis muda ketika itu bagi mendorong dan memajukan bidang seni cetak Negara (Juhari, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengaruh gaya barat terus diserap dalam karya pada era tahun-tahun 1970-an dan 80-an, namun penekanan kepada tema berkaitan isu-isu jati diri dan identiti tempatan telah menjadi idea utama oleh sebahagian besar artis ketika itu apabila Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) dibentuk pada tahun 1971. DKK yang menyarankan tiga konsep penting berkaitan dengan kebudayaan Melayu dan peribumi serta Islam yang menjadi unsur penting telah diperkukuhkan lagi melalui Seminar Akar-Akar Peribumi tahun 1979, Pameran 'Rupa dan Jiwa' tahun 1979 dan fenomena kebangkitan Islam sekitar tahun 80-an (Muliyadi, 2008).

Antara karya yang kelihatan menggunakan media seni cetak dalam menyahut DKK adalah karya Ahmad Khalid Yusof menerusi cetakan sutera saring bertajuk "Alif Ba Ta" (1971), Ponirin Amin "Dalam Sinar Mata Mu" (1978), Raja Azhar Idris "ALLAH" (1980) dan Sulaiman Esa dengan cetakan gurisan asid "Waiting for Godot I" (1977). Victor Chin pula mengabadikan siri Monumen bangunan bersejarah dengan menggunakan cetakan Lithografi berwarna dalam tahun 1980-an dan 1995.

Berbeza dengan Ilse Noor yang menghasilkan cetakan gurisan asid bagi siri lanskap bangunan tradisional sekitar tahun 1986, siri "Keris" dalam tahun 1994 dan siri "Samudera" yang berkaitan dengan lagenda kesusasteraan Melayu tradisi adalah hasilan penghujung 1990-an (BSVN, 2004). Ilse Noor yang sangat senonim dengan media dan teknik gurisan asid sentiasa mengekalkan cetakan dengan pendekatan konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Juhari Said pula dilihat meneruskan pengaruh DKK dalam kebanyakan siri karya beliau seperti siri “Taman” tahun 1985-1987, siri “Baju Kurung” tahun 1991-1993, siri peribahasa dan perumpamaan Melayu tahun 1997-2003 yang mengarap konsep nilai keislamam, sosial dan persoalan isu identiti sinis (Muliyadi, 2003). Karya cetakan timbul terutamanya cungkilan kayu sentiasa diaplikasikan sama ada cetakan secara konvensional mahupun cetakan kreatif menerusi media campuran. Beliau yang aktif berkarya, sering mengadakan pameran secara solo dan berkumpulan serta menyertai pertandingan seni.

Pada era ini, Balai Seni Lukis Negara (BSLN) adalah antara galeri seni yang telah menganjurkan pameran dan pertandingan seni cetak. Pembukaan BSLN pada tahun 1958, telah memberi lebih banyak peluang dan selain menerapkan agenda perpaduan, telah membantu artis memajukan diri, termasuklah dalam disiplin seni cetak.

Dalam pertandingan Terbuka Seni Lukis dan Cetakan Grafik 1971 anjuran ESSO dan BSLN, Lee Kian Seng memenangi hadiah utama menerusi karya bertajuk “Of Image Object, Illusion off Series Mechanism” dengan gaya seni Pop menggunakan media sutera saring. Pameran dan pertandingan Seni Cetak Grafik 1974 pula, dimenangi oleh Raja Zahabuddin Raja Yaacob dengan karya cetakan sutera saring bertajuk “Luar Dari yang Tidak Diketahui” (Chiew, 1974).

Dalam pertandingan ‘Salon Malaysia 1978/79’, karya Ponirin Amin “Di Pentasmu Nan Sepi” menggunakan teknik gurisan dan karya Ismail Latiff “Lembah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Binaan" telah memenangi anugerah 'Frank Sullivan'. Manakala Juhari Said pula dengan karya cetakan bertajuk "Tiga Cawan Kopi" menggunakan cetakan timbulan, telah memenangi hadiah utama kategori seni cetak dalam pertandingan 'Salon Malaysia 1991/1992' (Muliyadi, 2003).


Pertandingan Bakat Muda Sezaman (BMS) telah menobatkan hadiah utama kepada dua artis seni cetak iaitu Lee Kian Seng dengan tajuk karya "Poker Game" tahun 1975 dan Ponirin Amin dengan tajuk "Alibi Catur Di Pulau Bidong" tahun 1980 yang dikategorikan sebagai media campuran. Pemerhatian terhadap karya Ponirin Amin memperlihatkan disiplin cetakan terserlah, walaupun tidak menunjukkan ciri-ciri cetakan konvensional sebagaimana karya-karya pertandingan seni cetak terdahulu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Karya Ponirin seperti dalam rajah 2.4 menggunakan kefahaman konseptual yang menghubungkan objek-objek yang disusun atur dalam persembahan instalasi sebagai cetakan. Objek jaring atau jala dibuat dengan konsep pengulangan ukuran yang menggunakan matrik cuban. Origami berbentuk lalat dengan konsep lipatan yang sama membolehkan objek lalat dihasilkan sama seperti edisi. Begitu juga petak papan catur dipotong dan disusun sama saiz yang merupakan konsep kefahanan pengulangan yang serupa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2. 4. Karya Ponirin Amin bertajuk "Alibi Catur Di Pulau Bidong" (1980) (Sumber: BSVN 2004)

Karya ini menurut Juhari (2005) menjangkau garis sempadan makna dan menduga tahap pemikiran dan kefahaman sebagai karya cetakan. Karya ini bukan hanya menggunakan pendekatan konsepsual tetapi menggunakan media campuran sebagai karya cetakan. Selain karya bertajuk "Alibi Catur Di Pulau Bidong" (1980), karya cetakan Ponirin bertajuk Anggerek Putih Di Pusara (1983) telah menggunakan media campuran yang merupakan contoh penghasilan seni cetak kreatif (Rajah 2.5).




Rajah 2.5. Karya Ponirin Amin bertajuk "Anggerek Putih di Pusara" (1983) (Sumber: BSVN 2004)


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkembangan dan kemajuan teknologi fotografi dan komputer di seluruh dunia sejak tahun 1960-an turut mempengaruhi karya-karya seni cetak tempatan sekitar tahun 1980-an dan 1990-an, seperti karya cetakan komputer oleh Kamarudzaman Md Isa, Ismail Zain (Rajah 2.6), Ponirin Amin, dan Bahaman Hashim (Rajah 2.7). Manakala Ismail Hashim, Yee I-Lann, Nirajan Rajah (Rajah 2.8) dan Norma Nordin telah menggunakan media fotografi dengan cetakan digital (BSVN, 2004).



Rajah 2.6. Karya Cetakan Digital oleh Ismail Zain bertajuk “Al kesah” (1988) (Sumber: BSLN 1997)



Rajah 2.7. Karya cetakan digital oleh Bahaman Hashim bertajuk “Virtual Reality” (1993) (Sumber: BSLN 1997)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.8. Karya cetakan foto digital oleh Nirajan Rajah bertajuk ‘Telinga Keling’ (1999) (Sumber: BSVN 2004)

Karya-karya seperti ini menurut Muliyadi, (2003) boleh dipertikaikan sebagai karya cetakan asli atau konvensional kerana mengaburkan definisi dan etika penghasilannya. Walaupun tujuan berkarya untuk memperluaskan kemungkinan baru dalam pengolahan tatabahasa visual seni cetak, hilangnya batasan dalam mentakrifkan seni cetak hanya akan merugikan bidang itu sendiri. Muliyadi seterusnya menyarankan agar pengertian serta etika menghasilkan seni cetak asli sewajarnya dipertahankan di samping menggunakan kemajuan teknologi sebagai pengukuhan dalam proses pengkaryaan**.**

Perkara ini disangkal oleh Ponirin, (1995) bahawa seni cetak tidak harus dinilai dari segi teknikal semata-mata walaupun pada asasnya, ia adalah proses pemindahan imej yang mementingkan teknik tertentu. Proses ini sepatutnya tidak dijadikan isu ketidak-popularan bidang seni ini. Matlamat teknikal seni cetak sepatutnya bukan berakhir dengan teknikal semata-mata tetapi hakikatnya teknik seni cetak membawa maknanya tersendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mungkin atas pandangan ini dan juga sifat naluri artis yang suka kepada pembaharuan dan kelainan, tahun-tahun 1990-an telah menyaksikan lebih banyak karya yang mengaplikasikan media dan teknik cetakan. Media ini telah dihasilkan oleh artis yang telah terkenal serta artis golongan pelajar institusi seni halus walaupun masih tidak setanding bidang catan. Karya-karya ini dapat dikesan melalui aktiviti berpameran yang kebanyakannya secara berkumpulan. Antara pameran khusus seni cetak ialah "Impression-Contacts in Prints" tahun 1992, Pameran "Alternative Prints" tahun 1995, Pameran "Step by Step" di galeri Pelita Hati tahun 1995 dan Pameran GRAFIKA tahun 1996.

Pameran "Impression Contacts in Prints" tahun 1992, adalah pameran bersama artis Malaysia dan Perancis yang mempamerkan karya seni cetak konvensional yang diuruskan oleh kedutaan Perancis di Malaysia, telah diadakan di Galeri Seni Shah Alam, Selangor. Pameran "Alternative Prints" tahun 1995 pula, diadakan di Galeri Petronas, Kuala Lumpur, anjuran bersama Galeri Petronas, Kajian Seni Lukis dan Seni Reka UiTM dan Persatuan Artis Malaysia (Galeri Petronas, 1995).

Pameran ini telah menampilkan kepelbagaian idea dan eksperimentasi yang dipupuk daripada pendidikan seni cetak, terutamanya di Jabatan Seni Halus, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Institut Teknologi MARA (kini sebagai Universiti Teknologi MARA). Ponirin Amin (1995) sebagai kurator bersama, menyifatkan bahawa pameran ini sebagai peristiwa penting dalam pembangunan seni cetak kreatif dengan sokongan galeri dan persatuan seni negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Ponirin (1995) melalui penulisan dalam katalog pameran ini, menyatakan bahawa perkembangan seni cetak yang terbantut adalah akibat daripada fahaman cetek bahawa kegiatan seni cetak hanya bergantung kepada kemahiran teknikal artis dalam menghasilkan cetakan asli semata-mata serta keperluan prasarana yang canggih dan mahal serta cetakan mestilah dengan tangan sahaja. Fahaman ini menurut Ponirin (1995) lagi, telah menjerat kepintaran, intelektual dan daya kreatif artis sebagai pengiat seni cetak daripada berkembang maju.

Kebanyakan karya yang dipamerkan dalam pameran "Alternative Printmaking" ini telah menguji pendekatan berbeza dari segi pengolahan idea, penggunaan medium pelbagai dan bentuk persembahan yang mula membuka batasan definisi cetakan tradisi. Antara contoh karya yang dipamerkan ialah karya oleh Mumtaz Mokhtar bertajuk "Birthday 1" (Rajah 2.9). Karya ini yang dihasilkan menggunakan media cetakan skrin atas kertas dua dimensi telah dipersembahkan sebagai tiga dimensi yang berjaya menimbulkan kesan sebenar suasana kemeriahan.



Rajah 2.9. Karya oleh Mumtaz Mokhtar bertajuk "Birthday 1" (1995)
(sumber: Galeri Petronas,1995)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pameran GRAFIKA telah diadakan pada tahun 1996 dan 1997, yang disertai oleh tiga artis seni cetak terkenal iaitu Juhari Said, Ilse Noor dan Mohd Jamil Mat Isa. Mereka memperkenalkan media dan teknik cetakan tradisi utama yang telah menjadi stail individu setiap seniman ini. Juhari Said dengan cetakan kayu, Ilse Noor dengan cetakan benam dan Mohd Jamil dengan sutera saring. Antara mereka bertiga, Juhari Said menampilkan beberapa karya cetakan bereksperimen dengan pelbagai media campuran (BSLN, 1996).

Antara karya Juhari Said yang menggunakan media campuran, seperti karya yang bertajuk “Seperti Katak Puru di Bawah Tempurung” dan “Borak Kedai Kopi, Sayalah Hero” (Rajah 2.10). Media campuran seperti kesan cetakan gosokan duit syiling, cetakan kolograf daun pucuk ubi, hasil cetakan acuan, setem, tali, cawan, piring dan kopi uncang, tempurung yang dikolaj di atas kertas buatan tangan atau papan. Bahan-bahan campuran ini kebanyakannya mempunyai ciri-ciri cetakan iaitu cetakan komersial pada setem, cetakan acuan, cetakan kolaj yang jauh berbeza daripada cetakan konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.10. Karya Juhari Said bertajuk "Seperti Katak Puru di bawah Tempurung" (1996) dan "Borak Kedai Kopi, Sayalah Hero" (1996) (sumber: BSLN, 1996)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penghujung tahun 1990-an, kebanyakan seniman seni rupa terus teruja dengan ekplorasi pelbagai bahan campuran untuk aplikasi karya masing-masing seiring dengan era pluralis (Muliyadi, 2007) dan era anjakan minda (Ponirin, 1995). Seni cetak yang dilihat sebagai karya seni yang konvensional, bersifat teknikal tunggal semata-mata, kelihatan masih dipinggirkan. Walaupun beberapa percubaan untuk mendidik masyarakat seni bahawa seni cetak juga boleh bergabung dengan disiplin lain dan berkembang seperti seni catan, lukisan dan arca, tetapi masih sukar diterima atas nama karya cetakan.

Menerusi pameran berkumpulan seperti "Alternative Prints" (1995) dan usaha seniman cetak seperti Juhari Said dan Ponirin Amin misalnya, yang gigih mengketengahkan karya seni cetak campuran sebagai satu bidang yang boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkembang maju, kelihatan kurang mendapat sambutan. Sebilangan besar dalam masyarakat seni sendiri tidak dapat menerima karya seumpama itu sebagai karya seni cetak dan memandang rendah nilai keseniaannya sepertimana maksud sinis kata-kata Juhari (2009, p.55), “apabila seseorang seniman menjadikan seni cetak sebagai wadah utama untuk berkarya, beliau ibarat berjalan seorang diri. Pelukis tersebut bagaikan melalui sebuah lorong kesunyian. Malah dia dipandang penuh curiga pula dan kadangkala tidak dipedulikan atau mungkin dilupakan sahaja”.

Umumnya, seni cetak dipandang sebagai seni yang terikat dengan media dan tekniknya yang spesifik sahaja. Ia jarang dilihat sebagai media komunikasi untuk menyalurkan pandangan dan pengalaman seniman. Kerana itu seni cetak kreatif sebagai karya seni rupa komunikasi dianggap kurang penting atau tidak diakui berbanding media dan teknik yang dipunyainya (Juhari, 2009; Ponirin, 1995).

Media cetak skrin misalnya mempunyai pelbagai teknik seperti yang paling asas adalah stensil. Teknik stensil terbuka atau dengan skrin, paling efektif diaplikasi dengan pewarna berasaskan air. Media dan teknik ini telah diaplikasikan oleh seniman Ibrahim Hussein dan Ismail Zain dalam karya-karya catan popular mereka sejak 1960-an lagi.

Karya Ibrahim Hussien seperti karya bertajuk “My Father and Astronout” 1969 (Rajah 2.11), “Mengapakah Engkau Begitu?” (1969) (Rajah 2.12) dan “Pak Utih” 1970, telah menggunakan teknik cetakan stensil untuk beberapa imej bersama dengan media catan untuk menyampaikan idea yang lebih tepat. Selain itu Ibrahim

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

banyak menggunakan teknik ‘Printage’ yang merupakan teknik pemindahan imej cetakan disamping teknik stensil (Sabapathy and Piyadasa, 1983).



Rajah 2.11. Karya Ibrahim Hussien bertajuk “My Father and Astronout” (1969) (Sumber: Sabapathy and Piyadasa, 1983)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 2.12. Karya Ibrahim Hussien bertajuk “Mengapakah Engkau Begitu” (1969) (Sumber: Sabapathy and Piyadasa, 1983)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga karya Ismail Zain, dilihat banyak mengaplikasikan teknik stensil seperti karya bertajuk “Kubunuh CintaKu” (1970) dan “Surface Painting” (1970) (Rajah 2.13), yang pengaplikasikan teknik stensil terbuka dengan cara cat semburan. Stensil siap yang digunakan adalah yang diambil daripada plastik dekoratif alas meja berlubang dekoratif. Penggunaan teknik ini dianggap bijak oleh Sabapathy dan Piyadasa, (1983) dalam mengemukakan idea konflik timur dan barat dan secara formalisnya dapat menghidangkan imej kemas, terkawal dan mengoda.



“Kubunuh Cintaku” (1970) “Surface Painting” (1970)

Rajah 2.13. Karya Ismail Zain bertajuk “Kubunuh Cintaku” (1970) dan “Surface Painting” (1970) (Sumber: Sabapathy and Piyadasa, 1983)

Artis seperti Nirmala Dutt Shanmughalingam menjadikan media cetakan skrin dengan teknik foto-mekanikal stensil sebagai kaedah utama penghasilan karya catan beliau sekitar tahun 1970-an dan 1980-an, terutamanya dalam karya bersirikan peperangan (Rajah 2.14). Teknik ini dapat memberikan kesan keganasan dan huru hara yang diperlukan terhadap imej media massa yang digunakan. Teknik ini juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memudahkan pengulangan imej yang sama bagi mendapatkan kesan dramatik (Sabapathy and Piyadasa, 1983).



"Vietnam 1" (1970)



"Vietnam II" (1970)

Rajah 2.14. Karya Nirmala Dutt Shanmughalingam bertajuk "Vietnam 1 & II" (1970) (Sumber: Sabapathy and Piyadasa, 1983)

Artis seni cetak seperti Juhari Said, Ponirin Amin dan Kelvin Chap adalah antara yang aktif bereksplorasi dengan bahan dan teknik campuran sekitar tahun 1990-an untuk menghasilkan seni cetak kreatif. Pengabungan media dan teknik cetakan dengan media atau teknik bukan cetakan dilihat berjaya disepadukan dan berbeza daripada cetakan konvensional. Contoh karya Ponirin bertajuk "Al-Fatihah" (Rajah 2.15), dihasilkan dalam tahun 1991, menggunakan gabungan media cetakan komputer dan kayu.



Rajah 2.15. Karya Ponirin Amin bertajuk "Al Fatihah" (1991) (Sumber: BSVN, 2004)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Karya Kelvin Chap yang bertajuk “Belawing, Keramen dan Mamat”, hasilan tahun 1995 (Rajah 2.16) adalah antara karya dalam siri ‘Belawing and the Great Mamat’. Media yang tercatat ialah media campuran yang tidak memberi maklumat yang tepat terhadap karya dan telah menidakkan kategori karya cetakan, sedangkan karya ini menggunakan media dan teknik cetakan skrin secara mono dengan begitu optimum. Pengulangan imej asli yang sama di atas kanvas dilihat sebagai penyelesaian bentuk dan makna yang mengenengahkan budaya masyarakat Borneo dalam memberi kesan padat dalam suasana kontemporari (Badruddin, 2000).



Rajah 2.16. Karya Calvin Chap bertajuk “Belawing, Keramen, Mamat” (1995)
(Sumber: BSVN, 2004)


Siri ini merupakan karya Kelvin Chap Kok Leong melalui pameran solo pertama beliau pada tahun 1996, yang telah diadakan di galeri Pelita Hati, Kuala Lumpur. Pada tahun 2000, Kelvin telah mempamerkan karya-karya seni cetak kreatif beliau dalam pameran solo ke-dua, bertajuk ‘Idea No 9’ di tempat yang sama. Dalam pameran ini beliau mempamerkan imej topeng asli yang dicetak secara hitam dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

putih sahaja bagi mendokumentasikan nilai budaya masyarakat Borneo yang penuh mistik (Badruddin, 2000). Kebanyakkan karya dihasilkan dalam tahun-tahun 1990-an, mengaplikasikan media dan teknik gurisan asid dan cetakan skrin secara mono di atas kertas dan kanvas.

Menerusi carian internet, dapat dikesan Kelvin Chap masih terus aktif berkarya dengan ekplorasi media campuran yang lebih menjurus kepada aplikasi catan. Terdapat juga karya-karya yang mengekalkan cetakan konvensional seperti karya bertajuk ‘Moose, Tiger, Bird’ tahun 2014 (Rajah 2.17) yang mengaplikasikan medium cetakan skrin.



Rajah 2.17. Karya Calvin Chap bertajuk “Moose, Tiger, Bird” (2014) (Sumber: Kelvin, 2014, www.artmajeur.com).

Karya konvensional Kelvin Chap ini mengingatkan kepada karya-karya Juhari Said seperti karya yang bertajuk “Katak Hendak Jadi Lembu” tahun 1997 (Rajah 2.18) yang menggunakan medium cungkilan kayu bersaiz 73 x 54 cm.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.18. Karya Juhari Said bertajuk "Katak Hendak Jadi Lembu" (1997)
(Sumber: Juhari, 2003)

Juhari Said yang senonim dan setia dengan media dan teknik cetak timbul, banyak menghasilkan karya cetakan campuran sejak awal 1990-an. Karya-karya dalam siri seperti "Spilled Coffee" hasilan 1991 hingga 1994, mengabungkan teknik cetakan timbul dengan media lukisan dan catan serta bahan makanan iaitu kopi. Siri "Grafika" hasilan 1995 hingga 1996 pula lebih pelbagai dan bebas. Cetak timbul, tekapan, kolograf, kertas buatan sendiri, objek cetak komersial, objek sebenar, adalah antara bahan-bahan yang ditindih dan dikolaj bersama (Juharisaid.com).


Karya-karya dalam siri "Peribahasa" hasilan 1996 hingga 2003 pula mengekalkan cetakan timbul yang digabung bersama media lukisan seperti cat air dan *graphite* dalam kebanyakkan karya. Karya bertajuk "Cakap Siang Pandang-Pandang, Cakap Malam Dengar-Dengar" (1996) dan karya bertajuk "Bila Telunjuk Menunding, Tiga Jari Menunding ke Arah Kita" tahun 1997 (Rajah 2.19) mengaplikasikan bahan dan teknik lebih pelbagai dan mantap seperti cetak timbul, acuan bahan kaca gentian, objek sebenar, medium akrilik dan kertas buatan sendiri (Juharisaid.com).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



"Bila Telunjuk Menunding, Tiga Jari Menunding Ke Arah Kita" (1997)
Woodblock, collage, fibre glass on handmade paper.
70 x 60 cm



"Cakap Siang Pandang-Pandang, Cakap Malam Dengar-Dengar" (1996)
Fibre glass, handmade paper, found object.
35 x 52 cm

Rajah 2.19. Karya Juhari Said bertajuk "Bila Telunjuk Menunding, Tiga Jari Menunding Ke Arah Kita" (1997) dan "Cakap Siang Pandang-Pandang, Cakap Malam Dengar-Dengar" (1996) (Sumber: Juharisaid.com)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2.3 Aplikasi Media dan Teknik Cetakan dalam Abad ke-21

Juhari Said merupakan artis seni cetak yang terus aktif mengaplikasikan media dan teknik cetakan dalam abad ke-21. Selain Juhari Said, pameran secara solo oleh artis seperti, Zulkifli Yusuf, Stephan Menon, Kim Ng, Raduan Man, Mohd Fauzi Sedon, Faizal Suhif, Mohd Jamil Mat Isa dan yang termuda Sabihis Pandi, memperlihatkan penggunaan media dan teknik cetakan yang serius dan mendominasi bentuk karya yang dihasilkan, walaupun kebanyakkan karya-karya mereka tidak mengamalkan dan mempamerkan cetakan secara konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat juga artis-artis yang menggunakan media dan teknik cetakan, berpameran secara solo atau berkumpulan. Pameran-pameran ini tidak menjurus kepada mana-mana disiplin seni, yang kebiasaannya adalah berdasarkan tema tertentu. Namun, melalui penulisan apresiasi atau kritikan seni melalui katalog pameran atau akhbar, kerap kali karya-karya tersebut hanya dilabel sebagai karya media campuran walaupun aplikasi media dan teknik cetak mendominasi penampilan bentuk karya dengan jelas.

Bagi melihat penerimaan masyarakat seni tempatan secara umum terhadap seni cetak kreatif, adalah wajar menyusuri dan meneliti pameran berkumpulan yang khusus tentang seni cetak. Pameran berkumpulan seni cetak dijadikan kayu pengukur kepada penganjuran dan penglibatan pihak galeri dan artis tempatan yang serius dalam bidang ini. Menerusi pemerhatian dan pencarian data, didapati hampir tiada pameran berkumpulan khusus kepada seni cetak tempatan dapat dikesan di penghujung 1990-an dan di awal abad ke-21.

Hanya pada tahun 2004 pameran seni cetak berkumpulan telah diadakan iaitu pameran bertajuk “The Rhythm of Art in Printmaking” anjuran Fakulti Senilukis dan Senireka, UiTM yang diadakan di Galeri Shah Alam. Merujuk kepada katalog pameran yang lebih berupa risalah, tidak terdapat sebarang apresiasi terhadap karya-karya cetakan yang dipamerkan. Melihat kepada lapan gambar karya yang tertera sebagai hiasan, pameran ini adalah gabungan hasilan karya lama dan baru seperti karya Juhari Said bertajuk “Kematian Seorang Puteri 2” hasilan tahun 1983 menggunakan cetakan kayu, karya Bahaman Hashim, bertajuk “Bumi Larangan”1983 dengan media gurisan asid, Ali Hanafiah Kassim dengan karya cetakan kayu hasilan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahun 2000 bertajuk “Tangga Batu Melaka” serta karya Nor Aziah Mohd Yussuf dengan cetakan digital tahun 2002 bertajuk “Dream V” (Galeri Shah Alam, 2004).


Balai Seni Lukis Negara (BSLN) menganjurkan pameran “British in Print/Print in Malaysia” pada penghujung tahun 2005 di BSLN, Kuala Lumpur. Pameran ini berkoleberasi dengan karya-karya seni cetak British oleh Paragon Press. Bersempena dengan pameran cetakan British, pihak BSLN mengusahakan pameran karya-karya daripada koleksi BSLN yang terdiri daripada seni cetak konvensional dan yang tergolong sebagai cetakan kreatif dan eksperimental (Saharudin, 2005). Pameran tersebut telah mempamerkan karya-karya artis tempatan yang berlainan disiplin seni rupa, dengan pengucapan seni cetak mengikut kefahaman dan pendekatan tersendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Juhari Said yang dijemput menjadi kurator pameran, artis seperti Zulkifli Yusof, Noorazizan Paiman dan Hazrul Marzan Rusli yang mengabungkan media dan teknik seni cetak bersama dengan teknik seperti pengarcaan, lukisan, catan, dan kolaj (Juhari, 2005). Pendekatan percampuran media dan teknik yang sering digabungkan dalam karya mereka menjadi kelaziman yang kadang kala dilakukan tanpa disedari oleh mereka, apa lagi oleh audien yang kurang peka. Karya Hazrul Marzan Rusli (Rajah 2.20) misalnya menggunakan media simen dengan teknik acuan menghasilkan karya berbentuk tiga dimensi seperti sebuah arca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.20. Karya Hazrul Marzan Rusli bertajuk "Maksud dan Pembayang" (2005) (Sumber: BSVN, 2006)

Pameran seni cetak berikutnya pada tahun 2007, bertajuk "Rentas Sempadan" bertempat di Balai Seni Lukis Pulau Pinang. Pameran seni cetak antarabangsa ini adalah anjuran Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang bersempena dengan Festival Seni Antarabangsa Pulau Pinang 2007. Ia mendapat penyertaan daripada 58 artis daripada 20 buah negara yang mempamerkan 90 karya seni cetak pelbagai media dan teknik (A. Rahman, 2007).

Menurut A.Rahman selaku kurator jemputan pameran, 'Rentas Sempadan' bukan hanya merentas geografi sempadan negara tetapi juga merentas disiplin konvensional seni cetak. Selain seni cetak konvensional, ramai artis luar dan dalam negara mempamerkan karya menggunakan media dan teknik seperti digital, *xerography*, kertas buatan tangan dan acuan. Terdapat artis seni cetak tempatan yang menggunakan pendekatan instalasi untuk mempamerkan karya beliau seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohamad Khizal Saat yang diberi tajuk *"Dejavunik"* hasilan tahun 2004 (Rajah 2.21).



Rajah 2.21. Karya Mohamad Khizal Saat bertajuk "Dejavunik" (2004)
(Sumber: Penang State Gallery, 2007)

Pameran berkumpulan seterusnya bertajuk "Go Block" pada tahun 2009 telah diadakan di Galeri Petronas. Pameran yang lahir daripada buah fikiran Juhari Said disertai buat kali pertamanya oleh lima artis, terdiri daripada Juhari Said sendiri, Zulkifli Yusuf, Kim Ng, Izan Tahir dan Shahrul Jamili Miskon. Menurut Badrolhisham selaku kurator pameran, "*Go Block* merupakan pameran seni cetak alternatif yang bertujuan membuka dialog mengenai medium cetakan yang selama ini dianggap mengongkong kebebasan seniman akibat kerenah prosesnya" (Badrolhisham, 2009, p.10).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Karya-karya yang dihasilkan oleh artis-artis terpilih ini, cuba mentafsir konsep seni cetak dengan pengolahan *'blok'* yang melangkau batas sempadan seni cetak tradisi untuk berkreativiti secara bebas dengan medium cetakan. Pameran ini dilihat cuba menjelaskan pada masyarakat seni bahawa seni cetak boleh berevolusi, bersifat dinamik seperti bidang-bidang lain dalam seni halus dan tidak terikat kepada format gambar sahaja.

Karya-karya yang dipamerkan diolah kepada format instalasi yang menjadi trend masa kini, yang menurut Badrolhisham (2009), ruang fizikal diberi penekanan dengan objek seni yang menggunakan 'medium cetak' yang wujud di luar pengamatan biasa. Karya Juhari Said, misalnya mengemukakan instalasi bentuk bahan tanah daripada acuan mangkok sebagai matrik cetakan (Rajah 2.22). Bentuk tanah yang sama membawa fahaman konsep pengulangan.



Rajah 2.22. Karya Juhari Said bertajuk "Untitled" (2009) (Sumber: Galeri Petronas, 2009)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Karya Shahrul Jamili bertajuk “Making Sense Can Sometimes Get Out of Hand” hasilan 2008 (Rajah 2.23), juga menggunakan acuan untuk ‘mencetak’ bahan daripada simen. Izan Tahir pula yang menghasilkan instalasi bertajuk “Face” dan “Going” hasilan 2008 (Rajah 2.24), menggunakan bahan kertas kisar dan potongan lino sebagai kaedah acuan.



Rajah 2.23. Karya Shahrul Jamili bertajuk “Making Sense Can Sometimes Get Out of Hand” (2008) (Sumber: Galeri Petronas, 2009)



Rajah 2.24. Karya Karya Izan Tahir bertajuk “Going”(2008) (Sumber: Galeri Petronas, 2009)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zulkifli Yusuf, menghasilkan imej cetakan yang dikolaj pada objek-objek instalasi gabungan dua dimensi dan tiga dimensi bertajuk “Merdeka 57” (2009) (Rajah 2.25). Manakala Kim Ng, menjurus kepada campuran pelbagai media dengan medium cetak skrin mendominasi karya-karya dua dimensi beliau. Kim Ng juga menghasilkan karya instalasi bertajuk “In Preserving and Conservation of” (2008) (Rajah 2.26), yang menggunakan bahan plaster dengan acuan daripada kesan cetakan skrin.



Rajah 2.25. Karya Zulkifli Yusuf bertajuk “Merdeka 57” (2009) (Sumber: Galeri Petronas, 2009)



Rajah 2.26. Karya Kim Ng bertajuk “In Preserving and Conservation of” (2009) (Sumber: Galeri Petronas, 2009)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Go Blok" dilihat antara yang terpenting dan berani dalam mengetengahkan gagasan seni cetak kontemporari yang mana Rampley (2009) menyarankan agar karya-karya yang dipamerkan ini diiktiraf sepenuhnya akan kepentingan seni cetak kerana karya-karya ini "dapat menunjukkan bagaimana sempadan amalan seni dapat diperluaskan dengan menerokai kemungkinan-kemungkinan seni cetak" (p.27). Namun demikian, katalog yang mengiringi pameran ini lebih menumpukan kepada persoalan bentuk teknikal sahaja. Kenyataan artis tentang karya mereka masih tidak jelas menghubungkan makna dengan perubahan bentuk cetakan yang dihasilkan.

Lanjutan daripada pameran seni cetak antarabangsa "Rentas Sempadan" pada 2007, sekali lagi, pada tahun 2010, Muzium Pulau Pinang bersama Universiti Sains Malaysia menganjurkan pameran seni cetak antarabangsa Pulau Pinang atau ringkasannya sebagai 'PIPE 2010'. A. Rahman Mohamad dan Juhari Said adalah kurator bersama yang menjadi meneraju utama bagi pameran terbuka yang mendapat sambutan luar jangkaan daripada artis luar negara.

Menurut A. Rahman (2010), sebanyak 391 daripada 566 penyertaan dipilih untuk dipamerkan yang melibatkan 55 negara seluruh dunia. Kesemua karya masih terikat dengan bentuk dua dimensi bagi mematuhi syarat pameran. Media dan teknik seni cetak konvensional menjadi pilihan majoriti penyertaan. Terdapat cetakan kreatif turut dipamerkan seperti aplikasi digital, cetakan daripada objek sedia ada dan gabungan dengan teknik kolaj serta catan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk kepada katalog pameran (Penang State Gallery, 2010) terdapat 16 karya penyertaan oleh 16 artis tempatan. Antaranya yang menghasilkan cetakan kreatif seperti karya Mohd Shahril Nawawi, Kim Ng dan Rosiah Md Noor yang menggunakan media campuran. Karya Chong Hip Seng yang mencetak imej atas kertas bercetak komersial dan karya Chew Teng Beng yang menggunakan teknik acuan kertas buatan sendiri seperti dalam rajah 2.27 dan rajah 2.28.



Rajah 2.27. Karya Chong Hip Seng bertajuk "Chinese Window" (2010)
(Sumber: Penang State Gallery, 2010)



Rajah 2.28. Karya Chew Teng Beng bertajuk "Mermaid" (2010)
(Sumber: Penang State Gallery, 2010)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Go Block" ke-dua yang diadakan dalam tahun 2010 semasa pameran Antarabangsa Seni Cetak Penang, PIPE 2010, dianggap oleh Juhari Said sebagai gagal. Juhari semasa sesi wacana seni sempena pembukaan pameran "Go Block" ke-3 di Galeri G13 pada tanggal 20 Oktober, 2018, menyatakan demikian kerana program "Go Block" 2010 itu telah terkeluar daripada tujuan dan misi asal pameran "Go Block" itu sendiri.

Berkemungkinan "Go Block" ke-2 ini, dilakukan dengan aktiviti yang berbeza daripada pameran "Go Block" pertama. "Go Block" ke-2 mempamerkan cetakan kain batik yang dipakai oleh sekumpulan pelajar USM sebagai peserta. Mereka menaiki beca yang menggunakan payung dengan cetakan imej dan warna yang serupa, mengelilingi sekitar Bandaraya Pulau Pinang (Rajah 2.29), yang menjurus kepada seni persembahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.29. Aktiviti 'Go Block' 2010 (Sumber: Juhari, 2018)

Buat beberapa tahun agak sunyi seketika penganjuran pameran seni cetak berkumpulan. Pada tahun 2014, muncul semula pameran seni cetak dengan tajuk "Cetak Kolektif – TP I" yang diusahakan oleh artis Faizal Suhif dan Samsudin Wahab

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertempat di galeri HOM Art Trans. Pameran ini berteraskan cetakan konvensional dengan harapan menghidupkan dan meraikan seni cetak tradisi agar tidak terus dilupakan (HOM Art Trans, 2015).

Selain Faizal Suhif dan Samsudin Wahab, Pameran Cetak Kolektif I, 2014 disertai oleh empat lagi artis muda jemputan. Arson Ong menggunakan gurisan kering (Drypoint), Sabihis Md Pandi dengan cungkilan kayu (woodcut), Zul Husni Md Duan dan Faizal Suhif dengan gurisan asid (etching), Hazul Bakar menggunakan cetakan skrin (screen Printing) dan Samsudin Wahab dengan kaedah potongan lino dan stensil (lino cut & stencil).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada 2015, sekali lagi Pameran "Cetak Kolektif –TP II" diadakan di HOM Art Trans, Kuala Lumpur dengan meneruskan misi dan tujuan yang sama. Kolektif merupakan kumpulan artis muda yang berminat menghasilkan karya seni cetak konvensional. Huruf *'TP-II'* adalah singkatan perkataan '*Test Print"* (cetak uji) bagi persembahan ke-dua kumpulan yang 'menguji' usaha mereka dalam menangani permasalahan bentuk (teknik) secara tradisi dengan pengucapan makna yang berkontekskan kontemporari (Sarah, 2015). Pameran kali ini disertai seramai lapan artis muda termasuk Faizal Suhif dan Samsudin Wahab (HOM Art Trans, 2015).

Dalam tahun 2015 juga, telah berlangsung pameran berkumpulan bertemakan 'pekerja'. Pameran ini diberi tajuk "Peasants and Proletariats: A Print Art Exhibition Tribute to Workers" diadakan di Xin Art Space, Kuala Lumpur. Goh, (2015)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menerangkan bahawa pameran ini diadakan bersempena dengan sambutan hari pekerja yang berlaku dalam bulan Mei.

Pameran ini memilih karya-karya cetakan lama dan baru yang berhubung dengan tema ‘pekerja’ dalam pelbagai bidang pekerjaan dan mengkhususkan kepada media cetak sahaja. Medium seni cetak dipilih bukan kerana meraikan bentuk seni cetak sahaja sebaliknya kerana media dan teknik seni cetak yang digunakan oleh artis-artis pilihan adalah senonim untuk mengambarkan nasib serta kelas sosial petani dan golongan kelas pekerjaan.


Pameran ini membuktikan bahawa media dan teknik seni cetak sentiasa relevan menggambarkan sesuatu idea dan tema. Karya medium cetak tradisi seperti cungkilan kayu oleh artis-artis seperti Chuah Thean Teng dengan tajuk “Break Time” hasilan sekitar tahun 1936 dan karya oleh Lai Loong Sung dengan tajuk “Key Maker” hasilan tahun 1977 (Rajah 2.30), adalah contoh karya-karya awal seni cetak tanahair. Manakala rajah 2.31, menunjukkan karya Abdul Mansoor Ibrahim bertajuk “Blood Sucker” (2012) dan Jerome-Pangrok Sulap bertajuk “Kami bekerja kerana Kami Berhutang” (2014) adalah contoh karya semasa dengan kaedah konvensional (Xin Art Space, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Chuah Thean Teng
"Break Time" (c.1936)



Lai Loong Sung
"Key Maker" (1977).

Rajah 2.30. Karya Chuah Thean Teng bertajuk "Break Time" (c.1936) dan Karya Lai Loong Sung bertajuk "Key Maker" (1977) (Sumber: Xin Art Space, 2015)



Abdul Mansoor Ibrahim
"Blood Sucker" (2012)



Jerome-Pangrok Sulap
"Kami bekerja kerana Kami Berhutang"
(2014)

Rajah 2.31. Karya Abdul Mansoor Ibrahim bertajuk "Blood Sucker" (2012) dan Jerome-Pangrok Sulap bertajuk "Kami Bekerja Kerana Kami Berhutang" (2014) (Sumber: Xin Art Space, 2015)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Karya-karya seperti yang dilampirkan di atas, adalah antara karya baru dan lama yang tidak lapuk ditelan zaman dalam meluahkan makna sama ada secara terang-terangan atau secara tersurat. Ini membuktikan bahawa medium seni cetak konvensional lebih mudah difahami dan lebih jelas berkomunikasi dengan audien.

Selain media cetak tradisi, aplikasi media dan teknik seni cetak kreatif oleh artis seperti Kim Ng yang menggunakan media campuran iaitu bitumen, pencil, charcoal dan *tranfer print* dalam karya bertajuk "Street Walker IX" (Rajah 2.32). Karya-karya media campuran yang mengutamakan medium cetak telah memberi pendedahan kepada khalayak dan pendokong seni seperti ucapan Goh (2015, p.1), "it is an interesting group show by both veterans and upcoming artist in various approaches with some rarely seen print works".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Gambar 2.32. Karya Kim Ng bertajuk "Street Walker IX" (2014). (Sumber: Xin Art Space, 2015)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya pada bulan Febuari 2016, pameran bertajuk “Prints That Matter-A Group Exhibition” berlangsung di galeri Pelita Hati, Bangsar. Pameran ‘Prints That Matter-A Group Exhibition’ ini, memaparkan karya-karya yang menggunakan media dan teknik seni cetak. Pameran ini yang disertai oleh beberapa artis senior jemputan dan artis baru yang kebanyakkannya adalah pelajar yang baru menamatkan pengajian dalam bidang seni halus dan artis muda dalam bidang seni reka (Galeri Pelita Hati, 2016).

Antara artis senior adalah Abdul Mansoor dan Fuad Fathil dengan cetakan konvensional gurisan asid dan turisan kayu. Artis-artis baru pula mengaplikasikan kaedah dan pendekatan cetakan kontemporari. Noorismaniza Said, Shaarim Sahat dan Zahuri Harun mengaplikasikan cetakan digital dengan kemasan akhir secara catan. Aiman Asyran melakukan pemindahan imej kolaj terus ke atas kanvas. Manakala karya Nurul Syafikah (Gambar 2.33) dan Muhammad Shaufie Mohd (Gambar 2.34) dicetak menggunakan teknik cetakan tradisi ke atas kanvas.



Rajah 2.33. Karya Noorismaniza Said bertajuk “My Dream” (2015) (Sumber: Galeri Pelita Hati, 2016)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.34. Karya Muhammad Shaufie bertajuk “Berkudap-Kudap” (2016)
(Sumber: Galeri Pelita Hati, 2016)

Pada bulan Ogos 2016 pula, pameran berkumpulan seni cetak kreatif bertajuk “Terap: Contemporary Malaysian Printmaking” anjuran Segaris Art Centre, Damansara, Kuala Lumpur, diadakan di tempat yang sama. Pameran ini disertai oleh artis-artis jemputan yang terdiri daripada artis seni cetak senior dan baru. Antaranya ialah seperti Ilse Noor, Long Thein Shih, Loo Foh Sang, Juhari Said, Abdul Mansoor Ibrahim, A.Rahman Mohamad, Jack Ting, Lye Yau Fatt, Jamil Mat Isa, Stephan Menon, Fuad Fathil, Rizo Leong, Podien dan Syazwan Rusdin (Segaris Art Center, 2016).

Penggunaan media dan teknik seni cetak oleh artis dalam pameran ini adalah pelbagai yang masih mengekalkan medium tunggal yang dicetak atas kertas atau kanvas, yang kebanyakannya cetakan secara monotaip. Pilihan medium dan pendekatan teknik yang dipilih bertujuan memenuhi pengucapan idea seperti pendapat Safrizal (2016) selaku kurator jemputan bahawa “seni cetak bukanlah hanya semata-mata berkaitan penerokaan dan kesempurnaan teknik dalam mencipta tanda, namun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah medium yang menekankan kecemerlangan teknik dalam proses menjana tanda bagi tujuan mencapai maksud imej yang diidamkan dalam tujuan keseluruhannya untuk menyatakan mesej yang dimaksudkan" (p.23).

Satu lagi pameran berkumpulan seni cetak telah berlangsung dalam tahun 2016 di galeri Core Design. Cuma pameran ini hanya disertai oleh dua orang artis muda iaitu Faizal Suhif dan Haafiz Shahimi. Pameran yang bertajuk "Faizal v Haafiz: Dawn of Extended Printmaking", mengemukakan karya-karya yang jauh berbeza dengan seni cetak konvensional. Karya-karya yang dipamerkan menunjukkan ekplorasi dan ekperimentasi terhadap kaedah dan proses tradisi kepada bentuk dimensi baru seni cetak.

Semasa seni cetak kreatif masih bergelut dengan penerimaan masyarakat seni, Faizal dan Haafiz dilihat berjaya menyakinkan pihak galeri untuk menyokong karya-karya mereka sebagai karya yang tergolong dalam bidang seni cetak, "while the marginalisation of print has been a much discussed topic, Faizal Suhif and Haafiz Shahimi are tackling the issue in a different manner, taking their explorations of printmaking methods to a whole new dimension that they call extended printmaking" (Core Design Gallery, 2016, p.2).

Dalam ruang prolog katalog pameran, penulis pihak Core Design Gallery, (2016, p.2), juga memberi komen positif iaitu, "this form of printmaking honours time-tested traditional printmaking methods but also injects a welcome burst of refreshing energy into the genre through unconventional ways, be it concepts, materials or techniques". Selain itu, katalog pameran yang disertakan lengkap dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penulisan tentang latarbelakang dan perkembangan ringkas seni cetak serta liputan tentang bentuk dan makna karya-karya Faizal dan Haafiz (Core Design Gallery, 2016).

Bentuk karya Faizal dalam pameran ini masih mengekalkan kaedah cetakan yang telah diterokai sejak beberapa tahun yang lalu. Kaedah cetak tekap yang menggunakan permukaan bumi seperti dataran tanah sebagai matrik cetakan beliau. Imej spontan yang terhasil di atas kanvas memberi kepuasan jalinan yang dapat menghubungkan ruang lingkup alam persekitaran (Core Design Gallery, 2016).

Karya bertajuk “Pangolin” (2016), menggunakan media stensil, charcoal dan akrilik atas kanvas secara cetakan mono. Manakala karya bertajuk “Sepohon Tua” (2016), dihasilkan menggunakan bahan simen sebagai matrik seperti dalam rajah 2.35. Teknik gurisan, dan turisan dengan pelbagai kualiti garisan menghasilkan kesan monokromatik seperti menghasilkan catan, apalagi matrik tersebut terus diangkat menjadi karya. Kedua-dua karya ini adalah antara yang terbaru dalam pameran ini.



“Pangolin” (2016)



“Sepohon Tua” (2016)

Rajah 2.35. Karya Faizal Suhif bertajuk “Pangolin” (2016) dan ‘Sepohon Tua” (2016) (Sumber: Core Design Gallery, 2016)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Haafiz Shahimi yang memperkenalkan cetakan pirografi (Pyrography) yang telah diterokai sejak belajar di Jabatan Seni Halus, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM lagi. Cetakan pirografi merupakan konsep tekapan besi panas. Besi yang dibentuk dengan imej ikan misalnya, adalah ‘matrik’ ciptaan Haafiz. Kesan terbakar hasil daripada tekapan besi yang ditekan di atas kanvas, dianggap sebagai pemindahan imej ke atas permukaan yang dicetak (Core Design Gallery, 2016).

Selain cetakan pirografi, Haafiz menggunakan kaedah bakaran warna terus ke atas kanvas yang beliau namakan sebagai “90-degree inverted burn”. Media dan teknik campuran yang diaplikasikan merupakan ekperimen beliau yang mengolah bahan asing dengan konsep cetakan. Karya bertajuk “Self-Fish” (2016) dan “Kutu Api” (2016) (rajah 2.36), adalah antara karya yang menggunakan konsep seni cetak dengan bahan-bahan bukan kebiasaan seni halus.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



“Self-Fish” (2016)



“Kutu Api” (2016)

Rajah 2.36. Karya Haafiz Shahimi bertajuk “Self-Fish” (2016) dan “Kutu Api” (2016) (Sumber: Core Design Gallery, 2016)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 2018 menyaksikan penganjuran bertubi-tubi pameran seni cetak berkumpulan. Pengiat seni cetak serta pemilik galeri seperti mendapat semangat baru untuk memertabatkan seni cetak negara. Pengaruh penganjuran pameran seni cetak antarabangsa terutamanya di rantau Asia, telah memberi suntikan sihat semasa bidang ini hampir dibunuh kewujudannya sebagai salah satu bidang yang turut berjasa dalam melakar seni rupa negara.

Pada bulan Mac 2018, Pameran bertajuk ‘Edition: Etching Print Exhibition’ oleh artis Samsudddin Wahab, Faizal Suhif dan Bayu Utomo Radjikan, diadakan di HOM Art Trans, Kuala Lumpur. Pameran yang khusus kepada seni cetak benaman secara konvensional ini diadakan adalah hasil kerja di studio gurisan asid yang baru dibuka oleh mereka yang bernama Studio Cetak 12. Pameran ini juga untuk mempromosikan studio tersebut sebagai satu ruang berkarya yang terbuka kepada orang ramai dengan bayaran yang berpatutan (HOM Art Trans, 2018).

Pada bulan April 2018 pula, Pameran bertajuk ‘Kuala Lumpur International Mini-print Exhibition-KLMEX18’ di adakan di BSVN anjuran Segaris Art Center. Pameran terbuka ini mendapat ilham dan sokongan daripada program pameran dan pertandingan “Jogja International Mini-Print Biennale” Indonesia yang telah berlangsung sebanyak tiga kali. Pameran “Mini Print” meletakkan beberapa syarat dari segi saiz, medium dan tahun penghasilan. Fokus program ini tertumpu kepada bentuk seni cetak konvensional beredisi sahaja tanpa membataskan idea dan tema makna (Segaris Art Center, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada bulan September 2018, penganjuran terbesar pameran seni cetak tempatan telah diadakan dengan tajuk “Seni Cetak Sepanjang Zaman’ anjuran Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia, telah berlangsung di galeri seni mereka bertempat di Sasana Kijang, Kuala Lumpur. Sesuai dengan tajuknya, pameran yang berdasarkan jemputan dan peminjaman karya-karya, disusun berdasarkan kronologi sejarah seni cetak sejak sebelum merdeka hingga terkini. Pembahagian ruang yang mempamerkan karya-karya seni cetak tradisi dan kontemporari serta penerbitan buku katalog pameran, boleh dianggap berjaya memberi persembahan secara kronologi dalam menyampaikan pendedahan dan pendidikan tentang bentuk seni cetak tanahair kepada masyarakat umum (Muzium dan Galeri Seni, 2018).

Terdapat beberapa karya yang bukan seni cetak konvensional tunggal turut dipilih, dipamer dan dikategorikan sebagai karya seni cetak. Antaranya adalah, karya-karya medium digital oleh Ismail Zain yang dihasilkan sekitar 1980-an, karya persembahan video animasi oleh Sasi Victoire tahun 2010, karya-karya media campuran Kim Ng tahun 2011, karya-karya media campuran oleh Stephen Menon tahun 2017-2018, karya-karya media campuran Haafiz Shahimi, tahun 2014-2015 dan karya-karya Sabihis Pandi yang mempamerkan blok kayu bersama hasil cetakan atas kanvas yang dihasilkan pada tahun 2014-2015 (Muzium dan Galeri Seni, 2018).

Malangnya, pameran ini sekadar membuat kronologi perkembangan seni cetak yang masih terikat dengan pengucapan bentuk dua dimensi sahaja. Karya-karya seni cetak tiga dimensi Juhari Said misalnya tidak disentuh, walhal karya seperti siri “Okir” hasilan 2007 misalnya memberi sinifikan penting dalam perkembangan seni

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cetak negara. Ada kemungkinan, kuratorial pameran ini sependapat dengan seniman Long Thein Shih bahawa "Medium alternatif atau pelbagai teknik dan pendekatan seni cetak yang telah dikemukakan pada masa kini, hanya terhad pada imaginasi seniman sahaja" (Long, 2018, p.179). Selain itu, pameran ini juga tidak menghubungkan medium seni cetak dengan pengucapan makna karya-karya yang dipamerkan.

Pandangan Long Thein Shih tentang medium alternatif seni cetak itu, seperti secara kebetulan telah disahut oleh empat artis yang 'berimajinasi' dengan pelbagai teknik dan pendekatan seni cetak mereka dalam pameran "Go Block" ke-3 yang dipamerkan sebulan kemudian. Pada bulan Oktober 2018, Juhari Said sekali lagi menganjurkan pameran "Go Block" di galeri G13, Petaling Jaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain Juhari Said, Sharul Jamili Miskon, Faizal Suhif dan Samsudin Wahab telah mempamerkan karya-karya seni cetak kreatif mereka dengan pendekatan dan gaya masing-masing. Mereka berkarya dengan mengekalkan misi untuk mengembangkan potensi seni cetak yang tidak hanya terikat dengan blok atau matrik dan penggunaan kertas semata-mata. Gagasan pameran ini jelas pada tajuk pameran kali ini yang lebih bergaya iaitu *"Go Blok: Potilombus Wayahinik Pinogumu"* yang bermaksud *"The Expanded Contemporary Printmaking"* (Galeri G13, 2018).

Menerusi pemerhatian penyelidik, karya-karya yang dipamerkan telah memperlihatkan aplikasi media dan teknik seni cetak tidak semestinya dizahirkan dengan sifat fizikal sahaja tetapi boleh menjangkau minda seseorang. Misalnya karya Juhari Said bertajuk "Haiku" (2018), diolah dengan teknik cungkilan kayu secara tiga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dimensi yang mengangkat matrik sebagai karya akhir tanpa pemindahan imej. Contoh lain adalah karya Sharul Jamili bertajuk “Metalanguage XVI” (2017) mengaplikasikan teknik gurisan asid dan konsep lipatan origami bahan aluminium menjadi karya tiga-dimensi. Sama seperti Juhari, Sharul Jamili tidak melakukan pemindahan imej yang menjadikan matrik sebagai karya akhir beliau (Rajah 2.37).



Juhari Said
“Haiku” (2018)

Sharul Jamili
“Metalanguage XVI” (2017)

Rajah 2.37. Karya Juhari Said bertajuk “Haiku” (2018), dan karya Sharul Jamili bertajuk “Metalanguage XVI” (2017). (Sumber: Galeri G13, 2018)

Samsudin Wahab pula, antara karya yang dipamerkan telah mengaplikasikan medium video menggunakan serangga hidup. Karya bertajuk “Wayang Lipas” (2018), menggunakan pergerakan serangga dipancarkan ke layar dinding sebagai konsep pemindahan imej. Berbeza dengan Faizal Suhif yang menggunakan cetak tekap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dataran alam persekitaran ke atas kanvas. Faizal Suhif juga menghasilkan cetak acuan plaster secara berulang dengan konsep acuan sebagai matrik yang bertajuk "Merenung ke dalam Diri" (2018) (Rajah 2.38).



Samsudin Wahab
"Wayang Lipas" (2018)



Faizal Suhif
"Merenung ke dalam Diri" (2018)

Rajah 2.38. Karya Samsudin Wahab bertajuk "Wayang Lipas" (2018), dan Karya Faizal Suhif bertajuk "Merenung ke Dalam Diri" (2018) (Sumber: Galeri G13, 2018)

Sekali lagi, pameran ini masih sarat memperdebatkan persoalan bentuk seni cetak kontemporari yang masih menjadi kekeliruan masyarakat seni sendiri. Menerusi bicara seni bersama artis terlibat pada hari perasmian pameran, perbincangan berkisar kepada tugas menyakinkan kepada audien tentang konsep dan pendekataan cetakan masing-masing. Perhubungan antara konsep dan pendekatan tersebut dengan pengucapan makna masih menjadi 'rahsia' yang hampir tidak disentuh semasa bual bicara. Begitu juga di dalam penulisan katalog yang mengiringi pameran ini.

Pada bulan Oktober 2018 yang sama, satu lagi pameran berkumpulan seni cetak telah diadakan oleh sekumpulan artis bernama Pangrok Sulap. Pameran ini diadakan di galeri 'A+ Works of Art', Kuala Lumpur. Pangrok Sulap terdiri daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

beberapa artis yang berkarya secara kolektif. Seni cetak timbul adalah medium popular yang mereka praktis selain daripada muzik dan catan dalam menyampaikan idea berkisar tentang sosio-ekonomi dan politik (Galeri A+ Works of Art, 2018).

Pameran bertajuk "Lopung is Dead" (Rajah 2.39) mempamerkan karya-karya berskala besar yang dicetak di atas sejenis fabrik secara hitam putih dan warna yang minima seperti merah. Kumpulan yang berasal daripada Sabah ini, sangat aktif dan vokal menyuarakan pandangan mereka terutamanya hal berkisar masyarakat Sabah melalui kegiatan seni mereka. Menurut Egn (2018) selaku kurator pameran, walaupun isu yang dibangkitkan agak serius, tetapi disampaikan dengan cara menghibur. Olahan subjek dengan gaya naif seperti bercerita memudahkan idea disampaikan secara langsung dengan persembahan bersahaja dan mudah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.39. Pameran kumpulan Pangrok Sulap bertajuk "Lopung is Dead" (2018) (Sumber: Galeri A+ Works of Art, 2018)

Kumpulan Pangrok Sulap yang pada asalnya berkarya menerusi medium muzik banyak melakukan kegiatan amal membantu masyarakat setempat. Mereka telah menemukan medium cetak timbul melalui kumpulan seni kolektif Indonesia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bernama ‘Taring Padi’. Menerusi temubual penyelidik pada tahun 2017, bersama salah seorang ahli kumpulan iaitu Rizo Leong di rumah studio mereka ketika itu di Ranau, Sabah, mendapati bahawa medium seni cetak timbul sangat senonim dengan kegiatan kemasyarakatan mereka.

Walaupun seni cetak mereka terhad kepada kaedah konvensional, pameran ini membuktikan media dan teknik seni cetak masih relevan dalam pengucapan pelbagai pendekatan idea dan makna. Menerusi pameran-pameran berkumpulan khusus bidang seni cetak yang rancak sejak kebelangan ini, menurut Safrizal (2016), “memberi indikasi penerimaan dan pemahaman yang positif bagi bidang seni cetak di Malaysia” (p.24).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sesuai dengan perkembangan ini, kajian-kajian khusus dalam bidang seni cetak semasa dan terkini perlu dipertingkatkan untuk memberi penerimaan dan pemahaman yang lebih jelas dalam usaha memertabatkan bidang seni cetak sebagai salah satu wadah budaya negara.

2.6 Kajian-Kajian Berkaitan Seni Cetak

Merujuk kepada tinjauan daripada sumber internet dalam 10 tahun terkini, penyelidik mendapati penyelidikan terhadap artis-artis yang menggunakan media seni cetak di peringkat PhD adalah amat kurang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik mendapati Mazlan Abd Karim (2013) daripada Universiti Sains Malaysia dan Mohd Jamil Mat Isa (2017) daripada Universiti Teknologi MARA adalah dua penyelidik tempatan yang mengkaji karya-karya seni cetak hasilan seniman-seniman tempatan. Dua penyelidik iaitu Haertel, (2006) daripada Indiana University, USA dan Kirker, (2009) daripada Queensland University of Technology, adalah antara penyelidik yang mengkaji seniman-seniman kontemporari yang menggunakan media seni cetak di Amerika dan Asia Pasifik.

2.6.1 Kajian Ilmiah Dalam Negara

Mazlan Abd Karim, (2013) dalam kajian PhD beliau bertajuk ‘‘Tinjauan Proses Tiga Dimensi dalam Karya Cetakan Kontemporari Malaysia”telah meninjau perkembangan seni cetak tempatan iaitu seni cetak tiga dimensi oleh beberapa seniman seni visual tanahair. Phenomena ini dilihat bercanggahan dengan kepercayaan dan pegangan seni cetak tradisi yang masih tebal dengan disiplin dan etika proses penghasilan seni cetak asli yang dikemukakan oleh ilmuan seni tempatan.Kajian kes dijalankan ke atas dua kelompok seniman iaitu terhadap tiga orang ahli kumpulan ‘Go Block’ dan tiga orang seniman seni cetak yang berkarya secara individu. Fokus kajian Mazlan adalah terhadap penerokaan transisi tiga dimensi kepada bentuk karya cetakan tiga dimensi melalui proses kontemporari.

Mazlan merujuk kepada pendekatan *Hybrid print* iaitu kaedah kombinasi teknik cetakan dengan disiplin seni lain seperti arca menerusi kaedah tuangan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan pelbagai jenis acuan seperti objek harian, sarang putu tradisi Melayu dan angku Cina selain gaya persembahan karya secara instalasi diterokai dalam kajian beliau ini. Dapatan kajian oleh Mazlan, mendapati bahawa terdapat empat penekanan berbeza di kalangan pelukis-pelukis cetak kontemporari tanahair iaitu (1) faktor tuntutan idea, (2) penguasaan terhadap bahan dan gabungan kemahiran daripada disiplin seni lain, (3) konsep pengulangan dan (4) kefahaman definisi cetakan asli yang mengambil konsep edisi serta kaedah tradisi seni cetak.

2.6.2 Kajian Ilmiah Luar Negara

Haertel, (2006) pula dalam kajian PhD beliau bertajuk “Landscape and Nature in American Prints: Transformations in Form and Meaning in the Work of Contemporary Women Artists” telah memfokuskan kepada tiga isu yang menjadi perhatian para artis dan ilmuan seluruh dunia iaitu (1) pengubahsuaian maksud dalam penggunaan lanskap dan elemen semulajadi sebagai subjek kajian dalam karya seni, (2) penambahan jumlah artis kontemporari wanita yang semakin terlibat dengan penghasilan cetakan dan (3) perluasan bidang medium cetakan dengan pengabungan teknologi baru bersama cara tradisional. Dalam erti kata lain, beliau menumpukan kepada pendekatan transfomatif yang dikembangkan oleh beberapa artis kontemporari wanita berkaitan dengan alam sebagai subjek kajian dan kewujudan dunia, sebagaimana artis-artis ini menggunakan medium seni cetak sebagai sumber utama bagi pencarian estetika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian Haertel (2006) menunjukkan bahawa sikap anti visual yang mekar sejak pasca-modenis telah dicabar oleh karya-karya figuratif baru yang dihasilkan oleh artis-artis wanita Amerika. Mereka membawa medium seni cetak ke arah strategi baru yang diperjuangkan dalam karya-karya mereka dalam media yang berbeza seperti catan, lukisan atau instalasi yang besar. Dengan penggunaan alam dan lanskap sebagai alat untuk menzahirkan kesedaran astetik mereka yang personal dalam pelbagai media, artis-artis ini menuntut semula kuasa melihat untuk menjadi saluran kognitif antara apa yang dilihat, apa yang dibuat dan apa yang difikir. Bersama penghayatan mereka terhadap medium seni cetak sebagai cara untuk mencapai matlamat, artis kontemporari wanita Amerika telah mengemukakan kemajuan estetik baru dalam bidang ini.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Manakala Kirker, (2009) dalam kajian PhD beliau bertajuk "Printmaking as an expanding field in contemporary art practice: a Case Study of Japan, Australia and Thailand" mengkaji seni cetak kontemporari Asia Pasifik yang berlaku dalam konteks di luar Eropah dan Amerika. Kajian kes difokuskan kepada amalan beberapa artis penting di tiga negara ini telah menjana inovasi konsep dan formal dalam seni cetak yang melampaui sejarah tempatan dan konvensyen seni cetak dalam membina dan mewujudkan makna baru. Sifat transformasi kerja seni mereka adalah di penghujung abad ke-20 telah menghubungkan pengaruh pasca moden dengan pertalian yang lebih luas terhadap seni dan budaya.

Dapatan daripada kajian Kirker (2009) mendapati bahawa pada tahun 1980-an dan 1990-an, amalan studio daripada artis-artis seni cetak ini dijelaskan oleh disiplin seni visual yang lain dan ia mencerminkan keadaan 'kebimbangan' pasca moden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Artis dari Thailand terutamanya, menghasilkan karya yang lebih mudah yang disamakan dengan seni persembahan dan seni instalasi. Artis kajian dari Jepun, telah berlaku serangan fotografi yang membantutkan keindahan seni cetakan dan ia membawa kepada aestetik mudah yang berasaskan kraf. Di Australia pula, tanggapan tetap terhadap identiti kebangsaan telah dicabar oleh pengamal seni cetak melalui penyesuaian budaya dan percanggahan teknikal yang diungkap merentasi 'bahasa' lama dan baru. Walaupun begitu, kajian beliau mendapati kaedah asas seni cetak masa dihormati dan tidak dibuang oleh mana-mana artis dalam kajian kes ini.

Berdasarkan kajian-kajian terkini oleh Mazlan (2013), Haertel (2006) dan Kirker (2009) iaitu tiga pengkaji dari negara dan benua yang berbeza tetapi dalam bidang seni cetak seperti yang dikemukakan di atas, dapat dirumuskan beberapa perkara yang hampir sama;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Mengkaji perluasan bidang seni cetak kontemporari.
- Mengkaji medium seni cetak ke arah strategi baru.
- Membetulkan prejudis terhadap medium seni cetak yang dianggap lapok.
- Menghubungkaitkan antara status seni cetak kontemporari yang telah 'established' di kalangan seniman barat dengan kelompok (partisipan) kajian setempat.
- Memfokuskan kepada kelompok artis seni cetak bagi mendapatkan perincian kajian.

Oleh itu, kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji berkaitan seni cetak kontemporari di kalangan kelompok artis yang aktif mengaplikasikan medium seni

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cetak di Malaysia adalah masih ‘valid’. Perkara ini bertepatan dengan senario perubahan dan perkembangan mendadak karya-karya yang berasaskan seni cetak di kalangan seniman seni visual tanahair. Tambahan pula, penomena ini masih menjadi kekeliruan ramai dan berlaku pertentangan terhadap sikap ‘bias’ di kalangan seniman dan pakar yang masih memperjuangkan karya-karya konvensional dan disiplin-disiplin seni tertentu.

2.6.3 Kajian Tinjauan Terhadap Aplikasi Medium Seni Cetak di Malaysia.

Kajian tinjauan yang dijalankan oleh penyelidik (Rosiah, Mohd Azhar dan Nadiah, 2014) adalah sebagai tinjauan awal untuk; (1) Mengenalpasti seniman-seniman yang aktif menggunakan medium seni cetak dalam karya mereka. (2) Menyiasat kesesuaian penggunaan medium seni cetak dalam berkarya. Daripada 500 edaran, hanya 202 borang jawapan yang diterima. Pengalaman ini menunjukkan bahawa artis-artis di Malaysia tidak berminat mengisi maklumat kajian terutamanya seniman ‘senior’ kerana majoriti daripada 202 responden adalah terdiri daripada seniman muda.

Kajian ini adalah masih tidak menyeluruh dan masih cetek. Kajian tinjauan hanya mendapat sambutan daripada seniman muda. Oleh itu pilihan penyelidik terhadap kajian kes dengan kaedah temubual berserta analisa karya adalah bertepatan dan dijangka lebih menjamin kesahan data kajian yang akan dijalankan terhadap seniman terkenal yang pasti telah berstatus seniman ‘senior’.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian kecil itu juga telah mendapati bahawa medium seni cetak masih popular dan masih sesuai digunakan dalam kontek masa kini, tetapi masih belum dapat membuktikan bentuk karya sebenar yang diaplikasikan. Bertitik tolak daripada pengalaman ini, penyelidik mempastikan bahawa karya-karya oleh seniman yang akan menjadi partisipan dalam kajian boleh dicapai secara fizikal atau berbentuk gambar yang sahih penerbitannya.

2.7 Rumusan

Semua jenis seni rupa sama ada tergolong sebagai seni konvensional mahupun seni kontemporari mempunyai asas yang sama iaitu subjek, bentuk dan makna. Pendekatan model ‘Kesatuan Organik’ didapati sesuai digunakan sebagai landasan awal mewujukkan konsep kajian yang menumpukan hubungan bentuk karya seni cetak. Kepentingan media dan teknik dalam karya seni rupa, bukan hanya mempengaruhi bentuk yang membezakan karya konvensional dengan yang kontemporari tetapi berupaya menjelaskan makna dengan lebih efisyen.

Seni halus yang dihasilkan oleh seniman terbaik dengan sensitiviti yang unik, memerlukan audien yang sensitif untuk menghayati. Beberapa kaedah kritikan seni untuk tujuan penghayatan dan apresiasi telah dibincangkan dan penyelidik mendapati kaedah analisa kandungan kualitatif lebih menepati dan terkini untuk digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian yang menyentuh seni rupa dan seni cetak tanahair pula, pemerhatian dilihat dari sudut naratif berdasarkan dokumen sekunder terutamanya katalog pameran. Isu-isu yang melanda perkembangan seni cetak sebelum abad ke-21 lebih menjurus kepada seni cetak konvensional. Namun, penggunaan media dan teknik seni cetak telah mula diterokai sejak tahun 1930-an dan seni cetak kreatif telah dihasilkan sejak tahun 1980-an lagi tetapi sangat kurang diapresiasikan sebagai bentuk karya seni cetak.

Sehingga tahun 2018, perkembangan berpameran khusus dalam seni cetak telah rancak diadakan, namun masih wujud jurang apresiasi yang menghubungkan antara bentuk dengan kepentingan makna karya-karya kontemporari yang giat mengaplikasikan media dan teknik cetakan. Begitu juga dengan kajian ilmiah terdahulu dalam bidang seni cetak di peringkat PhD, mempunyai jurang kajian dari segi skop penyelidikan yang berbeza dengan kajian ini.

Oleh itu, penemuan jurang dalam penelitian sekunder yang dibincangkan dalam bab dua ini, telah membuka peluang kepada penyelidik untuk meneruskan penyelidikan terhadap artis-artis kontemporari terpilih. Penyelidikan terperinci terhadap individu artis kontemporari yang berbeza dalam pendekatam berkarya, memerlukan kaedah khusus seperti kajian kes yang telah berjaya digunakan oleh penyelidik terdahulu. Kaedah analisa kandungan kualitatif didapati paling terkini dan sesuai untuk analisa visual dan teks yang seterusnya akan dibincangkan secara lengkap dalam bab 3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.0 Pengenalan

Setiap penyelidikan memerlukan kaedah bagi mengerakkan kajian yang dijalankan. Bab ini menjelaskan dan membincangkan metodologi kajian yang merangkumi pelbagai kaedah yang digunakan untuk mengerakkan penyelidikan. Kaedah utama yang terlibat terdiri daripada kaedah pengumpulan data dan kaedah analisa data. Pendekatan, pemilihan dan padanan jenis dan teknik kedua-dua kaedah utama ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan rekabentuk kajian yang menentukan bentuk dapatan dan keputusan hasil kajian. Selain itu hal-hal berkaitan dengan etika, kesahan dan prosedur penyelidikan turut dibahaskan dalam bab ini.

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian kes dan Analisa Kandungan merupakan kaedah-kaedah utama yang meliputi rekabentuk penyelidikan ini. Kajian Kes digunakan sebagai kaedah dalam pengumpulan data kerana menurut Chua (2006) “rekabentuk kajian kes melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik dan mendalam mengenai tingkahlaku atau fenomena khusus untuk mengetahui bagaimana dan mengapa ianya berlaku” (p.156).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Kes Pelbagai digunakan sebagai kaedah dalam pengumpulan data kerana kajian ini melibatkan beberapa orang artis kontemporari yang berbeza dari segi latarbelakang pendidikan seni cetak dan penghasilan bentuk karya seni visual. Namun begitu, kesemua mereka yang dipilih telah dikenalpasti menghasilkan karya-karya kontemporari yang berasaskan seni cetak. Perkara ini merupakan fenomena yang menjadi minat penyelidik untuk menyiasat bagaimana dan mengapa perkara ini berlaku yang bertentangan dengan bentuk karya seni cetak konvensional yang telah dipraktiskan sejak sekian lama.

Manakala, Analisa Kandungan digunakan sebagai kaedah menganalisa data dengan berbantukan aplikasi komputer iaitu perisian ATLAS.ti untuk membantu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengurusan data yang lebih sistematik dan penganalisaan yang lebih konsisten (Friese, 2014). Pendekatan kualitatif dipilih sebagai strategi penyiasatan (Siti Uzairiah, 2016; Creswell, 2003) yang akan menentukan jenis kaedah, prosedur dan teknik dalam pengumpulan data kajian kes dan penganalisaan data analisa kandungan.

Strategi penyiasatan dalam pendekatan kualitatif menurut Othman (2015) dan Creswell (2003), memfokuskan hal-hal seperti tanggapan, tindakan dan pengalaman partisipan terhadap sesuatu fenomena yang menjadi minat penyelidik untuk menjalankan penyiasatan. Penyelidik pula merupakan insrumen utama dalam pengumpulan dan penganalisaan data yang mengutamakan data-data berkaitan bentuk dan makna karya-karya yang dibuat oleh artis-partisipan yang dipilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian yang dikemukakan adalah berbentuk deskriptif yang dapat menerangkan secara intrinsik (mendalam) sesuatu fenomena yang dikaji (Othman, 2015). Menurut Chua (2006) kajian kes jenis deskriptif, pengkaji perlu merujuk kepada suatu teori sebelum kajian dilakukan. Teori tersebut akan menjadi panduan kepada pengkaji untuk mengikuti dalam keseluruhan kajian di mana teori bentuk dan makna telah ditetapkan sejak awal penyelidikan ini.

Pengkaji juga menentukan analisis data sebelum kajian dilakukan. Pengkaji menghuraikan fenomena tertentu secara mendalam dengan merujuk kepada suatu format penghuraian yang tertentu secara rasional. Manakala kajian kes intrinsik, menurut Chua (2006) lagi, “dijalankan apabila pengkaji ingin memahami secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendalam mengenai kes tertentu yang khusus. Ia dijalankan untuk mengumpul maklumat tentang suatu kes istimewa, unik dan menarik perhatian ramai" (p.157).

3.2. Kaedah Persempelan

Para artis kontemporari seni visual yang terkenal dan karya seni berasaskan seni cetak yang dihasilkan dalam abad ke-21 menjadi partisipan dan kajian sampel dalam penyelidikan ini. Karya-karya yang dipilih adalah yang telah dipamerkan di galeri-galeri seni yang terkenal dan yang telah diterbitkan dalam katalog pameran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, kaedah pensampelan adalah bertujuan dan mudah (purposive and convenient) di mana para artis yang menghasilkan karya seni visual kontemporari berasaskan seni cetak yang terkenal telah bersetuju untuk bekerjasama dan karya seni mereka mudah didapati untuk penyelidikan. Manakala kaedah 'Judgmental' (pertimbangan) digunakan dalam menentukan jumlah partisipan dan jumlah karya yang dikaji sebagai kajian kes adalah bergantung kepada pertimbangan perolehan data yang dapat memenuhi persoalan dan objektif kajian (Othman, 2015; Rosmimah, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.1. Kriteria pemilihan artis sebagai partisipan

Artis-artis kontemporari adalah mereka yang terkenal, popular dan masih aktif berkarya menggunakan media dan teknik seni cetak dalam abad ke-21 ini. Pemilihan menerusi pertimbangan data sekunder seperti katalog, buku pameran, 'blog', laman sesawang seniman serta pameran-pameran solo karya-karya semasa mereka di galeri terkenal yang menggunakan media dan teknik seni cetak dikenalpasti. Pemilihan juga berdasarkan maklumat daripada pakar dan ahli akademik seni cetak iaitu Prof. Madya Ponirin Amin dan Prof. Dr. Setiawan Sabana dalam mengenalpasti artis-artis berasaskan seni cetak yang dipilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.2. Kriteria pemilihan karya sebagai bahan kajian

Karya-karya seni visual yang hanya dihasilkan oleh artis yang terpilih sebagai partisipan. Karya-karya seni visual yang dipilih adalah yang telah dikenalpasti menggunakan medium dan teknik seni cetak samada sepenuhnya atau sebahagian daripada gabungan media campuran. Karya-karya seni visual ini dipilih daripada kategori kontemporari semasa yang dihasilkan pada tahun-tahun dalam abad ke-21 yang merupakan ruang masa sezaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3. Kajian Kes Sebagai Kaedah Pengumpulan Data

Kajian kes digunakan dalam penyelidikan ini kerana menurut Othman (2007) kajian kes memfokus kepada membina analisis yang mendalam tentang sesuatu kes yang dikenalpasti samada berupa program, peristiwa, proses, institusi atau kelompok sosial. Pernyataan ini disokong dan ditambah oleh Siti Uzairiah (2016) bahawa, "the case study is an empirical enquiry that rises out of the need to understand complex phenomema, within a real-life context by undertaking in-depth data collection involving multiple sources of information" (p.25). Manakala Yin (2003) juga menyatakan bahawa, Kajian Kes digunakan apabila;

- Fokus kajian adalah untuk menjawab persoalan "Bagaimana" dan "Mengapa".
- Tingkahlaku dan tindakan partisipan yang tidak dapat dimanipulasi oleh penyelidik.
- Penyelidikan merangkumi keadaan kontektual kerana berkaitan dengan sesuatu fenomena atau situasi yang hendak dikaji.
- Sempadan antara sesuatu fenomena dan konteksnya tidak jelas.

Perkara ini berkaitan dengan bidang siasatan penyelidik yang berhubungan dengan berbagai disiplin seni rupa dan subjek kajian bagi memeriksa persoalan 'kenapa', 'mengapa' dan 'bagaimana' sesuatu pilihan dan tindakan yang dibuat dalam karya-karya berasaskan seni cetak oleh artis-artis terkenal kontemporari Malaysia. Melalui pendekatan ini juga akan membolehkan penyelidik memahami dan menjelaskan impak aplikasi media dan teknik seni cetak terhadap pelbagai proses


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyesuaian serta tindakan yang dilakukan oleh artis-artis partisipan yang merupakan kes yang dikaji secara khusus.

Oleh kerana ‘kes’ yang dipilih mempunyai ciri yang hampir sama yang melibatkan beberapa artis yang berbeza sebagai partisipan, maka kajian Kes Pelbagai (Multiple case study) sesuai digunakan (Siti Uzairiah, 2016). Menurut Yin (2003) dan Siti Uzairiah (2016), Kajian Kes Pelbagai dapat memberi faedah analitis yang lebih besar kerana kelebihan daripada kepelbagaian sumber bukti dan membolehkan replikasi iaitu pengulangan penemuan, berbanding Kajian Kes Tunggal.

Data daripada pelbagai sumber informasi bagi setiap artis sebagai partisipan dikaji sebagai kes individu dalam proses replikasi yang diulang bagi setiap kes-artis menerusi kaedah analisa yang sama. Rajah 3.1 menjelaskan reka bentuk kajian Kes Pelbagai bagi memperolehi data penyiasatan dalam kajian ini. Menurut Siti Uzairiah (2016) dan Yin (2003), dengan proses replikasi ini, penemuan-penemuan yang diperolehi lebih bernilai dan asli untuk diintepretasikan secara holistik.



Rajah 3.1. Rekabentuk Kajian Kes Pelbagai bagi mendapatkan data penyiasatan [Adaptasi daripada Siti Uzairiah, (2016) dan Yin (2003)]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.1. Jenis Pengumpulan Data

Data-data daripada setiap kes dalam penyelidikan ini terdiri daripada tiga jenis data utama iaitu data dokumen atau bahan terbitan, data visual karya seni rupa dan data daripada temu bual. Kepelbagaian sumber data adalah untuk melengkapkan kesahihan maklumat bagi membolehkan kajian kes mendalam dilaksanakan bagi menepati ciri-ciri kualitatif (Othman, 2015; Yin, 2003). Jenis-jenis data yang dikumpul dapat dikategorikan kepada data prima dan data sekunder.

Data prima terdiri daripada data berupa rekod temu bual secara bersemuka dan data visual berbentuk gambar karya seni rupa. Data rekod temu bual diperolehi daripada kerja lapangan di mana penyelidik sendiri bersemuka menemuramah artis-partisipan di premis yang ditetapkan oleh mereka.

Data visual berbentuk gambar karya seni rupa pula adalah data paling utama dalam penyelidikan ini seperti yang dinyatakan pada tajuk, objektif dan soalan kajian. Ia di rakam daripada karya sebenar di studio artis-partisipan dan di pameran-pameran seni visual. Terdapat juga gambar-gambar yang diambil daripada sumber bahan terbitan seperti katalog pameran, buku-buku seni dan laman sesawang yang boleh dikategorikan sebagai data prima seperti yang dinyatakan oleh Weber (2008) bahawa;

> The primary of images on which the research question focuses may be found material of already existing images, whether from museum archives, books, billboards, film archives, videotapes, magazines and so forth, or images already created by, or belonging

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> to participants in the research project, including photo albums, artwork or artifacts (p.48).

Data sekunder pula adalah bahan-bahan terbitan yang terdiri daripada bahan bercetak dan bahan elektronik daripada sumber internet. Bahan bercetak yang digunakan terdiri daripada katalog dan buku pameran, serta jurnal ilmiah. Manakala bahan-bahan terbitan elektronik seperti bahan daripada sumber laman sesawang, blog, e-katalog, e-jurnal yang diperolehi secara carian digital terbuka (open asses). Bahan terbitan sekunder digunakan sebagai bahan sokongan utama dan menambahkan infomasi kepada data prima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.2. Teknik Pengumpulan Data

Pengumpulan data melalui data prima dan sekunder dalam penyelidikan ini dikategorikan kepada tiga teknik iaitu Penelitian Dokumen, Pemerhatian Visual dan Temu bual bagi menyokong kaedah kajian kes dan memudahkan analisa kandungan. Kepelbagaian jenis dan teknik pengumpulan data adalah sebagai strategi triangulasi yang membolehkan kelemahan jenis data tertentu ditampung oleh data lain sebagaimana ulasan Siti Uzairiah (2016) bahawa;

> Triangulation is known as complementary methods, which are deployed under the assumption that weaknesses inherent in one approach will be conterbalanced via strengths in other approaches.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Therefore having more than one method or technique is part of Triangulation strategy (p. 29).

Teknik pengumpulan data dipilih menjurus kepada jenis data yang dikumpul. Teknik penelitian dokumen (Othman, 2015) adalah bagi mengumpulkan data-data bahan terbitan. Pemerhatian visual adalah teknik yang boleh digunakan untuk mengumpul data berbentuk gambar karya seni visual (Marvasti, 2014). Manakala rekod temu bual adalah teknik untuk mengumpul data temu bual artis-partisipan.

Teknik-teknik ini digunakan dengan berpandukan kepada konsep kajian daripada kerangka konseptual yang dibina berdasarkan kepada intipati permasalahan kajian dan soalan-soalan kajian seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 1 iaitu melibatkan item Subjek (imej dan idea), Bentuk (organisasi seni dan media & teknik) dan Makna (pernyataan dan ekspresi).

Manakala item Pendekatan Baru (Eksplorasi dan Artistik) dan Pelangkauan Konvensional (Media Campuran dan Silang Disiplin) dibina setelah penelitian kajian literatur dan penyesuaian dengan soalan kajian. Perkara ini untuk mempastikan agar pencarian dan pengumpulan data lebih spesifik menjurus kepada soalan kajian dan skop kajian. Jadual 3.1 menjelaskan matrik pengumpulan data yang menghubungkan konsep kajian dengan teknik pengumpulan data;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Matrix pengumpulan data dengan konsep kajian

Bil	Data yang dikumpul berdasarkan **Konsep kajian**		Teknik Pengumpulan Data		
			Penelitian Dokumen	Pemerhatian Visual	Temu bual Semi struktur
1.1	BENTUK Bagaimana?	Organisasi seni	/	/	/
		Media & Teknik Seni cetak	/	/	/
1.2	SUBJEK Apa?	Idea	/	/	/
		Imej	/	/	/
1.3	MAKNA Mengapa?	Pernyataan	/	/	/
		Ekspresi	/	/	/
2	PENDEKATAN BARU Mengapa?	Eksplorasi	/	/	/
		Artistik	/	/	/
3	LANGKAU KONVENSIONAL Bagaimana?	Media Campuran	/	/	/
		Silang Disiplin	/	/	/

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.2.1. Penelitian Dokumen

Penelitian Dokumen (dokumen review) membolehkan bahan terbitan dikumpul. Data yang diteliti adalah bahan-bahan teks dan visual yang mengandungi maklumat tentang artis-partisipan dan maklumat tentang karya-karya seni visual mereka. Sumber data yang diperolehi adalah daripada hak awam (public domain) yang tidak memerlukan sebarang kelulusan. Penelitian Dokumen terdiri daripada bahan bercetak seperti terbitan buku, majalah, katalog pameran serta bahan digital dari sumber blog dan laman web.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun bahan terbitan merupakan data sekunder yang mempunyai kelemahan dari segi ketepatan dan keaslian (Creswell, 2003), kepentingan data ini sangat membantu dalam proses pemilihan artis-partisipan sebagai kajian kes. Penelitian Dokumen juga penting sebagai data sokongan yang berguna untuk tujuan triangulasi seperti saranan Siti Uzairiah (2016) "during the case study phase, document review could also be used as supplementary technique as a means of tringulating the data collection techniques" (p.31).

3.3.2.2. Pemerhatian Visual

Pemerhatian Visual adalah teknik yang dapat mengumpulkan gambar karya seni visual berasaskan cetakan yang dihasikan oleh artis-partisipan yang dipilih. Karya-karya yang dikumpul adalah berbentuk gambar imej samada berasal daripada karya sebenar (actual) yang diambil foto dengan kebenaran atau gambar foto yang didapati melalui bahan terbitan daripada sumber hak awam (public domain). Walaupun kajian ini mengutamakan data visual sebagai bahan bukti utama kajian, data visual mempunyai limitasinya tersendiri yang boleh ditampung dengan data dokumen dan data temubual sebagaimana diakui kelemahannya oleh Banks (2014) bahawa;

> Another cause lies in the problem of images themselves: visual information, visual data, visual results, are simply too messy, too rich, too particular to be reduced to abstraction and linear theorization (p. 20)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemerhatian visual membolehkan hanya karya seni visual berasaskan seni cetak sahaja dipilih. Justifikasi 'berasaskan seni cetak' bermaksud mengaplikasikan media dan/atau teknik seni cetak samada sebahagian atau keseluruhan dalam karya seni visual. Justifikasi ini adalah merujuk kepada dua ahli akademik senior yang berlatarbelakangkan seni cetak iaitu Profesor Dr. Setiawan Sabana (pensyarah dan artis seni cetak) dari Institut Teknologi Bandung Indonesia (temubual pada 15 Januari 2015 di Balai Seni Negara, Kuala Lumpur) dan Profesor Madya Ponirin Amin (pensyarah dan artis seni cetak) dari Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia (temubual pada 12 Januari 2015 di Jabatan Seni Halus, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM).

Semua gambar karya seni visual berasaskan seni cetak yang dihasilkan oleh artis-partisipan dalam abad ke-21 dikumpulkan bersandarkan teknik persempelan mudah (convenient) iaitu yang mudah ditemui, boleh diambil foto dan digunakan dalam penyelidikan ini. Pemerhatian dan penelitian terhadap karya-karya, dilakukan sendiri oleh penyelidik yang mempunyai latarbelakang seni cetak iaitu telah dan masih berkhidmat sebagai tenaga pengajar subjek seni cetak selama lebih dua belas tahun di universiti awam. Kredibiliti ini bertepatan dengan kemahiran yang perlu dimiliki oleh pengkaji dalam kajian kes, diantaranya ialah penyelidik adalah seorang yang faham dan peka tentang subjek yang dikaji (Chua, 2006).

Bagi mengelakkan bias berkaitan dengan isu pilihan peribadi, penyelidik memilih karya-karya yang disokong dengan maklumat yang menyatakan adanya unsur media dan teknik cetakan dalam senarai bahan atau dalam penyataan media karya-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

karya tersebut. Selain itu, maklumat ini diperolehi daripada penelitian dokumen bahan terbitan dan daripada teknik temu bual.

3.3.2.3. Teknik Temu Bual Semi Struktur

Teknik Temu bual semi struktur dilakukan terhadap artis-partisipan yang menghasilkan karya-karya seni visual berasaskan seni cetak untuk memperolehi data-data asli dan tepat. Temu bual dilakukan oleh penyelidik sendiri untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci secara spontan, berpandukan soalan-soalan yang telah distruktur lebih awal. Data maklumat daripada temu bual dapat memberi kesahihan kepada data daripada teknik penelitian dokumen selain membantu dalam proses menganalisa data visual kerana menurut Yin (2003) temubual adalah perkara asas yang menjadi bukti kepada kajian kes.

Item temu bual dalam penyelidikan ini menggunakan jenis semi struktur bagi memastikan item atau soalan temu bual konsisten tetapi tidak terlalu rigit bagi semua partisipan. Item temu bual dibina berpandukan kepada konsep kajian seperti contoh di dalam jadual 3.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Matrik temu bual semi struktur berdasarkan konsep kajian

Konsep Kajian	Soalan Temubual
Bentuk	Apakah ciri-ciri yang menarik pada teknik cetakan yang menjadikan anda berminat menggunakannya (atau mengabungkan dengan teknik lain) dalam karya anda?
	Apakah teknik cetakan yang digunakan dalam karya anda?
	Apakah medium utama yang digunakan untuk menghasilkan teknik cetakan (yang dipilih) itu?
Subjek	Bagaimanakah imej diolah dengan bahan dan teknik cetakan tersebut?
	Apakah ada perbezaan idea apabila anda menggunakan media dan teknik cetakan berbanding teknik dan media lain.
Makna	Apakah mesej yang ingin disampaikan lebih berjaya melalui aplikasi media dan teknik cetakan ini?
Makna & Pendekatan Baru	Mengapakah teknik cetakan digunakan dalam karya anda? Adakah sebab ingin membentuk stail artistik, sekadar trend semasa atau ada mesej tertentu yang ingin disampaikan melalui teknik dan bahan cetakan ini?
Pendekatan Baru & Langkau Konvensional	Sejauhmanakah anda melihat potensi media dan teknik cetakan yang diaplikasikan dalam karya anda, berkembang selari dengan era seni kontemporari?

Soalan-soalan ini adalah sebagai panduan untuk diajukan kepada semua artis-patisipan tetapi tidak terikat dengan aturan yang sama bergantung kepada jawapan yang penyelidik yakin telah mencukupi untuk data yang diperlukan. Perbualan temu bual dirakam menggunakan alat audio perakam suara yang bersaiz kecil bagi mengelakkan artis-partisipan berkemungkinan merasa kurang selesa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Analisa Kandungan Sebagai Kaedah Analisa Data

Pelbagai data yang dikumpul daripada Kajian Pelbagai Kes, dianalisa menggunakan kaedah *Content Analysis* (Analisa Kandungan). Kaedah ini dipilih kerana ia dapat digunakan secara sistematik dan teliti untuk memeriksa dan menterjemahkan kandungan sesuatu data atau bahan pelbagai bentuk komunikasi manusia seperti objek seni, dokumen teks mahupun audio (Schreier, 2014; Rohana, 2004; Rose, 2001).

Analisa Kandungan menurut Leedy & Ormrod (2005); Rohana (2004) dan Rose (2012, 2001), menyatakan bahawa kaedah ini tidak membuat pemerhatian cara biasa seperti melihat objek seni, membaca buku, menonton filem atau melayari laman web. Pengkaji menilai dan menganalisa kewujudan makna dan hubungan konsep-konsep tertentu dan membuat jangkaan pada mesej yang terkandung dalam sesuatu bahan tersebut.

Menurut mereka lagi, kaedah ini lazimnya digunakan oleh penyelidik bagi menghuraikan sesuatu mesej dalam satu sumber perhubungan yang berstruktur. Kaedah ini dapat mengenalpasti ciri-ciri spesifik mesej tertentu, isu-isu dan idea-idea yang berkaitan dengan tumpuan sesuatu kategori atau tema tertentu menerusi kaedah berasaskan kod atau/dan berasaskan perkataan mengikut kesesuaian pendekataan kajian (Siti Uzairiah, 2016).

Schreier (2014) pula menegaskan bahawa kaedah Analisa Kandungan menerusi pendekatan kualitatif, menitikberatkan deskriptif data secara sistematik yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lengkap melalui pengekodan, sebagaimana penegasan beliau iaitu “Qualitative Content Analysis concerned with the systematic detail description of data through coding” (p.173).

Berbeza dengan Analisa Kandungan Kuantitatif, fokus Analisa Kandungan Kualitatif adalah terhadap kandungan yang bukan sahaja bersifat ’kandungan nyata’ (manifest content) yang mengandungi maksud jelas, juga yang bersifat ’terpendam’ (latent content) iaitu yang mengandungi maksud tersembunyi (Norhayati dan Nasriah, 2015; Schreier, 2014).

Istilah *Qualitative Content Analysis* (Analisa Kandungan Kualitatif) kerap digunakan oleh ramai penyelidik kontemporari bagi membezakan kaedah Analisa Kandungan yang bersandarkan kepada pendekataan kuantitatif. Oleh itu istilah ini akan digunapakai dalam kajian ini seterusnya dalam membincangkan hal-hal berkaitan dengan kaedah analisa data.

3.5 Pelan Analisa Data

Semua jenis data yang dikumpul iaitu bahan terbitan, karya seni visual dan rekod temu bual dianalisa menggunakan kaedah Analisa Kandungan Kualitatif yang digabung dengan kaedah analisa berbantukan perisian komputer iaitu kaedah dan model CA-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

NCT-A dan ATLAS.ti. Data-data ini dianalisa untuk menjawab persoalan kajian yang berkaitan dengan apa, bagaimana dan kenapa tindakan yang dibuat dalam penghasilan karya-karya seni visual berasaskan seni cetak oleh artis-partisipan seperti yang telah diringkaskan dalam kerangka konsep di Bab 1 dan pada rajah 3.1 (matrik pengumpulan data).

Kaedah dan model QL-CA (Qualitative Content Analysis) digabung dengan kaedah analisa berbantukan perisian komputer iaitu *Computer Assisted Qualitative Data Analysis Software* (CAQDAS). Kaedah CAQDAS yang dipilih terdiri daripada CA-NCT-A (Computer Assisted –Noticing, Collecting, Thinking- Analysis) dan kaedah daripada perisian ATLAS.ti. Kaedah ini diguna bersama kerana mempunyai persamaan dalam analisa berperingkat yang boleh digabung dan memudahkan penyelidik membuat rujukan bersilang.

Pengabungan ini memberi kelebihan untuk mengatasi kelemahan satu model dapat diatasi dengan model yang lain yang merupakan strategi triangulasi (Siti Uzairiah, 2014; Chua, 2006). Jadual 3.3 menunjukkan hubungan kaedah pungutan data dengan kaedah analisa yang menggunakan tiga model sebagai panduan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3

Matrik kaedah pungutan data dan kaedah untuk analisa data

<table>
<tr><th colspan="2">Pungutan Data</th><th colspan="5">Analisa Data</th></tr>
<tr><td colspan="2">QUALITATIVE CASE STUDY</td><td colspan="5">QUALITATIVE CONTENT ANALYSIS</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Partisipan (Pelbagai Kes)</td><td rowspan="2">Jenis data</td><td colspan="2">QL-CA</td><td colspan="3">CAQDAS</td></tr>
<tr><td colspan="2">Manual</td><td colspan="2">CA-NCT-A</td><td>ATLAS.ti</td></tr>
<tr><td rowspan="3">ARTIS
ARTIS SENI RUPA BERASAS SENI CETAK</td><td rowspan="3">• Bahan Terbitan
• Karya Seni Visual
• Temubual Separa Berstruktur</td><td>Decide</td><td>- Deciding on R. Question
- Coding Frame</td><td>Noticing</td><td rowspan="2"><u>Phase 1</u>
Descriptive Level analysis</td><td>1st stage coding</td></tr>
<tr><td>Conduct</td><td>- Segmentation
- Trial Coding
- Final Coding Frame</td><td>Collecting</td><td>2nd stage coding MEMO</td></tr>
<tr><td>Determine</td><td>-The Main Analysis Phase</td><td>Thinking</td><td><u>Phase 2</u>
Conceptual level analysis</td><td>RQ MEMO Network view</td></tr>
<tr><td colspan="5">DAPATAN</td></tr>
</table>

[Adaptasi daripada Norhayati & Nasriah(2015); Friese, (2014); Schreier (2014)]

3.5.1 QL-CA dan CAQDAS – Model CA-NCT-A dan Perisian ATLAS.ti

Analisa Kandungan Kualitatif (QL-CA - Qualitative-Content Analysis) adalah kaedah utama digunakan dalam penyelidikan ini untuk menganalisa data dengan cara pengekodan yang sistematik. Oleh itu ia melibatkan beberapa langkah pengekodan sebagai panduan untuk menganalisa data. Proses pengekodan secara manual, di antaranya yang disarankan oleh Norhayati dan Nasriah (2015) terdapat tiga peringkat asas iaitu *Decide*, *Conduct* dan *Determine*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Schreier (2014) pula menyenaraikan beberapa peringkat proses pengekodan diantaranya ialah “Deciding on a research question, The coding frame, Segmentation, Trial coding, The Main analysis, Presenting and Interpreting the findings (p.174). Penyelidik menyesuaikan kedua-dua saranan ini kepada tiga peringkat seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.3 di atas.

Tiga peringkat proses pengekodan kaedah Analisa Kandungan Kualitatif secara manual ini pula mempunyai persamaan dan dapat disesuaikan dengan kaedah Analisa Kualitatif berbantukan Perisian Komputer (CAQDAS) iaitu perisian ATLAS.ti dan model CA-NCT-A. ATLAS.ti mengariskan tiga peringkat pengekodan iaitu *1ST STAGE CODING*, *2ND STAGE CODING* dan *MEMO* serta peringkat akhir dengan eksplorasi alat *Network view* yang membantu pengabungan kod bagi mewujudkan perkaitan sesuatu makna (Friese, 2016; 2014).

Manakala kaedah CA-NCT-A yang disarankan oleh Friese (2014) melengkapi langkah-langkah pengekodan kepada dua fasa iaitu *Phase 1: Descriptive Level analysis and Phase 2: Conceptual level analysis*. Di dalam dua fasa ini terkandung tiga proses iaitu *Noticing things, Collecting things and Thinking about things* (p. 12) yang boleh digunakan berurutan atau berpusingan bagi mencapai matlamat akhir kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2. Kod dan Pengekodan

Pengekodan adalah aktiviti asas dalam analisa kandungan dan analisa menggunakan perisian ATLAS.ti, "Coding is the basic activity you engage in when using ATLAS.ti and is the basis of everything else you will do. In practical terms, coding refers to the process of assigning categories, concepts, or 'codes' to segments of information that are of interest to your research objectives" (Friese, 2014, p.6).

3.5.3. Prosedur Analisa QL-CA, CA-NCT-A dan Perisian ATLAS.ti

Prosedur analisa data dengan berpandukan kaedah gabungan Analisan Kandungan Kualitatif (QLCA) dengan kaedah analisa kualitatif berbantukan komputer (CA-NCT-A dan Perisian ATLAS.ti) melibatkan dua Fasa iaitu Fasa 1 dan Fasa 2 seperti berikut;

3.5.3.1. Fasa 1 – Analisa Aras Deskriptif (Phase 1 –Descriptive Level Analysis).

Analisa aras deskriptif menurut Friese (2014), adalah bertujuan meneroka data untuk menghasilkan kod-kod awal beserta komen dan catatan memo. Analisa data di Fasa 1 ini mengandungi dua peringkat iaitu peringkat pertama pengekodan (1^{st} stage coding) dan peringkat kedua pengekodan berserta *Memo* (2^{nd} stage coding and memo).

Peringkat pertama pengekodan melibatkan proses meneliti - *Noticing* (Friese, 2014) dan memutuskan - *Decide* (Norhayati dan Nasriah, 2015) kod-kod tertentu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada data-data yang telah dikumpul untuk menetapkan Kerangka Pengekodan - *the coding frame* (Schreier, 2014). Kerangka Pengekodan merupakan aspek terpenting dalam kaedah analisa kandungan kerana ia menjadi pemandu sepanjang proses analisa. Ia mengandungi kategori utama dan sub-kategori seperti menurut Schreier (2014);

> "The coding frame is at the heart of the method. It consists of at least one main category and at least two subcategories. Main categories are those aspects of the material about which the researcher would like more information, and subcategories specify what is said in the material with respect to these main categories" (p.174).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini kategori utama dibina daripada soalan kajian melalui proses *Deciding on a research question* (Schreier (2014), yang dinamakan sebagai 'konsep pengerak' (concept-driven). Sub-sub kategori pula dibina daripada penelitian awal (Noticing) terhadap data-data yang dikumpul. Ia dinamakan 'data pengerak' (data-driven) untuk mendapatkan hubungkait dan menjelaskan kategori utama.

Kerangka Pengekodan yang dibentuk di peringkat ini merupakan semakan semula daripada kerangka konsep kajian asal yang telah dibentuk pada awal kajian yang menjadi pemandu kepada proses pungutan data. Kod-kod secara konsep dan data pengerak yang terdiri daripada kategori utama dan sub kategori, merupakan kod asas iaitu *Initial Code* (Saldana, 2009) dengan pendekatan 'Deduktif'. Pertimbangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

deduktif di sini berfungsi sebagai kod asas bagi memulakan aktiviti pentafsiran (Siti Uzairiah, 2016).

Proses berikutnya tertumpu kepada analisa di peringkat pengkodan ke-dua (2nd stage coding). Peringkat kedua pengekodan melibatkan proses *Conduct and Collecting* di mana data analisa diberi penelitian semula untuk melihat perhubungan dan perkaitan antara kod-kod asal dalam Kerangka Pengekodan dengan data-data yang dicerakin (segmentation).

Proses mencerakin data-data iaitu proses 'segmentation' dalam kaedah analisa kandungan adalah sama dengan cara menandakan 'quotation' bagi kaedah perisian ATLAS.ti. Proses 'segmentation' melibatkan pembahagian bahan kajian (data) kepada unit-unit tertentu yang berkaitan dengan Kerangka Pengekodan seperti yang dijelaskan oleh (Schreier, 2014) bahawa;

> Segmentation involves dividing the material into units in such a way that each unit fits into exactly one (sub) category of the coding frame. These coding units are those parts of the material that can be interpreted in a meaningful way with respect to the subcategories (p.178).

Pencerakinan (quotation) data dibuat dengan cara menanda beberapa perkataan pada data teks atau bahagian tertentu pada data visual yang merupakan langkah penting untuk memahami data yang dikaji sebagaimana kenyataan oleh Norhayati dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nasriah (2015),"Quotation highlighting is an important step in qualitative research because it is a process that researchers perform to understand the data"(p .13).

Pencerakinan mestilah yang mempunyai kaitan dengan kod kategori dan sub kategori yang terkandung dalam Kerangka Pengekodan (Schreier, 2014). 'Quotation' yang dipilih mestilah dapat menjelaskan maksud sesuatu kategori dan sub kategori ini, dan diberikan kod samada diambil daripada senarai kod (code by list) iaitu yang telah ditetapkan seperti dalam Kerangka Pengekodan atau kod baru yang dibina secara kritikal yang masih mempunyai hubungkait dengan Kerangka Pengekodan.

Proses mencerakin data yang diulang (reviewed) beberapa kali juga akan dapat menghasilkan kod-kod baru. Kod baru diwujudkan melalui cara *open coding* iaitu pengekodan bebas dan *In-Vivo coding* iaitu pengekodan dengan mengambil perkataan atau frasa secara terus yang berada dalam teks (Saldana, 2009). Pengekodan *In-Vivo* biasanya digunakan pada frasa teks yang bersifat 'manifest content'. Ia tidak dapat diaplikasikan kepada data visual kerana tidak mengandungi teks dan sukar dicerakinkan seperti pernyataan Schreier (2014) bahawa "the idea of the coding unit works best when applied to textual material, it is much more difficult to segment visual material" (p.181).

Namun begitu, dengan perisian ATLAS.ti, gambar visual mudah dicerakinkan pada bahagian tertentu yang difikirkan ada perkaitan dan pengekodan mesti disokong dengan catatan memo. Penyelidik membuat pemerhatian dengan memerhati dan mengagak makna secara literal (berdasarkan pengalaman, pengetahuan asas ikon,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

metafora, simbol dan sokongan bahan terbitan serta data temu bual) dengan cara *open coding*.

Penyelidik kemudiannya, bergerak kepada pemerhatian yang lebih sistematik dengan cara menghubungkan kod-kod kepada tema tertentu, sebagaimana menurut Marvasti (2014) "the simplest way to represent visual observations is to describe them, write them down as you see them....mining the data for general and enduring concepts or patterns" (p.359).

Pada peringkat ini strategi induktif lebih kerap digunakan bagi menjana kod-kod baru bertujuan memperkayakan hubungan makna berpandukan Kerangka Pengekodan. Analisa induktif menurut Marvasti (2014) "analysis that moves from the specific to the general, where the general would represent a concrete and objective finding that is logically and empirically backed by the analysis" (p.360).

Semasa proses mencerakin data dibuat, penulisan berbentuk catatan dalam ruangan *comment* dan *memo* yang tersedia dalam perisian ATLAS.ti sangat penting dibuat. Catatan nota seperti memberi definisi kepada kod dan membuat interpretasi apa yang difikirkan semasa proses analisa, terutamanya data-data yang bersifat *'latent content'* yang mempunyai maksud tersirat akan memudahkan proses semakan dan analisa seterusnya.

Trial coding membolehkan kod-kod asal yang terkandung dalam Kerangka Pengekodan (kod kategori utama dan sub-kategori) di aplikasi bersama dengan kod-kod baru atau kemungkinan terdapatnya hubungan yang berbeza yang memerlukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semakan semula seperti yang ditegaskan oleh Schreier (2014) bahawa “This is crucial for recognizing and modifying any shortcomings in the coding frame before the main analysis is carried out” (p.178).

Perisian ATLAS.ti memudahkan semua kod beserta unit-unit *quotation* disemak, diedit, digabung dan dihubungkan antara kod kategori dan sub kategori (kerangka pengekodan) dengan cepat dan cekap. Walaupun begitu, aktiviti menghubungkait kod-kod ini bagi mendapatkan sesuatu pemahaman dalam lingkungan kerangka pengekodan, penyelidik tetap memerlukan keupayaan berfikir secara kritikal dan analitikal yang dapat dibantu oleh catatan memo yang dibuat secara konsisten dan bermakna.

Proses ini dijangka akan memperolehi dapatan awal hasil daripada analisa kritis data-data secara kes individu apabila Kerangka Pengekodan dapat diaplikasikan dengan semua data yang dipilih. Persoalan apa, bagaimana dan mengapa setiap artis-partisipan menghasilkan karya-karya kontemporari berasaskan seni cetak, mengapa dan bagaimanakah tindakan pelangkauan disiplin konvensional seni cetak juga dijangka dapat dijelaskan di peringkat ini.

3.5.3.2. Fasa 2 – Analisa Aras Konseptual (Phase 2: Conceptual level analysis).

Seterusnya analisa akhir di fasa dua bagi meneliti secara terperinci bagi setiap kes artis-partisipan. Pelbagai kajian kes secara perbandingan pula dibuat untuk menilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapatan daripada kajian kes-kes individu untuk mengambarkan fenomena sebenar kajian secara holistik.

Peringkat akhir ini yang merupakan fasa analisa utama- *The Main Analysis Phase*, memerlukan penyelidik membuat penentuan melalui pemikiran konsepsual (Determine and Thinking) tentang sesuatu makna yang berbeza, tetapi mempunyai perkaitan di antaranya. Penyelidik juga menurut Schreier (2014) "should try to keep track of their reasons for interpreting the unit differently each time and arrive at a final meaning in this way" (p.180).

Friese (2014) juga sependapat bahawa, "the aim now is to look at the data from the prspective of the research question by approaching them from a different angle" (p.18). Schreier (2014) sekali lagi menyarankan bahawa, "in a final step of the main analysis phase, the results of coding should be prepared so that they are suitable for answering the research question" (p.180), yang memungkinkan satu konsep baru dibentuk sebagai dapatan akhir kajian.

Perisian ATLAS.ti menawarkan fungsi 'Rangkaian pandangan' (Networking view) sebagai alat yang dapat memaparkan perkaitan hubungan makna-makna secara visual seperti paparan 'peta minda'. Menurut Friese (2014) "working with network views stimulates a different kind of thinking and allows further exploration in different ways" (p.18). Beliau menambah "the ultimate aim is to integrate all of the findings and to gain a coherent understanding of the phenomenon studied" (p.18).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mempersembahkan dapatan akhir bagi kaedah kualitatif analisa kandungan boleh melalui kerangka pengekodan yang dijelaskan dengan kod-kod yang berkaitan sebagaimana saranan Schreier (2014) bahawa, “with qualitative content analysis, the coding frame itself can be the main result, presenting the findings involves presenting the frame and illustrating it through quotes” (p.180). Ini bermakna kejayaan membentuk kerangka pengekodan berdasarkan data yang dianalisa merupakan dapatan utama yang boleh digunakan untuk mengemukakan dan menjelaskan keseluruhan dapatan akhir. Proses pembentukkan kerangka pengekodan ditunjukkan dalam Bab 4 seterusnya.

3.6 Peranan Penyelidik Dan Pertimbangan Etika

Penyelidik merupakan instrumen utama (Othman, 2015) yang terlibat secara langsung dalam semua peringkat dan proses penyelidikan daripada peringkat perancangan, pungutan data, analisa data dan pelaporan akhir yang merupakan ciri-ciri kajian kualitatif (Creswell, 2003). Peranan yang bersifat monopoli dalam semua aspek penyelidikan boleh mengundang *bias* tanpa disedari oleh penyelidik yang berkemungkinan memberi kesan yang menyalahi etika penyelidikan (Othman, 2015; Creswell, 2003) jika tidak ditangani lebih awal secara rasional dan berkecuali.

Etika dalam penyelidikan melibatkan nilai-nilai moral antara penyelidik dengan partisipan dalam memperolehi, mengurus, mengguna, mentafsir data-data serta cara pelaporan hasil dapatan kajian (Zamalia, 2009). Penyelidikan kualitatif yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melibatkan hubungan langsung penyelidik dengan partisipan serta bersifat eklektik (Othman, 2015) yang mengkehendaki penyelidik menyiasat perlakuan dan tindakan terhadap sesuatu fenomena. Oleh itu beberapa prinsip dan peraturan etika yang sesuai digunapakai perlu dipatuhi dan dihormati sebagaimana yang dirujuk daripada Othman, (2015), Chua, (2006) dan Creswell (2003) iaitu;

- Memastikan akses kepada sumber perolehan data terbitan hanya daripada hak umum (public domain) seperti biodata artis, gambar karya dan dokumen-teks tentang artis dan karya mereka.

- Mematuhi tatacara penggunaan rujukan mengikut standard sistem APA edisi 6 dan terkini dalam semua peringkat penulisan seperti yang ditetapkan oleh universiti.

- Memaklumkan terlebih dahulu secara verbal kepada partisipan akan tujuan penyelidikan untuk mendapatkan maklumat lanjut secara bersemuka. Perkara ini memberikan hak pengetahuan kepada partisipan akan kemungkinan sesuatu implikasi terhadap mereka.

- Menunjukkan surat persetujuan partisipan tentang masa, tarikh dan tempat temubual serta pengakuan menggunakan data di premis untuk tujuan akademik (contoh pada lampiran A).

- Menyertakan surat pengesahan pelajar membuat penyelidikan yang diperolehi daripada pihak universiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Penglibatan partisipan adalah secara sukarela di mana partisipan berhak untuk membatalkan pemberian maklumat yang jika dianggap menimbulkan kesan negatif bagi kedua-dua pihak.

- Kerahsiaan maklumat berkaitan hal-hal peribadi dan sensitif yang tercetus semasa temubual yang tiada kaitan dengan kajian tidak akan didedahkan. Sekiranya diperlukan, penyelidik seharusnya mengulas dengan cara yang tidak menyinggung perasan pihak partisipan.

- Unsur-unsur bias berkaitan dengan agama dan ras kaum yang mungkin berkaitan dengan ekspresi dan penyataan karya akan diolah dengan sebaik mungkin bagi mengelakkan kemungkinan timbul unsur negatif.

- Memastikan intepretasi data dibuat dengan tepat dan teliti berpandukan kepada skop persoalan kajian, kerangka konsep dan kaedah analisa kajian yang telah dirancang lebih awal.

- Memastikan hasil dapatan yang asli dan sahih dengan mempelbagaikan kaedah perolehan data dan analisa bagi mencapai strategi triangulasi dan menepati konsep kesahan dan reabiliti kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Strategi Triangulasi Sebagai Kesahan Dan Kebolehpercayaan Kajian Kualitatif

Konsep kesahan (validity) dan kebolehpercayaan (kredibiliti) kajian kualitatif adalah berbeza daripada kajian kuantitatif. Menurut Othman, (2015, p.194) "kesahan dalam kajian kualitatif dikaitkan dengan sama ada dapatan kajian adalah benar dan pasti". Dapatan kajian dapat menggambarkan dengan tepat situasi sebenar yang disokong dengan bukti yang tidak diragui. Manakala kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif adalah "berkaitan dengan soal kebolehsandaran dan ketekalan keputusan atau hasil daripada data yang dikumpul" (Othman, 2015, p.197). Ini bermaksud bahawa dapatan kajian dipastikan adalah konsisten dengan data yang dikumpul dan dianalisa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi mempastikan dapatan kajian ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tepat dan konsisten dalam menjelaskan fenomena yang dikaji, strategi triangulasi dirancang dan digunakan sepanjang peringkat kajian. Ini kerana triangulasi yang merupakan kaedah pelengkap yang dapat mengatasi kelemahan satu pendekatan dengan kekuatan jika menggunakan beberapa kaedah atau pendekatan sebagaimana menurut Siti Uzairiah (2016), "Triangulation is known as complementary methods, which are deployed under the assumption that weaknesses inherent in one approach will be counterbalanced via strengths in other approaches" (p.55).

Kajian kualitatif yang mempunyai bilangan subjek yang kecil tetapi mendalam, Chua (2006) menekankan bahawa "triangulasi data sangat perlu bagi meningkatkan validasi dan kebolehpercayaan kajian" (p.9). Chua menyarankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"fenomena dilihat daripada pelbagai sudut dan perspektif yang berbeza, di mana setiap perspektif dikesan dengan menggunakan kaedah yang berlainan. Setiap kaedah adalah satu garis berasingan yang mengarah ke satu tujuan akhir yang sama iaitu memfokus kepada satu peristiwa atau perkara" (Chua, 2006, p.9).

Oleh itu kajian ini menetapkan kaedah kutipan dan analisa data menggunakan kepelbagaian pendekatan, kaedah dan pengesahan yang dapat menepati strategi triangulasi. Jadual 3.4 menunjukkan pelbagai kaedah kutipan data dan pelan analisa data serta maklumat pengesahan data yang digunakan.

Jadual 3.4

Perkaitan antara pelbagai kaedah pengumpulan data dan pelan analisa data serta pengesahan data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jenis Data	Teknik Pengumpulan data	Analisa data	Pengesahan data
Bahan terbitan	**Penelitian Dokumen** daripada bahan cetakan dan digital	Kaedah **QL-CA** + CA-NCT-A + ATLAS.ti	Pakar & penulis terkenal. Penerbitan terkini. Penyelidik sebagai penganalisa.
Karya seni rupa Kontemporari berasaskan cetakan	**Pemerhatian** (karya seni visual daripada bahan terbitan & karya *actual*)	Kaedah **QL-CA** + CA-NCT-A + ATLAS.ti	Karya terkenal daripada bahan terbitan dan karya sebenar. Penyelidik sebagai penganalisa yang berpengalaman dalam bidang seni cetak.
Data temubual	**Temubual** (Semi struktur)	Kaedah **QL-CA** + CA-NCT-A + ATLAS.ti	Artis terkenal yang mahu bekerjasama secara sukarela. Penyelidik sebagai penganalisa.

(Adaptasi: Othman, 2015)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Prosedur Kajian

Secara umumnya prosedur atau tatacara penghasilan penyelidikan melibatkan proses perancangan, pengumpulan data, menganalisa data dan pelaporan secara analitik. Perancangan yang dimaksudkan di sini adalah proses mengenalpasti partisipan dan karya-karya yang sesuai dengan tujuan dan skop kajian. Ianya melibatkan kaedah tinjauan secara pemerhatian menerusi data sekunder dan maklumat pakar bagi mengenalpasti artis-artis kontemporari yang aktif dan popular menggunakan media dan teknik cetakan dalam abad ke-21.

Pemilihan seniman dan karya-karya mereka berdasarkan ‘purposive and convenient sampling’. Tujuan pilihan atas kriteria kontemporari abad ke-21 (artis popular) dan hasilan karyanya menggunakan medium dan teknik cetakan. Jumlah seniman sebagai partisipan dan karya yang menjadi sampel kajian adalah berdasarkan kepada kemudahan sokongan dan kesediaan partisipan dan setakat mana kajian telah mencapai objektif kajian.

Peringkat pengumpulan data pula menggunakan kaedah kajian kes meliputi pemerhatian terhadap karya seni rupa kontemporari (medium dan teknik cetakan dan gabungan medium, teknik dan proses), serta temu bual dengan artis sebagai partisipan tentang persoalan ‘apa’, ‘bagaimana’ dan ‘kenapa’, berkaitan aplikasi medium dan teknik seni cetak. Perhubungan medium dan teknik dengan konteks dan idea seni seniman diberi penekanan. Pemilihan karya-karya sebagai sampel analisa dibuat hasil daripada sokongan seniman terpilih dan sokongan data sekunder.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisa subjek, bentuk dan makna karya-karya artis-artis terpilih yang menggunakan media dan teknik seni cetak. Kaedah *qualitative content analysis* bersama model dan tatacara perisian ATLAS.ti digunakan dalam menganalisa data. Fokus analisa dijalankan untuk dua tujuan; (1) memperincikan maklumat kandungan dan pernyataan karya secara objektif dan (2) menghubungkaitkan antara makna bentuk fizikal hasil karya (secara objektif) dengan pernyataan subjektif (verbal) hasil daripada temubual dengan seniman.

Peringkat akhir adalah pelaporan analitik dengan membuat penjelasan terhadap tindakan daripada aplikasi media dan teknik seni cetak dalam karya-karya seni rupa kontemporari Malaysia. Impak yang berkemungkinan menjelaskan pengetahuan baru berkaitan teori kriteria seni cetak serta impak intristik yang berkemungkinan menjelaskan konsep baru seni cetak yang muncul daripada kontek pasca moden dan kontemporari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9. Rumusan

Bab 3 ini telah menjelaskan secara terperinci pelan rekabentuk kajian yang dipilih. Kaedah Kajian Kes Pelbagai adalah sebagai kaedah kutipan data kualitatif menerusi tiga teknik iaitu temubual, karya visual dan bahan dokumen. Data-data ini dianalisa menggunakan kaedah Analisa Kandungan Kualitatif yang diselaraskan dengan kaedah berbantukan komputer. Gabungan kaedah-kaedah terkini dalam penyelidikan ini bertujuan trangulasi, selain memperolehi kesahan hasil dapatan yang mempunyai kebolehpercayaan yang terbaik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

ARTIS-PARTISIPAN DAN PROSES DAPATAN AWAL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.0 PENGENALAN

Bab ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Kajian Kes dan Analisa Kandungan. Bahagian Kajian Kes menerangkan dan membincangkan perkara-perkara berkenaan justifikasi berkaitan dengan penetapan akhir artis-partisipan sebagai kajian kes, latarbelakang artis-partisipan dan pengkaryaan mereka serta pengurusan data mengikut kes.

Setiap kajian kes mempunyai data-data utama yang terdiri daripada data kutipan berbentuk dokumen teks (berkaitan artis dan karya-karya mereka) dan data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

visual berupa gambar karya seni visual yang dihasilkan oleh artis-artis yang dipilih. Kedua-dua bentuk data ini disokong oleh data temu bual secara bersemuka. Bahagian Analisa Kandungan pula menjelaskan proses data dianalisa menerusi kaedah Analisa Kandungan Kualitatif berbantukan aplikasi ATLAS.ti.

4.1. Artis Dan Karya

Kajian Kes Pelbagai dalam penyelidikan ini terdiri daripada beberapa artis seni rupa yang telah dikenalpasti dalam kelompok fenomena kajian. Artis-artis ini sebagai partisipan yang disebut sebagai ‘artis-partisipan’ mempunyai karya visual dan dokumen berkaitan mereka sebagai data yang dikaji secara kes individu.

4.1.1 Artis-Partisipan Sebagai Kajian Kes

Penelitian dalam kajian literatur, terutamanya yang berkaitan dengan artis terkenal seni rupa kontemporari Malaysia dan karya-karya seni cetak konvensional dengan istilah seni cetak kontemporari telah membawa kepada penghasilan satu senarai nama-nama artis yang telah dipertimbangkan sebagai partisipan. Sejumlah 10 artis telah disenarai pendek untuk dijadikan artis-partisipan dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada Juhari Said, Zulkifli Yusoff, Stephan Menon, Kim Ng, Mohd Fauzi Sedon, Faizal Suhif, Raduan Man, Jamil Md Isa, Sharul Jamili Miskon dan Hafiz Shamimi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penelitian terhadap data daripada dokumen teks yang khusus berkaitan dengan artis-artis yang disenarai-pendek telah memberi maklumat yang hampir lengkap untuk menentukan pemilihan artis yang lebih layak. Kelayakkan ini berdasarkan pertimbangan kaedah kajian kes kualitatif, pertimbangan kaedah perolehan data dan pertimbangan etika.

Pertimbangan kajian kes kualitatif menyarankan bahawa penentuan kepada jumlah kes bergantung kepada setakat mana kajian telah mencapai objektif dan kedalaman kajian telah diperolehi (Siti Uzairiah, 2014; Chua, 2006; Yin, 2003). Ini bermaksud bahawa jumlah artis-partisipan sebagai kes pelbagai boleh dikurangkan atau ditambah semasa proses pengumpulan dan penganalisaan berdasarkan ciri-ciri reka bentuk yang berkembang dalam kajian kualitatif (Othman, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pertimbangan kaedah perolehan data merangkumi pertimbangan perolehan data daripada artis yang terkenal dan profesional, artis aktif berkarya dengan menghasilkan karya-karya berasaskan cetakan yang banyak dalam abad ke-21 menerusi beberapa pameran solo yang dapat dibuktikan daripada terbitan katalog pameran berprestej. Selain itu, data-data terbitan dokumen-teks dan visual mudah diperolehi daripada lapangan dan akses terbuka atas talian.

Pertimbangan etika merujuk kepada kebebasan dan hak artis yang dipilih untuk bekerjasama dalam memberi maklumat terperinci untuk data temubual bersemuka. Perkara ini juga berkaitan dengan dasar pemilihan artis dan karya-karya mereka yang berdasarkan '*purposive and convenient sampling'*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil daripada pertimbangan-pertimbangan ini telah mengurangkan lagi jumlah kes yang dikaji kepada lapan orang artis iaitu Juhari Said, Zulkifli Yusoff, Stephan Menon, Kim Ng, Mohd Jamil Mat Isa, Raduan Man, Mohd Fauzi Sedon dan Faizal Suhif. Setiap artis-patisipan dengan tiga jenis data mereka iaitu data karya visual, dokumen teks dan temubual adalah merupakan kes individu yang diteliti secara berasingan.

Namun demikian, selepas peringkat pertama pengekodan, didapati lima orang artis telah memenuhi kriteria lengkap pemilihan akhir iaitu Juhari Said, Zulkifli Yusoff, Stephan Menon, Kim Ng, dan Mohd Fauzi Sedon. Mereka dipilih atas pertimbangan bahawa lima kes ini berupaya mencapai dapatan berdasarkan kategori dalam Kerangka Pengekodan. Jumlah ini masih bersesuaian dengan fitrah kajian kualitatif yang memerlukan kajian mendalam dan terperinci. Jumlah subjek kajian yang kecil membolehkan kajian secara mendalam dan teliti (Othman, 2015; Chua, 2006) bagi setiap kes artis-partisipan.

4.1.2 Latarbelakang Artis Dan Pengkaryaan

Mengkaji karya-karya seni visual berasaskan seni cetak tidak dapat lari daripada mengkaji artis yang menghasilkannya kerana tindakan artis tersebut yang menentukan bentuk dan makna sesebuah karya. Melalui latar pendidikan dan latar kesenian setiap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

artis-partisipan dapat memberi gambaran keseluruhan pengkaryaan yang membantu penyelidik membuat interpretasi yang lebih tepat.

4.1.2.1. Kes 1: Juhari Said

Juhari Said (Rajah 4.1) dilahirkan pada tahun 1961 di negeri Perak. Mendapat pendidikan formal dalam bidang Seni Halus di Universiti Teknologi MARA dari tahun 1979 sehingga tahun 1983. Beliau memilih pengkhususan dalam disiplin seni cetak, yang menurut Rahime (2003) kerana minat yang mendalam terhadap impak visual daripada keunikan jalinan pada permukaan kertas serta lebih gemar dan selesa dengan perkakasan seni cetak. Faktor ini adalah antara sebab beliau dapat mempertahankan seni cetak sebagai wadah ekspresi visual Negara sehingga kini.



Rajah 4.1. Gambar artis-partisipan Juhari Said (diambil semasa pembukaan pameran "Go Block 3" di Galeri G13, Petaling Jaya pada 20 Oktober, 2018

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Juhari yang menjadi artis sepenuh masa sejak tamat pengajian, telah aktif berkarya dan menyertai pameran serta pertandingan seni visual. Sejak masih menuntut di universiti lagi, beliau telah menyertai lima pameran berkumpulan (Rahime, 2003). Sehingga kini sebanyak 13 pameran secara solo, selain sangat aktif berpameran secara berkumpulan di dalam dan luar negara.

Karya-karya Juhari dapat disusuri dalam siri-siri pengkaryaan utama iaitu siri "The Princess" tahun 1981-1983, siri "Fly Away" tahun 1983-1985, siri "Garden" tahun 1985-1987, siri "Spilled Coffee" tahun 1991-1994, siri "Baju Kurung" tahun 1991-1993, Kilimanjaro in Nagasaki" tahun 1994-1995, siri "Grafika" tahun 1995-1996, siri "Alam Peribahasa" tahun 1996-2003, siri "Okir" tahun 2007, siri "Samudra" tahun 2009, siri "Ritual-Neografica" tahun 2010, siri "Imagine" tahun 2011, siri "Hewan" tahun 2013 dan siri "Solitute" tahun 2017 (Juharisaid.com; Galeri G13, 2018).

Beliau bukan sahaja kuat berusaha untuk mengadakan pameran, malah kerap dijemput dan ditawarkan untuk menyertai bengkel dan program seni visual peringkat antarabangsa. Antara pembabitan awal beliau adalah mewakili Malaysia ke bengkel ASEAN di Manila pada tahun 1993. Seterusnya banyak program dan festival seni visual bertaraf profesional telah disertainya.

Dalam bentuk anugerah dan penghargaan pula, beliau telah memenanginya pertama kali pada tahun 1990 daripada Permodalan Nasional Berhad. Setahun kemudian, beliau berjaya meraih hadiah utama Salon Malaysia dalam kategori seni cetak. Pada tahun 1991, beliau dianugerahkan geran penyelidikan di Paris oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerajaan Perancis yang kemudiannya sekali lagi menerima geran penyelidikan pada tahun 1994 daripada Japan Foundation untuk mempelajari seni cetak tradisional Jepun di Tokyo.

Pengalaman dan pengetahuan beliau yang luas ini, telah mendapat kepercayaan pihak universiti awam untuk dilantik sebagai Ahli Cipta di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada tahun 2008 dan sekali lagi dilantik oleh Universiti Malaya sebagai artis residensi mereka pada tahun 2011. Beliau juga pernah menjadi pensyarah sambilan di Jabatan Seni Halus, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM serta dijemput menjadi penilai akademik.

Kecemerlangan dalam bidang seni visual telah melayakkan beliau memenangi anugerah Karyawan Seni Negara tahun 2009 oleh Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Anugerah berprestej negara ini memang wajar untuk beliau yang telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Juhari yang sangat aktif berkarya dan setia dengan disiplin seni cetak sehingga nama beliau tidak akan tertinggal jika memperkatakan tentang seni cetak di Malaysia (Awang Damit, 2007; A. Rahman, 2009; Safrizal, 2009; Rampal, 2011). Begitu juga penghargaan, kepercayaan dan sokongan daripada pihak galeri dan kolektor seni.

Selain aktif berkarya dan mengendalikan pameran, Juhari turut cekap mengurus program kemasyarakatan yang berkaitan dengan seni. Studio dan kediamannya bernama ‘Akal di Ulu” bertempat di Ulu Langat, Selangor kerap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi tempat acara dan aktiviti dengan kanak-kanak, orang kampung dan residensi artis dalam dan luar negara. Selain meneraju misi cetakan kreatif melalui "*Go Block*", Juhari komited dengan program bersiri "*BareHands*" yang merupakan projek residensi artis-artis Asia yang terdiri daripada negara Malaysia, Indonesia, Filipina, Jepun dan Jordan (Juharisaid.com).

4.1.2.2. Kes 2: Zulkifli Yusoff

Zulkifli Yusoff (Rajah 4.2) dilahirkan di Yan, Kedah dalam tahun 1962. Beliau mendapat pendidikan formal bidang Seni Halus di Institut Teknologi MARA dalam tahun 1980-an dengan pengkhususan seni arca. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Seni di Manchester Polytechnic, United Kingdom.



Rajah 4.2. Gambar artis-partisipan Zulkifli Yusoff semasa temubual di studio 'SeriGala' Tanjung Malim, pada 11 Ogos, 2016

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Semasa sedang menuntut lagi beliau telah aktif berkarya dan telah memulakan eksplorasi dengan pelbagai bahan campuran dan berminat dengan karya-karya instalasi. Selain aktif sebagai artis Seni Rupa, beliau adalah pensyarah Jabatan Seni Halus, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM. Kemudiannya berpindah ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tangjung Malim, Perak sehingga bersara dengan jawatan profesor pada tahun 2018. Semasa di UPSI, beliau telah memperolehi anugerah Akademik Negara pada tahun 2007 daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Sehingga kini, Zulkifli Yusoff telah aktif berkarya telah hampir tiga dekad. Dalam tempoh itu, beliau telah menghasilkan karya-karya media campuran termasuklah mengaplikasikan media dan teknik seni cetak. Karya-karya yang dihasilkan sangat serius dari segi idea, saiz dan kemasan. Sejak sekian lama, idea dalam karya beliau adalah berkisar tentang isu sejarah dalam lingkungan budaya Melayu. Tema ini menjadi salah satu stail artistik beliau yang disampaikan melalui pendekatan instalasi berskala besar yang antaranya popular dengan jalur cetakan skrin.

Pameran solo pertama Zulkifli Yusoff pada tahun 1996 yang bertajuk “The Power” telah diadakan di NN Gallery, Kuala Lumpur. Pameran ini adalah pemula kepada siri pameran solo beliau yang telah diadakan di dalam dan di luar negara. Antara siri lain yang telah dipamerkan ialah *“*Ahmad and His Shadow” tahun 1997, “Powerful Dialogue” (2000), “Pelayaran Munshi Abdullah” (2003), “Icons” (2008), “Negaraku” (2010), “Writing Power” (2011), “Pendita” (2011), “Rukunegara 1 & 2” (2013), “Tun Razak: Buku Hijau” (2014) dan siri “Flower Fower” dalam tahun 2015.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi karya-karya yang dihasilkan, beliau telah diiktiraf dengan pelbagai anugerah bermula sebagai pemenang hadiah utama Bakat Muda Sezaman selama dua tahun berturut-turut pada tahun 1988 dan 1989. Seawal penglibatannya dalam dunia seni rupa beliau telah berjaya mewakili Malaysia ke *Venice Biennale* pada tahun 1997. Beliau merupakan artis Malaysia yang ke-dua selepas Ibrahim Husssein dipilih untuk menyertai pameran yang berprestij ini. Urutan daripada kejayaan ini banyak jemputan pameran mega telah disertainya di luar negara.

Karya-karya beliau bukan hanya memenangi banyak hadiah, tetapi juga turut menjadi koleksi kolektor, institusi seperti Galeri Seni Negara Malaysia, Galeri Petronas Malaysia, Muzium Seni Singapura, dan Muzium Seni Fukuoka serta Muzium Seni Hiroshima di Jepun. Kejayaan ini telah melonjakkan harga karya-karya beliau terutama dalam konteks lelongan menerusi badan-badan lelongan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kehebatan karya hasil daripada keaktifan kerja-kerja seni, Zulkifli Yusuff telah dianggap sebagai salah satu artis kontemporari paling canggih di Malaysia (Wei-Ling Gallery, 2008). Tulisan oleh Tengku Sabri dalam katalog pameran solo Zulkifli Yusoff bertajuk “Negaraku” tahun 2010, menyatakan bahawa, “kemunculan Zulkifli dan karya-karyanya sama ada dalam bentuk lukisan, arca, catan, cetakan, instalasi dan media campuran sejak akhir tahun 1980-an hingga kini telah menjadi satu penomena yang boleh dijadikan satu batu tanda dalam perkembangan seni rupa Malaysia” (BSVN, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.2.3. Kes 3: Stephan Menon

Stephan Menon dilahirkan pada tahun 1972 di Kuantan, Pahang. Pendidikan dalam bidang seni visual diperolehi di *Kuala Lumpur College of Art* dalam tahun 1993 dalam jurusan seni reka grafik. Beliau kemudiannya bekerja sebagai pereka grafik, sebelum membuat keputusan menjadi artis seni rupa sepenuh masa. Bakat dan keupayaannya dalam seni visual, dibantu dengan sokongan rakan artis dan kolektor seni yang merupakan pendorong kepadanya untuk terus berkarya.



Rajah 4.3. Gambar artis partisipan Stephan Menon semasa temubual di rumah studio beliau di Kepong pada 7 Ogos, 2016

Menon sangat berminat dalam melukis figura, sehingga pernah mempelajari dan mengasah bakatnya dengan Amron Omar yang terkenal sebagai artis figura negara. Minatnya terhadap subjek potret mendorong penghasilan karya-karya seni rupa yang bertemakan tokoh-tokoh terkenal yang dikaitkan dengan sejarah dan budaya. Antara yang menjadi subjek utama karya beliau adalah Tunku Abdul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rahman, P.Ramlee, Sudirman, Mahathir Mohamad, Mao Tse-Tung, Lee Kuan Yew, Sukarno juga potret diri beliau sendiri.

Pengalamannya melukis ilustrasi realistik, ditambah dengan bakat melukis dan mencatan telah memberi kelebihan kepada Menon untuk menghasilkan karya-karya media campuran termasuklah media dan teknik cetakan. Karya-karya yang hasilkan menjadi hebat apabila cetakan skrin secara manual digabungkan dengan cetakan komersial berasaskan pengalamannya dalam industri grafik. Menon berhasil menempatkan dirinya dalam dunia seni rupa negara setanding artis-artis terkenal yang lain dalam abad ke-21 ini.

Menon aktif menyertai beberapa pameran berkumpulan di dalam dan di luar negara. Beberapa pameran solo juga telah dilangsungkan yang antaranya ialah "ME@MAO" pada tahun 2010 di Metro Fine Art Gallery, Kuala Lumpur, "P. Ramlee – The Unmasking of A Legend" (2011) di MOMA Gallery, Kuala Lumpur. Pameran solo mega beliau yang bertajuk "Tunku57@57" pada tahun 2014 di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka, diikuti solo bertajuk *"Portraiture Dialogue"* (2016) di Muzium Seni Asia, Universiti Malaya.

Karya-karya berasaskan cetakan skrin yang dihasilkan sejak tahun 2010 melonjakkan nama Menon serta menjadi stail yang mempopularkan beliau selain daripada idea mengaplikasikan imej potret figura tokoh-tokoh terkenal dalam karya. Karya-karya Menon turut mendapat tempat dalam pasaran seni menerusi pusat lelongan seni, koleksi orang perseorangan dan institusi di dalam dan luar negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menon dapat membuktikan bahawa karya yang bermutu boleh mendapat pulangan nilai dan harga pasaran yang tinggi.

Menon pernah memenangi hadiah utama pertandingan lukisan yang dianjurkan oleh Galeri Shah Alam pada 2006. Beliau juga pernah dua kali terpilih sebagai peserta akhir pertandingan Bakat Muda Sezaman tahun 2006 dan 2007. Pada tahun 2016, Menon berjaya memperolehi "Certificate of Excellence" dalam pertandingan potret antarabangsa di Amerika Syarikat. Dari tahun 2013 sehingga 2016, Menon terpilih menjadi residen artis di Universiti Malaya (Menon, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.2.4. Kes 4: Kim Ng

Kim Ng (Rajah 4.4) dilahirkan dalam tahun1965 di negeri Johor. Pendidikan formal dalam bidang seni rupa diperolehinya di Kuala Lumpur College of Art dalam tahun 1989. Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda Seni Halus di London Guildhall University dengan pengkhususan seni cetak. Ilmu dalam seni visual diteruskan lagi ke peringkat Sarjana. Pada tahun 1997, beliau memperolehi *MA Design & Media Art*, daripada University of Westminister, London dengan membuat pengkhususan kaedah kolagraf dan seramik serta media campuran. Pada tahun 2000, sekali lagi beliau mendapat *MA by Project*, daripada London Metropolitan University, London, UK (Wei-Ling Gallery, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.4. Gambar artis partisipan Kim Ng semasa temubual pada 20, Januari 2017 di bengkel Seni Cetak Kolej Desian, Kuala Lumpur

Menerusi pendidikan formal dan pengalaman yang agak lama dalam disiplin seni cetak dan pelbagai media seni visual di London, Kim Ng telah terdedah dengan seni cetak kontemporari di barat. Kemahiran dalam pelbagai kaedah seni cetak dan pelbagai media dan disiplin lain seperti seramik, mendorong beliau untuk terus bereksplorasi dengan pelbagai media dan teknik pengolahan dalam karya-karya beliau, sekembalinya ke tanahair pada tahun 2002.

Semasa menuntut di luar negara, Kim Ng telah memulakan kerjayanya sebagai tenaga pengajar sambilan selain aktif berpameran seni. Bila kembali ke tanah air, minat mencurah ilmu diteruskan di Kolej Seni Desain, Kuala Lumpur sehingga kini. Selain mengajar, beliau aktif berkarya dan kerap menyertai pameran solo dan berkumpulan. Pameran solo pertama sekembalinya ke Malaysia bertajuk “Thought - A Process of Thinking”, bertempat di The Clay House, Malaysia pada tahun 2002. Pameran solo beliau yang lain telah diadakan pada tahun 2006 bertajuk “Fact or

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fiction", "An Idyllic Space" (2009), dan "In A Place of Wonder" pada tahun 2014. Semua pameran ini dilangsungkan di Galeri Wei-Ling, Kuala Lumpur.

Terkenal dengan aplikasi seni cetak kontemporari, Kim Ng terpilih sebagai salah seorang dripada lima orang ahli kumpulan "Go Block" pertama tahun 2009 yang mengadakan pameran seni cetak kontemporari bertajuk "Go Block: Five Contemporary Malaysian Printmakers" di Galeri Petronas, Kuala Lumpur. Aktivti seni cetak kumpulan ini diteruskan pada tahun 2010 bersempena dengan "Penang Internation Print Exhibiton 2010" (PIPE).

Pameran-pameran berprestej lain turut disertai di luar negara seperti di Macau, China, Singapura dan Thailand. Beliau juga berjaya menyertai *The 16th Biennale International De La Gravure De Sarcelles*, di Perancis pada tahun 2013. Terdahulu, beberapa kejayaan awal yang telah diterima seperti hadiah pertama *Owen Rowley Prize*, tahun 1996, semasa beliau menuntut di London. Berikutnya pada tahun 1997, Kim Ng dianugerahkan pula *John Purcell Paper Award* dan *Galleries Magazine Award*, juga semasa beliau di London.

Beberapa projek seni turut beliau sertai. Diantaranya ialah *"Art for Aids"*, di Balai Seni Negara, Kuala Lumpur pada tahun 2005, "Bangun-Penang Clan Jetty Art Projects", di Pulau Pinang pada tahun 2009 dan "Art Drum Project - MAP Arts Festival", Solaris Dutamas, Kuala Lumpur, tahun 2010. Beliau juga pernah menjadi artis residen di Chung Hwa High School, Muar, Johor dalam tahun 2013 (Wei-Ling Gallery, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.2.5. Kes 5: Mohd Fauzi Sedon

Mohd Fauzi Sedon atau nama penuhnya Mohd Fauzi bin Sedon @ M.Dom (Rajah 4.5) dilahirkan pada tahun 1971. Selepas memperolehi Ijazah Sarjana Muda Seni Halus, pengkhususan seni cetak daripada Institut Teknologi MARA pada tahun 1993, beliau berjaya melanjutkan pelajaran ke United Kingdom. Di sana beliau menerima Sarjana Seni Halus daripada University of Central England pada tahun 1996. Pada tahun 2004, beliau sekali lagi berjaya melanjutkan pelajaran di University of Tasmania, Australia dan memperolehi Doktor Falsafah Seni Halus pada tahun 2007 (NN Gallery, 2011).



Rajah 4.5. Gambar artis-partisipan Mohd Fauzi Sedon (Sumber: NN Gallery, 2011)

Selain bergiat aktif dalam penghasilan karya seni cetak, beliau giat menjadi tenaga pengajar sambilan di beberapa institusi seni di Lembah Klang sebelum menjadi pensyarah sepenuh masa di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak pada tahun 1999 sehingga kini. Sebagai Profesor bidang seni, beliau banyak menerima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

geran penyelidikan di dalam dan di luar Universiti dalam bidang seni dan pendidikan. Kajian dalam bidang seni sering dikaitkan dengan seni cetak kontemporari yang berinovasi dengan pelbagai bahan, yang antaranya ialah seramik. Kajian-kajian ini telah berjaya dibentangkan di persidangan antarabangsa dan dipamerkan sebagai hasil kajian inovasi (UPSI, n.d.).

Mohd Fauzi yang cemerlang dalam akademik seni rupa, telah memperolehi pelbagai anugerah sejak di universiti lagi. Bakat dan kreativiti yang diasah dengan tekun telah berjaya mendapat pelbagai anugerah seperti Anugerah Akademik *'Dean's List'* daripada Institut Teknologi MARA, Hadiah Insentif daripada Galeri Shah Alam, *Philip Morris Art Award* daripada Balai Seni Negara selain daripada Hadiah Geran Pelajaran daripada MARA dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (NN Gallery, 2011). Kecemerlangan dalam penghasilan karya juga diserlahkan menerusi pameran seni rupa dalam dan luar negara.

Selain pameran-pameran berkumpulan, Mohd Fauzi telah mengadakan beberapa pameran solo. Antaranya yang bertajuk "Statement Series- True Colours", tahun 2004 di NN Gallery, Kuala Lumpur. Pada tahun 2005, dua pameran solo diadakan dengan tajuk " Packages" di Side Space Gallery dan "Packages-Part 2" di Avago Gallery, bertempat di Salamanca Art Centre, Hobart, Australia. Seterusnya, beliau mengadakan tiga kali pameran solo dalam tahun 2006 yang bertajuk "Colour Space & Environment", "Screen", "Screen-Part 2" yang kesemuanya di Hobart, Australia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 2008, beliau mengadakan pameran solo pula di Kuala Lumpur dengan tajuk “Sweet Flavours” serta “Code:My” pada tahun 2011, juga di NN Gallery (NN Gallery, 2011). Semua pameran yang disertai mempamerkan karya-karya berasaskan cetakan yang mengaplikasikan kaedah cetakan skrin dengan pendekatan yang berbeza dengan kaedah seni cetak tradisi. Menerusi karya-karya beliau, seni cetak skrin telah menjadi identiti atau stail artistik seni bersama dengan tema budaya konsumer yang menjadi minat dalam pengucapan seni beliau.

4.1.3 Penyediaan Data Mengikut Kes


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1.2. Kerangka 2 - Pendekatan Baru

Juhari Said mengaplikasikan media dan teknik cetakan dalam pengolahan dan pendekatan yang baru bertujuan sebagai Motivasi Personal, Eksplorasi bahan dan teknik, Artistik stail dan Trend Semasa.

Motivasi personal terdiri daripada faktor dalaman dan luaran diri artis yang mendorong untuk bertindak dan melakukan sesuatu perubahan dalam penghasilan karya. Motivasi Personal merupakan faktor utama mengapa Juhari Said memanipulasikan media dan teknik cetakan dalam pengolahan dan pendekatan yang berbeza daripada kaedah konvensional. Faktor motivasi luaran dan dalam diri mempengaruhi keadaan ini. Sebagai manusia, Juhari tidak dapat lari daripada situasi ketepuan dalam praktis seni cetak konvensional. Cabaran ini telah diatasi apabila beliau mendapat galakkan melalui program residensi seni antarabangsa pada tahun 2006 sebagaimana kata-kata beliau yang dipetik daripada artikal yang beliau tulis iaitu;

> Saya sebenar seperti mendapat bateri baru, sumber tenaga untuk pulih apabila dijemput untuk bengkel di Kelantan. Ini adalah kerana setelah berkarya membuat cetakan kayu selama 23 tahun saya sedang menghadapi ‘mid-carrier crisis’, yang cukup mencabar iaitu diantara 2004 dan 2005 (185:1 (1:1245 [1:1528]).

Berkarya bersama beberapa artis lain dalam dan luar negara dalam suasana dan ruang berbeza daripada kebiasaan, memberi semangat dan kegairahan baru untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghasilkan cetakan. Motivasi dalaman ini tidak pudar walaupun Juhari gagal untuk mencetak matrik yang dihasilkan akibat kayu yang disediakan oleh pihak penganjur tidak seperti kayu kebiasaan yang digunakan olehnya.

Semangat dan kegairahan untuk menghasilkan karya telah mendorong faktor eksplorasi terhadap bahan dan teknik cetakan. Pengalaman dan pengetahuan seni cetak seperti teknik mewarna *Viscosity* iaitu gabungan aplikasi *Intaglio* dan *Relief* diekplorasikan pada permukaan kayu (matrik) untuk menjelaskan imej daripada teknik cungkilan seperti kenyataan beliau; “Ada yang *hand painted*. Kebanyakkan dalam siri Okir, warna yang digunakan adalah teknik *printmaking*, menggunakan teknik *intaglio and roller...”(*244:14 (2:1568 [2:1892]).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelebihan kayu sebagai bahan cetakan iaitu matrik yang diberi, menurut Juhari ianya tidak mudah pecah walaupun cungkilan imej dibuat di sekeliling bongkah kayu tersebut. Kelebihan bahan ini mendorong kretiviti dan eksplorasi cungkilan di semua permukaan kayu yang telah menghasilkan bentuk cetakan tiga dimensi seperti kata-katanya ini; “it is a beautiful wood because I can carve it 360 degrees without breaking it" (178:6 (1:2279 [2:56]).

Sifat bahan kayu yang keras dan bersaiz besar semasa menghasilkan karya “Okir”, telah mendorong Juhari membuat teknik cungkilan dengan menggunakan *chain-saw* selain alatan kebiasaan beliau mengukir. Eksplorasi alat telah menghasilkan kesan cungkilan yang berbeza daripada kebiasaan matrik yang dibuat. Eksplorasi penggunaan *chain-saw* ke atas bentuk kayu juga diterokai seperti membuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

potongan tertentu untuk tujuan formalistik bagi mengimbangi jalinan pada permukaan matrik dengan bentuk keseluruhan kayu secara tiga dimensi.

Kecekalan Juhari yang mempunyai pegangan dan kepercayaan diri yang kuat, telah dengan berani mengangkat matrik sebagai karya akhir cetakan beliau. Bagi Juhari, "seniman kebiasaanya seorang perindu kebebasan dan oleh sebab itu mereka melahirkan karya mengikut kehendak diri. Mereka akan mempertahankan setiap karya yang dihasilkan walaupun di sudut hati orang lain ditafsirkan penuh kesangsian" (169:2 (1:1659 [1:2002]).

Kritikan terhadap seni cetak dimensi baru yang diperkenalkan oleh Juhari melalui karya-karya "Okir" telah melahirkan tanggapan positif dan juga negatif di kalangan masyarakat seni visual negara. Komen Prof. Dr. Krishna Gopal Rampal, seorang kolektor karya seni menyatakan "while other, may not consider them as prints he considers them as an extension of his printmaking" (179:3 (1:2133 [1:2697]). Prof Madya Awang Damit Ahmad yang merupakan artis catan terkenal, turut menyatakan bahawa, "Okir adalah manifestasi Juhari secara total: pendirian, keberanian dan kecekalan beliau untuk mencabar dan membantah segala konvensi dan tradisi seni cetakan" (170:8 (1:631 [1:792]).

Walaupun komen Prof. Dr. Krishna Gopal Rampal dan Prof. Madya Awang Damit Ahmad kelihatan positif tetapi masih bersifat neutral/berkecuali. Juhari sendiri berhadapan dengan kritikan ini seperti keluhan beliau; "bila saya berkarya lain

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada seni cetak konvensional, orang tanya saya mengapa ia *printmaking*. Saya buat karya, mengkaji dan menulis perkara ini, tetapi orang masih tidak dapat menerimanya" (244:39 (6:2061 [6:2352]) - D 244: JS 2019). Walaupun sejak awal lagi, Juhari telah menekankan bahawa "it is possible to explore the possibilities in printmaking" (179:3 (1:2133 [1:2697]).

Namun Juhari tetap dengan pendirian beliau, ego seorang seniman mengekalkan motivasi dalam diri beliau untuk terus mengekplorasikan media dan teknik cetakan. Karya-karya dalam pameran "Go block" tahun 2009 dan 2018 menjadi bukti. Ekplorasi media dan teknik yang bukan konvensional seperti bahan tanah, akrilik, cahaya lampu, upih dengan porselin seramik, gigi palsu dengan teknik dan konsep baru adalah suatu tindakan berani untuk mencabar minda pelihat terhadap konsep cetakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Minat dan usaha mengubah konsep cetakan, selain mengundang konflik kepada kefahaman seni cetak di kalangan masyarakat seni, dari satu sudut yang lain membangkitkan suatu bentuk kemasyuran dan persaingan dalam dunia seni visual. Dengan penuh semangat beliau berkata; "saya *create Go block, dimensional print*, sebab kita kena tunjukkan peningkatan kita dalam bidang *printmaking*" (244:41(6:3267 [6:3588]) adalah ungkapan yang menzahirkan usaha, kesungguhan dan keperluan beliau untuk mempopularkan bidang seni cetak setaraf bidang seni lain.

Sungguhpun begitu, penghormatan kepada sumbangan Juhari yang berjaya mengorak seni cetak kontemporari melalui siri "Okir", patut mendapat pengiktirafan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagaimana pujian Awang Damit Ahmad; “Okir mengukir pelantar alternatif yang membawa pemikiran dan perspektif baru dalam Seni Cetak Malaysia” (170:14 (2:1061 [2:1262]). Penghargaan terhadap intelektual minda yang dizahirkan melalui hasil karya, turut mendapat penghargaan daripada Universiti Malaya yang merupakan sebuah pusat pendidikan ulung negara. Menerusi karya "Laga" (2013), telah dianggap sebagai, “karya yang menjadi tinggalan yang signifikan dalam sejarah seni negara” (183:1 (3:845 [3:1440]). Ini kerana Juhari adalah artis terkenal dan karya beliau dianggap karya inovasi berasaskan penyelidikan visual.

Mencipta pendekatan baru dalam seni cetak secara tidak langsung mewujudkan kelainan terhadap bentuk dan konsep cetakan. Kelainan antara ciri keunikan yang diperlukan oleh seseorang artis untuk mencipta stail secara individu. Karya-karya dalam siri “Okir” misalnya memperlihatkan artistik Juhari yang jelas. Cetakan kayu secara tiga dimensi yang dimulakan daripada siri “Okir” diteruskan ke siri-siri selanjutnya seperti “Samudra” (2009), “Laga” (2015), “Solitude” (2017) dan terkini “Haiku” (2018) bertujuan mengekalkan stail bentuk cetakan selain menyerlahkan ekspresi diri melalui media dan teknik cetakan.

Pengalaman dan kebiasaan menggunakan teknik dan media cetakan, telah membentuk suatu kemahiran yang tersendiri. Selain sangat senomim dengan bahan kayu dan teknik cungkilan yang rumit, beliau gemar kepada sesuatu yang berinovasi melalui ekplorasi bahan dan teknik cetakan. Konsep cetakan acuan dengan gabungan media dan teknik dalam pameran “Go Blok” juga merupakan stail artistik Juhari Said kerana beliau menjadi pemula kepada konsep acuan tanah sebagai karya cetakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknik acuan (casting) misalnya, merupakan teknik yang secara tradisinya merupakan disiplin dalam seni arca tetapi apabila teknik ini dihubungkan dengan konsep cetakan, ianya merupakan sesuatu yang baru dalam konteks masa kini. Juhari seterusnya menegaskan bahawa,

> Saya tidak melihat untuk memuatkan diri saya dalam post modenisme tetapi seorang *printmaker* bila dia berkarya dia mesti kaitkan diri dia dengan *print*. Macam tangan dalam karya *Yes and No* adalah *casting*. Setem dan duit adalah komersial *print*. Macam tali tu kraf yang serupa, sesuatu yang *repeatation*. Macam kuih yang menggunakan acuan adalah *edible print.* Apa saja elemen yang saya gunakan, ia adalah *printmaking*. Yang terbaru saya pakai teknik seramik. Saya guna upih yang saya celup dalam poselin. Upih itu adalah blok. “Saya gunakan bahan dan teknik seni cetak dan makna karya saya ikut isu semasa (244:31 (4:2716 [4:3467]) .

Kenyataan Juhari seperti di atas, menafikan usaha beliau mencipta kelainan sebagai suatu usaha bertujuan mengikut trend semasa dalam arus *post-modenisme*, tetapi lebih kepada untuk menyampaikan mesej tertentu melalui ekspresi pelbagai media dan teknik. Namun demikian, mencipta dan menganjurkan istilah baru seni cetak seperti teknik *casting*, komersial *print, eatdable print* adalah antara istilah baru yang menjurus kepada seni cetak kontemporari kerana istilah tersebut bertentangan dengan cetakan tradisi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beliau selanjutnya menyarankan suatu gagasan seni cetak yang perlu maju ke hadapan setaraf dengan perkembangan disiplin lain dalam seni halus sepertimana penegasan beliau, “dalam printmaking juga kita perlu meningkat, mengubah paradigma. Kita perlu *set to other standard*. *Painting, sculpture* telah *step to other standard, printmaking* kita telah ada tetapi tidak begitu jelas dan belum begitu kuat” (244:41 (6:3267 [6:3588]) .

Jelas sekali tindakan Juhari dalam pengolahan dan pendekatan baru cetakan, adalah mengarah kepada tujuan mengikut trend semasa yang dinaungi oleh istilah kontemporari abad ke-21. Perkara ini disokong oleh Dr. Safrizal Shahir, pensyarah USM dalam kenyataan beliau;

> Seni cetak sebagai satu genre pengucapan seni visual telah diangkat dan ditolak oleh Juhari ketahap kritikal dari aspek definasi, bentuk, prinsip asas, teknik dan konsepnya. Dari satu sudut, situasi ini menggambar sifat seni moden dan sezaman itu sendiri yang sentiasa haus dengan sifat pembaharuan atau novelty (172:9 (4:2120 [4:2621]).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1.3. Kerangka 3 - Langkau Konvensional

Bahagian ini memfokus kepada persoalan bagaimana tindakan pelangkauan batas disiplin konvensional seni cetak diteliti melalui aspek Media Campuran, Hibrid dan Silang Disiplin dengan merujuk kepada karya-karya dalam beberapa siri yang dipilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Media dan Teknik Campuran dalam konteks kajian ini melihat bagaimana pengabungan atau percampuran media dan teknik cetakan dengan media dan teknik dalam disiplin lain digunakan dalam karya-karya. Pengabungan ini menjurus kepada berlakunya silang disiplin (cross discipline) dan kejadian hibriditi. Silang Disiplin memperlihatkan bagaimana pentembungan, pengabungan disiplin cetakan dengan disiplin seni lain (cross or interdisciplinary) samada dari segi media, teknik atau/dan konsep. Manakala Hibrid memperlihatkan bagaimana pembauran dan penyatuan media, teknik, pendekatan, konsep cetakan dengan media dan teknik lain yang mewujudkan atau terhasilnya rupa baru sesebuah karya.

Karya-karya Juhari yang dikaji menunjukkan berlakunya langkau konvensional cetakan menerusi kaedah media dan teknik campuran, silang disiplin dan hibriditi. Berlakunya pembauran intuitif (gerak rasa dalam diri secara spontan) idea dengan media atau teknik cetakan dan pembauran jiwa (soul) dengan bahan kayu teknik ukir.

Media dan teknik campuran karya-karya tiga dimensi di mana gabungan medium kayu (cetakan & arca) dengan medium cat minyak (catan). Teknik mewarna bergabung kaedah *hand-painted* (catan) dan *viscosity* (cetakan). Teknik cungkilan pula menggunakan pisau ukir dengan teknik tarahan kayu menggunakan *chinsaw* (arca).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Silang disiplin seni arca sangat ketara pada karya-karya Juhari yang dikaji. Karya siri “Okir” (2007) dan “Laga” (2013) adalah hasilan matrik cetakan yang tidak dicetak. Walaupun Juhari mengutamakan pengolahan imej yang diukir pada satu-satu bahagian permukaan, sifat kayu yang mempunyai beberapa sisi juga telah diolah. Tindakan ini menghasilkan karya tersebut boleh dinikmati secara 360 darjah yang diistilahkan sebagai arca tiga dimensi atau sekurang-kurangnya 180 darjah yang diistilahkan sebagai arca timbulan dinding (wall relief).

Bentuk karya tiga dimensi Juhari mengutamakan pengolahan imej yang diukir pada satu-satu bahagian permukaan yang memperlihatkan dimensi-dimensi tertentu, berbanding pengolahan bentuk keseluruhan karya. Gaya persembahan karya pula tidak terikat kepada mana-mana disiplin seni rupa. Contohnya karya bertajuk "Laga" (2013) dibuat satu bahagian permukaan sahaja dan dipamer sebagai arca timbulan. Manakala karya-karya siri “Okir” boleh dipamer sebagai karya tiga dimensi (free standing) dan juga boleh disandar ke dinding sebagai arca timbulan (wall relief) seperti kenyataan Juhari; “pameran di Galeri Shah Alam, ia disandar di dinding, tetapi bila saya buat pameran di Galeri Weiling, ia diletakkan secara *free standing*” (244:10 (1:3138 [2:59]). Kesesuaian cara mempamerkan karya-karya ini boleh dikategorikan sebagai karya cetakan instalasi.

Karya matrik ini adalah karya Seni Halus berbeza dengan blok ukiran kayu sebagai kraf kerana ukiran matrik tidak mengikut prosedur seni kraf. Kombinasi konsep tradisi (kraf) dengan konsep seni moden seperti menghasilkan seni cetakan. Kombinasi ini merupakan gabungan yang menghasilkan satu bentuk karya baru iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memperlihatkan bentuk ukiran kayu dan dalam masa yang sama memperlihatkan seni arca dan seni cetakan yang berupa matrik.

Kemahiran Juhari dalam mengendalikan bahan dan teknik dalam mengolah imej dan idea atas permukaan baru iaitu di atas kayu, adalah sama dengan kemahiran beliau menghasilkan karya cetakan di atas kertas. Kesan visual di atas permukaan kayu dapat dinikmati sebagaimana cetakan beliau di atas kertas. Pandangan Awang Damit Ahmad terhadap karya-karya "Okir" ada benarnya, iaitu "impresi visual bukan sahaja menjelma di atas kertas tetapi pada minda seniman dan audien" (170:14 (2:1061 [2:1262]). Konsep impresi ini memberi kesan hibrid visual yang membaurkan pandangan mata dengan minda.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengaruh persekitaran iaitu kampung dan hutan, yang sebati dengan kemahiran yang tinggi atas dasar minat, kesungguhan dan kegairahan terhadap medium kayu dan teknik ukiran, Juhari seperti seorang 'seniman-tukang ukir' yang bersamaan dengan 'Artis-Artisan' yang berhibrid. Kemahiran ini diumpamakan dengan analogi berikut;

> Bila saya telah berkarya hampir 30 tahun, saya macam bawa kereta, tidak perlu tenguk gear dan seperti emak memasak tak perlu buka buku resepi. Bila saya buat karya, tiada skecthes kerana idea datang secara spontan, saya ambil tools dan saya tahu nak ukir.. Saya telah ada satu kemahiran dan kemahiran itu sudah ada satu sistem dalam diri saya mengikut kaedah saya (244:17 (3:518 [3:1224]).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknik cungkilan kayu telah menjadi kemahiran yang intim antara bahan (kayu), alatan dan minat mendalam yang membolehkan Juhari mencipta imej secara spontan, mengikut gerak rasa secara intuitif.

Karya “Untitled 1 & 2” (2009) mengabungkan bahan bukan konvensi seni cetak iaitu tanah (bahan alam) dan akrilik (bahan catan) bersama elemen cahaya menggunakan lampu neon (objek kegunaan harian). Bahan akrilik digunakan kerana ia fleksi dengan bahantara air dan mudah kering bersama bahan tanah. Teknik acuan (casting) adalah teknik arca yang dipinjam kerana acuan boleh berfungsi sebagai matrik yang dapat menghasilkan bentuk tanah yang sama. Acuan (pot) yang merupakan matrik cetakan adalah objek kegunaan harian yang tidak dihasilkan sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kes karya “Untitled 1 & 2” (2009)**,** pengabungan dan pertembungan berlaku antara bahan catan, alam dan kegunaan harian dengan teknik arca yang diterjemahkan kepada konsep cetakan. Pengabungan ini melahirkan suatu pembauran visual apabila acuan tanah dilihat sebagai nostalgia permainan dan dalam masa yang sama ia dilihat sebagai edisi cetakan. Pembauran atau hibrid visual juga wujud menerusi imej bayang (kesan lampu neon) yang juga dilihat sebagai ‘salinan’ imej cetakan di atas dinding.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Kes Artis Partisipan 2 – Zulkifli Yusoff

Karya-karya Zulkifli Yusoff yang dikaji difokuskan kepada karya-karya berasaskan cetakan yang menggunakan media dan teknik campuran yang berbentuk dua dimensi dan juga tiga dimensi. Karya-karya yang dipilih dapat mewakili keseluruhan karya Zulkifli Yusoff yang berasaskan cetakan dalam abad ke-21.

5.2.1 Kerangka 1- Hubungan Kesatuan Organik

Perbincangan dapatan dalam bahagian ini adalah merujuk kepada persoalan kajian pertama iaitu bagaimana subjek, bentuk dan makna karya-karya Zulkifli Yusoff berhubungan menerusi aplikasi media dan teknik seni cetak.

5.2.1.1. Siri “Icon” (2008)

Siri “Icon” adalah tajuk pameran solo Zulkifli Yusoff yang ke-10, telah dipamerkan di Wei-Ling Gallery, Kuala Lumpur dalam bulan September, 2008. Karya-karya dalam siri ini yang berasaskan seni cetak telah diilhamkan daripada buku tulisan Frank Swettenham bertajuk “Malay Sketches” (31:34 (1:726 [1:925]). Buku ini yang dihasilkan pada tahun 1895 berkisar tentang perihal orang-orang Melayu dalam abad ke-19 terutamanya tentang cara hidup, pegangan dan pemikiran orang-orang Melayu dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sudut pandangan seorang bangsa Inggeris yang merupakan Residen Jeneral pertama Negeri-negeri Bersekutu pada masa itu (sokmo.net, 2015).

- **Subjek "Icon"**

Zulkifli Yusoff menggarap idea yang diselidik melalui buku "Malay Sketches" untuk mendapat gambaran pandangan daripada seorang pegawai penjajah tentang bangsa Melayu pada masa dahulu. Maklumat yang diperolehi diolah dengan kajian pengetahuan, pandangan dan pengalaman beliau sebagai seorang berbangsa melayu. Idea tentang sejarah dipersembahkan dalam bentuk visual dengan menekankan tentang beberapa sudut sosial, budaya, ekonomi dan politik orang-orang melayu yang berkaitan dengan orang-orang Inggeris sipenjajah.

Terdapat pecahan idea sejarah dalam siri "Icon" ini seperti idea berkaitan budaya sosial orang-orang melayu dalam perihal cinta dan hiburan serta idea berkaitan isu sosio-politik dalam perihal pertentangan budaya. Imej-imej yang dikemukakan oleh Zulkifli bersangkutan dengan hal-hal perasaan, hiburan, pekerjaan dan juga isu-isu berkisar tentang pertentangan dengan penjajahan yang digambarkan secara imej jelas melalui pendekatan metafora yang dominan menggunakan cetakan skrin.

Imej-imej figura seperti ikon-ikon popular seperti bintang filem, pegawai Inggeris serta imej-imej umum seperti figura wanita dan lelaki, peristiwa sejarah, duit syiling, kenderaan dan makanan yang berkaitan dengan sesuatu isu. Imej-imej ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebanyakkan diambil secara terus daripada foto lama dan gambar rujukan daripada buku-buku lama dengan sedikit pengolahan agar kekal jelas dan mudah dikenali. Terdapat juga imej-imej ciptaan Zulkifli seperti lambang cinta, bintang, garisan-garisan grid, garisan ekspresi yang abstrak dan jalinan umum.

Imej-imej ini diaplikasikan dalam karya-karya dua dimensi dan juga tiga dimensi bagi siri-siri mini. Contohnya siri bertajuk "Dari Mata Turun ke Hati" dihasilkan dalam bentuk dua dan tiga dimensi dengan tajuk yang sama seperti "Dari Mata Turun ke Hati I" (rajah 5.8) dan "Dari Mata Turun ke Hati II" (rajah 5.9) adalah karya dua dimensi yang domiman cetakan skrin. Manakala "Dari Mata Turun ke Hati III" adalah karya berbentuk tiga dimensi (rajah 5.10) turut menggunakkan konsep cetakan dalam mengolahannya.



Rajah 5.8. Karya Zulkifli Yusoff bertajuk "Dari Mata Turun ke Hati 1" (2008)
(31:15 (2:64:34-2:509:613)


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.9. Karya Zulkifli Yusoff bertajuk "Dari Mata Turun ke Hati 2" (2008) (31:15 (2:64:34-2:509:613)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.10. Karya tiga-dimensi Zulkifli Yusoff bertajuk "Dari Mata Turun ke Hati III" (2008) (31:23 3D (4:64:72-4:565:388)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


- **Bentuk "Icon"**

Karya-karya dalam siri "Icons" (2008), banyak mengaplikasikan media dan teknik cetakan, sebagaimana penegasan Zulkifli; "memang semuanya ada menggunakan teknik cetakan skrin" (30:25 (12143:12781). Selain itu Zulkifli turut menggunakan media lain seperti kata-kata beliau; "Saya ada menggunakan bahan seperti resin, kanvas, akrilik dan dakwat cetakan. Saya bermain dengan beberapa teknik, antaranya saya ketengahkan teknik seni cetak" (30:10 (5275:5678).

Teknik cetakan skrin yang digunakan dalam karya-karya dua dimensi siri "Icons" ini kebanyakkannya menggunakan imej yang dihasilkan dengan kaedah *half-tone* yang melalui proses mekanikal pendedahan cahaya. Kaedah *half-tone* memberi kesan tonal lembut yang lebih realistik berbanding kaedah *hard-edge* yang memberi kesan rata. Gambar 5.11 ialah karya bertajuk "Bobby" (2008) yang menunjukkan contoh imej A, merupakan bintang filem wanita melayu diolah dengan kaedah *half-tone* manakala imej B, adalah iklan filem hindustan bertajuk "Bobby" dan imej bintang diolah dengan kaedah *hard-edge*. Kelebihan cetakan skrin membolehkan dan memudahkan Zulkifli mengambarkan imej yang jelas dan tepat dengan hal-hal sejarah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.11. Karya Zulkifli Yusoff bertajuk "Bobby" (2008)
(31:26 (5:65:82-5:510:663)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Text asal dan gambar dari unsur sejarah kerap digunakan dan dikekalkan seperti asal atau diambil terus daripada sumber asal. Teknik cetakan skrin menerusi kaedah mekanikal *halftone* dan *black and white hard-edge* membolehkan manipulasi daripada gambar fotografi yang menjadi sumber utama data imej beliau. Sifat cetakan yang boleh mendapatkan imej yang sama dengan banyak sangat membantu minat dan kebiasaan Zulkifli yang gemar mengulang imej dan teks yang sama berulangkali.

Cetakan skrin ini diaplikasikan bersama dengan teknik catan menggunakan medium akrilik atas kanvas seperti penerangan beliau iaitu; "Saya cetak skrin dulu, lepas tu saya paint dan kemudian saya skrin balik. Gabung antara cetak dan catan. Saya guna medium akrilik untuk kedua-dua teknik tersebut" (30:25 (12143:12781). Kebanyakkan imej yang diambil daripada gambar foto dan imej-imej jalinan abstrak,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diolah dengan teknik cetakan skrin. Imej-imej ciptaan seperti garisan ekspresif diolah dengan kaedah lukisan menggunakan akrilik.

Cetakan skrin diaplikasi sebagai warna-warna latar yang memberi kesan rata. Komposisi warna latar dibahagikan kepada beberapa pecahan warna-warni yang berbeza mengikut susunan imej tertentu. Imej figura yang diolah dengan teknik cetakan *halftone* mendominasi pecahan ruang. Ia dicetak dengan satu warna bertindih dengan warna latar yang berfungsi untuk menonjolkan imej. Contohnya karya "Dari Mata Turun Ke Hati 1 dan 2", imej wanita klasik lebih menonjol kerana dicetak memenuhi sebahagian besar permukaan karya yang berlatarkan putih. Imej-imej klasik lain di cetak, diulang dan bertindihan dengan warna latar berwarna kelihatan terapung. Teknik catan dan lukisan digunakan sebagai perincian kepada imej cetakan dan penambahan imej-imej garisan ekspresif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Medium akrilik digunakan bagi teknik-teknik cetakan, catan dan lukisan yang menurut Zulkifli; "supaya bahan akrilik tersebut bergabung masuk bersama" (30:26 (12773:13217). Zulkifli inginkan karya dua dimensinya mendapat kesan yang harmoni, tidak berkontra apabila teknik cetakan, catan dan lukisan digunakan tindih menindih. Beliau menambah; "berurusan dengan bahan berasaskan air ini kita seronok, tidak ada bau, senang basuh skrin" (30:26 (12773:13217). Kelebihan cetakan skrin yang boleh digayakan dengan medium akrilik juga memudahkan pengurusan persekitaran kerja yang kondusif.

Karya tiga dimensi Zulkifli terhasil menerusi gabungan kaedah arca dengan konsep serta proses cetakan. Menurut Zulkifli, beliau membentuk model arcanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terlebih dahulu. Contohnya karya bertajuk “Bobby III” hasilan tahun 2008 (Rajah 5.12), bentuk model bulat tirus seperti jantung pisang dibentuk. Imej-imej perkataan ‘Bobby’, bintang dan lambang hati yang berulang-ulang, terdapat pada permukaan arca, dihasilkan dengan mencetak imej tersebut menggunakan dakwat embos ke atas kanvas terlebih dahulu. Zulkifli menggunakan mesin pemanas yang akan menjadikan imej cetakan tersebut timbul, yang kemudian dikolaj atas model tadi bagi menghasilkan timbulan pada permukaan model tersebut.



Rajah 5.12. Karya Zulkifli bertajuk “Bobby III” dengan dua sudut pandangan (31:27 (6:61:422-6:401:782)

Bahan *Plaster* dituang untuk membuat acuan. Zulkifli seterusnya menyapu bahan gentian kaca (fibreglass) yang bila ia mengeras menjadi bentuk tiga dimensi yang mempunyai kesan timbulan (relief) pada permukaan bentuk tersebut. Menurut Zulkifli; “relief itu, berasaskan cetakan” (30:23(10822:11485). Beliau menambah, “kalau saya tidak menggunakan teknik print, macamana saya boleh dapat permukaan sebuah arca seperti ini” (30:45(25489:25720). Rajah 5.13 menunjukkan contoh cetakan embos

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dipindahkan kepada kaedah acuan untuk mendapatkan pengulangan imej timbulan yang berulang.



Rajah 5.13. Contoh cetakan embos yang dipindahkan kepada kaedah acuan (Sumber: ehsan artis semasa sesi temu bual pada 11, Ogos 2016

Zulkifli membuktikan kepentingan seni cetak yang berjaya menghasilkan suatu kesan yang dikehendaki oleh beliau kerana teknik cetakan lebih efektif dalam memudahkan proses berkarya dibuat. Media resin digunakan untuk aplikasi bersama teknik acuan dengan teknik cetakan. Karya “Bobby III”, imej teks 'Bobby' diulang cetak teknik terap kerana karektor teks yang sama. Imej bentuk hati, bulat, bintang juga diulang-ulang. Begitu juga dengan karya tiga dimensi “Dari Mata Turun ke Hati III” teknik cetak tekapan imej bunga dan lambang hati diulang-ulang memenuhi permukaan arca.


Terdapat imej bunga, hati dan organik yang menggunakan resin kaedah acuan yang ditampal pada permukaan arca memberi kesan timbulan - berwarna kontra merah dan biru menjadi penegasan. Kaedah imej daripada bahan resin ini adalah sama dengan kaedah cetakan untuk menghasilkan permukaan arca. Teknik acuan bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

resin yang dikolaj pada permukaan arca bersifat lut-sinar diwarnakan dengan warna terang dan kontra.

Karya dua dimensi mahupun tiga dimensi mengandungi imej cetakan yang diulang-ulang. Imej-imej ini dapat diulang banyak kali kerana keupayaan teknik membolehkan dan memudahkan imej diulang dengan sama. Dua karya bertajuk "Different Skill I" dan "Different Skill II" tahun 2008 (Rajah 5.14) misalnya, imej duit syiling British diulang-ulang bagi kedua-dua karya tersebut sebagai metafora sosio-ekonomi yang membawa idea perbandingan imej ikon melayu dari filem klasik dengan ikon melayu masa kini.



"Different Skill I"



"Different Skill II"

Rajah 5.14. Karya Zulkifli Yusoff bertajuk "Different Skill I" dan "Different Skill II" (2008) (31:29 (8:60:63-8:518:779)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- **Makna siri "Icon"**

Idea sejarah berkaitan budaya sosial orang-orang melayu dalam perihal cinta dan hiburan menerusi penerbitan filem dan ikon bintang terkenal menerusi karya seperti "Dari Mata Turun ke Hati", "Bobby" dan "Different Skill". Karya "Bobby" (2008) misalnya, subjek iklan filem bertajuk "Bobby" adalah lambang mengekspresikan idea tentang cinta yang divisualkan melalui imej ikon figura terkenal bintang filem. Kisah cinta filem hindustan yang sering ditiru oleh filem Melayu yang ditambah dengan imej lambang cinta, bentuk hati dan bintang yang dicetak kemas dan jelas untuk menguatkan makna tentang hiburan orang-orang Melayu untuk melupakan kemiskinan dan penindasan secara halus pihak penjajah.

Idea berkaitan isu sosio-politik dalam perihal pertentangan budaya dikemukakan melalui karya-karya seperti "Durian, Tempoyak, Whiski", "Hujan Lembing", "Difference Culture", "Birch at Pasir Salak" yang mengandungi imej berfungsi sebagai metafora atau perlambangan yang mewakili pertentangan budaya disebabkan pihak British tidak menghormati budaya orang-orang Melayu. Karya-karya ini lebih merujuk kepada sejarah di Negeri Perak yang terkenal dengan peristiwa pembunuhan pegawai Inggeris bernama J.W.W. Birch akibat kemarahan orang-orang melayu.

Dalam karya bertajuk "Durian, Tempoyak, Whiski" dan "Difference Culture" misalnya, imej cetakan lesung adalah metafora kepada tempoyak, imej buah durian yang popular di negeri Perak dilambangkan sebagai kegemaran orang-orang melayu yang bertentangan dengan imej figura J.W.W. Birch seorang residen Inggeris di Perak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana perilakunya yang biadap. Menurut Zulkifli; “paparan durian, tempoyak, wiski adalah tiga item yang dipercayai memang tak boleh bercampur, orang Perak kata ‘paneh’ bermaksud panas” (30:4 (1569:2437) yang dipercayai boleh mengakibatkan perasaan marah, sakit dan boleh membawa maut. Menurut Zulkifli kemarahan orang-orang Melayu kerana,

> Birch naik ke rumah orang melayu berkasut, mestilah *contradict culture*. Birch mengganggu perempuan-perempuan melayu di kampung, mestilah *contradict*. Birch minum arak, wiski, orang melayu tidak minum arak sebab muslim, tapi itu hanya perlambangan berkaitan perilaku. Orang kampong Pasir Salak tidak mahu bab cukai kerana ramai yang miskin. Orang Inggeris datang bawa satu sistem yang bertentangan dengan tabiat masyarakat setempat. Peranglah! Perkara ini tidak sepatutnya berulang lagi. Jangan bagi *contradict culture* nanti perang lagi (30:6 (2502:3800) .

Isu pertentangan dan campurtangan budaya dan politik ini berjaya digambarkan dengan emosi terkawal menerusi imej-imej cetakan skrin yang mendominasi keseluruhan karya. Sebagai orang melayu yang turut tersentuh dengan emosi amarah, Zulkifli turut memasukkan imej ekspresi garisan dengan teknik lukisan figura abstrak. Karya "Difference Culture" (Rajah 5.15) dan “Birch at Pasir Salak” (Rajah 5.16) misalnya, imej lukisan akrilik ini sangat menonjol dan kelihatan ekspresif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.15. Karya Zulkifli Yusoff bertajuk "Difference Culture" (2008)
(31:36 2D (13:64:32-13:547:483)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.16. Karya Zulkifli Yusoff bertajuk“Birch at Pasir Salak” (2008)
(31:36 2D (13:64:32-13:547:483)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Imej figura abstrak ini yang menurut Zulkifli, “melambangkan exspresi, watak ganas, watak garang yang mewakili watak melayu” (30:8 (4416:5270). Lambang kemarahan orang-orang melayu ini yang diwakili dengan sentuhan tangan beliau, dilukis besar di atas dan bawah objek lesung dalam karya "Difference Culture" dan kiri dan kanan kerusi dalam karya “Birch at Pasir Salak”.

Dalam karya bertajuk “Birch at Pasir Salak”, Imej kerusi yg diambil gambar di sebuah gereja, adalah peninggalan British sebagai lambang-metafora kepada 'tuan-jajah' yang dikiaskan masih ada sehingga kini. Zulkifli menyatakan; “Kerusi itu adalah peninggalan orang putih. Ia kerusi di gereja, dekat *Convent School* di Batu Gajah yang masih ada” (30:7 (4104:4349). Imej kerusi yang dihasilkan dengan kaedah *direct foto screen-halftone* untuk mendapatkan kesan jelas dan realistik sebagai peringatan tentang isu 'penjajahan' agar sejarah sebegini tidak berulang dan menjadi satu peringatan dan pengajaran kepada generasi masa kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.1.2. Siri “Tun Razak Speech Series – The Green Book” (2014)

Siri “Tun Razak Speech Series – The Green Book” (Ucapan Tun Razak: Buku Hijau) adalah karya instalasi Zulkifli Yusoff yang telah dipamerkan di Art Expo Malaysia di bawah naungan Core Design Gallery dalam tahun 2014.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- **Subjek Siri "Tun Razak Speech Series – The Green Book"**

Zulkifli Yusoff mendapat ilham berkaitan idea sosio-ekonomi negara daripada pembacaan terhadap koleksi siri ucapan Tun Abdul Razak Hussein berkenaan dengan 'Buku Hijau' semasa membuat kajian beliau di Arkib Negara. Zulkifli yang amat berminat dengan subjek sejarah, meneruskan kajian beliau terhadap dasar dan kepimpinan Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia ke-dua (1971-1976).

Rancangan Buku Hijau adalah inspirasi dan inisiatif Tun Razak pada tahun 1974 yang berkaitan dengan pertanian negara untuk menarik kerjasama rakyat dalam meningkatkan ekonomi atau sumber makanan isi rumah. Rancangan ini bertujuan menggalakkan rakyat bercucuk tanam dan menternak binatang untuk menambah pengeluaran makanan terutamanya bagi penduduk di luar bandar dalam mengatasi kemelesetan ekonomi pada ketika itu.

Zulkifli yang mendapat idea daripada penegasan 'Buku Hijau' yang menyarankan penggunaan tanah-tanah terbiar dan ruang sekitar kediaman untuk tanaman dan ternakan jangka pendek, telah menzahirkan imej-imej sayur-sayuran, binatang ternakan seperti ayam, itik, kambing dan ikan air tawar. Selain itu, imej teks berkaitan saranan Buku Hijau turut disertakan. Kebanyakkan daripada imej-imej ini dihasilkan menerusi teknik cetakan skrin atas kanvas yang diolah dengan media dan teknik lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- **Bentuk Siri "Tun Razak Speech Series – The Green Book"**

Karya instalasi ini terbahagi kepada empat bahagian utama, telah disusun dalam tiga panel yang digantung di dinding dan satu panel diletakkan di ruang tengah berada pada lantai (Rajah 5.17). Seimbas pandang setiap bahagian mengandungi objek timbulan pelbagai saiz, bentuk dan warna yang dilekatkan di atas jalinan kolaj kromatik seperti garisan grid dan imej-imej dikenali berbagai rupa, telah berupaya menarik perhatian audien untuk meneliti dengan lebih dekat keseluruhan karya ini.



Rajah 5.17. Karya Zulkifli Yusoff bertajuk "Tun Razak Speech Series – The Green Book" (2014) (Sumber:http://malaysiacontemporaryart.coredesigngallery.com)

Jalinan kolaj dengan warna akromatik diaplikasikan sebagai latarbelakang yang mengandungi imej-imej seperti sayuran jagung, bendir, terung, binatang ternakan seperti ayam, ikan air tawar, kambing, itik, serta teks tulisan dan garisan. Ia dicetak dengan teknik cetakan skrin terlebih dahulu di atas kanvas menggunakan medium akrilik warna hitam. Teknik cetakan skrin dengan kaedah vektor secara hitam-putih digunakan dan dicetak berulang dengan kuantiti yang banyak. Kanvas yang telah dicetak dengan imej-imej ini kemudiannya dipotong dan dikolajkan, seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kata-kata beliau; "Saya *print* atas kanvas dan dipotong-potong dan ditampal" (30:32 (15140:15510).

Imej-imej cetakan tersebut ditampal secara berulang dan bertindihan membentuk jalinan bergrid yang dominan mewujudkan ruang positif dan negatif dalam arah yang terkawal, memenuhi keseluruhan ruang panel. Zulkifli mempunyai formulanya sendiri dalam menyusun potongan kanvas imej cetakan tersebut (30:30 (14323:14456).

Lapisan-lapisan imej cetakan garisan lurus dan putus-putus yang berwarna hitam bergabung dengan garisan jalur yang terbentuk daripada warna asal kanvas membentuk garisan grid bertindan dengan imej cetakan abstrak. Imej cetakan sayuran, binatang ternakan dan teks tulisan disusun dan dikolaj di atas jalinan grid di bahagian tertentu kelihatan kemas, mudah dikenali dan boleh dibaca. Rajah 5.18 menunjukkan salah satu imej cetakan bendir dan ayam yang dikolaj di atas jalur-jalur cetakan garisan lurus dan putus-putus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 5.18. Perincian 1 karya Zulkifli Yusoff bertajuk "Tun Razak Speech Series – The Green Book" (Sumber: Foto diambil semasa pameran di Art Expo Malaysia 2014)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Objek-objek timbulan yang dikolaj di atas imej cetak garisan grid terdiri daripada objek jernih seperti mangkuk pelbagai saiz dan bentuk padu empat segi seperti panel kecil pelbagai saiz. Mangkuk jernih secara terlungkup, dilekatkan pada panel dinding dengan kemasan jalur kanvas yang dicetak dengan teks secara berulang-ulang seperti ditunjukkan dalam Rajah 5.19.



Rajah 5.19. Perincian 2 & 3, karya Zulkifli Yusoff bertajuk "Tun Razak Speech Series – The Green Book" (41:2 (2:29:34-2:568:700)

Ia diisi dengan bahan resin berwarna dan ada juga mempunyai imej cetakan di dalamnya. Mangkuk jernih secara terbuka pula berada di panel lantai mengandungi imej cetakan seperti sayuran dan binatang ternakan berwarna-warni. Resin yang bersifat jernih menjelaskan imej-imej ini yang kelihatan berlapis-lapis seperti contoh yang ditunjukkan dalam rajah 5.20.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.20. Perincian 4 & 5, karya Zulkifli Yusuff bertajuk "Tun Razak Speech Series – The Green Book" (41:2 (2:29:34-2:568:700)

Cetakan skrin membantu dan memudahkan Zulkifli mendapatkan imej yang sama dengan banyak untuk dikolaj berulang-ulang dan tindan menindan terutamanya imej garisan. Beliau menyatakan;

> Semua karya saya ada garisan bersilang-silang. Garisan menegak dan melintang itu memang semula jadi, sebab saya seronok hendak mencipta ruang. Bila saya tindih dan tindih lagi, ia kebelakang dengan sendiri. Kalau saya tidak buat lapis tindanan ini, mungkin ia hanya ruang rata dan kosong (30:31 (14462:15134) .

Ruang yang berjalinan dengan imej cetakan skrin yang bersilangan dan bertindanan ini mewujudkan hubungan yang berharmoni dan berkesinambungan antara semua elemen instalasi berskala besar ciptaan Zulkifli Yusoff.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknik cetakan imej yang diolah dengan kaedah kolaj mencipta ruang ambiguous yang menurut Zulkifli, "ia kelihatan *ambiguous,* kelihatan tertolak ke belakang dan tertarik ke depan" (30:31 (14462:15134) yang merupakan ekspresi diri Zulkifli. Kepuasan diri sebagai seorang artis yang terdidik dan minat kepada unsur tiga dimensi, telah mendorong beliau memanipulasikan teknik cetakan untuk tujuan bermain dengan ruang fizikal dan ilusi dua dimensi hasil imej cetakan tersebut

- **Makna Karya "Tun Razak Speech Series: The Green Book"**

Siri "Ucapan Tun Razak: Buku Hijau" (2014) menunjukkan kefahaman Zulkifli dengan kesan-kesan sejarah teks menerusi persembahan kontemporari bagi mengimbau sosio-ekonomi lepas dengan masyarakat masa kini. Beliau menterjemahkan imej-imej sayuran dan binatang ternakan yang dicetak dengan jelas agar mudah difahami. Penyampaian idea tentang peri pentingnya rakyat berdikari menerusi imej-imej cetakan yang diletakkan dalam grid kolaj yang kemas di antara satu sama lain bagi menekankan struktur yang digariskan dalam rancangan Buku Hijau oleh Tun Razak.

Pengulangan imej cetakan terutamanya petikan teks daripada ucapan Tun Razak sebagai memberi penegasan. Kepentiangan menjaga hak terhadap tanah terbiar dimasukkan secara berulang-ulang dibanyak bahagian yang menurut Zulkifli, "maknanya saya anggap penggunaan teks lebih membantu masyarakat memahami

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hakikat sebenar apa yang hendak saya jelaskan. Itupun kalau tenguk masih lagi terikat dengan *repetition*, keseronokan saya mengulang perkataan seperti nasihat yang berulang-ulang kali" (30:35 (17306:18672). Kenyataan Zulkifli ini dapat diperhatikan seperti dalam Rajah 5.21 berikut;



Rajah 5.21. Perincian 6 & 7, karya Zulkifli Yusoff bertajuk "Tun Razak Speech Series – The Green Book" (Sumber: Foto semasa pameran di Art Expo Malaysia, 2014)

Imej-imej cetakan sayuran dan binatang peliharan yang berwarna-warni dalam mangkuk jernih bertujuan untuk menunjukkan hasil tuaian yang dinikmati berkat kerajinan dan usaha dalam meningkat rezeki dan pendapatan penduduk. Sungguhpun usaha dalam rancangan Buku Hijau telah berlalu, isu kemelesetan ekonomi dan inflasi yang melanda negara dan dunia, akan berulang kembali. Kempen bagi menggalakkan masyarakat untuk memanfaatkan tanah dan ruang persekitaran tempat tinggal dengan menanam sumber makanan yang sesuai patut diteruskan dan digalakkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.2 Kerangka 2 – Pendekatan Baru

Zulkifli Yusoff mengaplikasikan media dan teknik cetakan dalam pengolahan dan pendekatan yang baru bertujuan sebagai eksplorasi bahan dan teknik, motivasi personal, gaya artistik dan trend semasa sungguhpun beliau bukan berniat untuk menghasilkan karya seni cetak.

Teknik cetakan skrin paling kerap diaplikasikan dalam karya-karya Zulkifli Yusoff seperti karya-karya dalam siri "Icon" (2008) dan siri "Tun Razak Speech Series – The Green Book" (2014) yang menjadi fokus interpretasi. Zulkifli menggunakan cetakan skrin dengan medium dakwat berasaskan air dan medium catan iaitu akrilik. Media dan teknik ini kerap ditindan dan dilapis dengan teknik catan dan lukisan. Ekplorasi ini kerap dilakukan untuk mendapat kesan rata cetakan skrin dengan kesan perincian sapuan berus bagi kebanyakkan karya dua-dimensi.

Eksplorasi teknik cetakan lebih ketara dalam karya-karya instalasi seperti siri "Tun Razak Speech Series – The Green Book". Cetakan yang dihasilkan di atas kanvas, dipotong dan dikolaj pula lapisan demi lapisan untuk mendapatkan kesan jalinan sentuh serta mencipta ruang abstrak yang ekspresif. Kaedah 'cetak kolaj' ini sangat sinonim dengan Zulkifli sejak karya-karya awal beliau tahun 1980-an hingga kini yang sentiasa dinamik, banyak perubahan komposisi, warna dan jalinan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

‘Cetak kolaj’ tidak tamat dengan kaedah ini sahaja, Zulkifli mengabungkan dengan bahan gentian kaca dan resin yang terlebih dulu dihasilkan dengan teknik acuan. Bahan-bahan ini diterokai bersama dengan media dan teknik cetakan emboss untuk menghasilkan kesan timbulan, terutamanya dalam menghasilkan karya-karya tiga dimensi beliau.

Ekplorasi media dan teknik yang bukan konvensional seperti karya bertajuk “Bunga Raya”, “Wave” yang merupakan antara karya dalam siri “Negaraku” (2010). Zulkifli mencuba media dan teknik yang luar daripada disiplin kebiasaan. Dengan kreativiti sendiri melalui empirikal ekperimen, beliau menyatakan; “Saya rendam besi gelung besar dalam takungan kayu yang dialas dengan tikar getah yang mengandungi asid *Nitric*” (30:50 (26981:27190). Kaedah ini adalah menggunakan teknik *etching* di mana teknik ini menggunakan asid untuk menghasilkan imej yang dikehendaki. Zulkifli mengembangkan konsep cetakan yang menarik minatnya untuk ekplorasi, mencari ilmu yang mengangkat matrik sebagai cetakan.

Eksplorasi yang berterusan dengan teknik cetakan sejak karya “Dari Hitam ke Putih” yang memenangi hadiah utama dalam pertandingan Bakat Muda Sezaman 1988, telah mendorong Zulkifli untuk terus meneroka media dan teknik cetakan bersama berbagai media dan teknik campuran lain. Eksplorasi media dan teknik cetakan dalam karya campuran adalah bukti kepada kehebatan dan tahap kreativiti tinggi Zulkifli Yusoff. Eksplorasi media dan teknik cetakan juga adalah disebabkan dorongan daripada motivasi personal dari segi pengiktirafan, kemasyuran dan kewangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh karya “The Power 1 dan 2” , telah memenangi hadiah “Salon Malaysia 1991” merupakan bentuk karya instalasi yang antara bahan dan tekniknya yang ketara ialah cetakan, sebagaimana kenyataan Zulkifli;

> Semasa zaman pelukis-pelukis menterjemahkan instalasi, kaedah ini sudah jadi kegemaran saya. Tahun 1991, saya menang pertandingan ‘Salon Malaysia’, dengan karya “The Power 1” dan “The Power 2”. Karya itu nampak pergerakan awal saya, masa itu tidak ada ego lagi. Sekarang ini ego lagi tinggi sebab dah makin tua. Masa itu karya saya sudah melampau, telah melangkau kepada media dan teknik campuran. Ada kanvas yang saya lukis, banyak bahagian-bahagian yang saya cetak (30:11 (5680:7587) .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kejayaan menghasilkan karya-karya instalasi pelbagai media dan teknik ini didorong oleh motivasi personal yang membuatkan beliau terus menerus berkarya. Menurut beliau, “saya tak pernah berhenti berkarya. Saya tidak pernah sekali pun tertinggal untuk berpameran sejak tahun 1985, sejak belajar di ITM. Sampai ke hari ini tidak ada tahun yang tidak tertulis ‘show’ dalam biodata saya” (30:1(371:824). Kesungguhan Zulkifli dalam berkarya sebagaimana penegasan beliau, “dalam setahun tidak kurang daripada tiga major work saya buat. It’s not a minor work. Major work tidak kurang dari tiga tahun, major work tu serius, in term of workmanship, in term of research” (30:1 (371:824) .

Zulkifli yang aktif berkarya sejak tahun-tahun 80-an hingga kini sudah melebihi dua dekad. Dalam tempoh ini beliau telah menghasilkan karya-karya media

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

campuran termasuklah mengaplikasikan media dan teknik seni cetak. Karya-karya dihasilkan sangat serius, hebat dari segi idea kajian, proses penghasilan media campuran, kemasan kerja dan penghasilan karya berskala besar yang kebiasaannya berbentuk instalasi dua dimensi dan tiga dimensi.

Kehebatan beliau sebagai artis mendapat pengiktirafan di dalam dan dari luar negara. Juga telah memenangi banyak pertandingan serta mendapat jemputan dan tajaan berpameran dari institusi besar di dalam dan di luar negara. Kehebatan beliau sebagai artis seni visual diiktiraf oleh kerajaan dengan dianugerahi dengan Anugerah Akademik Negara (2007) serta dinaikkan pangkat ke jawatan profesor dalam kerjayanya sebagai pensyarah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain kemasyhuran nama beliau sebagai artis, Zulkifli sentiasa berkarya kerana mendapat motivasi kepuasan diri apabila karya-karya berasaskan cetakan beliau kerap laris dibeli dan menjadi koleksi badan koperat dan kolektor ternama. Contohnya seperti karya media campuran bertajuk “Flower Power” hasilan tahun 2015, sebagaimanana kata-kata beliau, “karya Flower Power sudah jadi koleksi seorang dato’, jadi private collection, beliau baru beli bila bawa balik dari Scathe Gallery, show di London. Rezekikan!” (30:54 (170:640) .

Motivasi personal dalam bentuk kewangan telah mendorong kreativiti dan inovasi Zulkifli kepada konsep cetakan yang boleh dikembangkan. Inspirasi media dan teknik asas cetakan memberi idea untuk dikembangkan kepada kaedah baru. Zulkifli melihat potensi dakwat emboss yang biasa dicetak di atas kemeja-T sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah baru untuk menghasilkan kesan timbulan yang boleh diulang-ulang. Ianya akan lebih menguntungkan jika diaplikasi dalam karya beliau. Kreativiti daripada tindakan baru yang muncul daripada sesuatu idea dinyatakan oleh beliau seperti berikut;

> Di *central market* atau kedai, dakwat emboss hanya untuk buat *t-shirt*, tapi saya tidak memikirkan begitu, saya tidak nampak *t-shirt*. Sebab kalau saya memikirkan untuk buat cetakan *t-shirt*, untung hanya 25 ringgit, tapi kalau saya aplikasikan dalam karya, untung jadi 25 ribu (30:47 (26472:26802) .

Kreativiti seperti ini adalah contoh mengapa beliau mengaplikasikan media dan teknik cetakan bersama media dan teknik lain dalam penghasilan karya. Selain motivasi personal, karya-kaya yang ‘luar biasa’ penghasilannya dapat mencipta pembaharuan dan kelainan dari segi stail artistik seniman. Ego Zulkifli untuk menjadi artis serba boleh dalam perbagai media dan teknik adalah untuk mencari kelainan artistik, yang berbeza daripada artis-artis lain dan yang terdahulu.

Keunikan aplikasi seni cetak dalam karya Zulkifli kerap menjadikan karya-karya media campuran beliau hebat, berjaya dan mempunyai stail tersendiri. Selain daripada karya-karya siri “Icon” dan siri “Tun Razak Speech Series – The Green Book” yang menjadi fokus kajian kes Zulkifli, karya instalasi bertajuk “Rukunegara 1: Belief in God” (2013) misalnya yang dipamerkan di *Singapore Biennale* (2013) adalah antara kejayaan besar beliau yang dominan seni cetak. Karya tersebut yang mengaplikasikan teknik cetakan skrin diakui oleh Zulkifli sendiri; “Karya saya di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Singapore Biennale, dominannya karya itu banyak menghala kepada teknik cetakan, walaupun saya tidak istihar saya sebagai artis seni cetak" (30:15 (8506:8661) .

Begitu juga dengan karya-karya instalasi lain seperti siri "Pelayaran Munsyi Abdullah" (2003) (Rajah 5.22) dan siri "Negaraku" (2010) (Rajah 5.23). Karya-karya instalasi dua dan tiga dimensi jelas dominan teknik gurisan asid (etching) dan teknik skrin atas plat aluminium, kayu dan kanvas. Aplikasi cetakan menjadi stail artistik yang bergabung dengan disiplin lain samada dicetak terus menjadi karya akhir atau diolah sebagai kaedah '*double print'* seperti cetakan emboss menjadi cetakan acuan kepada cetakan kolaj.



"Pelayaran Abdullah Munshi" (2003)
Mixed Media, 20 x 15 x 8 feet



Perincian daripada karya
"Pelayaran Abdullah Munshi"

Rajah 5.22. Karya Zulkifli Yusoff bertajuk "Pelayaran Munsyi Abdullah" (2003) (Sumber: Zulkifli Yusoff, 2016)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Perincian daripada Karya "*Kebun Pak Awang"*



Perincian daripada karya "*Wave"*



BUNGA RAYA II 2010
Wood, Resin, Aluminum, Acrylic, Printing Ink, Etching and Metal
151 x 94.5cm (2 panels)
151 x 54.5cm (1 panel)



PEACE III 2010
Canvas, Embossed Dye, Wood Panels
244 x 244cm

Rajah 5.23. Perincian karya-karya yang terdapat dalam siri bertajuk "Negaraku" (2010) oleh Zulkifli Yusoff. (Sumber: BSVN, 2010)

Kaedah teknik cetakan skrin dengan imej sama yang berulang-ulang atas kanvas yang dikolaj berulang-ulang secara bersilang, bertindan dan berlapis adalah stail artistik Zulkifli sejak 1980-an lagi. Begitu juga dengan imej teks dan gambar klasik yang menjadi stail imej sejarah dalam setiap karya Zulkifli adalah kebanyakkannya menggunakan teknik cetakan. Begitu juga imej-imej metafora daripada idea budaya dan sejarah yang dihasilkan dengan media dan teknik cetakan telah menjadi stail artistik Zulkifli.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terkenal sebagai multi-disiplin artis adalah juga merupakan satu bentuk stail artistik Zulkifli. Beliau yang kerap mengaplikasikan pelbagai disiplin seni dengan kepelbagaian media campuran, menegaskan bahawa, "orang tidak boleh marah pada saya sebab saya bukan buat karya cetakan. Saya hanya banyak mengaplikasikan teknik cetakan. Saya tidak sebut saya sebagai *printmaker*. Sebab saya hendak melukis dan *paint* lagi di situ" (30:52 (28184:28522). Kenyataan ini menekankan pendirian Zulkifli bahawa aplikasi teknik cetakan adalah sebahagian daripada pembentukkan karya multi-disiplin dan multi-media, walaupun kebanyakkan karya kelihatan dominan dengan cetakan.

Menurut Zulkifli, mengkategorikan karya mengikut disiplin hanya relevan dalam konteks akademik. Seorang artis kontemporari sepatutnya bebas melangkau disiplin media dan teknik tunggal dan berekplorasi dengan pelbagai media dan teknik. Beliau menyatakan; "saya sebagai pelukis zaman kini, saya ada ego saya sendiri, terjemahan saya tentang seni masa kini. Selepas zaman belajar, saya tidak mahu istihar diri saya sebagai artis cetakan atau seniman arca.". Beliau menambah, "saya nampak soal bentuk baru karya seni, yang ada ciri-ciri baru. Saya bebas masukkan cetakan atau lukisan. Keadaan begini adalah ketara dalam dunia instalasi saya" (30:11 (5680:7587).

Ciri-ciri kontemporari adalah karya bebas yang ditermakan sebagai satu bentukan seni atau *artform* oleh Zulkifli di mana artis sebagai seniman bebas dan tidak terikat dengan mana-mana disiplin media dan teknik menghasilkan karya. Zulkifli menyatakan, "sedangkan fahaman kini, hanya menyebut sebagai *artform*,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang mana ia bebas. Dalam *artform* artis hendak campur teknik cetak, sekaligus dengan lukisan, catan, arca, itu adalah kebebasan masa kini" (30:11 (5680:7587) .

Zulkifli meneroka media dan teknik cetakan sebagai satu inovasi dalam penciptaan dan kelainan dalam karya-karya beliau agar sentiasa mengikut trend semasa. Beliau turut memberi contoh bahawa Juhari Said yang terkenal sebagai artis seni cetak adalah tergolong sebagai artis kontemporari kerana karya-karya terkini Juhari tidak terbatas kepada cetakan tradisi lagi. Zulkifli menyatakan; "Juhari Said pun macam terkeluar dari konvensional, kalau kita tenguk *work-work recent* diapun macam *3-D print*, telah pergi ke satu tahap yang lain. Dia nampak ciri-ciri yang jelas sebagai kontemporari artis" (30:16 (8982:9390) .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zulkifli selanjutnya berpendapat bahawa zaman telah berubah, yang sepatutnya artis juga perlu mengikut arus kontemporari, sebagaimana perbandingan yang disebut seperti berikut; "Pada zaman Andy Warhol dulu, olahan cetakannya hanya secara dua-dimensi sahaja, tetapi dalam konteks moden sekarang, *it can go beyond, can go 3-D print.* Potensi untuk printmaker meneroka adalah lebih luas" (30:41 (24179:24601) .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.3 Kerangka 3 – Langkau Konvensional

Bahagian ini memfokus kepada persoalan bagaimana tindakan pelangkauan batas disiplin konvensional seni cetak diteliti melalui aspek media campuran, hibrid dan silang disiplin dengan merujuk kepada karya-karya dalam beberapa siri yang dipilih.

Siri "Icon" dan siri "Ucapan Tun Razak: Buku Hijau" adalah antara banyak contoh karya-karya media campuran Zulkifli yang menyenaraikan tidak kurang dua media yang digunakan dalam setiap karya. Istilah '*Mixed Media*' atau Bahan Campuran dicatat sebagai mewakili pelbagai media dan teknik dalam sesebuah karya beliau. Rajah 5.24 menunjukkan contoh catatan tentang media dalam deskrepsi karya yang dipamerkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Title: Tanah Semenanjung (2008)
Artist: Zulkifli Yusoff
Size: 183 cm x 152 cm
Medium: Mixed media on canvas



Title: Tun Razak Speech Series – The Green Book (2014)
Artist: Zulkifli Yusoff
Size: 300 cm (h) x 500 cm (w) x 500 cm (d)
Medium: Resin and Collaged Typographical Canvas Strips with Printing and Painting

Rajah 5.24. menunjukkan contoh catatan media dalam deskrepsi karya Zulkifli Yusoff (Sumber: Weiling Gallery, 2008)

Siri "Icon" terdiri daripada karya-karya dua dimensi dan tiga dimensi. Karya-karya dua dimensi kebanyakannya adalah dominan penggunaan teknik cetakan skrin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan medium akrilik, selain daripada kaedah mencatan dan melukis dengan medium yang sama. Akrilik adalah asas kepada medium catan, digunakan oleh Zulkifli untuk mendapatkan kesan yang sama bila digunakan dengan berus untuk aplikasi kaedah catan dan lukisan. Sifat cetakan skrin yang boleh dipelbagaikan dengan media berasas air atau minyak, memberi kelebihan kepada akrilik yang berasaskan air tetapi boleh mendapatkan kesan seperti bahan berasaskan minyak.

Cetakan skrin yang dicetak di atas kanvas menggunakan kaedah asas cetakan skrin adalah seperti kaedah konvensional. Tetapi Zulkifli tidak menghasilkan edisi. Walaupun terdapat imej-imej yang dicetak berulangkali, aktiviti ini dilakukan bertujuan fomalistik yang memfokuskan prinsip pengulangan yang harmoni seperti garisan bersilang dan rupa imej yang rata bagi mencipta pelbagai Jalinan dan Ruang. Ekspresi formalistik seperti ini boleh dilihat pada hampir semua karya Zulkifli yang merupakan salah satu elemen artistik beliau.

Imej yang serupa, dicetak berulangkali di atas permukaan yang sama sebagai karya akhir seperti yang dilakukan pada karya-karya dua-dimensi dalam siri “Icon”. Imej cetakan skrin ini samada ditindan dengan imej menggunakan kaedah catan atau lukisan atau dicetak skrin sebanyak dua kali bagi imej yang berbeza. Cetakan berulangkali bagi imej yang serupa juga dilakukan untuk diolah semula menjadi satu komposisi yang lain. Seperti karya-karya tiga-dimensi dalam siri “Icon”, kaedah cetakan ‘*double print’* digunakan bersama yang melibatkan bahan dakwat emboss, resin dan gentian kaca. Kaedah ini juga digunakan dalam siri “Tun Razak Speech

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Series – The Green Book" disamping cetakan skrin atas kanvas yang dipotong dan dikolaj.

Pelbagai media yang digabung mewujudkan kesan hibrid apabila teknik cetakan skrin ditindan oleh kaedah catan dan lukisan terutamanya bagi karya-karya dua dimensi atas kanvas. Medium akrilik yang digunakan untuk cetakan skrin dengan sekuji, catan dan lukisan dengan berus tidak menimbulkan kesan yang jauh berbeza dan melalui pandangan biasa ianya kelihatan menggunakan olahan teknik yang sama. Rajah 5.25 adalah antara karya contoh, tindanan teknik cetakan yang bergabung dengan catan dan lukisan.



Rajah 5.25. Karya Zulkifli Yusoff bertajuk "Burung dan Golf" (2008)
(Sumber: Weiling Gallery, 2008)

Media catan iaitu akrilik dengan teknik cetakan skrin yang sama digunakan berulangkali tindih menindih. Kesan legap akrilik berjaya menimbulkan imej-imej cetakan seperti burung, kereta, sangkar burung yang kelihatan terapung di atas latar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

warna berjalinan cetakan skrin yang juga kelihatan tertarik menjadi ruang rata. Imej catan dan lukisan seperti imej burung kertas dan figura abstrak berwarna putih dan hitam mengimbangi kesan pembauran imej-imej yang saling bertindih dengan cetakan skrin.


Karya-karya siri "Icon" misalnya memperlihatkan pembauran hibrid antara teknik pengolahan aplikasi teknologi komputer cetakan skrin dengan aplikasi konvensional catan dan lukisan. Imej klasik pelbagai rupa dan idea sejarah budaya dan politik yang diolah dengan kaedah fotografi dan dimanipulasi daripada perisian komputer adalah teknologi semasa yang bergabung dengan teknik konvensional cetakan skrin, mencatan dan melukis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah cetakan '*double print'* yang dihasilkan daripada cetakan skrin dengan dakwat emboss atas kanvas dijadikan acuan yang diisi dengan medium resin yang kemudiannya di'pindah' ke permukaan acuan arca memperlihatkan kesan hibrid yang sangat ketara. Pembauran media dan teknik cetakan dengan media dan teknik arca menghasilkan permukaan timbulan karya tiga-dimensi yang unik dengan kaedah pembuatan yang kelihatan sukar dijangka seperti yang ditunjukkan dalam rajah 5.26. Manakala dalam karya siri "Tun Razak Speech Series – The Green Book" pula, medium resin berbaur dengan imej cetakan skrin seperti imej sayuran dan binatang ternakan yang berlapis-lapis, mewujudkan kesan hibrid visual seperti contoh yang ditunjukkan dalam rajah 5.27.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Gambar 5.26. Sebahagian perincian karya Zulkifli Yusoff bertajuk "Bobby" (2008) (Sumber: Weiling Gallery, 2008)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.27. Perincian 8 karya Zulkifli Yusoff bertajuk "Tun Razak Speech Series – The Green Book" (Sumber: Foto diambil semasa pameran di Art Expo Malaysia 2014)

Begitu juga dengan imej jalur dan imej sayuran dan ternakan cetakan skrin yang dicetak secara hitam dan putih dikolaj berulang-ulang melahirkan kesan hibrid seolah-olah bersifat rata seperti dicetak atau dicatan atas permukaan rata (Rajah 5.28).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.28. Perincian 9 karya Zulkifli Yusoff bertajuk "Tun Razak Speech Series – The Green Book" (Sumber: Foto diambil semasa pameran di Art Expo Malaysia 2014)

Karya-karya Zulkifli yang mengandungi pelbagai media yang bercampur dan berbaur telah mewujudkan kesan 'hibrid visual', adalah terdiri daripada beberapa disiplin seni halus seperti catan, seni cetak, lukisan, arca, instalasi serta kolaj yang saling bersilang. Keunikan disiplin cetakan terutamanya cetakan skrin boleh disesuaikan dengan disiplin seni halus dan juga disiplin komersial seperti cetakan dalam pembuatan kemeja-T yang menggunakan dakwat emboss. Zulkifli memanipulasikan cetakan skrin dengan dakwat emboss ini sebagai acuan. Acuan ini adalah asas kepada disiplin seni arca yang juga boleh menjadi konsep cetakan.

Konsep acuan Zulkifli adalah dengan menggunakan resin cair dituang dalam acuan ini yang apabila mengeras dan dikeluarkan menjadi hasil cetak kerana boleh diulang dengan hasil yang serupa. Zulkifli sedar dan faham silang disiplin yang berlaku dalam proses pembuatan permukaan karya tiga-dimensi beliau dengan menyatakan bahawa, "ini basisnya casting. Bila dikeluarkan bahan daripada acuannya, menjadilah seperti cetak sebab sudah dipindahkan bahan resin yang sudah beku dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

acuan cast tulisan. Jadi kerjanya bertimbal balik, berulang balik untuk jadi bahan kolaj" (30:29 (13546:14317) .

Berlaku juga pertembungan disiplin teknik cetakan yang menjadikan bentuk utama objek tiga-dimensi iaitu acuan sebagai matrik cetakan seperti jalinan imej permukaan yang dihasilkan dengan teknik terap yang merupakan proses pemindahan teknik cetak. Bentuk penghasilan daripada 'acuan arca-cetakan' dapat dilihat pada karya-karya tiga-dimensi Zulkifli, terutamanya dalam siri "Icon" seperti karya bertajuk "Hujan Lembing III" dan "Bobby III".

Karya-karya tiga-dimensi Zulkifli sangat jelas berlakunya silang disiplin dan bergabung seperti berlakunya 'hibrid teknik' antara cetakan dan arca, seperti pengakuan beliau, "That one is very interesting, works "Bobby" and others, because I try to convert printmaking as a three-dimensional" (30:22 (10455:10613). Rajah 5.29 dan rajah 5.30 menunjukkan persamaan bentuk teknik 'acuan arca-cetakan' yang terdapat pada karya "Hujan Lembing III" dan "Bobby III" (2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.29. Karya Zulkifli Yusuff bertajuk "Hujan Lembing III" (31:31 (9:61:28-9:515:311)



Rajah 5.30. Karya Zulkifli Yusuff bertajuk "Bobby III" (31:31 (9:61:28-9:515:311)

Begitu juga dengan karya-karya dua-dimensi dalam siri "Icon" yang dipamerkan sebagai disiplin catan adalah jelas dan banyak mengaplikasikan teknik cetakan, sebagaimana kata-kata Zulkifli; "Siri "Icons", memang karya-karyanya dominan menggunakan teknik *print"* (30:21(10365:10450). Imej-imej yang menggunakan teknik lukisan dan catan diaplikasikan bersama samada bergabung atau bertindih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan imej-imej yang menggunakan teknik disiplin cetakan adalah bertujuan silang disiplin.

Bagi siri "Tun Razak Speech Series – The Green Book" pula, sangat ketara disiplin instalasi berbaur dan bersilang dengan disiplin cetakan skrin dan kolaj. Persilangan disiplin begini jelas berlaku dalam siri-siri instalasi terdahulu yang lain seperti siri "Merdeka 57" (2009) dan "Pendita" (2011). Manakala siri "Pelayaran Abdullah Munshi" (2003) dan "Negaraku" (2010) misalnya, persilangan disiplin cetakan skrin dan gurisan asid dengan disiplin instalasi, arca dan catan sangat jelas.

Merujuk kepada siri "Pelayaran Abdullah Munshi" (2003), Zulkifli menjelaskan bahawa, "inipun ketara *printmaking* teknik dalam karya "Pelayaran Abdullah Munshi". *Print screen* atas *metal*. *Metal* inipun *etching*. *Etching* atas *zinc, zinc* itu terus diangkat jadi karya" (30:32 (15140:15510). Minat Zulkifli terhadap teknik cetakan serta kelebihan cetakan itu sendiri telah terbukti dapat membawa diri dan karya-karya beliau menjadi hebat dalam arena seni rupa kontemporari.

5.3 Kes Artis Partisipan 3 – Stephen Menon

Karya-karya daripada siri "Tunku 57@57" hasilan tahun 2012 hingga 2014 dan siri "Hell-Met" hasilan tahun 2016 dipilih mewakili keseluruhan karya Stephen Menon yang menggunakan media dan teknik cetakan di abad ke-21. Dua siri utama ini dipilih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana terdapat perbezaan ketara dari segi pendekatan media dan teknik berkarya yang bergantung kepada kepentingan idea yang diekspresikan melalui tema potret. Perbincangan karya yang dianalisa dan interpretasikan, dibahagikan kepada tiga bahagian utama merujuk kepada kerangka pengekodan kajian iaitu Kerangka 1- Hubungan Organik Uniti, Kerangka 2- Pendekatan Baru dan Kerangka 3- Langkau Konvensional.

5.3.1 Kerangka 1-Hubungan Kesatuan Organik

Perbincangan dapatan dalam bahagian ini adalah merujuk kepada persoalan kajian pertama iaitu bagaimana subjek, bentuk dan makna karya-karya Stephen Menon berhubungan menerusi aplikasi media dan teknik seni cetak.

5.3.1.1. Siri "Tunku 57@57" (2014)

"Tunku 57@57" adalah tajuk pameran solo Stephen Menon yang dihasilkan bersempena dengan sambutan ulang tahun kemerdekaan negara Malaysia yang ke-57 pada tahun 2014. Pameran tersebut telah diadakan di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Jalan Parameswara, Bandar Hilir, Melaka. Pameran "Tunku 57@57" mengandungi beberapa siri karya, diantaranya adalah siri "The Malay Mail" hasilan tahun 2012, siri "The Journey –From Malaysia to 1 Malaysia" (2013), siri "Merdeka" (2013), siri "Independence Bingo" (2013), siri "Defining Moments: From Malaya to

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

One Malaysia" (2013) dan siri "Tunku Potrait" hasilan tahun 2014 (Menon, 2014). Setiap siri mempunyai sejumlah empat hingga enam buah karya kecuali siri "The Journey –From Malaysia to 1 Malaysia" yang terdiri daripada 50 karya. Kesemua karya adalah berasaskan cetakan skrin yang unik.

- **Subjek Siri "Tunku 57@57"**


Kesemua karya dalam semua siri pameran ini mempunyai subjek utama iaitu potret Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1903-1990). Tunku Abdul Rahman yang senonim dengan gelaran 'Bapa Kemerdekaan' adalah Perdana Menteri pertama Malaysia, selepas negara mencapai kemerdekataan pada tanggal 31 Ogos 1957. Pada masa itu Malaysia masih dengan nama Malaya atau Tanah Melayu.

Stephen Menon memilih imej potret Tunku Abdul Rahman memakai tengkolok kerana Tunku adalah watak utama dalam tema kemerdekaan negara dan seorang perdana menteri yang paling ikonik seperti kata-kata beliau, "Tunku is our most iconic Prime Minister" (53:19 (15:1 [15:590]). Stephen Menon berminat mengemukakan idea tentang Tunku untuk mendedahkan tentang perkara-perkara yang menarik berkaitan Tunku secara visual seperti kata beliau, "everyone knows about Tunku's role in helping the country achieve Independence, but there's so much more to the man," (53:23 (16:1177 [16:2737]), " there were many more facets to the Royal, the Prime Minister, and the man" (53:18 (14:1 [14:524]) .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain imej figura politik iaitu potret Tunku, imej-imej sokongan yang berkait dengan isu sejarah digabungkan bersama untuk memberi gambaran idea dan pemikiran artis tentang hal peristiwa samada secara sinis, pernyataan mahupun imej kontradik. Siri the "Malay Mail" hasilan tahun 2012 (Rajah 5.31) misalnya, Menon mendapat idea inspirasi daripada imej Tunku mengangkat tangan semasa sedang melaungkan perkataan merdeka yang merupakan kata-kata keramat detik simbolik kebebasan negara. Imej yang terdapat pada semua karya dalam siri ini adalah gambar peristiwa detik bersejarah bertempat di stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 Ogos 1957 yang merupakan imej asal cetakan akhbar *The Malay Mail.*



The Malay Mail Series (I,II) 2012
Screenprint, acrylic on news paper
40cm cx 30cm each

The Malay Mail Series (III,IV) 2012
Screenprint, acrylic on news paper
40cm cx 30cm each

Rajah 5.31. Karya Stephen Menon dalam Siri "The Malay Mail" (2012) (52:18 (14:97:46-14:541:695)


Menon turut memasukkan teks cetakan berupa slogan kebebasan sempena setiap tahun sambutan kemerdekaan negara. Setiap satu karya dalam siri ini mempunyai satu slogan yang berbeza. Terdapat juga imej cetakan konsumer klasik popular seperti iklan minyak rambut *Brylcream*, kamera nikon, minuman cola-cola, yang setiap karya dimasukkan iklan yang berbeza dengan teks-teks tambahan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dihubungkan dengan idea dan maksud kemerdekaan agar lebih memberi makna (52:11 (10:47:159-10:315:303) .

Bagi siri “Merdeka”, siri “Independence Bingo” dan siri “Defining Moments: From Malaya to One Malaysia”, imej cetakan yang sama bagi potret Tunku memakai tengkolok menjadi subjek utama. Dalam siri “Merdeka”dan siri “Independence Bingo”, imej-imej cetakan seperti ikon lagenda P. Ramlee, pesta bola sepak, hal lumba kuda, nombor-nombor serta tarikh peristiwa-peristiwa tertentu digunakan seperti contoh yang ditunjukkan dalam karya “Independence Bingo I” dan “Independence Bingo II” (Rajah 5.32).




Rajah 5.32. Karya Stephen Menon bertajuk “Independence Bingo (I)” (2013) (Sumber: Menon, 2014)

Manakala karya-karya dalam siri “Defining Moments: From Malaya to One Malaysia”, idea tentang kad ramalan ‘tarot’ digabungkan dengan potret Tunku. Imej-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

imej cetakan kad tarot yang dipilih ialah '*Joker', 'Strength'*, '*Justice', 'Magician'*, '*Sun'* dan '*Death'* seperti salah satu contoh karya dalam rajah5.33.



Rajah 5.33. Karya Stephen Menon bertajuk "Defining Moments: From Malaya (I)" to One Malaysia" 2013. (Sumber: Menon, 2014)

Imej-imej ini sangat berkontra dengan potret Tunku Abdul Rahman yang menjadi imej utama dalam semua karya dalam siri "Tunku57@57". Disebalik idea utama tentang sejarah kemerdekaan negara, Menon cuba menghubungkan hal-hal sosial, ekonomi, pendidikan dan politik yang melingkari isu-isu sejarah samada menerusi imej jelas atau imej metafora yang menarik perhatian beliau (53:7 (5:711 [5:1392]). Imej-imej cetakan yang kelihatan peribadi, dikemukakan dengan meletakkan diri beliau sebagai orang tengah. Idea diolah setelah memahami tentang subjek kajian samada bersifat negatif atau positif bagi sesuatu masyarakat yang melingkari icon tersebut (48:16 (4:613 [4:1048]) .


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Karya-karya dalam siri bertajuk “The Journey– From Malaya to 1Malaysia” hasilan tahun 2013 pula, lahir daripada perasaan ingin tahu artis tentang kelahiran Malaysia dari sudut pandangan Tunku. 50 buah karya yang terkandung dalam siri ini pernah dipamerkan kali pertama di galeri seni Publika, Kuala Lumpur sempena 50 tahun ulang tahun kemerdekan pada tahun 2013 (48:18 (4:1484 [4:1786]) .

Kesemua 50 karya tersebut mengandungi subjek cetakan yang sama iaitu potret Tunku dengan latarbelakang imej cetakan skrin abstrak berwarna warni yang berbeza setiap satu karya. Turut disertakan ialah imej cetakan tanda jalan di Malaysia dan petikan berbeza kata-kata Tunku bagi setiap keping karya (Gambar 5.34), sebagaimana penjelasan beliau, “Potret Tunku sama tapi latar dan warna, tanda dan petikan yg berbeza” (253:43 (12:905 [12:1194]) .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Gambar 5.34. Dua daripada 50 karya siri “The Journey– From Malaya to 1Malaysia” (2013) (52:13 (32:235:38-32:555:471)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- **Bentuk Siri "Tunku 57@57"**

Imej-imej yang dikemukakan secara metapora dan simbolik sama ada merujuk kepada diri Tunku atau kritikan peribadi artis, telah disusun dan ditindan secara rawak bersama potret Tunku, "Menon explains the seemingly symbolic randomness arranged around Tunku's portraits" (53:23 (16:1177 [16:2737])

Karya-karya dalam siri "The Malay Mail" tahun 2012 dan siri "Potret Tunku" tahun 2014, Menon menggunakan kertas surat khabar lama yang asli. Kertas cetakan komersial tersebut merupakan kertas surat akhbar yang dicetak semula sebagai reproduksi terhad sempena sambutan kermerdekaan, seperti kenyataannya, "saya guna kertas surat khabar yang asli. Beli dari *News Strait Time* (NST). Mahal harganya. NST ada koleksi mereka sendiri, iaitu dicetak secara reproduksi terhad yang dikeluarkan sempena hari Merdeka" (253:22 (5:1924 [6:504]) .

Imej teks dan gambar terdiri daripada kertas akhbar keluaran khas sempena sambutan kemerdeaan 1957. Ianya berupa salinan asal oleh pihak akhbar. Bagi siri "The Malay Mail" tahun 2012, Menon menggunakan muka hadapan kertas akhbar reproduksi yang sama sejumlah empat keping. Imej cetakan asal dikekalkan bagi setiap karya, kelihatan jelas seperti berita dan gambar peristiwa Tunku melaungkan kemerdekaan. Teks dan imej cetakan asal yang terdapat pada akhbar reproduksi ditindih dengan imej cetakan yang dihasilkan sendiri oleh Menon seperti potret Tunku, iklan lama dan slogan kemerdekaan (52:16 (18:48:34-18:549:774) .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain kertas akhbar, Menon turut menggunakan kertas poster lama (vintage poster) dalam karya siri seperti "Independence Bingo" dan siri "Defining Moments: From Malaya to One Malaysia". Karya-karya bagi siri-siri ini menekankan aplikasi imej cetakan yang dihasilkan sendiri lebih padat dan sarat dengan warna-warni sehingga imej cetakan asal yang terdapat poster sukar dikenalpasti. Tindanan cetakan yang dihasilkan oleh menon ke atas cetakan sedia ada pada poster memberi kesan ruang *ambiguous.*

Teknik cetakan skrin secara imej vektor dengan elemen rupa terang dan gelap berjaya mewujudkan kesan lusuh atau *rustic* (kasar dan bersahaja) dan mirip iklan lama, sebagaimana hasil yang dikehendaki oleh SM (52:8 (7:48:358-7:353:551). Menon menggunakan media berasaskan air bagi dakwat cetakan dan akrilik bagi karya di atas kertas, "atas kertas guna *water-based*, kalau atas aluminium guna *oil-based*" (253:8 (2:369 [2:442]).

Kaedah catan turut diaplikasikan bagi mendapatkan kesan sapuan warna secara 'gradien'. Aplikasi sapuan akrilik yang sangat ketara dalam karya-karya siri "Potret Tunku" hasilan 2014 (Rajah karya 5.35). Didapati semua karya-karya dalam siri Tunku, mengguna imej vektor cetakan secara hitam-putih yang ditindih ke atas lapisan akrilik dan cetakan asal akhbar reproduksi (253:4 (1:871 [1:1037]). Menon juga menggunakan media akrilik untuk mencetak teknik skrin selain mengunakan media ini untuk mencatan bagi kemasan akhir, "Akrilik saya guna untuk cetakan skrin dan saya ada juga paint last sekali. Saya nak *touch-up* benda-benda yang halus" (253:7 (1:1396 [2:82]).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.35. Karya-karya dalam siri "Potret Tunku" (2014) (251:9 (21:32:26-21:583:780)

Menon cukup teliti dalam menguruskan kemasan akhir bagi menyediakan karya yang bermutu sebagaimana penerangan beliau,"Kalau akhbar biasa yang nipis, kena lekatkan atas *water color paper* dan pakai 3M *spray*, bila dah lekat baru boleh cetak skrin, baru nampak bagus. Kalau tidak, kertas akan kedut. Bila dibingkaikan, tidak cantik. Kertas akhbar sesuai dilekatkan pada kertas cat air sekurang- kurangnya 200gm ketebalannya" (253:8 (2:369 [2:442]) .

Karya-karya hasilan atas kertas dibingkai kaca seperti kemasan cetakan konvensional. Manakala cetakan atas kanvas dibingkaikan seperti paparan catan. Walaupun Menon menggunakan teknik cetakan dengan serious, semua karya dihasilkan secara cetakan mono, tanpa edisi. Namun begitu pengulangan imej potret Tunku yang sama saiz, dilihat seperti pengulangan beredisi seperti karya siri "Potret Tunku" dan "The Journey from Malaya to 1 Malaysia". Pengulangan imej yang sama saiz lebih ketara dengan pendekatan instalasi seperti persembahan karya siri "The Journey from Malaya to 1 Malaysia" hasilan tahun 2013, dengan sebanyak 50 keping karya berbingkai kaca disusun pada dinding (gambar 5.36).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Gambar 5.36. Karya Stephan Menon betajuk "The Journey from Malaya to 1 Malaysia" (2013) (52:15 (33:55:107-33:558:659)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hampir semua karya yang dianalisa, menggunakan cetakan skrin untuk menyampaikan idea dan mesej sejarah. Menon mengaplikasikan media dan teknik campuran untuk disesuaikan dengan idea yang tercetus dan pemilihan imej-imej sejarah yang dapat memperlihatkan kesan klasikal (4:3 (1:257:167-1:1001:283).

- **Makna Siri "Tunku 57@57"**

Stephen Menon memilih imej potret Tunku memakai Tengkolok yang dicetak skrin hitam-putih secara imej vektor, dijadikan 'watak utama' dalam semua siri bagi siri utama "Tunku 57@57". Tujuannya, agar mudah dikenali bukan sahaja sebagai Perdana Menteri pertama tetapi juga sebagai lambang kepada Raja Melayu seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menurut Menon; “For the Tunku, I chose a photo of him wearing a tengkolok (headgear), as it’s the one everyone recognises,” (53:23 (16:1177 [16:2737]) .

Selain itu, Menon ingin mengaitkan dengan peristiwa semasa pengistiharan kemerdekaan sebagai idea dan tema sejarah negara. Siri “The Malay Mail” hasilan tahun 2012 misalnya, imej cetakan reproduksi akhbar muka hadapan, yang mengandungi gambar Tunku mengangkat tangan semasa mengistiharkan kemerdekaan digunakan sebagai latarbelakang yang sama bagi kesemua lima buah karya siri ini. Imej ini bagi Menon sangat sinonim sebagai lambang patriotik kepada negara terutamanya setiap kali memperingati ulangtahun kemerdekaan (52:8 (7:48:358-7:353:551) .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam Siri “The Malay Mail” juga, penggunaan imej vektor iklan klasik yang dicetak secara hitam-putih, bertujuan mewujudkan kesan lusuh dan mengimbau kenangan zaman tahun 1960-an. Disamping itu, Menon ingin menambah maksud yang lebih mendalam tentang makna kemerdekaan (52:11 (10:47:159-10:315:303) - D 52: SM 2014). Misalnya imej iklan klasik ‘coca-cola’ dengan perkataan ‘cool’ dapat diterjemahkan sebagai diplomasi Tunku memperolehi kemerdekaan negara secara aman daripada pihak British.

Imej potret Tunku yang dicetak sama bagi semua karya dalam siri ini, memberi penegasan watak ‘hero’ yang penting bagi sejarah negara. Bagi mengimbangi kekosongan dan kebosanan pada imej yang kelihatan sama berulang kali, Menon turut menggabungkan elemen warna dan jalinan. “The limit of using only one portrait of his

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

subject meant Menon has to get creative by including many elements like period posters and advertisements into the various pieces, and carefully considering the colours used." (53:23 (16:1177 [16:2737])

Kenyataan oleh wartawan The Star ini berdasarkan keseluruhan pemerhatian semasa pameran "Tunku 57@57" berlangsung yang memperlihatkan kepelbagaian imej sandaran digabung bersama potret Tunku, samada imej sedia ada daripada kertas surat khabar dan poster klasik juga imej-imej yang dihasilkan oleh artis menggunakan cetakan skrin. Kepelbagaian imej sandaran menghasilkan kesan kontra yang meninggalkan kesan psikologi antara perkara lama dan baru yang berbaur, "Saya mahu yang original. Kalau saya buat semua sama (media yang sama), kesan nampak lain dari yang saya kehendaki" (253:22 (5:1924 [6:504]) .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Imej-imej yang dipilih oleh Menon dalam semua siri ini adalah yang berkaitan dengan kehidupan suka-duka Tunku, samada sebagai seorang kerabat diraja, ahli politik dan juga sebagai seorang lelaki, di sepanjang kepimpinan beliau semasa Malaya dan awal penubuhan negara baru Malaysia. Pengabungan potret Tunku dengan imej-imej perlambangan sejarah seperti ikon filem P. Ramlee, Pesta bola, Lumba Kuda dan peristiwa sedih, 13 Mei 1969, misalnya, diletakkan bertindihan, bersebelahan atau disusun memenuhi ruang keseluruhan karya sebagai satu bentuk pertembungan yang berlaku pada diri Tunku dan negara.

Pertembungan ini dengan jayanya dihasilkan dengan teknik cetakan skrin dengan media berasaskan air dapat mewujudkan kesan perbauran ruang depan, tengah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan belakang. Karya siri "Independence Bingo II" hasilan 2013 (Rajah 5.37) sebagai contoh, memperlihatkan pertembungan Tunku sebagai pemimpin yang berhadapan dengan masyarakat Melayu yang masih mundur di luar bandar. Keadaan ini dilambangkan dengan jelas ikon P. Ramlee dengan tajuk filem komidi popular bertajuk "Bujang Lapok" tahun 1957 berserta imej dan teks 'Joker' yang dilihat sebagai satu bentuk sindiran sinis.


Begitu juga dengan Imej tengkorak yang dicetak skrin mengelilingi potret Tunku dalam karya siri "Defining Moments: From Malaya to One Malaysia VI" tahun 2013 (Rajah 5.38). Warna merah-hitam hasil cetakan skrin yang mendominasi karya memwujudkan kesan yang dapat dikaitkan dengan peristiwa tragedi pertumpahan darah akibat rusuhan kaum yang merujuk kepada cetakan tarikh 13 Mei, 1969. Menon mengabungkan imej dan teks peristiwa ini dengan simbol teks 'Death' kad ramalan Tarot yang membawa maksud kegagalan.



Rajah 5.37. Karya Stephen Menon bertajuk "Independence Bingo II" (2013) (Sumber: Menon, 2014)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 5.38. Karya Stephen Menon bertajuk Defining Moments: From Malaya to One Malaysia VI" (2013) (Sumber: Menon, 2014)

Selain peistiwa duka, Menon juga memaparkan imej sukan bola sepak sebagai penghormatan kepada Tunku seperti pada karya bertajuk "Merdeka Series IV" (Rajah 5.39). Pesta Bola Merdeka yang merupakan siri pertandingan dizahirkan sebagai satu bentuk kebebasan meraikan kemerdekaan untuk membina kekuatan dan semangat bersatu melalui sukan. Stadium Merdeka yang bersejarah, telah dibina atas usaha dan kesungguhan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 5.39. Karya Stephen Menon bertajuk "Merdeka Series IV" (2013) (Sumber: Menon, 2014)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain menunjukkan minat Tunku pada sukan bola sepak, Menon turut mencetak imej kuda yang ditindih atas imej kuda cetakan komersial poster lama. Cetakan teks 'Selangor Turf Club' dan teks nombor '13' dapat dikaitkan dengan minat peribadi Tunku terhadap sukan mewah - lumba kuda seperti dalam karya bertajuk"Merdeka Series I" (Rajah 5.40). Cetakan imej kuda berlari segak, yang bertindih dengan imej potret perempuan, mengambarkan maksud yang kontradik dengan sukan bola sepak. Menon cuba mengambarkan Tunku sebagai manusia yang mempunyai kehidupan peribadi selain tanggungjawab kepada rakyat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.40. Karya Stephen Menon bertajuk "Merdeka Series I" (2013) (Sumber: Menon, 2014)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cadangan peribadi yang dikemukakan dalam pendekatan simbolik atau metafora ini bersifat serius dan juga humor. Terdapat imej-imej dalam karya Menon yang sukar difahami yang mengandungi makna yang terselindung, "his paintings are conceptual and usually only he knows the meanings behind them" (48:17 (4:1049 [4:1640]) .

Selain imej potret diri, ahli politik terkenal, terdapat wajah wajah-wajah tidak penting yang merupakan individu-individu yang turun dan keluar yang dijauhi oleh masyarakat turut dimasukkan sebagai tujuan provokasi, untuk mencetus kontra dan penegasan bentuk dan makna. Satu ulasan akhbar turut menyatakan, "as are pioneering leaders familiar to us, like Tunku Abdul Rahman, some faces, however, are

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

not recognise, they are the faces of vagrants, down-and-out individuals who are shunned by society, are part of Menon's provocative exhibition" (53:3 (5:224 [5:710]) .

Bagi karya-karya dalam siri "The Journey from Malaya to 1 Malaysia" tahun 2013, petikan kata-kata Tunku disertakan bersama bagi setiap keping 50 karya cetakan skrin yang dipersembahkan secara instalasi. Selain potret Tunku dan petikan kata-kata, imej tanda jalan di Malaysia disertakan bersama bagi setiap keping 50 karya tersebut. Makna 50 keping karya yang dipersembahkan secara instalasi adalah bersempena dengan 50 tahun pertubuhan negara Malaysia Merdeka iaitu dari tahun 1963 hingga tahun 2013 semasa karya ini dihasilkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

50 karya yang dipersembahkan serentak ini sebagai asas pembinaan tanahair yang telah Tunku usahakan dari pembentukan Malaya negara merdeka kepada Malaysia yang kekal merdeka hingga kini. Perbezaan warna latar imej potret Tunku yang berjalinan warna mencerminkan kepelbagaian dari segi bangsa budaya agama yang bercampur dan berjalin dalam satu negara. Menon menggunakan tanda jalan negara ini sebagai simbolik apa yang telah dilalui, bagaimana negara ini telah melalui masa susah dan senang sepanjang 50 tahun untuk mengekalkan kebebasan dan kedamaian.

Menon menyatakan, "saya hendak tunjuk negara Malaysia sepanjang 50 tahun pembangunannya. Setiap negara ada logo jalanraya sendiri, saya nak tunjuk logo jalanraya Malaysia dan kaitkan dengan petikan ayat yang pernah digunakan oleh Tunku sebelum ini" (253:43 (12:905 [12:1194]). Sebagaimana tanda-tanda jalan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memerlukan kita mematuhi dan diberi peringatan sepanjang kita menggunakan jalan raya. Jumlah 50 karya dengan cetakan potret Tunku yang berlatarkan imej abstrak berwarna warni membawa maksud kepelbagaian semasa pemerintahan Tunku, “The series featured 50 artwork of Tunku of differing colors, which Menon says reflected the diversity we have in terms of race, culture, religion all blended together in one” (48:19 (4:1641 [4:2319]) .

Maksud 'fakta atau fiksyen', cuba disampaikan oleh Kim Ng menerusi media campuran terutamanya dengan pendekatan cetakan. Kelebihan cetakan skrin misalnya membolehkan idea 'fakta' atau 'wujud' disampaikan. Maksud ini dapat dikesan melalui kenyataan Kim Ng iaitu;

> One of the advantage for me to use screen printing techniques is that I can transfer the exact images that I take from the street to the canvas. As my subject matter are to do with our living

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> environment, and the images taken from street become an important evident that recording the time, space and behaviour of people; therefore a solid and identified visual image printed on canvas with silkscreen print can easy bring the message across to the audience with mixed media combination to make up the whole (236:9 (2:2120 [2:2726]).

Manakala imej-imej abstrak mengandungi maksud yang tidak jelas yang kebiasaannya sukar difahamikan oleh audien. Kim Ng menyatakan "Its does not has any particular meaning. It just to be from my mind" (254:32 (13:1492 [13:2248]). Beliau menambah "I like my work to be like that has certain kind of feeling. You can feel something from its effect" (254:9 (3:1598 [3:1713]). Makna yang hanya artis mengetahui maksud disebalik imej seperti simbol atau metafora yang dipaparkan. Artis seperti ingin memberi ruang memori dalam menghayati karyanya mengikut perasaan masing-masing.

Karya seni yang dihasilkan oleh Kim Ng dalam siri ini membawa maksud komunikasi melalui simbol, metafora yang diringkaskan dalam bentuk visual yang membawa sesuatu memori dan perasaan yang dialaminya. Kim Ng cuba menunjukkan hubungan yang akrab terhadap masa yang berlalu yang dizahirkan menerusi bahasa tampak hasil olahan media dan teknik campuran. Samada memori Kim Ng terhadap tempat-tempat dan persekitaran yang pernah ditemui merupakan sesuatu fakta kewujudannya atau hanya sebagai imajinasi rekaan, adalah idea penerokaan visual yang kekal bersatu dalam satu karya. Idea merakam memori dapat diperhatikan masih berkesinambungan dalam karya-karya seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.1.2 Siri "Link" (2012)

Karya bertajuk *"*Link" dihasilkan pada tahun 2012 telah dipamerkan dalam pameran berkumpulan bertajuk "MidTerm" di Shalini Ganendra Fine Art, Kuala Lumpur dalam bulan Mac 2013. Pameran ini disertai oleh lima orang artis senior yang dipilih berdasarkan senioriti, keaktifan berkarya dan sebagai artis Malaysia yang telah ternama. KimNg telah mempamerkan karya ini bersama dengan beberapa buah lagi karya beliau dalam tahun yang sama. Karya ini telah menjadi koleksi The Star Hill Gallery di Kuala Lumpur

- **Subjek karya "Link"**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rumah-rumah teres adalah subjek bagi Kim Ng dalam menghasilkan karya "Link" ini. Idea ini tercetus pada sekitar tahun 2000 semasa menyertai program residensi seni visual di Muar, Johor. Secara tidak langsung semasa melihat pemandangan persekitaran dari tingkat paling atas sebuah bangunan, beliau tertarik dengan rumah-rumah kediaman yang tersusun, bersambungan antara satu sama lain (254:20 (8:724 [8:1643]).

Idea ini adalah kesinambungan daripada karya-karya terdahulu yang berkaitan dengan persekitaran kehidupan seharian yang dirakam dan direkodkan sebagai memori Kim Ng terhadap tempat-tempat dan persekitaran yang pernah ditemuinya. Pemilihan imej ini menunjukkan satu bentuk penerokaan terhadap situasi seharian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang membangkitkan perasaan perhubungan yang kuat menerusi pengalaman yang dilaluinya.


- **Bentuk karya "Link"**

Karya "Link" berbeza dengan kebanyakkan karya-karya Kim Ng terdahulu. Karya ini adalah terjemahan pengalaman fizikal Kim Ng yang diolah secara abstrak geometrik dalam bentuk tiga-dimensi. Bentuk keseluruhan karya ini terdiri daripada unit-unit kecil 'hexagon' yang sama rupa satah, bentuk dan saiz, dicantum dan bersambungan seperti hamparan. Permukaan satah yang diperbuat daripada kertas tebal mempunyai imej jalinan yang disusun dan dicantum berselang seli dengan satah kosong berwarna kuning (Rajah 5.56).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Link (2012)
Constructed from hand-printed color and marbling effects on paper.
Approx 107cm x 133cm x2.5cm



Details from *Link* (2012)

Rajah 5.56. Karya Kim Ng bertajuk "Link" dengan perinciannya (Sumber: 116:8 (12:18:18-12:516:782)

Permukaan berjalinan telah dihasilkan dengan kaedah pualaman, menggunakan bahan bitumen dan air. Kaedah ini boleh dikaitkan dengan konsep cetakan monotaip, di mana air yang ditakung merupakan matrik sementara yang dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengapungkan bahan berasaskan minyak seperti bitumen. Bitumen yang tidak larut dalam air akan berada dipermukaan air dengan corak jalinan tertentu. Corak ini boleh dipindahkan apabila permukaan kertas bersentuhan dengannya (254:20 (8:724 [8:1643]).

Manakala permukaan kertas yang berwarna kuning dihasilkan dengan cetakan timbulan menerusi impresi mesin cetak (254:20 (8:724 [8:1643]). Kertas berwarna dan berjalinan ini dipotong, dilipat dengan ukuran yang sama dan dicantum menjadi unit yang lebih besar sebagai karya cetakan tiga dimensi. Kim Ng menyatakan; "My intention was making a print from the repeatation of monoprint, so call 3-D print, this could be a print as 2-D print was transform to develop a 3-D form" (254:19 8:288 [8:530]).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- **Makna karya "Link"**

Subjek yang diilhamkan daripada rumah teres adalah sesuatu yang biasa dilihat di negara ini bukan merupakan sesuatu subjek yang menarik bagi orang biasa. Namun bagi Kim Ng keindahan susunatur yang bersambung-sambung mempunyai pengertian yang boleh dikaitkan dengan sosio-ekonomi dan politik yang membentuk identiti sebuah negara yang membangun dan menuju kemajuan.

Rupa dan bentuk yang dilihat dari kejauhan kelihatan sama, diterjemahkan kepada bentuk *Hexagon* bagi memudahkan satah-satah permukaan sisi dicantumkan yang kelihatan bulat apabila tiap satu unit itu bersambungan. Warna dan jalinan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada media dan teknik cetakan yang bersama membentuk abstrak-geometri karya ini, boleh dirujuk sebagai kepelbagaian yang biasa ditemui dalam kehidupan seharian di antara bandar dan kampung.

5.4.2 Kerangka 2 – Pendekatan Baru

Kepelbagaian media dan teknik yang Kim Ng aplikasi dalam karya adalah bertujuan eksplorasi kerana beliau memang berniat mengabungkan media dan teknik lain bersama teknik cetakan dalam karya, sebagaimana kata-kata beliau bahawa, the way I work is more towards mixed medium. I want to combine the other medium and technique in my work (254:1 (1:344 [1:1736]. Beliau turut menjelaskan bahawa;

> I personally like the complexity of mixed media, the use of various media to construct a visual dialogue, and yet it provides me with the excitement during the making process. It also allows me to train my sensibility towards different materials and its many possible way to construct a visual outcome with different sort of materials (236:10 (3:1 [3:572]).

Kenyataan di atas menunjukkan minat Kim Ng terhadap kerumitan media campuran dalam mengaplikasikan pelbagai media adalah untuk membina wacana visual, dapat memberikan keterujaan semasa proses penghasilan karya, melatih kepekaan terhadap perbezaan bahan dan kaedah yang digunakan dan memberikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

banyak kemungkinan untuk membina dapatan visual melalui pelbagai media yang berlainan.

Kim Ng berpendapat bahawa artis seni cetak perlu bereksplorasi dengan pelbagai media dan teknik. Mereka tidak sepatutnya terlalu konsevatif dalam mengekalkan penggunaan satu atau dua jenis teknik cetakan konvensional sahaja. Artis harus bersikap kreatif dan dapat mencipta pembaharuan supaya karya-karya dapat dirangsang secara visual dalam mengemukakan imej yang bersifat objektif dalam keadaan yang subjektif sebagaimana kenyataan beliau, “That's why I think a printmaker shouldn't be too conservative by sticking to just one or two types of techniques. We should be inventive so that our works are visually stimulating in presenting objective images in subjective manner” (94:15 (2:3437 [3:572]).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sungguhpun artis seni cetak hanya menggunakan disiplin seni cetak untuk berkarya, pengabungan media dan teknik yang berbeza dalam disiplin seni cetak itu sendiri boleh diekplorasikan. Beliau sendiri mengakui teruja dengan kemungkinan yang pelbagai yang boleh dimanipulasikan untuk menghasilkan kesan-kesan visual daripada eksplorasi darpada media dan teknik seni cetak konvensional. Ini kerana banyak kesan yang tidak dapat dihasilkan dengan catan dan lukisan sebagaimana penjelasan beliau, “I was attracted to printmaking by its many possibilities in making visual effects through different kind of plate making; and I also like the process of print making that is different from direct painting and drawing” (236:12 (3:1477 [3:2326]).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seni cetak tidak jumud dalam menghasilkan kesan-kesan yang di luar jangkaan jika artis berminat bereksplorasi dengannya. Menurut Kim Ng, kesan yang terhasil daripada seni cetak media campuran atau seni cetak hibrid misalnya, amat berbeza dengan media dan teknik cetakan tunggal seperti yang pernah dipraktiskannya. Keterujaan personal dalam penerokaan pelbagai media dan teknik tidak dapat menghalang Kim Ng untuk bergerak kepada pendekataan eksperimentasi cetakan pula dengan gabungan media dan teknik lain untuk mencapai hasrat kreativiti beliau;

> From early day of making print in conventional way and shifting to experimental print, I am looking for a way to express print making in a very personal approach rather than to follow those conventional doctrine in the process of print making. I changed and altered the concept in printmaking to suit my need in making my experimental print work, and at the same time introducing other media and techniques to achieve a visual outcome that suit my intention and direction (236:12 (3:1477 [3:2326]).

Kim Ng yang tumpuan utamanya lebih kepada penerokaan kesan-kesan visual yang kreatif dan inovasi adalah untuk mencapai satu bentuk nilai estetik formalistik yang tersendiri yang dapat menarik perhatian audien untuk kekal menghayati karya-karyanya, “I more on to the aesthetic point of view. I want to make something that can catch people eye that they attracted by the artwork” (254:34 (14:40 [14:1440]).

Kerumitan imej dan kesan-kesan abstrak yang terhasil daripada eksplorasi pelbagai bahan dan teknik bukan tujuan utama Kim Ng untuk menjelaskan maksud

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

karya secara langsung, malah beliau ingin menarik perhatian audien untuk berkomunikasi dengan pandangan masing-masing; “Just let the audience describe whatever I did” (254:34 (14:40 [14:1440]) .

“I combine different printed images and effects in my work, and with other mixed medium to achieved a strong visual outcome” (236:8 (2:1679 [2:2115]). Kenyataan ini kerap ditekankan oleh Kim Ng, sebagai pendiriannya untuk mencapai hasil visual yang utuh daripada gabungan imej dan kesan pelbagai medium dan teknik. Ianya merupakan usaha mencari kelainan dan mewujudkan artistik stailnya yang tersendiri.

Selain daripada mewujudkan kesan-kesan abstrak yang rumit daripada gabungan pelbagai media dan teknik, pengekalan idea persekitaran kehidupan melalui imej-imej tertentu adalah merupakan pencapaian artistik Kim Ng. Imej-imej persekitaran seperti bangunan, aktiviti figura, dan tumbuhan misalnya sentiasa dikekalkan dalam karya-karya beliau sepanjang dekad ini. Begitu juga dengan imej abstrak tertentu seperti imej dot atau titik dan bulatan kecil yang kerap digunakan.


Imej-imej jelas dan abstrak yang menjadi identiti kepada karya Kim Ng dihasilkan dengan pelbagai media dan teknik terutamanya media dan teknik cetakan. Gambar dalam rajah 5.57 dan rajah 5.58 adalah antara contoh karya-karya yang mengekalkan pengulangan imej *dot* (titik atau bulat) dengan teknik cetakan yang merupakan stail artistik yang sentiasa ada hampir pada hampir semua karya Kim Ng.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



KIM NG, *Release*, 2012
water-based paint, collage, pencil, silkscreen print, varnish with graphite powder
72 cm x 72.4 cm



Kim Ng *"Link"* 2012.
Constructed from hand-printed colour and marbling effects on paper, old clothes
Approx. 1-7x133x2.5cm

Rajah 5.57. Karya-karya Kim Ng bertajuk "Release" dan "Link" (Sumber: 116:9 -13:32:31-13:463:748)



KIM NG, *Kedai* 2006
Monoprint, Water-based paint, object print, bitumen.
35cm x 100cm



KIM NG, *A Page* 2012
Water-based paint, transfer print collage, silkscreen print, embossed paste, treads & varnish on canvas.
29.7 x 21 cm

Rajah 5.58. Karya-karya Kim Ng bertajuk "Kedai" (2006) dan "A Page" (2012). (Sumber: 107:4 -1:125:219-1:470:622)

Beliau menyifatkan pengulangan imej titik dan bulat ini sebagai hiasan yang sangat personal bagi beliau. Ianya berkaitan dengan perasaan dalam diri mengikut gerak rasa intuitif sebagaimana luahannya;

> Circle or dot, its just like a decoration. I like the space between dot, its very personal. Sometime you need a inner sense according

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> to your feeling. But when you look at it, its will give you something to think about, some kind of inner reaction to my work (254:17 (7:1095 [8:11]).

Hanya artis yang mengetahui sebab dan maksud sesuatu idea dan pendekatan yang sangat bersifat personal seperti mengapa Kim Ng berminat untuk menghasilkan karya-karya yang menjurus kepada olahan abstrak. Ia adalah, "very meaningfull. I personally like an abstract artwork" (254:7 (3:966 [3:1082]).

Kenyataan Kim Ng ini boleh dikaitkan sebagai memenuhi kepuasan artistik beliau. Kim Ng yang berkemahiran menghasilkan sesuatu secara spontan, mengikut gerak rasa intuitif sehingga pernah digelar sebagai, "the intuitive printmaker" (94:11 (2:1700 [2:1725]). Identiti seperti ini bukan sahaja meningkatkan dan mengekalkan nilai artistik pada karyanya, tetapi juga meningkatkan motivasi berterusan dan sanjungan pada diri Kim Ng.

Kim Ng terkenal sebagai artis seni cetak kerana kemahiran dan berpengalaman luas menggunakan pelbagai media dan teknik seni cetak. Apabila pulang dari luar negara pada tahun 2002, beliau mempraktiskan bidang ini secara konvensional dan gabungan teknik-teknik seni cetak tradisi. Selepas itu beliau terdorong untuk menghasilkan pelbagai media yang berbeza daripada pelbagai disiplin, sebagaimana pengakuan beliau;

> When I finished my study at the overseas and come back to Malaysia, my first print are totaly traditional and after that I want to

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> move forward to different direction. Instead of printmaking technique, I also been use other medium and technique as well (254:1 (1:344 [1:1736]).

Antara faktornya adalah kerana kurangnya penerimaan masyarakat Malaysia terutamanya kolektor seni terhadap seni cetak tradisi. Karya seni cetak beredisi sukar dijual kerana sikap kebanyakkan kolektor tempatan yang tidak memahami nilai seni cetak konvensional. Ia dianggap sebagai kraf dan tidak tergolong sebagai karya-karya moden. Berkongsi edisi cetakan dianggap tidak mempunyai hak ekslusif terhadap karya tersebut. Kim Ng meluahkan pendapat beliau dalam hal ini;

> I was think on develope my print just like in UK. Over there, all multiple edition can be able to sell as well. But when I did my first Solo , I did a limited edition but people just by one. The rest of the edition is not sold anymore. I didn't mean because of my work is good or not, but it is like there are probably local collectors, they don't have much idea about traditional printmaking, how print be able to sell its edition. They think the print is not the original artworks or modern art, more like a craft. I think that are the reason, the attitude from the collectors... they just want to buy one of the artwork. They do not want to have the artwork that everyone has the same thing (254:35 (14:1717 [15:391]).

Berbeza dengan masyarakat luar negara terutamanya di Barat yang lebih menghargai karya-karya seni cetak konvensional. Artis seni cetak mereka mendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sokongan yang membolehkan mereka terus berkarya dan berjaya dengan penjualan karya-karya edisi, “it is very strange in Malaysia, other country such as UK or Europe mostly the printmaker just did the edition printmaking on paper, they practice original print and can sold their edition especially when the print exhibition was hell” (254:37 (16:54 [16:1383]). Kim Ng berpendapat bahawa kurangnya motivasi kewangan yang menyebabkan artis seni cetak konvensional sukar berjaya di tanahair sendiri, “I think, the traditional printmaker is hard to survive, hard to sell in Malaysia as well” (254:37 (16:54 [16:1383]).

Sebagai artis seni cetak, Kim Ng juga mengalami masalah mendapatkan sokongan pembeli, yang membuat keputusan untuk beralih kepada seni visual yang lebih mudah untuk dijual seperti catan dan arca. Alasan yang diberikan oleh beliau;

> So that why I develop my print from paper to the canvas, its become one of print, like make it like painting, rather than multiple same print. I think that’s one of the reason I move forward to something else, to sell as same standard as a painting and sculpture (254:35 (14:1717 [15:391]).

Selain daripada motivasi dalam bentuk kewangan, motivasi kemashyuran amat penting untuk lebih dikenali dan mendapat tempat dalam bidang seni visual negara dan antarabangsa. Karya-karya media campuran serta multi disiplin telah terbukti mendapat tempat dalam era kontemporari. Kim Ng mengambil contoh daripada artist Robert Rauschenberg yang masyhur dengan pembaharuan yang seperti ‘menentang’ konvensional. Kim Ng berinspirasi seperti Robert Rauschenberg yang banyak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengaplikasikan cetakan skrin bersama media dan teknik dalam disiplin yang berbeza;

> There are many artists who are making their work with different media and techniques in this art world, and are well received and speculated with social media worldwide. I think one of the significant figure will be American artist Robert Rauschenberg, his art work projects the brilliantly use of combining different materials, media and techniques, a lots are involving with silkscreen printing techniques, and has much influences to generation in the area of mixed media art making (236:11 (3:577 [3:1470]).

Sebagai peningkatan diri dalam kerjayanya sebagai artis, Kim Ng melakukan pembaharuan mengikut trend semasa dengan mempelbagaikan pendekatan berkarya. Menurut beliau; “I do make print, and I also into a installation art as well, and a 3-Dimension style” (254:15 6:1737 [6:2282]). Kemahiran, ilmu pengetahuan dan minat mendalam terhadap pengolahan pelbagai media, teknik mahupun disiplin seni memberi kelebihan kepada Kim Ng memanipulasikan konsep seni cetak kepada pendekatan kontemporari.

Kim Ng menghasilkan karya “Link” dengan bentuk pengulangan yang boleh dikaitkan dengan konsep kontemporari seni cetak tiga-dimensi. Namun begitu Kim Ng lebih merujuk karya beliau sebagai ‘cetakan ekperimentasi’ yang lebih bebas daripada konsep dan kriteria seni cetak konvensional, sebagaimana pendapat beliau, “there are certain criteria that associate with traditional printmaking, like you need to

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

make a plate to get the final outcome. But if you talking about experimental print, somehow, I think the requirement for the conventional printmaking criteria does not apply" (254:11 (4:335 [4:697]).

Kim Ng menghubungkan istilah *experimental print* bagi merujuk karya-karyanya yang berkonsepkan seni cetak tiga-dimensi dan instalasi. Keseriusan beliau terhadap disiplin seni cetak dengan pendekatan kontemporari ini telah menjurus kepada pendirian baru untuk lebih dikenali sebagai artis multi-disiplin berbanding sebagai artis seni cetak sahaja kerana beliau juga serius dengan disiplin lain sebagaimana kenyataan beliau bahawa;

> I am involving with different art form, from two dimensional work to sculpture and installation work, and sometime cross over different ideas with different materials and with different making techniques, therefore I do not actually categorised my artwork type; sometime artist friend or gallery people will recognise me as "printmaker", but I would say I work towards cross-discipline type of work rather than just one type of art form (236:13 (3:2327 [3:2771]).

Ramai penulis dan pengkritik seni serta wartawan kerap melabelkan Kim Ng sebagai artis seni cetak, "Kim is often associated as a printmaker" (94:4 (1:2405 [1:3169]). Namun pendirian Kim Ng adalah meletakkan nama beliau sebagai artis kontemporari yang mengikut trend semasa. Gelaran sebagai artis seni cetak sahaja lebih menjurus kepada disiplin seni cetak tradisi yang dianggap sudah ketinggalan zaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keaktifan beliau berkarya telah banyak mendapat kepercayaan dan perhatian daripada galeri seni. Galeri Wei-Ling misalnya, sentiasa menyokong artis-artis kontemporari seperti Kim Ng. Beliau yang pernah mengadakan pameran solonya di galeri tersebut, kerap dipilih menyertai pameran berkumpulan yang dibuat oleh galeri ini. Contohnya pameran bertajuk "18@8 1 Malaysia: Beyond the Canvas Art Show", Kim Ng antara 13 artis terkenal yang dipilih untuk berkarya dengan pendekatan kontemporari. Menerusi katalog pameran, kolektor seni dan pemilik galeri Wei-Ling menjelaskan,

> In addition to going beyond the canvas we also posed 1Malaysia to the artists and asked them to create artworks that evaluate our concerns of unity and search for the deeper meaning of what it means to be Malaysian using transportation as their means of expressing this. I would like to congratulate each of the thirteen artists who have attempted in their own respective way to take up the challenge and make works that are truly inspiring and exciting although I know difficult and trying at the same time (Wei-Ling, 2009) (99:8 (7:1492 [7:2101]).

Galakan dan sokongan dari pihak galeri seni, telah mempengaruhi pendirian Kim Ng untuk terus mengekalkan pendekatan baru dalam berkarya, "personally I don't see myself as a printmaker, but people give me the title as the printmaker. I more into cross and multi discipline, it is my direction". Kim Ng menambah, "even printmaking as well I'm trying to push it further from traditional ways. Even the new artwork more fun with more conceptual" (254:26 (10:749 [10:894]). Untuk terus kekal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan trend semasa, Kim Ng perlu terus berusaha mencabar kreativiti, meneroka apa sahaja material dan teknik untuk mencipta sesuatu yang inovatif dalam karyanya.

5.4.3 Kerangka 3 – Langkau Konvensional

Dalam berkarya, Kim Ng turut menggunakan media-media lain dengan pelbagai kaedah cetakan. Selain daripada mencetak terus di atas kanvas, Kim Ng juga mencetak di atas tisu yang kemudiannya menampal di atas permukaan untuk mendapatkan kesan tindihan separa lutsinar. Seterusnya mencetak di atas kertas dan kemudian mengoyak dan menampal semula atau membuat pemindahan imej dengan cara gosokan dengan bahan pencair.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kim Ng juga menggunakan objek sebenar daripada alam dan objek buatan manusia sebagai matrik untuk mendapatkan kesan jalinan terus daripada objek-objek tersebut. Beliau menjelaskan, “In terms of printmaking methods or techniques involved, I use silkscreen print, collagraph, monoprint, woodcut, drypoint and print from objects -making impression from found objects” (236:1 (1:487 [1:1137]).

Pelbagai media dan teknik disiplin lain juga turut diaplikasikan bersama. Sesetengah media lebih mudah dan cepat memperolehi sesuatu jalinan dan kesan yang diingini seperti kesan garisan dengan pensel. Begitu juga dengan aktiviti seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mewarna menggunakan tangan secara mengosok dengan warna atau menampal di atas kanvas bersaiz besar, sebagaimana penerangan beliau;

> I think, different media and techniques have their own advantages and shortage, and sometime certain visual images is better to presented in different materials or medium rather than in one particular printing method; therefore I combine different printed images and effects in my work, and with other mixed medium to achieved a strong visual outcome (236:8 (2:1679 [2:2115]).

Menerusi pelbagai disiplin dan medium, Kim Ng berjaya mengambarkan kerumitan kehidupan masyarakat dan persekitaran dengan menggunakan imej yang kerap dialami semasa beliau berada ditempat atau suasana tertentu. Karya bertajuk "Just Round the Corner", hasilan tahun 2011 (Rajah5.59) misalnya mengandungi pelbagai imej samada yang boleh dikenali atau yang abstrak, dapat mengambarkan kerumitan idea yang ingin disampaikan. Makna karya berjaya disampaikan dengan pengolahan media campuran, antaranya ialah akrilik, bitumen, pindahan imej kolaj, cetakan skrin, cetakan kolaj, pensel, tali, serbuk *graphite* bersama varnish.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.59. Karya Kim Ng bertajuk *"*Just Round the Corner" (2011) (104:2 (3:64:397-3:532:749)

Pelbagai media dan teknik ini diolah tindan menindan bagi mewujudkan pelbagai kesan berjalinan lutsinar dan legap. Teknik cetakan skrin dengan media berasaskan air dikesan mendominasi pengolahan pelbagai media dan teknik kerana ia dapat menghasilkan kesan lutsinar yang kelihatan berlapis-lapis. Cetakan kolaj pula dapat menghasilkan kesan legap. Begitu juga dengan teknik catan dan lukisan, selain kesan legap yang mengaburi imej, kesan spontan dapat diwujudkan. Kelebihan media dan teknik cetakan diakui oleh Kim Ng dengan menyatakan bahawa,

> I think it is the flexibility of the silkscreen printing techniques that I like the most, and also it allows me to turn the photo images into a silkscreen print stencil for printing. I print images on large scale canvas rather than conventional print on small size paper, therefore the screen printing techniques allows me to produce bigger mixed media print work. And also, since I am working on canvas with mixed media, therefore images and colours are printed first on the

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

surface and layer with collage or drawing on top, and gradually built up the visual effect that I after (236:7 (2:925 [2:1674]).

Pertindihan media dan teknik cetakan yang berbaur bersama dengan pelbagai media lain mewujudkan kesan baru –hibrid. Walaupun media dan teknik cetakan skrin mendominasi kebanyakkan karya Kim Ng, pembauran dengan media yang lain, kelihatan bersatu yang sukar untuk dikenalpasti satu persatu aplikasi setiap media yang digunakan. Contohnya karya "Just Round the Corner" seperti di atas, kombinasi jalinan dan warna yang berlapis-lapis telah mencipta satu ruang ambiguous, hasil pelbagai media dan teknik yang mustahil akan dapat diperolehi dengan menggunakan satu medium.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Percampuran dan pembauran media campuran dalam karya, diakui oleh Kim Ng sebagai cetakan hibrid atau cetakan campuran dengan menyatakan, "my works is kind of the hybrid print, basically I called it combine print. You combined different kind of technique in one work" (254:38 (17:55 [17:351]). Istilah cetakan hibrid amat sesuai digunakan kerana jelas media dan teknik cetakan yang mendominasi dalam hampir semua karya beliau dengan kesan yang rumit.

Merujuk kepada makna dalam karya-karya Kim Ng sekitar tahun 2006 hingga 2013 terutamanya siri "Fact or Fiction" (2006) sebagai contoh, wujudnya hibrid fikiran dan perasaan yang membayangkan sesuatu antara benar dan palsu. Penghayatan terhadap imej-imej olahannya yang biasa dilihat itu cuba menghubungkan memori atau pengalaman artis dengan memori atau pengalaman audien. Imej sebenar yang diolah dengan jelas digabungkan bersama dengan imej-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

imej abstrak hasil olahan pelbagai media dan teknik menjadi sesuatu yang saling berinteraksi antara fakta dengan fiksyen (94:2(1:766 [1:1241]).


Kim Ng berpendapat bahawa objek, tempat dan kegiatan seharian yang biasa ditemui di sekeliling kita adalah persekitaran kehidupan yang sebenarnya penting bagi semua orang. Namun begitu, kerap kali kita tidak prihatin atau ambil peduli akan kewujudannya. Ia seperti tertanam di bawah kesedaran kita yang apabila kita melihatnya di atas permukaan karya, barulah memori terhadap imej itu muncul yang kadangkala kita lupa di mana kewujudannya (94:10 (2:914 [2:1664]) atau mungkin imej-imej tersebut hanya sekadar hayalan atau rekaan.

Pengabungan dan pembauran media dan teknik pelbagai disiplin bukan sahaja mewujudkan kesan hibrid malah berlaku silang disiplin yang ketara. Karya-karya dua dimensi Kim Ng adalah menggunakan format catan yang jelas. Senarai bahan yang dicatat bersama tiap karya sengaja dikemukakan untuk menjelaskan penggabungan disiplin seni cetak, lukisan dan catan. Begitu juga dengan karya-karya tiga dimensi beliau.

Karya *"*Link" (2012) adalah antara contoh jelas bagaimana silang disiplin berlaku antara disiplin cetakan dengan disiplin arca serta instalasi. Cetakan monotaip dan timbulan yang dihasilkan di atas kertas 2 dimensi, telah dikonstruk menjadi objek tiga dimensi dalam bentuk unit yang sama. Unit-unit ini secara konsepnya boleh dirujuk sebagai 'edisi' telah dicantum dan disusun secara berulang. Manakala bentuk keseluruhan tiga dimensi ini pula boleh digayakan dengan kedudukan yang berbeza seperti pendekatan instalasi. Karya dalam rajah 5.60 menunjukkan dua posisi pengayaan instalasi karya "Link".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.60. Karya Kim Ng bertajuk "Link" (2012) dalam dua posisi berbeza (Sumber: 116:9 -13:32:31-13:463:748)

Kegiatan silang disiplin ini memang dirancang oleh beliau dengan menyatakan bahawa,

> I came back to Malaysia there is a little chance I want to do, is a 3D installation work. I started with printmaking first, but at the same time I want to develop my 3D skill, greatly printmaking concept influenced me. I think is about repetition (254:15 6:1737 [6:2282]) .

Kim Ng menghasilkan karya multi-disiplin atau gabungan disipin yang berbeza dalam karya yang berkonsepkan seni cetak kerana intimasi dan kepekaan serta minat terhadap media dan teknik campuran selain mengekalkan identiti seni cetak dalam hampir semua karya beliau.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Kes Artis Partisipan 5 – Mohd Fauzi Sedon

Karya-karya Mohd Fauzi Sedon yang dikaji difokuskan kepada karya-karya berasaskan cetakan dua-dimensi dan instalasi tiga-dimensi yang menggunakan media dan teknik cetakan skrin. Dua tema ini dipilih kerana dapat mewakili keseluruhan karya Mohd Fauzi Sedon dalam abad ke-21 ini yang berkisar tentang penggunaan media dan teknik campuran.

5.5.1 Kerangka 1- Hubungan Kesatuan Organik

Perbincangan dapatan dalam bahagian ini adalah merujuk kepada persoalan kajian pertama iaitu bagaimana Subjek, Bentuk dan Makna karya-karya Mohd Fauzi Sedon berhubungan menerusi aplikasi media dan teknik seni cetak.

5.3.1.1 Siri “Iced Donut” (2006)

Siri “Iced Donut” dihasilkan dalam tahun 2006 dan telah di pamerkan pertama kalinya dalam pameran bertajuk “This is Not a Print Show” dalam tahun 2007 bertempat di Hobart, Australia. Siri ini kemudiannya dipamerkan sekali lagi dengan tajuk pameran “Sweet Flavours” dalam bulan September, 2008 yang merupakan pameran solo beliau di NN Gallery bertempat di Ampang, Selangor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 2011, beberapa keping karya dalam siri ini telah dipamerkan di pameran seni visual bertajuk “Bicara Sifu” di Galeri Petronas, Kuala Lumpur. “Iced Donuts” dipamerkan dengan gabungan karya-karya terdahulu seperti “Packages” dan “Buy 1 Get 1 Free” (218:1(1:35:20-1:557:509) di bawah tajuk “The Shop” dan dilabelkan dengan tahun 2006/2011, sebagai media campuran dengan saiz 300cm x 750cm x 300cm.

- **Subjek Siri “Iced Donut”**

Budaya konsumer adalah tema utama karya-karya Mohd Fauzi Sedon yang dihasilkan dengan teknik seni cetak. Tema yang luas ini telah menjadi idea kajian beliau sejak tahun-tahun 1990-an lagi sebagaimana kata-kata beliau,.

> Karya-karya saya ini memang semuanya berasaskan kepada tumpuan isu-isu dengan konsumer iaitu pengguna dari pelbagai kontek. Dari segi jual beli, promosi pengiklanan yang bagaimana ianya boleh menimbulkan rasa emosi, keinginan, obsesi dan juga bila mana berlakunya unsur-unsur keliru, secara langsung menarik pengguna untuk lebih menyeronokkan (235:2 (1:651 [1:1122]).

Berbagai pendekatan dan perihal subjek telah diterokai. Siri yang dinamakan “Iced Donut” adalah salah satu daripada perincian Fauzi dalam menterjemahkan idea

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan isu berkaitan produk komersial dengan pengguna khususnya dalam ruang lingkup masyarakat masa kini.

Karya-karya siri "Iced Donut" terdiri daripada imej produk komersial iaitu sejenis makanan manisan yang popular berasal daripada barat -'donut'. "Iced Donut" adalah istilah yang merujuk kepada *donut* manis yang biasanya dihiasi dengan icing berbagai corak, perisa dan warna. Dalam siri ini, imej *donut* dipaparkan secara jelas dan mudah dikenali untuk mewakili produk yang mempunyai rupa dan warna yang mengoda serta kerap mempengaruhi impresi dan keinginan kebanyakan pengguna, "I used the image of a donut as a subject matter to represent temptation of colours in certain objects or products that influence our impression and reception" (216:30 (9:354 [9:1225]).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Saya garap idea, saya buat sebagai simbol sahaja" (235:15 (9:2715 [10:1263]). Kata-kata Fauzi ini menjelaskan bagaimana beliau mengolah sesuatu idea yang diilhamkan daripada situasi sebenar budaya konsumerisme kepada penghasilan karya. Misalnya objek *donut*, saiz imej cetakan sengaja dibesarkan bertujuan untuk keseronokan agar kelihatan lebih menarik.

Selain imej *donut*, imej teks yang mudah dibaca adalah terdiri daripada bahan-bahan yang terkandung dan digunakan sebagai resepi *donut* tersebut. Bahan-bahan yang terdapat pada pembungkusan produk moden, menurut Fauzi kerap tidak diendahkan oleh pengguna yang lebih mengutamakan tarikan bentuk dan warna produk, "but most of the time, we don't really care about the ingredients as long as our

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

desire is fulfilled" (222:8 (3:1 [3:389]). Kedua-dua imej ini diolah dan dicetak dengan teknik cetakan skrin.

- **Bentuk karya siri "Iced Donut"**

Imej donut dikekalkan seperti gambar asal agar mudah dikenali untuk memudahkan idea disampaikan dengan lebih berkesan. Gambar foto *donut* dan teks diolah secara kaedah foto-grafik *hard-edge* atau *solid image* dengan bantuan aplikasi komputer sebelum dipindahkan kepada blok skrin menggunakan kaedah foto-makanikal bagi menghasilkan imej stensil yang kekal. Menerusi kaedah ini, imej-imej tersebut boleh dicetak berulangkali dengan rupa imej yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses kaedah ini adalah sama dengan teknik cetakan skrin konvensional yang menghasilkan rupa imej yang sama dipanggil sebagai edisi. Perbezaannya ialah, Fauzi tidak menandatangan serta mengawal nombor edisi setiap cetakannya yang sama imej dan warna. Menurut Fauzi, Saya memang tak suka buat yang edisi seperti karya konvensional. Kalau tenguk karya instalasi saya, itulah edisinya, untuk penuhkan satu dinding, satu ruang, imej perlu banyak (235:32(11:1913 [12:992]).


Malahan Fauzi mencetak imej yang serupa dengan warna, komposisi dan saiz yang berlainan untuk tujuan mencipta kepelbagaian sebagaimana yang dinyatakan oleh beliau, "there is repetition but each is different in terms of size, colour and

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

composition”(222:7 (2:960 [2:1179]). Imej *donut* dan teks yang berbagai warna ini di cetak di atas medium kertas dan di atas plastik.

Cetakan skrin di atas kertas, imej-imej menggunakan warna latar bagi imej rupa positif dan negatif menggunakan warna-warna kontra dan pelbagai bagi menjelaskan imej ini yang dilekatkan pada dinding sebagai imej latar-belakang. Imej *donut* diwarnakan dengan dua ton kontra, contohnya imej *donut* bulat penuh dengan biru dan unggu atau hijau dan biru (Rajah 5.61). Manakala warna latar yang kontra menjelaskan warna yang digunakan untuk mencetak imej teks.



Rajah 5.61. Satu bahagian cetakan atas kertas dalam siri *“*Iced Donut” (2006)
(Sumber: 228:2 (1:222:107-1:401:359)

Imej teks yang terdiri daripada senarai bahan-bahan kandungan makanan *donut* iaitu yang terdapat pada pembungkus makanan diolah dan disusun bersambung-sambung. Setiap satu bahagian kecil cetakan hampir tidak sama kedudukan teks untuk menghasilkan kelainan. Warna rata bagi latar empat segi ditindih rapi dan jelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknik cetakan skrin dengan kaedah tepian keras (hard-edge) secara hitam putih (black-white) ini berjaya menghasilkan ke-dua-dua imej dicetak dengan kemas dan jelas bertujuan untuk lebih mudah dikenali. Selain itu, kesan legap menjadi pengawal pandangan dan menyekat ruang (Rajah 5.62).



Rajah 5.62. Sebahagian posisi karya "Iced Donut" (2006), menunjukkan cetakan atas kertas dan plastik (Sumber: 219:1 (4:118:140-4:478:629)

Imej *donut* dan teks yang sama juga di cetak dengan teknik cetakan skrin ke atas sejenis plastik khas secara bersambungan menegak tanpa ada warna latar. Imej donut dicetak dalam kedudukan yang meniru susunan dalam dulang jualan di kedai. Ia dicetak dengan satu warna sahaja untuk meninggalkan kesan lutsinar plastik. Keistimewaan medium plastik filem, menurut Fauzi yang dibeli di kilang semasa beliau di Australia, hanyalah pada saiz kerana ia boleh dibeli dalam bentuk gulung dengan lebarnya dua meter yang membolehkan karya bersaiz besar dan panjang dihasilkan (235:7 (3:460 [3:978]).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Media campuran berasaskan akrilik berbagai warna digunakan untuk menghasilkan imej atas kertas dan plastik, “Saya guna *acrylic paint* biasa untuk cetakan skrin. *Acrylic paint,* saya campur dengan bahan lain seperti gel agar lambat kering dan tidak mudah tersumbat pada permukaan skrin” (235:8 (3:1343 [4:73]). Selain daripada kemudahan aplikasi dengan cetakan skrin, kelebihan medium akrilik bagi Fauzi adalah kerana bahan ini berasaskan air yang boleh mendapatkan kesan legap dan separa lutsinar dan hasil kemasan akhir seperti medium berasaskan minyak. Berbeza dengan medium dakwat cetakan skrin yang berasaskan air yang sukar mendapatkan kesan legap dan kesan warna yang terang (235:10 (4:77 [4:1018]).

Menurut Fauzi hanya ada 12 imej *donut* yang berbeza yang menjadi asasnya. Setiap satu imej asas ini diulang cetak berpuluh kali dengan warna yang sama cuma tidak ditandatangan seperti karya konvensional. Komposisi instalasi menggunakan konsep pengulangan, imej disusun dalam kedudukan berbeza yang menurut beliau, “saya susun ikut formula selang seli saya, dengan susunan seperti itu, audien boleh keliru, tidak boleh cari ‘edisi’ yang sama tadi” (235:32(11:1913 [12:992]) .

Susunan berselang-seli bagi imej-imej yang berlainan warna yang dicetak di atas plastik digantung dari atas syiling, berlapis-lapis di ruang tengah manakala cetakan atas kertas dilekatkan memenuhi dinding sebagai komposisi instalasi. Kaedah ini untuk mencipta persekitaran yang interaktif secara fizikal dengan audien. Menerusinya audien boleh bergerak di antara lapisan-lapisan karya yang berwarna-warni itu. Imej *donut* dan teks yang dicetak atas plastik dengan warna mono adalah bertujuan mengekalkan kesan lut-sinar plastik. Cara ini telah berjaya memperlihatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesan berlapis-lapis dan *'mass-product'* kerana plastik yang dicetak digantung dalam jarak yang boleh disusur lalu oleh audien untuk tujuan interaktif.

- **Makna "Iced Donut"**

Bentuk instalasi berinteraktif secara fizikal bagi karya-karya dalam siri "Iced Donut" adalah pendekatan Fauzi untuk membawa ruang pengalaman harian pengguna ke dalam persembahan galeri, "the projects to represent a closer physical association to daily experience in consumer spaces" (216:28 (9:35 [9:135]). Untuk itu, beliau mahukan audien menjiwai warna-warna imej cetakan semasa menyusuri ruang antara lapisan-lapisan cetakan yang separa lut-sinar, seperti kata-kata beliau, "to get the people into the feeling of colours as they walk through the space" (222:12 (3:519 [3:633]).

Menurut Fauzi, warna mempunyai keupayaan unik dalam membentuk emosi yang menyenangkan, tambahan bila bergabung dengan rasa dan bau makanan yang boleh mempengaruhi kehendak walaupun hanya secara imaginasi. Menerusi karya siri "Iced Donut" ini Fauzi cuba mewujudkan tarikan kegembiran dan keseronokan pengalaman audien sebagai penguna menerusi pengulangan imej cetakan yang berwarna-warni dan berlapis-lapis dalam ruang pengalaman visual. Ianya berkaitan dengan pendekatan instalasi iaitu dalam konteks *interior* di mana *layout* yang beliau ciptakan, akan membuatkan pengguna merasa selesa dalam sesuatu ruang dan tertarik untuk memasuki atau melalui ruang tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Fauzi mengarap idea bagaimana objek *donut* itu sendiri, yang merupakan makanan yang kurang sihat kerana banyak gula dan warna tiruan, tetapi makanan ini menjadi kesukaan ramai, terutamanya golongan remaja dan kanak-kanak. Pemerhatian beliau di kedai-kedai yang menjual *iced donut*, sentiasa ramai pelanggan dan *donut* yang berbagai warna dan hiasan, bersusun di atas dulang akan cepat habis.

Begitu juga situasi di Malaysia, kedai popular menjual *iced donut* seperti '*Dunkin Donut'* dan '*Apple Donut'* sentiasa menjadi tumpuan orang yang sibuk memilih dan ada yang keliru untuk memilih kerana terdapat berbagai warna dan rupa hiasan walhal asasnya adalah sama. Untuk tujuan mencapai idea kekeliruan, imej sama tetapi ada perbezaan warna dan saiz. Menurut Fauzi, "bagaimana konflik itu berlaku dalam sesuatu situasi budaya konsumer. Bagaimana kita olah dan hendak persembahkan ikut idea masing-masing" (235:32(11:1913 [12:992]) .

Perkara ini yang menyeronokkan Fauzi untuk diterapkan menjadi karya cetakan yang mewakili situasi sebenar budaya pengguna. Bagaimana audien berinteraksi dalam 'ruang dalaman '*donut'* tersebut dan bagaimana ilusi ruang yang wujud di antara cetakan skrin imej *donut* yang legap dan yang bersifat lutsinar yang apabila terkena cahaya berubah warna (Rajah5.63). Fauzi cuba meniru kembali situasi dan perasaan keseronokan yang berlaku dalam ruang konsumer tu sendiri kepada situasi yang terdapat pada karya-karyanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Iced Donuts, 2006 (installation view and detail)
Acrylic screen printing on plastic film and paper, stainless steel wire, eye screws, turnbuckles, swages, fold back clips, pine, sticky tape.
840x360x270 cm

Rajah 5.63. Pengulangan imej cetakan dan lapisan ruang dalam karya Mohd Fauzi Sedon bertajuk "Iced Donut" (2006) (Sumber: 216:29 (9:12:97-9:360:309)

5.3.1.2. Siri "Code-My" (2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Karya-karya dalam siri "Code-My" dihasilkan dalam tahun 2010 hingga 2011. "Code-My" adalah tajuk pameran solo Fauzi yang ke-lapan. Pameran solo ini telah diadakan di NN Galeri, Ampang, Selangor, pada bulan Mac tahun 2011 dengan memaparkan 30 keping karya dua dimensi yang dominan dengan cetakan skrin (224:3 (2:508 [2:1479]). Semua karya dicetak di atas kanvas yang dilabelkan sebagai karya media campuran bersaiz dalam lingkungan 90 cm x 90 cm (235:19 (6:2751 [7:310]) .

- **Subjek "Code-My"**

Walaupun idea budaya konsumer telah digunakan sejak awal penglibatan beliau sebagai artis samada semasa berada di luar negara atau di tanahair, karya-karya siri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Code-My" (2011), baru diolah menggunakan subjek tempatan di Malaysia (235:18 (6:2363 [6:2456]). Karya-karya dalam siri ini, diilhamkan daripada pengalaman beliau bersama keluarganya yang pergi ke pusat membeli-belah khususnya sekitar lembah kelang, samada untuk membeli belah atau sebagai riadah untuk memanjakan diri dengan terapi runcit (224:2 (1:220 [1:1271]). Seperti segelintir pengguna menganggap membeli belah adalah satu bentuk terapi bagi melegakan tekanan daripada penat bekerja dan dapat mengembirakan hati dengan membeli makanan atau barangan yang disukai walaupun kebiasaannya bukan sesuatu keperluan.

Tindakan ini biasanya disebabkan oleh faktor tarikan daripada penjual yang mempamerkan barangan dengan bergaya beserta tanda-tanda iklan seperti promosi, tawaran, potongan harga dan jualan murah yang menarik perhatian pengguna. Walaupun kadangkala pengguna menyedari bahawa iklan-iklan tersebut hanyalah mainan penjual untuk menarik perhatian sahaja, namun pengaruh persekitaran yang selesa dan meriah dengan sikap bersaing dalam 'menang memberi alah memakai' menimbulkan suasana meriah di kalangan pengguna terutamanya pada musim menyambut sesuatu perayaan. Pengalaman daripada suasana ini diterjemahkan oleh Fauzi dalam karya-karya beliau di mana aplikasi teknik cetakan skrin nampak dominan.

Karya-karya dalam siri ini menggunakan resit-resit pembelian seperti contoh-contoh produk jualan, slogan iklan serta perkataan-perkataan seperti '*Mega', 'Sale', 'Discount'*, 'Promosi', 'Harga Runtuh' sebagai subjek. Perihal subjek ini diambil daripada brosur, katalog beli belah, bunting, poster dan gambar yang diambil sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut beliau, “kemudian saya olah semula semua imej daripada sumber persekitaran kita yang berkaitan dengan konsumer yang setiap karya mengikut komposisi yang berbeza (235:19 (6:2751 [7:310]).

Idea yang hendak beliau sampaikan adalah mencipta situasi yang alamiah menerusi konsep kombinasi dan kepelbagaian yang tidak terbatas. Beliau berhasrat menghasilkan persekitaran yang menyeronokkan melalui perkembangan berbagai kemungkinan berdasarkan gabungan imej-imej dan warna. Warna sangat penting dalam idea yang hendak disampaikan. Menurut Fauzi, ia menjadi cabaran kepada kreativitinya untuk mengabungkan dalam pelbagai cara. Dalam konteks ini jumlah yang banyak adalah aspek kritikal yang perlu difikirkan seperti bagaimana imej, warna, kod-harga (bar-code) dan apa sahaja jenis tanda boleh digunakan. Untuk itu, beliau mengadakan formulanya sendiri untuk mengabungkan imej dan elemen tersebut (224:2 (1:220 [1:1271]).

- **Bentuk “Code-My”**

Pengulangan imej-imej produk dan teks cetakan skrin yang sama, telah diolah dalam saiz besar dan kecil serta dicetak berwarna-warni untuk mencipta satu perbezaan dari segi kontra tetapi wujud keharmonian kerana ada persamaan imej dan tonal warna yang diulang-ulang. Rajah 5.64 menunjukkan dua contoh karya yang mana olahan imej berkontra saiz dan warna tetapi harmoni kerana ada persamaan yang diulang. Pengolahan bentuk begini menurut Fauzi kerana inspirasi daripada; “aspek budaya konsumer yang sentiasa berlakunya unsur ‘pengulangan’. Sesuatu produk atau jenama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan berulang balik, jika hilang satu ketika, akan muncul semula" (235:21 (7:849 [7:2427]).



"Clearance # Part I"
(234:5 (6:172:40-6:635:553) - D 234: MFS2011)



"Mega Sales # Part II"
(234:14 (15:182:31-15:658:559) - D 234: MFS2011)

Rajah 5.64. Karya Mohd Fauzi Sedon bertajuk "Clearance # Part I" dan "Mega Sales # Part II" (Sumber: NN Gallery, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Imej dalam siri "Code:My", Fauzi menggunakan resit dan imej-imej dalam risalah atau katalog belah-beli yang dikumpul sebagai sumber subjek. Beliau tidak mengambil jalan mudah seperti teknik kolaj sebaliknya mengolah semula imej-imej yang dikumpul daripada resit, risalah, katalog, poster belah-beli sebagaimana kenyataannya ini, "Saya memang tidak ambil bulat-bulat. Saya memang tak suka. Saya akan cerakinkan sedikit-sikit dan gabungkan balik imej-imej tersebut sebab saya suka manipulasikan imej" (235:24 (8:848 [8:2060]).

Fauzi tidak berminat untuk mengabungkan teknik-teknik lain kerana intimasinya dengan cetakan skrin yang telah digunakan sejak awal penglibatannya sebagai artis seni halus dengan menegaskan, "saya memang dari mula dengan screen printing, jadi saya sudah selesa" (7:2431 [8:318]). Walaupun kaedah lukisan diperlukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti imej teks tulisan tangan, beliau akan mengolah semula menjadi teknik cetakan skrin seperti yang paling jelas diaplikasi dalam karya –karya yang ditunjukkan dalam rajah 5.65.



"Stock Clearance"
(234:29 (31:207:41-31:648:523) - D 234: MFS2011)



"Discount 50%-70% # part II"
(234:10 (11:183:33-11:652:542) - D 234: MFS2011)

Rajah 5.65. Karya Mohd Fauzi Sedon bertajuk "Stock Clearance" dan "Discount 50%-70% # part II" (Sumber: NN Gallery, 2011)

Kelebihan cetakan skrin membolehkan imej-imej yang telah diolah pada blok diguna semula berulangkali yang membolehkan Fauzi menghasilkan pendekatan *multiple layer* atau imej pelbagai lapisan (235:24 (8:848 [8:2060]). Menurut Fauzi, "kebanyakan imej sama digunakan semula sampai berbelas siri, tapi orang tidak berapa perasan sebab saya buat dalam cara yang berbeza. Itu uniknya print, recycle balik imej dan ubah komposisi, kesannya berubah" (235:13 (5:36 [5:824]).

Pengulangan imej cetakan dilakukan kerana mempunyai kaitan dengan maksud karya sebagaimana kenyataan beliau, "Pasal kalau kita tenguk imej aspek konsumer itu sebenarnya benda itu semua sama. Satu-satu produk itu berbelas tahun ia sama sahaja. Ia re-packeges, supaya produk itu nampak macam baru"(235:13 (5:36 [5:824]). Karya-karya dalam rajah 5.66 dan rajah 5.67, menunjukkan contoh


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengulangan imej yang sama dalam komposisi berbeza, sama ada secara mendatar atau menegak. Perbezaan yang ketara hanyalah pertukaran *Hue* yang digunakan.



"Mega Sales # part VII"
(234:19 (20:194:34-20:662:534) - D 234: MFS 2011)



"Mega Sales # part VI"
(234:18 (19:193:40-19:659:552) - D 234: MFS 2011)

Rajah 5.66. Karya Mohd Fauzi Sedon bertajuk "Mega Sales # part VII" dan "Mega Sales # part VI" (Sumber: NN Gallery, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



"Mega Sales # part III"
234:15 (16:183:37-16:655:542)



"Mega Sales # part IV"
234:16] (17:194:34-17:655:536)

Rajah 5.67. Karya Mohd Fauzi Sedon bertajuk "Mega Sales # part III" dan "Mega Sales # part IV". (Sumber: NN Gallery, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap warna mewakili satu lapis cetakan yang kebanyakkan karya mengandungi sehingga 20 lapisan warna dan imej berbeza tetapi diulang-ulang pada karya yang lain (224:3 (2:508 [2:1479]). Kebanyakan lapisan imej pelbagai warna yang bertindanan diwujudkan dalam dua bentuk jalinan. Jalinan yang kelihatan padat diolah dengan cetakan berlapisan dengan pelbagai warna, sementara jalinan yang mempunyai ruang kosong, warna-warna imej kerap ditindan di atas latar hitam. Karya-karya dalam rajah 5.58 menunjukkan contoh ciri-ciri ini.



"Sale Carnivals # part II"
234:26 (27:201:32-27:649:530) - D 234: MFS 2011

"Sale Carnivals"
234:27 (28:201:37-28:645:530) - D 234: MFS 2011

Rajah 5.68. Karya-karya Mohd Fauzi Sedon bertajuk "Sale Carnivals # part II" dan "Sale Carnivals" (Sumber: NN Gallery, 2011) .

Semua karya Fauzi menggunakan teknik cetakan skrin dengan kaedah yang sama seperti siri "Iced Donut" (2006) dan karya-karya dalam siri lain. Karya-karya dalam pameran siri "Code:My" (2011) lebih khusus di nyatakan sebagai *'mixed media'* atau media campuran. Maksud *mixed media* pada deskripsi karya, menurut Fauzi adalah kerana adanya bahan yang bercampur dengan bahan akrilik, bukan seperti *pure dye* yang biasa digunakan (235:20 (7:313 [7:844]). Semua karya dicetak skrin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atas kanvas dan kemudian di regangkan pada pemidang kayu, sebelum digantung seperti pendekatan catan.

- **Makna "Code-My"**

Idea terhadap budaya konsumer diekspresikan menerusi cetakan skrin adalah bersesuaian dengan kaedah terkini dalam bidang percetakan. Cetakan skrin sangat berhubungkait dengan budaya konsumer yang melibatkan teknologi percetakan komersial dan rekaan grafik seperti produk kilang, label, pembungkusan, iklan, dan notis jualan. Budaya konsumer yang terbit daripada kegiatan masyarkat moden dan perbandaran membangkitkan gaya budaya popular yang menekankan ciri-ciri warna kontra dan konsep pengulangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Fauzi, warna memberi kesan kepada deria, perasaan dan mempengaruhi perangai dan tindakan seseorang pengguna. Produk dibungkus dalam pelbagai warna dan imej yang menjadi tarikan kepada pandangan dan emosi kita sebagai pengguna yang mudah dipengaruhi oleh pengiklanan dan slogan jualan. Peranan warna pada setiap produk mempunyai daya tarikan bawah sedar pengguna yang membangkitkan persepsi, mempengaruhi emosi, meningkatkan kesedaran keperluan dan mencabar riaksi dalam mengekspresi keindividualiti serta identiti diri sebagaimana menurut Fauzi, "products are made attractive to our subconscious using combination of colours to stimulate perception, influence emotion and heighten consumers' awareness of their needs as well as to provoke a response that make us express our individuality" (216:7 (4:795 [4:1044]).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepelbagaian warna mendorong pengguna untuk membuat pilihan, walaupun apa yang dipilih itu hanya sebagai kepuasan emosi dan kehendak nafsu. Fauzi memberi contoh, “kita hendak beli vacum cleaner kenapa pilih warna! Vacum sama model kenapa pilih warna. Macam kita beli kereta kenapa pilih warna! Apa bezanya warna akan lebih laju ke? Itulah pilihan dalam membeli yang sebenarnya untuk memenuhi kepuasan emosi”. Menurut Fauzi lagi, “tetapi kadang-kala timbul pula konflik diri bila kita diberi pilihan yang banyak, kita jadi keliru, boleh jadi bingung untuk membuat pilihan” (235:16 (6:21 [6:803]).

Kebanyakkan jenama sesuatu produk adalah sama fungsinya, cuma hanya berbeza sedikit dari segi pembungkusan dan harganya yang kerap menimbulkan kekeliruan kepada pelanggan. Tambahan pula terdapat pengaruh pengiklanan dan pelbagai bentuk promosi gimik seperti *‘sale’, “mega –sale” ‘clearance’, ‘discount’, ‘reduced’, ‘best buy’, ‘special price’, ‘buy 1 get 1 free’* dan jualan diskaun seperti potongan harga 20%, 50%, 75% (234:3 (4:413:95-4:770:404). Promosi gimik seperti itu kerap diulang-ulang dan dimeriahkan dengan pelbagai warna kontra untuk menarik perhatian dan dalam masa yang sama memainkan emosi dan psikologi pengguna.

Pengguna juga disogokkan dengan lambakan barang dan produk. Pengeluaran secara besar-besaran atau *mass-product* adalah antara ciri-ciri budaya konsumer (216:14 (18:599 [18:946]). Aplikasi teknik cetakan skrin, bukan sahaja membolehkan pelbagai imej dihasilkan sama seperti imej sebenar. Kelebihan proses makanikal teknik ini membolehkan ‘pengeluaran besar-besaran’ pelbagai imej dalam kuantiti yang banyak dapat dihasilkan untuk mengaitkan dengan ekspresi idea dan makna

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepelbagaian, persamaan, perbezaan, kekeliruan dengan konsep pengulangan yang menjadi teras teknik cetakan. Karya-karya dalam rajah 5.69 menunjukkan contoh bagaimana Fauzi menterjemahkan konsep kepelbagaian, persamaan, perbezaan, kekeliruan budaya konsumer ke dalam karya-karya cetakan dua dimensinya.



"Discount 50%-70% # part I"
(234:9 (10:179:40-10:648:550)



"Sale 20%-80%"
(234:28 (29:204:37-29:649:527)

Rajah 5.69. Karya Mohd Fauzi Sedon bertajuk "Discount 50%-70% # part I" dan "Sale 20%-80%" (Sumber: NN Gallery, 2011)

5.5.2 Kerangka 2 – Pendekatan Baru

Mohd Fauzi Sedon mengaplikasikan media dan teknik cetakan dalam pengolahan dan pendekatan yang baru bertujuan sebagai Eksplorasi bahan dan teknik, Motivasi Personal, Artistik Stail dan Trend Semasa.

Menurut Fauzi, beliau sebagai artis dan penyelidik perlu ada ekplorasi agar ada perubahan dan kelainan dengan melakukan inovasi dalam konteks pengkaryaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beliau menyatakan bahawa; "kalau mengikut definisi dan kaedah seni cetak konvensional, maka kita tidak akan ke mana. Kita boleh buat besar tetapi eksplorasi akan terhad dan boleh mengekang kreativiti" (235:29 (10:2306 [10:3674]) .

Beliau menambah, "seni cetak seronok untuk diekplorasi sebenarnya, kalau kita tahu dari segi tekniknya. Ia memudahkan imej dimanipulasikan" (235:11(4:1696 [4:1940]). Ekplorasi media dan teknik yang bukan konvensional dan mencuba pendekatan yang lain daripada disiplin seni cetak konvensional mencabar kreativiti dan kemahiran biasa.

Ekplorasi media, teknik dan disiplin seperti dalam karya *"Iced Donut"* 2006 di mana ekplorasi media akrilik dengan teknik cetakan skrin ke atas bahan yang bukan konvensional iaitu plastik dengan pendekataan instalasi. Artis mencuba teknik yang lain daripada disiplin kebiasaan artis tersebut iaitu pendekatan instalasi.


Pelbagai imej dan warna cetakan diterokai dengan cara dicetak berulangkali dan ditindan berlapisan sebagai satu eksplorasi. Aplikasi teknik cetakan skrin yang diulang-ulang dengan imej yang sama menggunakan warna dan komposisi yang berbeza memberi kelebihan ekplorasi komposisi di atas kanvas yang lebih bebas berbanding dengan cetakan konvensional yang memerlukan lebih kawalan kualiti yang sama dalam semua aspek. Contohnya dalam siri "Code:My" (2011), jelas memperlihatkan Fauzi meneroka ruang komposisi imej dan warna yang menjana kreativiti beliau seolah-olah menghasilkan banyak 'edisi' karya-karya cetakan yang unik seperti contoh dalam rajah 5.70, yang menunjukkan dua karya yang kelihatan sama dengan sedikit perbezaan komposisi dan warna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



"Sale # part I"
(234:21 (22:200:41-22:648:539)



"Sale # part II"
(234:21 (22:200:41-22:648:539)

Rajah 5.70. Karya Mohd Fauzi Sedon bertajuk "Sale # part I" (kiri) dan "Sale # part II" (Sumber: NN Galeri, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kaedah instalasi membolehkan Fauzi meneroka ruang baru dengan penyusunan semula karya-karya menjadi siri baru. Pameran bertajuk 'Bicara Sifu' tahun 2011 di Galeri Petronas, Kuala Lumpur, Fauzi menggabungkan beberapa karya instalasi terdahulu seperti "Packages", "Buy 1 Get 1 Free" dan "Iced Donuts" dalam satu siri instalasi baru. Fauzi mengambil beberapa keping karya dalam setiap satu siri instalasi untuk menjadi satu gabungan yang diolah semula seperti yang ditunjukkan dalam rajah 5.71. Menurut Fauzi, ianya seperti susunan barang-barang atau produk yang sama dalam kedai yang selalu diubah kedudukan dan susunannya. Fauzi menambah, "ia nampak macam lain, kerana dari segi memori pengguna iaitu manusia biasanya bukan boleh ingat semua"(235:14 (5:1074 [5:2181]).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



The Shop (2006/2011) Mixed media, 300cmx750cmx300cm

Rajah 5.71. Karya instalasi Mohd Fauzi Sedon bertajuk "The Shop" (2011) (Sumber: 218:1(1:35:20-1:557:509)

Eksplorasi warna dan jalinan dalam penyusunan imej berlapis-lapis dalam menetapkan ruang komposisi bagi karya-karya dua dan tiga-dimensi serta instalasi dapat meningkatkan nilai motivasi diri di atas kejayaan menghasilkan karya-karya cetakan kontemporari yang sentiasa segar dan baru. Ini kerana penerokaan idea dapat dikembangkan dalam pendekataan yang asing daripada dunia cetakan tradisi seperti pendekataan instalasi.

Dalam abad ke-21 ini, Fauzi yang teruja dengan pendekataan instalasi, menyatakan bahawa, "Pameran yang berfokus memang saya buat instalasi, saya memang suka. Saya dapat meneroka idea saya. Semasa di Australia, semua siri, saya buat instalasi samada solo atau pameran berkumpulan. Di Malaysia bergantung juga kepada ruang galeri" (235:6 (3:2 [3:243]). Fauzi menambah, "tetapi kalau pameran di galeri komersial di mana karya adalah untuk dijual, saya kena fikir banyak kali juga" (235:5 (2:2496 [2:2732]). Kejujuran kata-kata Fauzi ini menunjukkan bahawa selain daripada mendapat kepuasan diri daripada penghasilkan karya-karya cetakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kontemporari, penjualan karya akan lebih membangkitkan motivasi personal kepada artis.

Fauzi semasa berada di Australia, banyak mendapat galakan seni cetak kontemporari. Diantaranya ialah daripada beberapa penganjuran pameran seni kontemporari seperti di Long Gallery, Salamanca Arts Centre, Hobart dengan pameran bertajuk "Transport" (2006) dan Plimsoll Gallery, Hobart dengan pameran bertajuk "This is Not a Print Show" (2007). Salamanca Arts Centre misalnya menetapkan beberapa kriteria pengkaryaan yang menekankan penghasilan cetakan tiga dimensi, cetakan instalasi dan penciptaan seni cetak yang bebas tradisi (217:6(2:963[2:1612]). Galakan dan dorongan menghasilkan karya-karya seni cetak kontemporari seperti ini dapat membangkitkan motivasi personal dalam bentuk penghargaan luar yang dapat menetapkan keyakinan untuk terus berinovasi dalam pengkaryaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fauzi yang bersetuju meletakkan diri beliau sebagai artis seni cetak kontemporari Malaysia (235:33 (12:995 [12:1332]), kerana karya-karya seni cetak beliau tidak lagi menjurus kepada seni cetak tradisi. Beliau turut menyuarakan kebimbangan tentang kekurangan artis seni cetak negara dengan menyatakan bahawa, "kita di Malaysia tidak ramai yang buat printmaking. Kita antara yang paling kurang printmaker" (235:23 (8:209 [8:780]). Cabaran yang dihadapi oleh artis seni cetak negara menjadi pendorong dan motivasi untuk terus kekal dengan bidang seni cetak.

Sebagai seorang artis seni cetak yang juga ahli akademik, Fauzi didorong kepada bentuk kajian dan penyelidikan dalam aktiviti berkarya yang mengalakkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tindakan inovasi dalam bidang seni visual (235:25(9:982[9:2202]). Kelahiran karya-karya seni cetak instalasi misalnya yang berjaya dan diterima di luar negara seperti negara Australia membuktikan bidang seni cetak adalah setaraf dengan bidang-bilang lain yang berkembang pesat. Penerimaan masyarkat seni di luar dan di dalam negara menerusi pameran-pameran solo dan berkumpulan menyumbang kepada pengiktirafan yang menjadi motivasi untuk terus aktif dalam meneroka bidang seni cetak.

Intimasi Fauzi terhadap teknik cetakan skrin yang sentiasa digunakan pada semua karya menjadi senonim dengan diri beliau sebagai artis. Pengekalan teknik ini dilihat sebagai pengwujudan stail artistik dalam praktis seni beliau. Subjek budaya konsumer yang jelas dalam semua karya Fauzi seperti produk komersial, logo, tanda dan lambang dengan elemen warna terang, pelbagai dan kontra adalah senonim dengan gaya budaya pop yang membina stail artistik Fauzi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tema budaya konsumer yang disampaikan melalui seni cetak unik dikekalkan sebagai minat mendalam sebagaimana ujar beliau, "idea tentang budaya konsumer tu memang sudah menjadi satu minat saya yang mendalam. Dalam budaya konsumer memang melibatkan repeatation, varieation, similarity dan difference. Itu kata kunci yang berlaku dalam budaya konsumer" (235:15 (5:2244 [5:2527]) dan kata kunci ini juga yang terus diterjemahkan oleh Fauzi dalam semua karya-karya yang menjadi gaya artistik kepada beliau dengan menggunakan teknik cetakan skrin untuk memperlihatkan stail atau ciri-ciri artistik tersebut.

Kaedah pengkaryaan yang dilakukan oleh Fauzi adalah satu cara bagaimana untuk beliau meningkatkan dan mengangkat nilai-nilai bidang seni cetak ke arah sesuatu yang lebih signifikan mengikut zaman. Beliau memberi contoh bahawa bidang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

catan telah lama ada perubahan. Begitu juga dengan seni cetak digital yang menjadi isu pertikaian jika dibandingkan dengan seni cetak tradisi.

Pada pendapat Fauzi, seni cetak digital mempunyai 'blok' atau matrik iaitu dalam bentuk '*software*' yang boleh diterima sebagai konsep seni cetak. Beliau menegaskan, "Kalau kita hendak berubah kita kenalah berubah" (235:29 (10:2306 [10:3674]). Penegasan Fauzi ini menunjukkan bahawa pengolahan dan tindakan pengkaryaan seni cetak beliau adalah keperluan mengikut trend semasa. Beliau menambah, "saya sudah lama tidak buat edisi dan pada karya saya pun tidak ada tandatangan sejak 1998 lagi" (235:32(11:1913 [12:992]) .

Karya-karya dalam siri "Iced Donut" (2006), adalah antara contoh kaedah cetakan semasa di mana hasil cetakan dua-dimensi diolah dan dipersembahkan dalam bentuk tiga dimensi dan instalasi. Siri ini adalah antara siri yang mendapat pengiktirafan seni cetak kontemporari apabila berjaya menyertai pameran bertajuk "This is not a Print Show" dalam tahun 2007 bertempat di Hobart, Australia. Menerusi kenyataan pameran yang menyebut, "This print show deals with contemporary innovative art practices that challenge traditional notions, format and use of the print" (219:2 (1:442 [1:581]) menunjukkan karya-karya seni cetak Fauzi tergolong dalam seni cetak yang mengikut trend semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.3 Kerangka 3 – Langkau Konvensional

Bahagian ini memfokus kepada persoalan bagaimana tindakan pelangkauan batas disiplin konvensional seni cetak diteliti melalui aspek Media Campuran, Hibrid dan Silang Disiplin dengan merujuk kepada karya-karya dalam beberapa siri yang dipilih.

Medium akrilik yang biasa digunakan untuk menghasilkan catan, digunakan oleh Fauzi dengan dicampurkan bersama bahan-bahan lain yang menjadi ‘resepi’nya tersendiri. Campuran akrilik ini menghasilkan keunikan apabila dicetak di atas kertas, kanvas dan juga plastik. Media campuran ini dapat menghasilkan kesan legap atau separa lutsinar dengan kaedah campuran tertentu yang menjadi rahsia peribadi Fauzi sebagai artis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wujud kesan baru bagi karya instalasi seperti karya-karya dalam siri “Iced Donut” (2006). Kesan baru muncul daripada pertindihan dan perbauran imej media campuran berasaskan akrilik berwarna-warni dengan teknik cetakan skrin yang bersifat rata dan separa legap dengan sifat plastik yang lutsinar. Pandangan fizikal berlapis-lapisan daripada satu-satu arah, mewujudkan kesan ilusi tiga-dimensi yang *ambiguous.* Hibrid visual wujud antara ruang fizikal dengan ilusi yang mengekpresikan makna ‘imaginasi’ bila dapat dihayati daripada pelbagai sudut karya dalam siri ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hibrid visual muncul daripada kesan pertindihan dan perbauran media akrilik dan medium plastik dengan teknik cetakan skrin dengan kaedah instalasi. Ilusi dan fizikal tiga-dimensi berbaur mencipta ruang ambiguous seperti yang ditunjukkan dalam rajah 5.72 yang merupakan salah satu fokus pandangan dalam siri "Iced Donut" (2006).



Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Rajah 5.72. Salah satu fokus pandangan dalam siri "Iced Donut" (2006) oleh Mohd Fauzi Sedon (Sumber: 216:29 (9:12:97-9:360:309)

Begitu juga pertindihan imej yang dicetak berlapis-lapis antara imej yang dicetak legap dengan imej cetakan separa lutsinar yang mengandungi bahan campuran akrilik yang berbeza. Pertindihan ini berbaur menghasilkan kesan jalinan baru yang kelihatan 'misteri' dan mengekspresikan makna 'kekeliruan' pandangan. Hibrid visual seperti ini wujud dalam kebanyakan karya-karya siri "Code: My" seperti salah satu contoh dalam rajah 5.73 yang difokus pada sebahagian karya bertajuk "Discount up to 70%" (2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.73. Fokus pada sebahagian karya Mohd Fauzi Sedon bertajuk "Discount up to 70%" (Sumber: NN Galeri, 2011)

Semua karya Fauzi, mengandungi unsur campuran walaupun dominasi karya menggunakan teknik cetakan skrin. Menurut Fauzi terdapat bahan-bahan lain yang dicampur bersama akrilik sebagai bahan utama cetakan skrin. Hasil cetakan di atas kertas dan plastik dipamerkan dalam bentuk instalasi. Manakala cetakan atas kanvas digantung seperti kaedah catan. Pelbagai disiplin digabung dan bersilang antara cetakan, catan dan instalasi tiga-dimensi (235:29 (10:2306 [10:3674]). Ini kerana menurut Fauzi, "all the projects have the same characteristics in that they are designed with a flexibility that can be rearranged, reconfigured and combined in many different ways" (216:42 (11:679 [11:854]).

Konsep pengulangan imej mengubah ruang kepada persekitaran pelbagai deria yang mendalam yang mempengaruhi pengalaman persepsi visual yang kompleks di antara ruang dua-dimensi, tiga-dimensi dan instalasi. Pertembungan disiplin mendorong artis, bukan hanya mendapat inspirasi daripada teknik cetakan skrin malah teknik ini berupaya merialisasikan idea dan makna berkarya dengan persilangan antara cetakan, catan dan arca. Karya-karya Fauzi membuktikan bahawa subjek, bentuk dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

makna saling berkaitan dengan aplikasi silang disiplin yang didominasikan oleh disiplin cetakan.

Dalam memperkatakan karya-karya yang bersilang disiplin seperti praktis beliau, Fauzi menekankan bahawa perlu ada satu justifikasi konsep seni cetak yang dapat dikaitkan dengan bidang seni lain seperti arca. Menurut Fauzi, justifikasi bagi menetapkan kategori sesuatu karya bergantung kepada kefahaman seseorang dalam aspek teknikal dan konsep pengkaryaan tersebut (235:30(11:3[11:1534]).

5.6 Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan Kajian dalam Bab ini telah dibuat mengikut lima kes artis-partisipan dengan mengemukakan bukti dalam bentuk contoh karya dan frasa teks daripada data temu bual dan dokumen berkaitan. Walaupun dibincangkan secara kes individu tetapi merupakan skop lingkungan penomena kajian yang sama. Dapatan akhir yang dibincangkan secara individu ini merangkumi empat hipotesis kajian kualitatif yang disintesiskan dalam Bab 6 sebagai kesimpulan penyelidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 6

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN SARANAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.0 Pengenalan

Kerangka Pengekodan yang berasaskan persoalan kajian telah dapat membentuk Hipotesis Kajian Kualitatif sebagai dapatan awal. Jangkaan hasil daripada proses analisa deskriptif fasa satu menerusi kaedah Analisa Kandungan Kualitatif dengan kaedah analisa menerusi perisian ATLAS.ti bagi semua kes artis-partisipan mengemukakan bahawa; media dan teknik seni cetak yang diaplikasikan sentiasa berkaitan dengan pengolahan subjek, bentuk dan makna sebuah karya kontemporari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tindakan atau pendekatan baru terhadap disiplin seni cetak dilakukan kerana faktor eksplorasi, motivasi personal, artistik dan mengikut trend semasa. Tindakan pelangkauan disiplin seni cetak berlaku sebagai media campuran, hibrid visual dan silang disiplin. Dapatan awal juga mendapati bahawa disiplin seni cetak tidak terpinggir malahan menjadi ekslusif dan masih signifikan dalam arus seni kontemporari di Malaysia.

Interpretasi dalam analisa konseptual di fasa dua, telah mengembangkan dan menjelaskan dapatan awal seperti yang dibincangkan dalam Bab 5 yang menjurus kepada perincian kes demi kes mengikut format Kerangka Pengekodan. Dalam Bab 6 ini, penyelidik menyimpulkan dapatan dalam bentuk perbincangan daripada semua kes-kes artis-partisipan mengikut pecahan Kerangka Pengekodan yang merupakan jawapan kepada persoalan kajian. Hujahan yang diutarakan turut menjelaskan dan merungkai permasalahan kajian sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Bab 1 di awal penyelidikan. Penyelidik juga dapat mengemukakan implikasi penyelidikan yang merupakan sumbangan pengetahuan baru hasil keseluruhan penyelidikan ini. Diakhir bab, penyelidik mengemukakan saranan kepada kajian lanjut dalam bidang seni cetak dan membuat rumusan akhir serta menutup kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.1 Perbincangan dan Kesimpulan

Seni cetak konvensional seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 2, tidak dinafikan melibatkan kemahiran teknikal. Tanpa mempelajari mana-mana teknik asas seni cetak, adalah sukar seseorang itu menghasilkan sebuah karya asli. Ini kerana ia melibatkan beberapa proses teknikal tertentu seperti penyediaan matrik, proses memindahkan imej, proses menentukan pruf dan kemasan persembahan yang melibatkan kedudukan imej dan cara menulis edisi, tajuk dan tandatangan serta tahun hasilan.

Artis seni cetak konvensional yang mahir bukan sahaja dapat menghasilkan kehalusan dan keunikan imej tetapi adalah seorang yang cekal dengan disiplin dalam setiap proses penghasilan karya. Bertitik tolak daripada kefahaman seni cetak konvensional ini, bidang seni cetak secara umum, telah disalah-erti sebagai mengutamakan kemahiran teknikal untuk menghasilkan bentuk karya yang menarik sahaja. Isu ini adalah antara yang menjadikan disiplin seni cetak masih dilihat sehingga kini sebagai seni kraf dan menjadi hiasan kepada karya-karya yang mengaplikasikan media campuran.

Hasil kajian yang dijalankan terhadap lima orang artis seni rupa kontemporari, telah dapat membuktikan bahawa karya-karya mereka yang mengaplikasikan media dan teknik seni cetak bukan sekadar *cliche* atau hiasan visual kepada bentuk tetapi mempunyai kepentingan makna yang signifikan. Juhari Said, Zulkifli Yusoff, Stephen Menon, Kim Ng dan Mohd Fauzi Sedon dalam karya-karya mereka telah giat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengaplikasikan disiplin seni cetak yang terbukti mempunyai hubungan Kesatuan Organik, iaitu saling berkaitan antara subjek, bentuk dan makna.

6.1.1 Hubungan Kesatuan Organik Karya Berasaskan Cetakan

'Hubungan Kesatuan Organik karya berasaskan cetakan' adalah kesimpulan kepada dapatan daripada persoalan kajian pertama iaitu;

- Bagaimanakah Kesatuan Organik iaitu subjek, bentuk dan makna karya-karya kontemporari seni rupa berasaskan cetakan berhubungan menerusi aplikasi media dan teknik seni cetak?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Disiplin seni cetak tidak terpinggir malahan masih signifikan dalam arus seni rupa kontemporari sebagaimana yang diaplikasikan oleh artis-artis yang dikaji. Media dan teknik seni cetak yang diaplikasikan oleh artis-artis terkenal tanahair seperti Juhari Said, Zulkifli Yusoff, Stephen Menon, Kim Ng dan Mohd Fauzi Sedon adalah saling berkaitan antara pemilihan subjek, pengolahan bentuk dan makna dalam karya kontemporari mereka di abad ke-21 ini. Subjek yang diolah dengan media atau teknik cetakan adalah untuk menyampaikan makna sesuatu idea dan isu yang menjadi tema dalam karya setiap artis yang dikaji ini.

Artis partisipan, Juhari Said yang menghasilkan siri "Okir" dalam tahun 2006 dan karya bertajuk "Laga" tahun 2013, menggunakan subjek ayam hutan kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

binatang ini adalah antara latar kehidupan persekitaran kampung tempat tinggal beliau yang menjadi sumber alam inspirasinya. Kayu bungkah jenis jambu laut adalah sejenis kayu keras, merupakan bahan yang menjadi matrik cetakan Juhari. Walaupun kayu ini ditemui secara tidak sengaja menerusi program residensi di Kelantan, bungkah kayu ini mendekatkan alam yang senonim dengan Juhari kerana kayu ini tidak diproses seperti papan lapis.

Imej yang diolah secara garisan mengikut rupa bulu-bulu ayam, diukir hampir memenuhi semua satah permukaan kayu tersebut bagi mewujudkan berkesinambungan yang boleh dilihat secara tiga dimensi. Garisan-garisan beralun yang membentuk jalinan berjajaran dan berirama ini bagi mewujudkan olahan idea abstrak figuratif secara imajinasi yang berkaitan dengan ekspresi jiwa seniman. Idea abstrak figuratif yang digayakan dengan garisan beralun, menggunakan teknik cungkilan kayu yang mirip kaedah mengukir - “Okir” sebagaimana dipraktiskan oleh pengukir kraf Melayu tradisi.

Garisan dan titik-titik kesan cungkilan pisau ukir dan alat ‘router’ menjadi jalinan yang dikawal beralun kelihatan lembut bagi melambangkan sifat keperibadian orang Melayu. Sikap orang Melayu yang terdidik dengan adab, sopan santun walaupun dalam mengekspresikan perasaan marah jelas dipaparkan maknanya dalam karya bertajuk “Laga”. Amarah yang dimetaporakan daripada watak ayam menerusi garisan mujarat teknik ukir yang sengaja diolah dengan warna-warna yang minimal. Warna hitam dan putih yang dominan berkontra dengan merah sebagai penegasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi menjelaskan imej abstrak figuratif ini yang membawa maksud kekuatan, keberanian dan keghairahan.

Warna-warna ini diaplikasikan dengan dakwat cetakan menggunakan teknik *viscosity* iaitu gabungan cetakan *intaglio* dan *relief.* Dua teknik yang kontra dan berlawanan tetapi dapat mewujudkan keharmonian dengan keseimbangan jalinan garisan dan titik ukiran dengan arah selari. Warna-warna dan teknik yang kontra ini juga diimbangi oleh jalinan dan warna asal kayu yang ditinggalkan tidak diukir. Tindakan ini bagi menunjukkan sifat berlawanan antara keras yang asal dengan lembut yang dicipta daripada konsep ‘didikan’.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ilmu dan pengalaman cetakan Juhari adalah didikan ilmiah yang digarap dari didikan kerohanian sebagai seorang muslim dengan jiwa melayu yang sabar, tenang dan diperlengkapkan dengan hubungan di antara lelaki dan wanita dalam konteks kehidupan berkeluarga. Kontra dan keseimbangan juga ditunjukkan menerusi persembahan matrik secara tiga dimensi. Kayu yang dipersembahkan dalam kedudukan menegak memperlihatkan keras dan tegap sebagai lambang lelaki dengan imej yang diukir dengan garisan yang diolah menyerong dan mendatar memberi kesan lembut sebagai lambang wanita.

Konsep alam Melayu dan konsep kerohanian Juhari Said turut berlaku dalam karya siri “Go Block” (2009) menerusi bahan tanah liat yang dicetak ulang dengan kaedah acuan. *Pot* atau mangkuk menjadi matrik komersial yang dapat menghasilkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

produk yang sama seperti edisi cetakan adalah inspirasi daripada imbauan zaman kanak-kanak Juhari di kampung dan juga dikaitkan dengan konsep acuan makanan tradisi melayu seperti kuih bahulu. 'Edisi'- ulangan tanah liat ini menjadi karya instalasi disusun terarah kepada satu susunan membentuk binaan seperti sebuah stupa sebagai lambang kerohanian sejagat. Unsur cahaya daripada lampu yang dipasang ditengah-tengah binaan memantulkan cahaya ke dinding membentuk rupa stupa secara ilusi sebagai konsep pemindahan imej cetakan sementara. Ia dapat dikaitkan sebagai refleksi diri dan keperluan spiritual dalam mengimbangi kehidupan dunia.

Berbeza dengan Artis Zulkifli Yusoff yang menghasilkan karya-karya berasaskan cetakan lebih menjurus kepada idea sejarah dengan menekankan isu sosial, budaya, ekonomi dan politik orang-orang melayu yang berkaitan dengan penjajahan British. Siri "Icon" (2008) dan siri "Tun Razak Speech Series: The Green Book" (2014) adalah dua siri contoh yang dikaji yang diilhamkan daripada tema sejarah. Maklumat yang diperolehi diolah dengan kajian berdasarkan pengetahuan, pandangan dan pengalaman beliau sebagai seorang yang berbangsa Melayu.

Siri "Icon" (2008) lebih menjurus kepada idea mengimbau sejarah zaman penjajahan British sekitar tahun 1890-an hingga 1950-an yang berkaitan dengan budaya sosial melayu, perihal cinta dan hiburan, isu sosio-politik, dan pertentangan budaya. Teknik cetakan yang dominan dalam karya-karya ini, dihasilkan dalam bentuk dua dimensi dan tiga dimensi. Kebanyakan imej-imej yang diolah dengan teknik cetakan ini adalah ikon figura klasik yang popular. Imej-imej lain adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengikut isu tertentu seperti teks, lambang hati, bintang, bunga, duit syiling, kenderaan, makanan dan jalinan abstrak.

Imej-imej yang menyentuh hal-hal perasaan, hiburan, pekerjaan dan isu pertentangan terhadap penjajahan digambarkan dengan imej yang jelas dengan pendekatan metafora yang dominan dengan menggunakan kaedah cetakan skrin. Imej-imej ini diambil secara langsung daripada foto lama, teks asal dan gambar-gambar sejarah lalu diolah dengan kaedah *half-tone* bagi mendapatkan kesan realistik, dan kaedah *hard-edge* digunakan untuk kesan mendatar atau rata. Kaedah daripada teknik cetakan skrin ini membolehkan imej-imej klasik dalam karya-karya dua-dimensi dicetak menggunakan bahan akrilik ke atas kanvas dengan kemas berulang-ulang kali dan bertindihan untuk menghasilkan kesan semi lutsinar atau legap. Cetakan skrin dengan akrilik memudahkan teknik catan dan lukisan diolah bersama.

Teknik cetakan skrin menggunakan dakwat embos lebih efektif digunakan dalam penghasilan karya-karya tiga dimensi Zulkifli untuk mendapatkan kesan bentuk timbulan pada permukaan berbanding teknik acuan dengan menggunakan bahan gentian kaca. Kaedah pindahan imej melalui teknik cetakan dua kali ulangan ini membolehkan kebanyakan imej-imej sama yang terdapat pada karya-karya dua dimensi diulang sebagai imej timbulan pada permukaan arca. Bahan resin berwarna juga turut diaplikasikan bersama teknik acuan dan teknik cetakan dalam karya tiga dimensi sebagai daya tarikan terhadap bentuk yang menjelaskan makna budaya sosial orang-orang Melayu dalam perihal cinta dan hiburan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Imej-imej yang diperjelaskan melalui teknik cetakan skrin ini adalah sebagi simbol bagi menguatkan makna, bagaimana hiburan berfungsi sebagai saluran kepada orang-orang Melayu untuk melupakan kemiskinan dan penindasan secara halus oleh pihak penjajah. Imej cetakan duit syiling British diulang-ulang misalnya, digunakan oleh Zulkifli sebagai metafora sosio-ekonomi yang mengaut keuntungan daripada bahan mentah negara. Imej ikon realistik seperti potret J.W.W. Birch yang diulang-ulang dengan cetakan skrin menggunakan kaedah *halftone* misalnya menguatkan isu sosio-politik dan hal-hal yang berkaitan dengan pertentangan budaya.

Begitu juga dengan karya-karya dalam siri "Tun Razak Speech Series: The Green Book" (2014) yang berkaitan dengan sosio ekonomi negara. Kajian dan rujukan Zulkifli terhadap sejarah sekitar tahun 1974 adalah cara beliau mengemukakan peringatan masa kini tentang kepentingan menjaga hak dan menghargai tanah serta hasil bumi. Idea ini digunakan dan dipaparkan menerusi karya instalasi yang dominan cetakan skrinnya dengan imej yang diulang-ulang cetak memenuhi keseluruhan karya. Daripada saranan Tun Razak yang mengingatkan rakyat agar bercucuk tanam dan berternak bagi menangani masalah insflasi dan kekurangan makanan yang beliau selidiki daripada Buku Hijau ini, Zulkifli telah menggunakan imej-imej seperti hasil tanaman dan ternakan serta imej teks yang disalin daripada Buku Hijau tersebut sebagai satu bentuk penegasan dalam karya.

Imej-imej ini bersama elemen Garisan dan Titik telah dicetak dengan jelas agar mudah dikenali dan difahami. Kelebihan cetakan skrin dengan medium akrilik ke atas kanvas yang dapat dicetak berulangkali dengan kemas, cepat dan banyak, ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memudahkan Zulkifli menggunakan kaedah kolaj untuk menghasilkan karya instalasi bersaiz besar dengan empat panel karya dalam siri ini. Ekspresi diri dapat dilihat dengan cara memanipulasi teknik cetakan dengan ruang fizikal dan ilusi dua dimensi yang terhasil dari imej cetakan yang dikolaj secara tindanan. Ruang yang berjalinan dengan imej cetakan skrin yang bersilang dan bertindan ini mewujudkan hubungan harmoni dan bersambungan antara semua elemen imej dan objek dalam satu instalasi yang berskala besar.

Cetakan imej-imej hasil tanaman dan ternakan juga diletak di dalam mangkuk-mangkuk jernih yang sama saiz bersama bahan resin jernih berwarna warni. Zulkifli cuba menunjukkan hasil tuaian yang berbagai dan berwarna warni sebagai satu titik perhatian dalam karya. Pengulangan imej cetakan, terutamanya teks berkaitan kepentingan menjaga hak merupakan gambaran terhadap nasihat dan seruan Tun Razak. Kepentingan berdikari menerusi imej-imej cetakan yang diletakkan dalam grid kolaj adalah menekankan struktur yang digariskan dalam rancangan Buku Hijau tersebut.

Sebagaimana Zulkifli Yusoff, Stephen Menon juga banyak merujuk kepada imbauan sejarah silam dengan aplikasi cetakan skrin dalam karya-karya yang dikaji. Stephen Menon menggunakkan cetakan skrin dengan lebih ketara dalam mengungkap sejarah dan peristiwa berhubung kisah disebalik potret-potret yang dipilih. Menerusi siri “Tunku 57@57” (2014) dan “HELL-MET” (2016), cetakan skrin berjaya digabung dengan media dan teknik cetakan komersial untuk membentuk karya media campuran dua dimensi dan instalasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Siri “Tunku 57@57”(2014) merupakan satu idea yang berdasarkan kepada sejarah politik Malaya-Malaysia. Ia difokuskan kepada kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj yang terkenal sebagai bapa kemerdekaan negara. Siri ini dihasilkan sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-57 pada tahun 2014. Potret Tunku Abdul Rahman memakai tengkolok digunakan sebagai imej utama bagi mengambarkan Tunku sebagai watak ‘hero’ utama tema kemerdekaan negara dan juga sebagai seorang Perdana Menteri paling ikonik serta lambang Raja-Raja Melayu.

Oleh kerana itu, watak ‘hero’ ini perlu diletakkan dalam setiap karya bagi siri ini yang menurut Menon, kaedah cetakan skrin sangat efektif bagi tujuan tersebut. Cetakan skrin mampu mendapatkan imej yang sama berulangkali dengan kualiti imej yang mudah dikawal. Selain imej utama potret Tunku yang diolah secara kaedah foto *hard-edge*, imej-imej lain dipilih dan diolah dengan teknik cetakan mengikut siri-siri kecil. Antaranya ialah siri “The Malay Mail” (2012), siri “Merdeka”, siri “Independence Bingo”, Siri “Defining Moments: From Malaya to One Malaysia” dan Siri “The Journey– From Malaya to 1Malaysia” hasilan tahun 2013 yang dominan kaedah cetakan campurannya.

Hampir setiap siri kecil mengandungi imej potret Tunku dan imej-imej sokongan dengan kaedah cetakan skrin secara konvensional. Ia dapat menggambarkan kesan klasik yang berkaitan dengan isu sejarah, idea dan pemikiran artis, hal-hal sesuatu peristiwa yang digambarkan secara sinis, serta pernyataan atau imej-imej yang kontradik. Cetakan skrin secara manual ini memberi kesan yang lebih menarik dan bermakna apabila Menon mengabungkannya dengan imej cetakan komersial di atas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akhbar-akbar lama dan poster *vintage*. Tindanan cetakan skrin di atas kertas akhbar dan poster lama berjaya bersatu dan berbaur dengan kemas dan harmoni kerana cetakan skrin yang menggunakan bahan dakwat cetakan atau akrilik boleh disesuaikan untuk kesan legap atau separa lutsinar bagi disesuaikan dengan sesuatu idea yang khusus.

Dalam siri "The Malay Mail" misalnya, imej cetakan di atas muka depan akbar yang mengandungi gambar Tunku mengangkat tangan semasa mengistiharkan kemerdekaan dipilih sebagai simbol patriotik. Tindihan imej vektor iklan klasik dicetak dalam hitam-putih, bagi mewujudkan kesan rustik dan klasik, seakan mengimbau peristiwa zaman lampau. Imej cetakan teks slogan menyambut hari kemerdekaan dan iklan 'coca-cola' dengan perkataan 'cool' dapat diterjemahkan sebagai strategi Tunku memperolehi kemerdekaan secara diplomasi dan aman daripada pihak British. Cetakan skrin imej potret Tunku di atas kertas poster *vintage* yang mengandungi imej daripada kad ramalan seperti imej *Joker, Strenght, Justice, Sun, Magician, Death* dalam siri "Defining Moments: From Malaya to One Malaysia" merupakan sindiran sinis terhadap peristiwa-peristiwa kejayaan dan kegagalan di zaman pentadbiran Tunku.

Semua karya dicetak secara cetakan mono walaupun pengulangan imej potret yang sama saiz dan kualiti seperti pengulangan edisi seperti yang dipaparkan dalam siri "The Journey from Malaya to 1Malaysia". Keupayaan cetakan skrin menghasilkan sebanyak 50 karya bagi siri ini yang mengandungi cetakan dakwat hitam potret Tunku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang sama, ditindih dengan cetakan imej abstrak warna warni serta tanda jalan raya dan slogan sambutan kemerdekaan.

Karya-karya ini menggunakan 50 imej potret Tunku yang sama tetapi berbeza cetakan warna latar serta dibingkai kaca dan disusun secara instalasi mengambarkan 50 tahun pertubuhan negara Malaysia Merdeka dari tahun 1963 hingga 2013. Menon cuba menggambarkan kepelbagaian bangsa, budaya dan agama yang terdapat di negara ini. Cetakan imej tanda jalan yang kemas pula menjadi simbolik terhadap segala yang telah dilalui perlu dipatuhi dan menjadi peringatan untuk mengekalkan keharmonian dan keamanan dalam negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cetakan skrin imej tanda jalan negara yang kemas turut digunakan sebagai simbol dalam karya siri “HELL-MET” hasilan tahun 2016. Ia merupakan karya instalasi media campuran yang terdiri daripada tiga panel berbentuk kotak dipamer bersebelahan pada dinding dengan paparan secara dua-dimensi. Imej utama siri ini ialah potret diri Menon yang memakai topi keledar penunggang motosikal dalam posisi yang berbeza bagi setiap panel. Imej logo ‘HALAL’, ‘HARAM’ dan bendera Malaysia olahan Menon terdapat pada *helmet* tersebut yang dihasilkan sendiri menggunakan teknik cetakan stensil.

Imej potret diri Menon yang memakai *helmet* dicetak dengan kaedah percetakan komersial untuk mendapatkan kesan realistik seperti gambar foto di atas imej ‘*CT-scan’*. Imej *‘CT-scan’* tersebut yang berjumlah tiga keping, adalah imej

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cetakan foto imejan filem *x-ray* bahagian kepala kepunyaan beliau sendiri dijadikan bahan karya bertujuan mengimbau peristiwa lalu yang pernah dialaminya. Idea menerusi cetakan potret diri dengan *helmet* adalah merujuk kepada gambaran diri artis yang mewakili masyarakat sejagat.

Instalasi tiga kotak panel yang saling berkaitan, digabungkan dengan imej potret, imej cetakan tanda jalan yang bewarna, logo dan bendera yang kontra dengan warna latar *x-ray*. Cetakan komersial potret melahirkan kesan lut-sinar, menyerap imej cetakan *x-ray* yang kelihatan terapung, mendominasi karya apabila elemen cahaya disertakan. Pencahayaan ini diumpamakan sebagai satu bentuk hubungan tindakan pemikiran dan kerohanian manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesan gabungan antara imej realistik iaitu potret diri dengan imej imbasan otak merupakan satu konsep kebergantungan di antara dua imej berbeza. Imej realistik memudahkan audien menghayati kepentingan topi keledar sebagai simbol untuk keselamatan kepala. Otak pula digunakan untuk berfikir dan membuat keputusan menentukan tindakan baik atau buruk yang ada di dalam diri manusia. Menerusi media dan teknik cetakan campuran yang realistik, Menon berjaya menterjemahkan makna karya bahawa kemalangan jalan raya banyak berlaku akibat tindakan fikiran manusia yang tidak dapat membezakan ‘Halal-Haram’ dengan tanda jalan sebagai amaran dan sindiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menon mengutamakan penghasilan imej yang realistik sebagai cara menyampaikan makna karya yang dapat diselesaikan menerusi media dan teknik cetakan campuran. Seperti Menon dan Zulkifli, Kim Ng juga antara artis yang turut mengaplikasikan media dan teknik cetakan campuran dengan cara tersendiri. Selain cetakan skrin, untuk menterjemahkan tentang rakaman persekitaran kehidupan yang menjadi idea dan ekspresi beliau. Kim Ng mengabungkan kaedah cetakan lain dan media yang pelbagai.

Menerusi siri "Fact or Fiction" (2006) dan siri "Link" (2012), persekitaran yang berbagai menerusi rakaman masa, ruang dan tingkahlaku diperjelaskan menerusi pengulangan imej dengan pelbagai teknik cetakan dan media, membentuk sebahagian besar karya-karya Kim Ng. Gambar foto lokasi, lanskap, bangunan, aktiviti manusia, tumbuhan, binatang, objek buatan manusia adalah antara subjek yang dirujuk dan diolah dalam siri "Fact or Fiction" yang merupakan karya media campuran yang di persembahkan dalam bentuk dua dimensi. Subjek-subjek ini diolah dengan jelas, separa abstrak dan mujarat menggunakan pelbagai media dan teknik seperti dakwat, bitumen, *graphite*, akrilik, teknik cetakan, lukisan, catan dan kolaj. Beberapa teknik cetakan yang kerap digunakan adalah cetakan skrin, cungkilan kayu, kolograf, monotaip dan cetakan terus daripada objek.

Aplikasi dan gabungan beberapa media dan teknik ini bergantung kepada pertimbangan komposisi dan idea yang ingin diterjemahkan bagi satu-satu karya. Dalam kebanyakan karya, Kim Ng menghasilkan kesan visual yang rumit, yang terhasil melalui olahan imej-imej yang bertindanan dan berulang menggunakan media

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan teknik yang berbeza. Kesan-kesan visual yang terhasil secara spontan dengan pendekatan eksplorasi dan ekperimentasi media dan teknik campuran yang kelihatan mujarat, memaparkan elemen Jalinan dan Warna seperti imej yang diperolehi dengan mencetak objek sebenar terus ke atas kanvas atau kertas seperti karya bertajuk “From the Land” (2006). Beberapa teknik cetakan lain turut digabungkan bersama dalam karya ini seperti cetakan skrin, cungkilan kayu dan monotaip menggunakan bahan-bahan seperti bitumen dan dakwat berasaskan air.

Kesan-kesan abstrak atau semi abstrak yang diperolehi secara spontan, digabungkan dengan imej-imej jelas yang diolah menerusi teknik yang boleh dikawal seperti teknik cetakan skrin. Gambar foto diolah menerusi aplikasi komputer mengikut kesan jelas yang dikehendaki sebelum dipindahkan pada skrin sebagai matrik menerusi proses mekanikal. Proses ini dapat menghasilkan rupa dan bentuk imej yang jelas dan dikenali serta boleh diulang cetak dengan banyak dan sama seperti teknik cetakan lain yang mempunyai imej pada matrik yang kekal. Pengulangan imej menerusi teknik cetakan seperti ini dimanfaatkan oleh Kim Ng untuk menghasilkan karya dua dimensi yang bersaiz besar di atas kanvas sebagaimana dipraktiskan oleh Zulkifli Yusoff dan Stephen Menon.

Gabungan antara imej jelas yang terkawal dengan imej abstrak secara spontan adalah bagi menyampaikan maksud fakta (Fact) atau rekaan (fiction) yang kerap berlaku dan berbaur dalam persekitaran hidup manusia. Makna alam dan kehidupan yang diperhatikan oleh Kim Ng semasa bersiar-siar atau berada di satu-satu tempat, akan dirakam menerusi lensa kamera atau objek alam dan/atau objek buangan akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diambil. Subjek yang menjadi pilihan adalah sebagai simbol memori dan perasan yang dialaminya, kemudian diterjemahkan dalam karya sebagai bukti merekod masa, ruang, tempat dan peristiwa kaku yang diekspresi menerusi media dan teknik cetakan dan media campuran.

Terjemahan terhadap alam dan kehidupan persekitaan menerusi eksplorasi pelbagai media dan teknik terus berlaku dalam siri “Link” (2012) yang merupakan karya media campuran berbentuk instalasi. Ilham yang diperolehi daripada subjek rumah-rumah teres daripada pandangan atas, pemandangan persekitaran yang diterjemahkan dalam bentuk karya abstrak geometrik. Karya ini terdiri dari unit-unit kecil ‘hexagon’ yang sama saiz dicantum bersambungan seperti hamparan sebagai bentuk intalasi yang boleh diubah kedudukannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Permukaan satah daripada kertas tebal dicetak imej jalinan abstrak daripada kaedah pualaman menggunakan bahan bitumen dan air sebagai matrik sementara. Kertas tebal hasil cetakan monotaip ini dipotong sama saiz, dicantum berselang seli dengan satah yang dicetak kaedah timbul dengan dakwat cetak berwarna kuning. Unit kecil ‘hexagon’ hasil daripada cantuman potongan kertas tebal yang sama berulang-ulang boleh dikaitkan dengan konsep edisi yang diterjemahkan daripada kedudukan rumah-rumah teres yang bersambung-sambung.

Pemilihan subjek adalah satu bentuk penerokaan terhadap pengalaman seharian yang membangkitkan perasaan akrab yang Kim Ng lalui. Keindahan susunatur bersambungan merupakan pengertian berkaitan dengan sosio-ekonomi dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

politik yang membentuk identiti sebuah negara membangun dan menuju kemajuan. Rupa, Bentuk dan Jalinan rumah-rumah moden yang berjajaran dilihat dari jauh kelihatan serupa. Ianya diterjemahkan kepada bentuk *Hexagon* secara berulang-ulang dengan Warna, Jalinan dan teknik bagi membentuk cetakan 'abstrak-geometri-organik'. Ia merupakan satu unsur yang dikaitkan dengan konsep kepelbagaian yang biasa ditemui dalam kehidupan seharian di bandar dan kampung.

Konsep pengulangan dalam kepelbagaian menerusi media dan teknik cetakan dan campuran yang ditekankan oleh Kim Ng, Stephen Menon, Zulkifli Yusoff dan Juhari Said dalam menghubungkan dengan idea masing-masing, turut ditekankan oleh artis Mohd Fauzi Sedon. Fauzi mengkaitkannya dengan tingkahlaku manusia sebagai pengguna dalam konteks budaya membeli belah di bandar. Menerusi siri "Iced Donut" (2006) dan siri "Code: My" (2012), idea dan isu budaya konsumer dalam ruang lingkup masyarakat masa kini, diterjemahkan dengan subjek-subjek produk komersial yang dicetak dengan teknik skrin menggunakan media campuran akrilik.

Siri "Iced Donut" yang menggunakan imej kuih donut dan teks tentang senarai bahan dalam kuih *donut* dicetak dalam warna-warni untuk meniru situasi sebenar penjualan produk *donut icing*. Penggunaan Rupa dan Warna adalah sebagai satu daya penarik terhadap keinginan pengguna. Menerusi cetakan skrin kaedah foto-grafik *hard-edge* secara *solid image,* imej sebenar mudah dikenali yang juga sama dengan cetakan komersial. Fauzi menterjemahkan situasi ini dengan cetakan di atas kertas dan bahan plastik. Cetakan skrin membolehkan bahan akrilik legap dicetak atas kertas bagi imej donat dan teks dengan warna latar yang legap dan padat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cetakan atas kertas yang disusun pada dinding bagi imej yang sama secara berulang-ulang dan berselang seli dengan warna yang berbeza adalah bagi mewujudkan kepelbagaian dalam ruang tertutup untuk menyekat pandangan. Tindakan ini membolehkan tumpuan kepada cetakan atas plastik yang digantung dari siling sehingga hampir ke lantai secara berlapis-lapis bertujuan mewujudkan satu ruang interaksi kepada audien. Cetakan skrin imej donat yang lutsinar dicetak berulangkali dengan imej yang sama sebagai ganti konsep edisi, diinstalasikan memenuhi ruang galeri. Saiz imej cetakan dibesarkan bertujuan mencetus keseronokan dan tarikan. Manakala pelbagai warna dengan imej sama bertujuan bagi mewujudkan kekeliruan dan daya tarikan seperti situasi sebenar yang diterjemahkan dengan lapisan ruang interaktif fizikal dan ilusi yang wujud daripada pantulan imej cetakan kertas dengan cetakan lutsinar atas plastik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Imej teks yang dicetak berulangan, bersambungan dan berwarna-warni menjadi Jalinan, sebagai simbol budaya manusia yang tidak peduli kepada bahan dalam makanan. Isu makanan yang kurang sihat lebih popular melalui sifat tarikan unsur warna yang diaplikasikan dalam karya siri “Iced Donut” (2006) mahupun siri “Code:My” (2012). Imej teks dan imej pelbagai produk jualan dalam siri “Code:My” bukan hanya dicetak berulangan, bersambungan dan berwarna-warni, malah bertindanan menghasilkan jalinan yang komplek sebagai simbol emosi dan sikap pengguna. Juga sebagai simbol tindakan penjual yang mengelirukan pengguna dengan cara susun letak barangan yang sama tetapi dalam kedudukan yang berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Imej cetakan komersial pelbagai produk jualan dan teks serta imej-imej grafik dalam bentuk slogan, iklan, poster, banting, tawaran potongan harga, jualan murah, resit belian, kod harga adalah subjek Fauzi yang mewakili isu budaya konsumer di pusat beli-belah. Olahan semula imej yang dikumpul daripada gambar foto, cetakan komersial dan lukisan tangan, dimanipulasi menggunakan teknologi komputer kepada kaedah proses cetakan skrin sama seperti yang dilakukan oleh artis Zulkifli, Menon dan Ng.

Kelebihan cetakan skrin yang mudah dipelbagaikan seperti kaedah foto-grafik *hard-edge- solid image* dengan campuran akrilik membolehkan Fauzi mengulang imej yang sama dalam jumlah yang banyak bersama dengan komposisi dan warna berbeza dengan pelbagai lapisan, berjalinan antara ruang padat dan ruang kosong, untuk mewujudkan konsep *ambiguous* dan daya tarikan kepada ‘pengguna’. Cetakan skrin yang mampu menghasilkan imej secara berulang dengan banyak, adalah cara artis meniru penjual yang memanipulasikan iklan, susunan dan produk dalam situasi konsumer sebenar. Cetakan skrin memudahkan konsep ‘pengeluaran produk besar-besaran’ dalam dunia konsumer – komersial ke atas kanvas.

Cetakan imej yang sama dengan warna berbeza mempengaruhi emosi dan tindakan bawah sedar pengguna akibat kekeliruan terhadap lambakkan produk dan iklan. Nafsu membeli hasil daripada pengaruh tarikan jualan menerusi iklan dan berbagai produk diterjemahkan dalam komposisi dan warna imej yang diulang cetak atas kanvas dalam gaya catan. Faktor Warna dan Ruang serta Subjek dan Bentuk berperanan dalam membangkitkan *mood* dan perasan visual pengguna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Media dan teknik cetakan jelas memainkan peranan penting dalam menghubungkan situasi sebenar yang dialami oleh artis, dengan terjemahan yang diekspresikan dalam persembahan galeri melalui pendekatan dan olahan baru yang membentuk karya masing-masing. Dalam erti kata lain, idea berkarya mengambil kira kepentingan Bentuk menerusi pendekatan dan olahan media dan teknik baru bagi menyampaikan Makna tersirat mahupun tersurat selain bertujuan ekspresi artistik menerusi pertimbangan formalistik. Dalam berkarya, ia melibatkan bentuk dan idea terhadap makna yang saling berhubungan sebagaimana yang ditekankan oleh Fichner-Rathns (2008), Ocvirk et.al (2006) dan McEvilley (1991).

Menerusi artis-artis yang dikaji, seni cetak dalam pendekatan seni kontemporari dapat difahami sebagai tindakan mengubah bentuk asas seni cetak konvensional yang bertujuan menambahbaik pengucapan makna. Tindakan mengubah dan melonjakkan asas seni cetak kepada bentuk baru, adalah berdasarkan dorongan tertentu. Pengutaraan makna, bentuk, mengekalkan stail artistik, bereksplorasi, motivasi personal dan mengikut trend semasa, adalah sebab-sebab utama mengapa artis-artis seperti Juhari Said, Zulkifli Yusoff, Stephen Menon, Kim Ng dan Mohd Fauzi Sedon mengaplikasikan seni cetak dalam karya mereka.

6.1.2 Faktor Pengolahan dan Pendekatan Baru Karya Berasaskan Cetakan

Sebab-sebab pengolahan dan pendekatan baru yang telah dihuraikan secara terperinci dalam Bab 5, adalah dapatan kepada persoalan kajian ke-dua iaitu;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Mengapakah artis-artis seni rupa menggunakan media dan teknik seni cetak dalam pengolahan dan pendekatan yang baru?

Dapatan yang disimpulkan sebagai ‘pendekatan baru karya berasaskan cetakan’ adalah bagi menjelaskan isu berkaitan dengan kepentingan disiplin seni cetak tidak terpinggir dalam pengkaryaan oleh artis-artis terkenal seperti yang dikaji dalam senario di abad ke-21 ini. Faktor motivasi personal, stail artistik, eksplorasi, dan trend semasa dibincangkan bersama bagi semua artis dikaji seperti berikut;

6.1.2.1. Faktor motivasi personal

Motivasi personal adalah antara faktor yang mendorong semua artis yang dikaji menggunakan media dan teknik seni cetak dalam pengolahan dan pendekatan yang baru. Ia merupakan dorongan dalam diri berbentuk intuitif dan galakan luar yang berupa kemasyhuran dan kewangan.

Juhari Said mengolah kayu cetakannya kepada pendekatan tiga dimensi kerana menghadapi kesukaran mencetak matrik daripada bungkah kayu. Kecekalan beliau mengatasi kegagalan mencetak matrik kerana mempunyai pegangan dan kepercayaan diri yang kuat. Tindakan berani Juhari yang mengangkat matrik sebagai karya akhir telah mencabar tradisi seni cetakan yang sangat asing dalam arena seni rupa Malaysia.

Tindakan seperti satu protes terhadap seni cetak konvensional ini telah melonjakkan nama Juhari sebagai artis yang mempopularkan bidang seni cetak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tanahair. Beliau yakin seni cetak boleh berkembang maju dengan mengubah paradigma lama. Karya-karya dalam siri bertajuk “Okir” dan “Laga” dianggap sebagai satu karya inovasi baru berasaskan penyelidikan visual yang mendapat kata-kata pujian dari pihak kurator Universiti Malaya.

Kecekalan dalam menghadapi cabaran untuk memajukan diri dalam pengkaryaan berlaku pada artis Stephen Menon juga. Menon yang mahir dengan teknik lukisan dan catan, menghadapi kesukaran menggunakannya untuk menghasilkan imej-imej yang rata, legap, kemas dan serupa berulangkali. Kelebihan pada cetakan skrin, menjadikan Menon terus konsistan menggunakannya atas pelbagai media seperti poster klasik dan akhbar lama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menon belajar sendiri kaedah cetakan skrin yang digabungkan dengan cetakan komersial untuk menghasilkan karya yang unik walaupun dengan perbelanjaan yang besar. Minat terhadap cetakan skrin yang mudah dipelbagaikan mendorong intuitif diri menghasilkan karya unik tanpa edisi. Menon dapat membuktikan bahawa karya yang sebegini lebih bernilai dan istimewa dalam pasaran seni dan dapat dijual seperti karya catan atau arca.

Kim Ng mengakui bahawa artis seni cetak sukar menjual karya konvensional di tanahair sendiri berbanding di negara barat. Masalah mendapatkan sokongan pembeli telah mendorong Kim Ng membuat keputusan untuk beralih kepada seni rupa berasaskan cetakan yang lebih mudah untuk dijual. Karya-karya Kim Ng yang dominan dengan pelbagai kaedah cetakan serta bersifat multi-disiplin telah terbukti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapat tempat dalam era seni kontemporari Malaysia. Sokongan dan kepercayaan berterusan daripada kolektor dan galeri seni telah mempengaruhi pendirian Kim Ng untuk terus mengekalkan pendekatan baru terhadap aplikasi media dan teknik cetakan campuran.

Artis Zulkifli Yusoff seperti mana Kim Ng, mengekalkan kaedah cetakan dalam hampir semua karya media campuran beliau atas faktor motivasi kewangan dan pengiktirafan. Inovasi dalam kaedah cetakan yang disepadukan dengan pendekatan multi-disiplin, memberi kelebihan kepada karya berskala besar. Dominasi cetakan skrin yang diolah dengan teknik kolaj misalnya, telah menganugerahkan artis ini dengan banyak kemenangan dalam beberapa pertandingan sejak tahun 1990-an lagi. Pengiktirafan di dalam dan dari luar negara dalam pelbagai bentuk mendorong pengekalan media dan teknik cetakan dalam karya-karya campuran beliau sehingga kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengiktirafan akademik dari luar negara mendorong Mohd Fauzi Sedon mengolah media dan teknik cetakan skrin keluar daripada pendekatan cetakan konvensional. Galakan berkarya dan sokongan mempamerkan karya-karya seni cetak kontemporari seperti siri “Iced Donut” memberi keyakinan kepada beliau untuk terus berinovasi dalam pengkaryaan. Kelebihan cetakan skrin membolehkan penerokaan idea dapat dikembangkan dalam pendekataan bentuk instalasi yang tidak mungkin terhasil dalam seni cetak konvensional.

Selain lebih didorong kepada bentuk kajian dan penyelidikan yang mengalakkan tindakan berinovasi dalam bidang seni cetak, penjualan hasil karya bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fauzi akan lebih membangkitkan motivasi personal kepada beliau. Kejayaan dan penerimaan karya-karya instalasi beliau yang berasaskan seni cetak di luar negara seperti di Australia, membuktikan bidang seni cetak adalah setaraf dengan bidang seni rupa lain.

Tindakan naluri yang didorong oleh motivasi personal bagi setiap artis-artis yang dikaji adalah terbit daripada tindakan untuk bereksplorasi dengan media dan teknik cetakan. Samada kecekalan menghadapi cabaran atau dorongan kewangan dan pengiktirafan, semua artis-artis yang dikaji menunjukkan usaha mengasah kreativiti mereka bagi menghasilkan karya yang bersifat inovasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.1.2.2. Faktor Eksplorasi

Pengolahan media dan teknik cetak timbul Juhari bagi karya “Okir”, dilakukan pada hampir semua permukaan satah kayu secara 360 darjah kerana intimasinya dengan bahan kayu tersebut. Teknik cungkilan dieksplorasikan dengan alat gergaji pemotong kayu elektrik (chain-saw) dan dikemasi dengan teknik mewarna ala *viscosity* (relief dan intaglio) telah mewujudkan kesan luar biasa terhadap bentuk karya cetakan. Begitu juga halnya dengan karya siri “Go Block” (2009), bahan tanah dengan konsep acuan dan konsep pengulangan yang ditambah dengan konsep bayang, sebagai satu eksplorasi bagi membuktikan seni cetak mampu berkembang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohd Fauzi Sedon juga menggunakan media dan teknik cetakan skrin sebagai satu eksplorasi yang menjurus kepada penyelidikan ilmiah bagi mencabar kreativiti dan kemahiran biasa. Pengolahan cetakan skrin dengan konsep pengulangan di atas bahan plastik dan kanvas berjaya memanipulasikan imej dalam persembahan ruang interaktif bagi karya "Iced Donut" dan kebebasan komposisi permukaan dua-dimensi karya "Code:My". Konsep 'edisi' yang dikaitkan dengan pengulangan imej yang sama adalah hasil daripada eksplorasi yang membolehkan penerokaan ruang dengan penyusunan semula karya-karya menjadi satu siri baru.

Dalam kes Zulkifli Yusoff, Kim Ng dan Stephen Menon pula, tujuan eksplorasi media dan teknik cetakan lebih menumpukan kepada kesan pengabungan dan pencampuran berbagai media. Menerusi eksplorasi, mereka telah membuktikan bahawa banyak kesan yang tidak dapat dihasilkan dengan catan dan lukisan, boleh dihasilkan dengan media dan teknik cetakan. Menerusi karya-karya mereka yang dikaji, jelas menunjukkan bahawa media dan teknik cetakan tidak jumud, eksplorasi berupaya menghasilkan kesan-kesan yang di luar jangkaan.

6.1.2.3. Faktor Stail Artistik

Konsistensi terhadap eksplorasi media dan teknik cetakan tertentu boleh membentuk stail artistik yang tersendiri. Zulkifli dan Menon berpendapat bahawa, media dan teknik cetakan boleh mewujudkan stail artistik individu kerana ia kurang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dihasilkan oleh artis lain secara serius. Tidak ramai artis yang menggunakan media dan teknik cetakan dalam karya mereka kerana ia memerlukan pengetahuan dan kefahaman teknikal. Menurut Menon, artis perlu mencari peluang dan strategi untuk mencipta kelainan dalam bentuk dan idea mereka. Stail artistik yang dikenali, lebih memudahkan seseorang artis menjual karya dan menjadi terkenal seperti yang dipraktiskan oleh mereka ini.

Setiap artis yang dikaji telah kukuh dan jelas kemampuan dan stail artistik mereka samada dari segi pengucapan makna dan pengolahan bentuk. Aplikasi media dan teknik cetakan menguatkan kemampuan artistik dalam karya-karya mereka. Populariti Menon sebagai artis di abad ini sebagai contoh, kerana beliau berjaya membawa idea sejarah/historikal dalam konteks seni kontemporari secara menggabungkan cetakan skrin dan komersial dengan poster klasik. Menon berpendapat bahawa medium tunggal kurang berpotensi untuk menjadi terkenal pada masa kini, kerana ramai artis yang berkebolehan dan telah popular dengan menggunakan satu medium. Mengekalkan idea, media dan teknik tersendiri secara konsisten dapat melahirkan keunikan ekspresi artistik yang membentuk identiti personal.

Walaupun Zulkifli lebih terkenal dengan idea sejarah/historikal, aplikasi kaedah cetakan skrin dengan kolaj lebih sinonim dan popular sebagai salah satu identiti utama beliau. Kaedah ‘cetak kolaj’ ini sudah intim dalam karyanya sejak tahun 1980-an lagi yang umum mengangap ianya hanya sebagai unsur hiasan. Sehingga kini, keunikan aplikasi seni cetak kerap menjadikan karya-karya media campuran beliau kelihatan rumit dan hebat, yang sukar dijangka akan aplikasi media dan teknik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cetakan yang digunakan. Begitu juga dengan karya-karya Kim Ng yang dominan pelbagai kaedah cetakan. Ia sukar dijangka medium yang digunakan kerana kerumitan imej hasil daripada pengolahan media campuran yang merupakan usaha beliau mencari kelainan, selain memenuhi kepuasan artistik.

Tidak dapat disangkal bahawa Juhari dan Mohd Fauzi telah menggunakan teknik cetakan sebagai satu stail artistik yang sangat jelas dalam bentuk dan pendekatan kepada karya mereka. Sejak 1980-an lagi Juhari sudah terkenal dengan kaedah cungkilan kayu Siri "Okir" (2006), yang kontroversi kerana diragui sebagai karya cetakan tiga-dimensi, menjadikan beliau lebih popular. Mohd Fauzi pula, yang sangat intim dan terkenal dengan cetakan skrin seperti siri "Iced Donut" (2006), turut popular dengan keberanian mengubah persepsi seni cetak konvensi kepada bentuk cetakan instalasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.1.2.4. Faktor Trend Semasa

Aplikasi cetakan dalam karya yang dikaji berupaya menghasilkan karya-karya yang unik adalah hasil dari kreativiti dan inovasi artis mengolah bentuk dan makna dengan pendekatan dan konsep baru. Karya-karya sebegini telah terbukti mendapat pengiktirafan masyarakat seni di dalam dan dari luar negara kerana dilihat setaraf dengan seni rupa kontemporari semasa. Walaupun tidak semua artis mengakui yang mereka berkarya untuk tujuan mengikut trend semasa, tetapi menerusi karya-karya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka yang dikaji, jelas memperlihatkan aplikasi dan konsep baru media dan teknik cetakan bertujuan mengikut arus kontemporari seni sezaman atau trend semasa.

Karya-karya yang dikaji menunjukkan pembaharuan dengan berbagai pendekatan berkarya, seperti cetakan dua dimensi atas kanvas, cetakan kolaj, olahan cetakan tiga-dimensi dan instalasi serta cetakan ekperimentasi yang lebih bebas daripada konsep dan kriteria seni cetak konvensional. Zulkifli, Menon dan Kim Ng berpendapat bahawa trend semasa memperlihatkan kebebasan pengkaryaan yang tidak terbatas kepada kaedah tradisi dengan medium tunggal sahaja.

Artis sebagai seniman, sentiasa bebas mencipta pembaharuan yang tidak terikat dengan mana-mana disiplin, media dan teknik dalam penghasilan karya. Gelaran sebagai artis seni cetak juga dianggap ketinggalan zaman. Oleh sebab itu Zulkifli, Menon dan Kim Ng mahu mereka dikenali sebagai artis multi-disiplin bukan sebagai artis seni cetak. Untuk mengelakkan dianggap sebagai artis yang ketinggalan zaman, mereka enggan dianggap artis seni cetak, walaupun sarat menggunakan seni cetak dalam karya masing-masing.

Zulkifli dan Menon mengakui bahawa tujuan mereka bereksplorasi dengan media dan teknik cetakan adalah untuk mencipta pembaharuan dan kelainan agar sentiasa mengikut trend semasa. Aplikasi cetakan skrin bagi Menon adalah trend semasa yang ramai artis barat mengaplikasikannya dalam karya selepas tahun 1960-an, terutamanya sebagai sebahagian daripada media campuran. Penggabungan teknologi lama dan baru bersama cetakan skrin adalah pendekatan yang lebih terkini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Imej yang diolah dengan kaedah fotografi dan perisian komputer adalah teknologi semasa yang dipraktiskan oleh semua artis yang dikaji.

Kim Ng, Juhari, Mohd Fauzi dan Menon menjelaskan bahawa karya cetakan tanpa edisi adalah unik dan terkini dan karya berbentuk edisi sudah ketinggalan zaman. Konsep edisi dihubungkan dengan pengulangan imej dan bahan yang serupa dalam pengolahan yang tidak terikat dengan tradisi cetakan konvensional. Konsep-konsep cetakan adalah pemikiran terkini yang berasaskan seni cetak tradisi untuk dikembangkan kepada kaedah baru.

Tindakan mengubah dan melonjakkan asas seni cetak kepada bentuk baru adalah untuk menghasilkan karya-karya kontemporari yang mengaplikasikan media dan teknik seni cetak. Tindakan ini berlaku sebagai media campuran, berhibrid dan bersilang disiplin yang dihasilkan oleh artis-artis yang dikaji. Pembaharuan yang berlaku, membuktikan bahawa bidang seni cetak telah berkembang dan tidak jumud dalam arena seni rupa semasa.

6.1.3 Pelangkauan Disiplin Tradisi Seni Cetak

Dapatan daripada persoalan kajian yang ke-tiga berkaitan pengkaryaan iaitu;

- Bagaimanakah tindakan pelangkauan batas disiplin konvensional seni cetak menyumbang kepada konsep baru karya seni cetak kontemporari Malaysia?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan daripada persoalan ini disimpulkan sebagai ‘pelangkauan disiplin tradisi seni cetak’. Tindakan pelangkauan disiplin seni cetak berlaku sebagai media campuran, hibrid visual dan silang disiplin yang dapat dikesan daripada karya-karya lima artis yang dikaji.

6.1.3.1 Media Campuran

Seni cetak sebagaimana yang telah dibincangkan dalam Bab 2 adalah merangkumi proses yang melibatkan bahan dan teknik atau kaedah tertentu. Dapatan daripada kajian ini menyimpulkan bagaimana proses seni cetak digunakan atau digabungkan bersama media daripada disiplin lain. Kesimpulan yang dapat dirumuskan adalah seperti berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. **Seni cetak digunakan bersama dengan media seni halus yang lain.** Semua karya yang dikaji mengabungkan bersama sekurang-kurangnya satu bahan daripada catan. Bahan akrilik dan kanvas adalah paling popular digunakan bersama dengan seni cetak seperti cetakan skrin, cetak timbul dan kolagraf. Selain itu, bahan bitumen, *graphite*, pencair cat, cat minyak, dan cat air kerap digunakan oleh Kim Ng bersama pelbagai kaedah cetakan. Bahan resin dan gentian kaca pula digabungkan bersama oleh Zulkifli dengan kaedah dan konsep cetakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. **Seni cetak digunakan bersama dengan media umum.** Bahan tanah, plastik, kertas akhbar dan poster klasik, plastik sinar-x, mangkuk jernih adalah antara bahan bukan kebiasan dalam seni halus.

6.1.3.2 Hibrid Visual

Bagaimana pembauran dan penyatuan media, teknik, pendekatan, konsep cetakan dengan media dan teknik disiplin lain disimpulkan seperti berikut;

i. **Seni cetak bertindan dan berlapis mewujudkan hibrid visual.** Kesan legap dan separa lutsinar cetakan skrin berbaur dengan bahan seperti dakwat, akrilik, cetakan poster, secara bertindan dan berlapis serta berulang. Ia mewujudkan pelbagai kesan baru yang sukar dijangka seperti berlaku dalam karya siri "Icon", siri "Tunku 57@57", siri "Fact or Fiction" dan siri "Code:My".

ii. **Seni cetak bertindan dan berlapis mewujudkan hibrid ilusi.** Pandangan fizikal berlapis dan berulang mewujudkan kesan ilusi tiga-dimensi yang *ambiguous* seperti dalam siri "Iced Donut", siri "Tun Razak Speech Series: The Green Book", siri "HELL-MET" dan siri "Link".

iii. **Penyatuan konsep cetakan mewujudkan hibrid fikiran**. Konsep matrik cetakan siri "Okir" dilihat sebagai konsep arca yang bersatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan konsep kraf ukiran. Manakala konsep acuan tanah dilihat sebagai pembauran nostalgia permainan silam dengan konsep edisi cetakan yang berlaku dalam karya “Untitled”.

6.1.3.3 Silang Disiplin

Disiplin seni cetak didapati bersilang atau bertembung dengan disiplin catan, lukisan, arca, komersial dan juga fungsi alatan domenstik. Berlaku pengolahan baru terhadap cetakan tradisi seperti berikut;

i. **Pengolahan baru konsep asas cetakan;**
   - konsep matrik sebagai karya (siri “Okir”)
   - konsep matrik sebagai acuan (karya “Untitled”, siri “Icon”)
   - konsep pengulangan sebagai edisi (karya “Untitled”, siri “Iced Donut”)
   - konsep pindahan imej sebagai bayang (karya “Untitled”)
   - konsep bahan perantara- tanah dan dakwat embos (karya “Untitled”, siri “Icon”)


ii. **Penjenamaan istilah baru berdasarkan seni cetak kontemporari barat;**
   - Cetakan Kolaj (siri “Tun Razak Speech Series: The Green Book”, siri “Icon”)
   - Cetakan Dimensional (siri “Okir” dan “Untitled”)
   - Cetakan Instalasi (karya “Untitled”, siri “Tun Razak Speech Series: The Green Book”, siri “HELL-MET”, karya “Links”, siri “Iced Donut”)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Cetakan Hibrid (siri “Icon”, siri “Tunku57@57”, siri “Fact and Fiction”, siri “Code:My”)

Kesimpulan daripada perbincangan dapatan kajian, penyelidik dapat mengemukakan sebuah model lanjutan daripada pemahaman hubungan Kesatuan Organik dan pengkaryaan karya-karya berasaskan seni cetak oleh artis-artis yang dikaji. Rajah 6.1 menunjukkan hubungan Kesatuan Organik (subjek-bentuk-makna) yang bertindak berdasarkan faktor motivasi, eksplorasi, artistik dan trend semasa, membentuk kreativiti dan inovasi menerusi pengembangan dan penyatuan konsep seni cetak yang menghasilkan karya berasaskan seni cetak yang unik.



Rajah 6.1. Model Pengkaryaan dan Kecemerlangan: lanjutan hasil pemahaman hubungan Kesatuan Organik dan pengkaryaan karya-karya seni cetak unik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.1.4 Sumbangan dan Implikasi Penyelidikan

Seni cetak, dapat dibuktikan adalah salah satu cabang seni halus yang memerlukan pengetahuan dan latihan. Semua artis-artis yang dikaji mendapat pendidikan formal dalam bidang seni visual. Walaupun Stephen Menon berpendidikan seni grafik dan mempunyai pengalaman kerjaya sebagai ilustrator yang berhubung dengan seni percetakan komersial, beliau gigih mempelajari dan menguasai percetakan seni halus. Zulkifli Yusoff pula berlatarbelakangkan pengkhususan seni arca. Pengetahuan asas seni cetak telah berjaya beliau kembangkan dan disepadukan dengan kemahiran disiplin seni arca, lukisan dan catan.

Walaupun aplikasi seni cetak sebagai karya kontemporari lebih bebas dan tidak terikat dengan proses serta disiplin yang ketat, pengetahuan dan latihan asas seni cetak konvensional masih diperlukan kerana seni cetak masih bertitik tolak kepada asas seni cetak itu sendiri walaupun membawa pendekatan konsepsual. Hal ini benar seperti yang dinyatakan oleh Noyce (2010), Tala (2009) dan Bonnel (2008) bahawa artis kontemporari mengembangkan asas tradisi seni cetak kepada bentuk kreatif tiga dimensi atau secara instalasi. Tambahan pula pengetahuan yang bersifat menyelidik juga diperlukan untuk mengubah dan melonjakkan asas seni cetak kepada suatu bentuk baru untuk pernyataan makna yang lebih berkesan seperti yang dihasilkan oleh semua artis kajian dalam penyelidikan ini.

Implikasi kajian menunjukkan bahawa disiplin seni cetak di Malaysia, tidak terpinggir malahan ia menjadi ekslusif. Ia masih signifikan dalam arus seni

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kontemporari. Dalam dunia seni kontemporari, ia menjadi ekslusif kerana artis dan karya mereka secara seiring menjadi hebat. Hal ini benar seperti kenyataan oleh Berger & Berger (2012) dan Philips & Robb (2004) bahawa karya yang mempunyai kesan seni cetak yang unik membuktikan kehebatan artis yang menghasilkannya.

Aplikasinya seiring dengan pengetahuan, kreativiti, inovasi, eksplorasi dan dorongan motivasi untuk menjadi bentuk baru yang lebih menjelaskan makna karya. Seni cetak berkembang samada bergabung, berbaur atau bersilang dengan disiplin lain, menonjolkan kehebatan yang membawa pengiktirafan kepada seseorang artis itu. Perkara ini adalah sumbangan utama penyelidikan yang merupakan pengetahuan baru dalam bidang seni cetak di Malaysia. Karya-karya yang mengaplikasikan media dan teknik seni cetak adalah unik kerana kelainan serta berbeza daripada seni cetak konvensional dan seni rupa yang lain.

Selain terdapat keunikan tersendiri dan mengikut trend semasa, kajian ini juga membuktikan bahawa bidang seni cetak masa kini, tidak lagi terikat sebagaimana seni cetak tradisi. Untuk berkembang maju, semua karya yang dikaji tidak lagi mengikut tatacara penghasilan seni cetak konvensional. Media dan teknik seni cetak menjadi terbuka untuk dikembangkan dan bersatu dengan media dan teknk lain untuk menjadi kreatif dan bersifat inovasi. Keadaan ini membuktikan kelebihan media dan teknik seni cetak dapat diaplikasikan oleh semua artis dengan yakin yang menyumbang kepada lebih ramai artis yang berasaskan seni cetak di tanahair.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelebihan seni cetak yang bergabung dengan media dan teknik lain dalam membentuk karya baru yang unik telah berjaya didedahkan. Keunikan yang menjadi ‘rahsia’ aplikasinya, kini dapat diperluaskan menjadi model contoh dalam pembelajaran seni rupa di kalangan pelajar dan masyarakat seni secara umum. Kefahaman yang jelas terhadap hubungan Kesatuan Organik dan pengkaryaan seni cetak masa kini, berkepentingan dalam perkembangan seni rupa kontemporari di Malaysia adalah antara sumbangan kepada pengetahuan baru dalam penyelidikan ini.

Dalam pengkaryaan masa kini, aplikasi seni cetak penting sebagai salah satu gaya artistik dan eksplorasi serta motivasi personal untuk kepuasan diri. Majoriti artis melabelkan diri mereka sebagai artis multi-disiplin, hanya bertujuan untuk memposisikan diri mereka dalam dunia seni kontemporari dan untuk mengikuti trend semasa. Perkara ini bagi mengelak daripada terus tersepit dalam kongkongan seni cetak konvensional yang kelihatan jumud dan tradisional. Secara tidak langsung, ‘nama’ seni cetak turut berkembang kepada ‘penjenamaan’ baru dalam arus seni rupa kontemporari.

Karya-karya yang dikaji terbukti unik, berkembang dan bersatu menerusi konsep-konsep baru seni cetak. Walaupun mempunyai persamaan dengan definisi dan istilah seni cetak kontemporari barat, istilah ‘Seni Cetak Unik’ merangkumi kesemua istilah tersebut. Penjenamaan baru ini juga merupakan sumbangan kepada pengetahuan baru hasil daripada penyelidikan terhadap bidang seni cetak di Malaysia. Istilah ini seharusnya digunapakai dengan yakin oleh masyarakat seni tanahair kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

karya-karya berasaskan seni cetak negara yang dikaji, ternyata setanding dengan seni cetak di barat masa kini.

Kesimpulan daripada implikasi penyelidikan yang berjaya menjelaskan beberapa perkara telah menyumbang kepada ilmu pengetahuan baru seperti berikut;

i. **Disiplin seni cetak masih signifikan** dalam perhubungan bentuk dan makna karya seni kontemporari. Pengukuhan hubungan Kesatuan Organik karya berasaskan seni cetak mencadangkan model yang berkembang. Rajah 6.2 mengemukakan sebuah model pengkaryaan seni cetak kontemporari berdasarkan kefahaman bahawa proses berkarya melibatkan media dan teknik seni cetak yang berkembang untuk kepentingan makna dan subjek bagi membentuk karya seni cetak yang unik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 6.2. Model Pengkaryaan Seni Cetak Kontemporari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. **Aplikasi seni cetak menghasilkan karya yang unik** dan membentuk golongan artis yang terkenal dan seiring dengan arus seni rupa kontemporari. Pendedahan terhadap kaedah pengkaryaan artis-artis yang dikaji boleh menjadi model contoh kepada masyarakat seni.

iii. **Bidang seni cetak berkembang dan bersatu** dalam arena seni rupa kontemporari di Malaysia. Penjelasan terhadap konsep-konsep seni cetak yang menjadikan bentuk baru sebuah karya unik akan mengekalkan kedudukan bidang seni cetak daripada terpinggir.

iv. **Penjenamaan baru istilah seni cetak kontemporari Malaysia** kepada Seni Cetak Unik berdasarkan istilah-istilah Seni Cetak Dimensional, Seni Cetak Kolaj, Seni Cetak Instalasi dan Seni Cetak Hibrid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali, penyelidikan ini telah membuka ruang kepada kajian yang lebih menyeluruh berserta penulisan yang lebih terbuka, yakin dan berani dalam bidang seni cetak kontemporari di Malaysia. Manfaatnya bukan hanya untuk apresiasi kepada golongan artis dan karya-karya mereka, juga kepada pembentukan masyarakat tanahair yang celik seni dalam bersama membangunkan budaya bangsa negara.

6.2 Saranan Penyelidikan Akan Datang

Kajian kualitatif secara fitrahnya hanya melibatkan partisipan yang kecil bagi membolehkan penyelidikan mendalam dijalankan. Ia tidak berupaya melibatkan ramai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

artis Malaysia. Artis seperti Raduan Man, Jamil Mat Isa, Faizal Suhif, Calvin Chap, Shahibis Pandi dan Hafiz Shahimi adalah antara artis yang digugurkan sebagai partisipan akhir kerana objektif kajian telah mencapai sasaran. Penyelidikan daripada sudut pandangan lain daripada kajian ini adalah sangat disarankan kerana karya-karya mereka telah dipastikan tergolong sebagai karya seni cetak kontemporari.

Aplikasi teknologi komputer, fotografi, video dengan elemen seperti animasi, bunyi dan cahaya adalah berpotensi dikaitkan sebagai karya seni cetak jika dikaji berdasarkan konsep baru elemen seni cetak seperti konsep pemindahan imej sebagai imej bayang dengan penggunaan medium cahaya yang diutarakan oleh Juhari Said menerusi siri 'Go Block' bertajuk "Untittled" (2009). Artis seperti Hariz Abadi, Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani dan Muhammad Khizal Saat misalnya adalah antara artis yang aktif meneroka kaedah dan teknik terkini yang telah dikesan boleh dihubungkaitkan dengan konsep baru seni cetak di mana, satu kajian terperinci dan mendalam terhadap mereka amat diperlukan.

Semasa meneliti katalog-katalog pameran seni rupa di antara tahun 2000 hingga 2018, didapati ramai artis muda seperti Akhmal Asyraf, Liu Cheng Hua, Najib Ahmad Bamadhaj, Hirzaq Harris, Khairul Zikri Abdullah, Mohd Shahril Mohd Nawawi, Alicecia Tan, Mohd Arshad Fawazie, Tetriana Ahmad Fauzi, Mohana Kumara Velu dan Amar Shahid kerap mengaplikasikan media dan teknik seni cetak dengan pendekatan yang baru dalam karya-karya mereka. Artis-artis muda ini yang aktif mencipta nama dengan identiti artistik mereka yang tersendiri, memerlukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sokongan daripada golongan sarjana untuk menilai dan mengkaji aktiviti seni mereka dalam satu bentuk kajian ilmiah.

Terdapat ramai artis-artis senior lain yang kerap mengaplikasikan media dan teknik cetakan dalam karya kontemporari mereka seperti Ahmad Sukri Mohamad, Azrin Mohd, Umi Baizurah, Suhaimi Fadzil dan Amir Zainorin, sekadar menyebut beberapa nama yang telah dikenalpasti. Kajian lanjut dengan pendekatan kuantitatif dan kualitatif bagi menyiasat sejauhmana artis-artis Malaysia yang berbeza latarbelakang, pegangan dan fikiran, menyarankan idea mereka menerusi media dan teknik seni cetak. Kajian lanjut juga boleh dijalankan bagi meneroka bentuk baru yang tercipta dengan penggunaan media dan teknik seni cetak adalah sangat disarankan bagi mengembangkan ilmu pengetahuan dalam dunia yang semakin kompleks dengan kepelbagaian dan kemungkinan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3 Rumusan dan Penutup

